

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH

PADA 16 HINGGA 19 APRIL 2001
BERSAMAAN
22 HINGGA 25 MUHARAM, 1422

DIKELUARKAN OLEH:

Pejabat Dewan Undangan Negeri,
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

Dicetak oleh:

PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel: 09-6664611 & 6664652 Fax: 09-6662611

P E R S I D A N G A N
PADA HARI ISNIN, 16 APRIL 2001

Hari Isnin,
16 April 2001

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa [Muka 5]
3. Titah Ucapan Di Raja [Muka 5]

[Bersambung]

16 APRIL 2001

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 10.15 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURAU

16 APRIL 2001

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satitul Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

16 APRIL 2001

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG-

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

16 APRIL 2001

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHIA KERAJAAN
Dato' Seneca Muda (Dato' Haji Mazlan *or* Mohd Nanri bin Hashim).
DPMT, ASM, KMN, PJC, PJK, BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee.
DPMT, ASM, PJC, PJK, BLB.

SETIAUSAHIA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK

16 APRIL 2001

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT TUAN YANG DIPERTUA DEWAN KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSILAKAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI TERENGGANU BERANGKAT KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

TITAH UCAPAN DI RAJA

Bismillahirrahmannirrahim. Wabihi Nastain.
Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat
Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, dan

Yang Berhormat
Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan perkenan-Nya dapat Beta dan Permaisuri menghadiri Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh pada pagi ini.

Beta juga bersyukur dan merasa gembira kerana usaha pada masa kini di Negeri Terengganu Darul Iman tetap aman dan damai. Tidak ada peristiwa-peristiwa besar yang berlaku yang mengeruhkan suasana kehidupan harmoni semua kaum di negeri ini. Perpaduan di antara kaum adalah mantap. Setiap orang dapat menjalankan aktiviti hidup harian dengan suasana aman dan mesra. Suasana sebegini perlu dikekalkan. Perselisihan fahaman, jika ada, hendaklah diselesaikan dengan penuh berhemah dan beradab.

Beta sedar bahawa Kerajaan Negeri sedang melalui masa-masa yang sukar memandangkan pendapatan yang diterima oleh Kerajaan Negeri tidak seperti yang dirancangan. Namun begitu, Beta yakin berkat kesabaran dan dengan pertolongan Allah Subhanahu Wataala, pentadbiran pembangunan negeri dapat berjalan seperti biasa. Beta berharap di dalam keadaan apapun, kesejahteraan, keselesaan hidup rakyat mesti diberi keutamaan. Pembangunan ekonomi dan pembangunan insan mesti diteruskan. Tema pembangunan negeri, iaitu **Membangun Menurut Islam** amat sesuai dengan negeri Terengganu yang diberi nama Darul Iman. Islam dan iman adalah sumber kekuatan yang mampu mengangkat martabat ummah di negeri ini. Usaha-usaha ke arah pemantapan iman, ilmu dan amal di dalam semua aspek aktiviti kehidupan hendaklah diberi

perhatian yang serius. Tema ini sentiasa mengambilkira soal dosa dan pahala di dalam merancang dan melaksanakan pembangunan di negeri ini. Kebajikan rakyat mesti diambilkira di dalam setiap kegiatan yang dilakukan. Selubungan dengan ini, semua harus sedar bahawa apa-apa yang dibuat di dunia ini akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Pendidikan terus menjadi salah satu agenda pembangunan yang ditekankan oleh Kerajaan Negeri. Beta bersetuju dengan tindakan ini kerana ilmu pengetahuanlah yang akan menerajui kemajuan duniawi dan ukhrawi sesebuah masyarakat itu. Selaras dengan matlamat pembangunan insan, program-program pendidikan keagamaan berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah hendaklah diperluaskan lagi ke seluruh pelusuk negeri. Kumpulan sasaran bukan sahaja kepada pelajar-pelajar pra-persekolahan dan institusi pengajian tinggi tetapi juga kepada seluruh masyarakat Islam di Terengganu. Dengan keberkesanan program-program sebegini, Beta percaya rakyat Terengganu akan mempunyai ciri-ciri keperibadian Islam yang syumul. InsyaAllah. Bagi pendidikan konvensional pula, Beta mahu semua jabatan dan agensi yang bertanggungjawab dalam bidang ini meningkatkan lagi tahap kecemerlangan. Pada keseluruhannya prestasi pelajar-pelajar telah meningkat dan ini terbukti dengan keputusan-keputusan cemerlang dalam peperiksaan-peperiksaan saban tahun. Akan tetapi terdapat juga subjek-subjek yang perlu diberi perhatian sewajarnya seperti Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Beta percaya Kerajaan Negeri akan dapat mengatasi cabaran-cabaran susutnya daripada kemelut kewangan yang dialami. Insya Allah dengan kecekalan setiap lapisan rakyat semua rintangan akan dapat dihartungi dengan berjaya. Beta berharap Kerajaan Negeri terus memastikan peruntukan belanjawan di optimumkan perbelanjaannya supaya dapat dimanfaatkan oleh setiap sektor di negeri ini. Beta difahamkan Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah untuk menambahkan sumber kewangan negeri. Setiap rakyat yang beragama Islam dan mampu untuk membayar zakat supaya hendaklah berbuat demikian demi kepentingan negeri dan ummah seluruhnya. Beta mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya menambah kutipan zakat berbanding sebelum ini.

Beta dimaklumkan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia sedang menyediakan Pelan Tindakan Ekonomi Rakyat Terengganu sebagai mekanisme untuk melaksana dan memantau program-program membasmi kemiskinan di negeri Terengganu. Beta berharap Pelan ini akan menggariskan strategi-strategi yang lengkap dan sempurna supaya kadar kemiskinan mutlak negeri Terengganu akan menurun pada setiap tahun insya Allah. Beta percaya Kerajaan Negeri tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya menangani gejala sosial ini dalam menuju matlamat pembangunan negeri. Sektor swasta dan badan-badan bukan Kerajaan juga boleh memainkan peranan yang lebih bermakna untuk membasmi gejala kemiskinan.

Beta gembira Kerajaan Negeri telah menggubal satu dasar khusus bagi memudahkan rakyat untuk memiliki rumah kediaman. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, negeri Terengganu memerlukan sekurang-kurangnya 32,000 unit rumah termasuk rumah gantian. Daripada jumlah ini 35% adalah permintaan untuk rumah-rumah kos rendah yang dikhususkan kepada golongan berpendapatan rendah. Tetapi dengan peruntukan kewangan yang terhad kaedah-kaedah lain perlu dikenalpasti bagi melaksanakan projek-projek perumahan ini. Kaedah penswastaaan yang sedang dijalankan pada masakini adalah satu mekanisme yang berkesan dan menguntungkan sektor swasta, pembeli-pembeli rumah dan Kerajaan Negeri. Dari tahun 2001 hingga 2005, disasarkan 2,250 unit rumah kos rendah akan dibina oleh Kerajaan Negeri melalui kaedah penswastaaan dengan kos sebanyak RM67.5 juta. Walaupun begitu, Beta perhatikan jumlah yang ditawarkan ini masih belum

mencukupi berbanding dengan permintaan perumahan. Beta menyaran supaya sektor swasta meningkatkan lagi penyertaan dalam projek-projek perumahan di seluruh negeri. Matlamat ini boleh dicapai melalui kerjasama yang erat di antara Kerajaan Negeri dengan pemaju-pemaju perumahan swasta.

Beta dimaklumkan kadar pertumbuhan ekonomi negeri pada tahun lepas ialah sebanyak 2.2%. Kadar ini sederhana memandangkan perbelanjaan awam yang berkurangan dengan drastiknya. Walaupun begitu aktiviti-aktiviti dalam negeri masih lagi menunjukkan kepada *trend* pengembangan. Beta yakin Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah bersepadu untuk merangsang ekonomi melalui pelaburan swasta terutama dalam sektor perkhidmatan. Di samping itu sektor-sektor lain seperti perkilangan, pertanian, pembinaan dan perlombongan dijangka akan terus meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar untuk tahun-tahun berikutnya. Sektor perkhidmatan pula dijangka akan terus berkembang dengan pesatnya melalui rangsangan industri pelancongan dan industri perdagangan. Secara makro, ekonomi negeri Terengganu pada tahun 2000 masih lagi bertahan dan Insya Allah akan kembali cergas pada tahun semasa.

Program-program pembangunan ekonomi negeri Terengganu sedang berjalan dengan rancaknya. Penstrukturan ekonomi negeri telah berjaya diubah dengan penumpuan kepada sektor perkhidmatan dan perkilangan berbanding dengan sektor pertanian dan perlombongan sebelum ini. Pembangunan industri adalah strategi utama yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi negeri. Walaupun mengalami pengurangan pendapatan, Beta yakin Kerajaan Negeri akan menyesuaikan peruntukan yang sedia ada dengan pelaksanaan projek-projek membangunkan industri mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Penswastaan kawasan-kawasan industri telah meringankan beban kerajaan negeri. Program ini telah berjaya menarik pelaburan dengan lebih efektif.

Pada tahun lepas jumlah pelaburan langsung ke negeri Terengganu ialah sebanyak RM220 juta. Kesemua pelaburan ini adalah daripada sektor industri kecil dan sederhana iaitu industri yang diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri pada masakini. Walaupun jumlah ini kecil tetapi peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan ialah sebanyak 3,900. Tambahan pula usahawan-usahawan tempatan dapat juga menerima manfaat daripada industri ini. Beta sedia maklum Kerajaan Negeri sedang menyediakan Pelan Induk Perindustrian Negeri Terengganu yang menguruskan pembangunan industri dengan lebih berkesan dan kos efektif. Beta yakin Pelan ini akan memastikan prestasi ekonomi negeri Terengganu akan lebih kukuh dengan peningkatan sumbangan daripada sektor perkilangan dan perkhidmatan. Beta dimaklumkan juga Kerajaan Negeri telah membuat pengagihan penumpuan industri kepada daerah-daerah berasaskan kelebihan perbandingan dalam industri-industri tertentu. Dengan cara ini setiap daerah akan berpeluang untuk meluaskan potensi aktiviti-aktiviti ekonomi masing-masing dan sekaligus meningkatkan pendapatan rakyat dan jua kualiti kehidupan.

Beta menyarankan supaya Kerajaan Negeri terus memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia oleh kerana ia adalah satu aspek penting dalam memajukan rakyat negeri. Langkah ini juga adalah sebagai penyediaan untuk memastikan penawaran tenaga kerja bersepaduan dengan permintaan kerja. Pada tahun 2000, kadar pengangguran negeri Terengganu berada pada tahap 4.5%. Dengan demikian, negeri Terengganu masih lagi mempunyai gunatenaga yang berlebihan untuk diserapkan ke dalam pasaran kerja. Industri-industri yang memerlukan gunatenaga yang begitu banyak masih lagi boleh diwujudkan di negeri ini. Pada masa kini terdapat 17 buah institusi latihan kemahiran di negeri Terengganu dengan jumlah pelajar yang dapat dilatih

dalam satu masa seramai 4,000 orang. Jumlah ini masih belum mencukupi kerana lepasan persekolahan tahunan melebihi 11,000 orang. Oleh yang demikian Beta berharap Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan sama ada untuk menambalkan institusi-institusi latihan ataupun meningkatkan penempatan pelajar-pelajar. *Trend* seterusnya memerlukan penekanan kepada institusi-institusi latihan yang berorientasikan kemahiran sains dan teknologi termasuk teknologi maklumat dan komunikasi. Seiring dengan perkembangan pesat *k-economy* kelak, Beta menadang kursus-kursus yang ditawarkan diselaraskan dengan permintaan-permintaan dalam pasaran kerja *k-economy*. Semua tindakan yang diambil ini akan memberi peluang kepada tenaga kerja di negeri ini bagi meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan.

Beta berharap pembinaan projek infrastruktur seperti longkang dan parit besar di kawasan-kawasan bandar dapat diteruskan bagi mengatasi banjir kilat. Paip-paip air yang telah lama usianya perlu diganti dengan paip-paip baru. Dua projek infrastruktur besar yang belum dilaksanakan ialah Lebuhraya Pantai Timur daripada Kuantan ke Kuala Terengganu dan pembesaran Lapangan terbang Sultan Mahmud. Beta berharap semua pihak yang terlibat mengambil tindakan sewajarnya dan secepat mungkin bagi melaksanakan projek ini. Beta menyarankan juga supaya Lebuhraya ini dapat disambung terus ke sempadan Terengganu-Kelantan. Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud juga perlu disejajarkan. Beta berharap Kerajaan Negeri meneruskan rundingan dengan pihak-pihak yang terbabit supaya projek ini dapat direalisasikan. Dalam pada itu, Beta yakin projek pembinaan laluan kereta api Kerteh-Kemaman Gebeng akan memusatkan lagi perkembangan industri petro-kimia di kawasan selatan negeri ini. Satu lagi projek prasarana yang penting ialah yang berkaitan dengan pantai laut dan muara sungai. Negeri Terengganu mempunyai pantai terpanjang di Malaysia iaitu lebih kurang 244 km. Hakisan pantai dan pemendapan muaramuara sungai berlaku setiap kali datangnya musim tengkujuh. Beta yakin perancangan untuk memperbaiki keadaan ini sudah dibuat. Walaubagaimana pun masalah hakisan dan pemendapan di muara sungai Kuala Terengganu amat ketara pada masa kebelakangan ini dan perlu kepada tindakan segera.

Kedatangan pelancong ke negeri Terengganu telah bertambah dari tahun ke setahun. Usaha-usaha menarik pelancong-pelancong melawat ke negeri Terengganu perlu diteruskan. Sumbangan industri pelancongan kepada sektor perkhidmatan pada tahun lepas sebanyak RM343.4 juta telah menstabilkan sedikit kelembapan pertumbuhan ekonomi. Dalam mempromosikan negeri, aktiviti-aktiviti pelancongan yang digalakkan hendaklah serasi dengan nilai-nilai rakyat Terengganu. Sektor pelancongan haruslah menarik pelancong-pelancong asing dan tempatan dengan menampilkan alam sekitar yang terpelihara, lokasi-lokasi peranginan yang nyaman dan kepelbagaian produk kraftangan tempatan. Dalam ertikata lain, aktiviti-aktiviti pelancongan negeri Terengganu hendaklah diasaskan dengan elemen *edu-tourism*, *eco-tourism*, *leisure-tourism* dan *adventure-tourism*. Dengan usaha ini, Beta yakin pada tahun hadapan negeri Terengganu akan berjaya menarik lebih 2 juta kedatangan pelancong tempatan dan asing. Layanan mesra rakyat negeri, prasarana pelancongan yang sempurna dan harga-harga barangan serta penghapian yang berpatutan akan memastikan pelancong-pelancong sentiasa kembali ke negeri Terengganu. Beta yakin kerajaan dan rakyat negeri Terengganu akan bersama-sama menjayakan aktiviti-aktiviti pelancongan kerana pulangnya yang memberangsangkan.

Beta bersetuju dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memberi penekanan kepada sektor perdagangan bagi menjana aktiviti-aktiviti ekonomi di negeri Terengganu. Tindakan ini akan memastikan usaha-usaha untuk mempromosikan produk-produk dan khidmat-khidmat dari negeri Terengganu berjalan dengan teratur dan lancar. Pada akhir kurun ke sembilanbelas negeri

Terengganu pernah menjadi salah sebuah pusat perdagangan antarabangsa melalui aktiviti-aktiviti perdagangan antara usahawan-usahawan tempatan dengan pedagang-pedagang daripada negara-negara Arab dan negara China. Langkah Kerajaan Negeri untuk menumpukan kepada sektor ini amatlah wajar dan tepat. Pada tahun 2000 sektor perdagangan telah menyumbangkan RM325.8 juta kepada ekonomi negeri. InsyaAllah *trend* tahun-tahun berikut akan meningkat dengan lebih cemerlang. Pembinaan Pusat Dagangan Terengganu di Kuala Terengganu merupakan satu langkah yang menyokong usaha-usaha untuk menggalakkan sektor perdagangan. Untuk menyempumakan tindakan ini, Kerajaan Negeri telah menubuh satu entiti yang dinamakan *Terengganu Trading House*. Entiti ini bertanggungjawab untuk mempromosikan barangan keluaran negeri untuk ke pasaran antarabangsa. Selain daripada itu ia juga mewujudkan satu rangkaian perdagangan di seluruh pelusuk dunia yang akan memanfaatkan usahawan-usahawan sektor perdagangan. Beta yakin Kerajaan Negeri telah melaksanakan satu tindakan bijak menggalakkan perkembangan sektor perdagangan melalui penubuhan entiti tersebut.

Sektor pertanian yang merangkumi sub-sektor tanaman, perikanan dan ternakan harus juga diberi penumpuan oleh Kerajaan Negeri kerana ia memberi pekerjaan kepada 82,000 orang dinegeri ini. Untuk meningkatkan prestasi sub-sektor tanaman Beta menyaran Kerajaan Negeri memperbanyakkan taman-taman pengeluaran makanan. Sehingga kini terdapat tiga buah taman sahaja iaitu di Rhu Tapai, Setiu, Serating, Marang dan Pengkalan Kubur, Besut. Tindakan memperbanyakkan taman ini akan menambah pengeluaran hasil-hasil tanaman. Beta perhatikan masih terdapat banyak lagi tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan oleh pemilik-pemiliknnya. Satu tindakan khusus perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri supaya setiap hektar tanah di negeri ini dimanfaatkan sama ada oleh sektor pertanian atau sektor-sektor lain. Sub-sektor perikanan telah juga berkembang dengan pesatnya termasuk industri akuakultur yang mempunyai potensi untuk dimajukan terutama di Tasik Kenyir.

Beta difahamkan semakin ramai penduduk luar bandar berhijrah ke bandar untuk memperbaiki tahap ekonomi masing-masing. Penghijrahan ini akan memesatkan lagi pertambahan penduduk di bandar-bandar di negeri ini. Keadaan ini sememangnya telah dijangkakan kerana urbanisasi adalah merupakan salah satu daripada komponen proses memajukan negeri. Oleh yang demikian kerajaan tempatan perlulah bersedia untuk meningkatkan tahap perkhidmatan seiring dengan pertambahan penduduk. Warga-warga bandar pada masa kini mengharapkan perkhidmatan yang lebih efisien dan lestari. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan sosial seperti kesihatan, pengangkutan, riadah, pendidikan dan lain-lain lagi perlu juga dipertingkatkan. Beta yakin penguasa-penguasa tempatan dalam negeri ini akan terus memberi perkhidmatan yang maksimum kepada penduduk-penduduk bandar. Warga-warga bandar hendaklah menyokong usaha-usaha kerajaan tempatan meningkatkan tahap perkhidmatan dengan membayar segala cukai yang dikenakan dengan segera. Beta yakin keadaan semasa akan memastikan pengurusan peruntukan kewangan dengan lebih kos efektif dan berkesan untuk kepentingan semua warga kota. Dengan kerjasama yang rapat antara kerajaan tempatan dan seluruh warga bandar, Beta percaya kehidupan di bandar-bandar akan lebih sempurna dan selesa.

Ekonomi pengetahuan ataupun *k-economy* adalah merupakan halatuju perancangan bagi memajukan negara pada masa kini. Peralihan kepada *k-economy* daripada ekonomi industri memerlukan penyediaan rapi infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi. Keupayaan tenaga kerja dan rakyat keseluruhannya untuk menguasai kemudahan-kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi adalah pra-syarat untuk menyokong *k-economy* ini. Beta dimaklumkan Kerajaan Negeri sedang menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi untuk dimanfaatkan

16 APRIL 2001

oleh anggota perkhidmatan awam negeri. Langkah ini ialah tindakan awalan bagi memperkenalkan perkhidmatan awam negeri kepada alam maya atau *virtual world*. Program ini yang dikenali sebagai Terengganu Net akan berfungsi sebagai rangkaian menyeluruh yang menghubungkan pusat pentadbiran negeri kepada semua jabatan dan agensi kerajaan di daerah-daerah. Program ini juga adalah strategi induk *e-government* Kerajaan Negeri pada masa kini. Selain daripada itu, program celik komputer untuk masyarakat desa yang terbantu rancangannya kerana kemelut kewangan diharap dapat diteruskan dengan pembabitkan sektor swasta dan syarikat-syarikat milikan Kerajaan Negeri. Usaha seperti ini diharap dapat meningkatkan kadar celik komputer di negeri ini daripada 14.3% pada masa kini kepada 45% pada tahun 2005.

Beta berpuashati dengan prestasi perkhidmatan awam negeri. Anugerah kualiti yang diterima setiap tahun oleh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri sebelum ini adalah merupakan pengiktirafan tinggi kepada kecemerlangan perkhidmatan pegawai dan kakitangan negeri. Anugerah-anugerah ini membuktikan yang perkhidmatan awam negeri *consistent* dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan secara berkualiti dan berinovatif pada setiap tahun. Pada masa kini, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat terakhir pengesahan Persijilan MISO 9000. Nilai-nilai baik di dalam pentadbiran seperti, cekap, amanah, bertanggungjawab, jujur, telus dan seumpamanya hendaklah dipertahankan.

Beta juga tertarik dengan suraman Kerajaan Negeri kepada semua pegawai dan kakitangan awam untuk menjadikan *Surat Rasmi Saidina Ali radhiallahu anhum Kepada Gabenor Mesir, Al-Malik Ashkar* sebagai rujukan dalam menjalankan tugas-tugas harian. Kandungan surat ini merangkumi tindakan-tindakan dalam semua aspek pentadbiran. Langkah ini akan memantapkan lagi kecemerlangan pengurusan pentadbiran Kerajaan Negeri. Beta percaya anggota perkhidmatan awam negeri akan terus memainkan peranan penting dalam merealisasikan agenda pembangunan negeri, insya Allah..

Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada rakyat dan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Menteri Besar, Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang. Beta yakin Kerajaan Negeri akan terus melipatgandakan usaha bagi memajukan rakyat melalui program-program pembangunan insan dan projek-projek pembangunan ekonomi demi kepentingan agama, ummah dan negeri.

Dengan iltizam dan kerjasama seluruh lapisan masyarakat, Beta yakin segala permasalahan akan dapat diatasi. Beta berharap cita-cita untuk menjadi negeri Terengganu Darul Iman sebagai negeri baik yang sentiasa berada di bawah pengampunan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala akan tercapai, insya Allah. Semoga usaha-usaha murni ini akan mendapat keredhaan-Nya. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang, Beta merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh.

Selamat Bersidang. Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DULU YANG MAHA MULIA TUANKU AL-SULTAN DAN DULU
YANG MAHA MULIA PERMAISURI TERENGGANU BERANGKAT
DARI MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

16 APRIL 2001

YANG BERHORMAT TUAN YANG DIPERTUA MASUK SEMULA
KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan persidangan Dewan sehingga kepada hari esok, 17 April tahun 2001, jam 9.30 pagi.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI.

**PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 17 APRIL 2001**

Hari Selasa,
17 April 2001

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 12]
 2. Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua [Muka 16]
 3. Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan [Muka 19]
 4. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - (a) Soalan-soalan Bertulis [Muka 21]
 - (b) Soalan-soalan Lisan [Muka 22]
 5. Usul Yang Telah Diberi Notis:
*Usul Menjunjung Kasih Atas Titah
Ucapan Di Raja* [Muka 40]
- [Bersambung]

17 APRIL 2001

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

17 APRIL 2001

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satifal Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shahrizukinain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESUT

Yang Berhormat Encik Rozali bin Mahamud
WAKIL PERMAISURI

17 APRIL 2001

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,P.JN.,JSM.,P.JC.,PPN.,P.JK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,P.JK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

17 APRIL 2001

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan *or* Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.ASM.KMN.PJC.PJK.BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Y M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.ASM.PJC.PJK.BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda. PJK.

17 APRIL 2001

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Marilahlah sama-sama kita memulakan persidangan dengan membaca umul Quran – Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahi rahmani rahhim.

الحمد لله الذي ارسل رسوله بالهدى ودين الحق، ليظهره على الدين كله ولو كره المشركون.
اشهدان لا اله الا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير،
واشهد ان محمدا عبده ورسوله المبعوث رحمة للعالمين. اللهم صل وسلم وبارك على
نبيك المصطفى وعلى آله وصحبه والتابعين لهم باحسان الى يوم الدين. اما بعد.

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato' dan Pegawai-pegawai Kerajaan, tuan-tuan, puan-puan hadirin yang dihormati dan dikasihi sekalian. Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah Rabuljali di atas nikmati kurniaan-Nya kepada kita semua sehingga kita masih dapat meneruskan dan mampu menjalankan sebahagian daripada amanah dan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan ke atas kita.

Sidang Dewan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kesepuluh pada hari ini amat bertuah dan ceria oleh dua faktor. Pertama dimulakan dengan titah perasmian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibn Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Terengganu dan jajahan takluknya. Kedua, sidang kali ini berlangsung dalam keadaan umat Islam menyambut tahun 1422 Hijrah. Sudah 22 tahun abad ke-15 Hijrah yang diisytiharkan oleh umat Islam sebagai abad kebangkitan semula Islam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bersempena dengan kedatangan tahun baru Hijrah marilah kita menyingkap dan mempelajari apa-apa jua kecemerlangan dan kegemilangan yang dicapai oleh umat Islam hasil daripada cetusan Hijrah ini. Hijrah yang menjadi titik tolak kepada pengembalian

17 APRIL 2001

semula kemanusiaan manusia dan mewujudkan satu umat yang berpadu dan cemerlang yang di-syitihar dan diakui sendiri oleh Allah Azzawajalla sebagai:

كنتم خيرا ما اخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتو، منون بانه.

Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia dalam keadaan kamu menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran, dan kamu terus beriman kepada Allah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

خيركم قرني.

Sebaik-baik kamu adalah generasi di abad aku.

Sebelum Hijrah umat manusia berpecah, bertelingkah, bermusuhi. Mereka tidak dapat bersatu meskipun wujud berbagai asas yang boleh dianggap sebagai pendorong dan pemacu kepada perpaduan. Bahasa, kebudayaan, latar belakang sejarah dan kepentingan bersama yang selama ini dianggap oleh sains sosial jahiliah sebagai asas untuk mewujudkan ummah dan menyatukan mereka tetap tidak mampu dan ternyata gagal untuk kesekian lama. Tetapi Islam yang didatangkan yang telah didatangkan bersama Hijrah telah berjaya memandukan mereka menjadi ummah. Bukan bangsa dan puak tetapi ummah yang bersedia menegakkan kebenaran dan mengingkari kemungkaran. Resipinya ialah al-Quran:

ان هذا القرآن يهدي للذي هي اقوم

Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke arah yang lebih betul.

Umat yang dibentuk oleh Hijrah adalah umat yang sedia menerima fakta dan tunduk kepada kebenaran. Semasa mereka bermesyuarat, bersidang di *Ataqifah Bani Saedah* untuk memilih seorang khalifah pemimpin bagi menggantikan Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan baginda. Orang-orang Ansar berpendapat bahawa merekalah yang sepatutnya dipilih menjadi khalifah kerana Islam terpegak di bumi mereka dan menerusi dukungan mereka. Manakala orang-orang Muhajirin pula berpendapat merekalah yang sepatutnya menjadi khalifah kerana merekalah orang yang diberi kemuliaan oleh Allah s.w.t. sebagai golongan pertama menerima Islam malah tersebarlah Islam itu sendiri hasil daripada pengorbanan mereka. Dalam simpang siul pendapat dan pandangan inilah Abu Bakar Al-Siddiq r.a. membawa fakta dan kebenaran yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.:

الأئمة من قریش

Kepimpinan hendaklah daripada kalangan Quraisy. Seluruh sahabat kanan dan semua ada Ansar mahupun Muhajirin yang bersidang akur dengan fakta dan kebenaran tersebut.

17 APRIL 2001

Suatu contoh lain yang berlaku kepada Rasulillahi s.a.w. sendiri sebagai Ketua Negara dan Ketua Pemerintah Angkatan Tentera Islam dalam peperangan Badar. Baginda s.a.w. telah memilih suatu kawasan sebagai markas operasi dan pertahanan tetapi baginda telah ditanya oleh Al-Habab ibni Munzir r.a. Ya Rasulullah:

آرأيت هذا المنزل. امنزلا انزلكه الله ليس لنا ان نتقدمه ولا نتأخر عنه أم هو الرأي والحرب
والمكيدة قال : بل هو الرأي والحرب والمكيدة. فقال : يا رسول الله فانها ليس بمنزل ...

Wahai Rasulullah, apa pandangan Rasulullah tentang kawasan ini. Apakah ianya kawasan yang diwahyukan kepada Rasulullah yang kita tidak boleh ubah dan pinda? Atau ianya semata-mata pendapat dan strategi peperangan? Rasulullah s.a.w. bersabda: Malah ianya satu pendapat dan stragegi peperangan. Lalu Al-Habab berkata: Wahai Rasulullah, ini bukan suatu tempat yang strategik. Pandangan Habab itu diberi pujian dan sanjutan oleh baginda Rasulillahi s.a.w. lalu baginda memindahkan pasukan tentera Badar ke tempat yang dicadangkan oleh beliau.

Itulah semangat Hijrah, itulah gambaran dan manifesti kepada umat terbaik mengajar kita betapa resipi yang diadunkan oleh al-Quran telah berjaya melahirkan perpaduan hakiki umat yang taat secara mutlak apabila ianya ketetapan dan titah perintah Allah. Umat yang sentiasa melaksanakan syura dan menyumbang idea yang membina bukan semata-mata menghentam dan mengkritik. Umat yang bermesyuarat dan sedia akur kepada fakta dan kebenaran. Umat berbekalkan keimanan yang hakiki dan ketelusan lantas melaksanakan tanggungjawab semata-mata untuk mengabdikan diri dan mencapai keredhaan Ilahi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam detik gemilang ini, dalam suasana yang ceria ini dan dalam masa kita dicitukan oleh semangat dan suluhan cahaya Hijrah ini dengan berbekalkan iman di dada, sikap pengabdian diri kepada Allah, ketaatan yang mutlak serta bermatlamat mencari dan mencapai keredhaan Allah. Saya sekali lagi mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan keupayaan dan kebijaksanaan masing-masing untuk merumuskan suatu gagasan dan kerangka ke arah melahirkan khariah ummah. Kepada Allah dipohon taufik dan hidayah serta inayah. Amin yarabbulaalamin. Wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

17 APRIL 2001

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Peruntukan Tambahan Anggaran Perbekalan Tahun (2001) (No. 1) 2001.
(DUN Bil. 1/2001)
2. Surat Akuan dan Pandangan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999
(DUN. Bil. 2/2001)
3. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu Bagi Tahun 1999.
(DUN Bil. 3/2001)
4. Penyata Kira-Kira Yayasan Islam Terengganu Bagi Tahun 1998.
(DUN. Bil. 4/2001)
5. Penyata Kewangan Tabung Basmi Kemiskinan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Bagi Tahun 1992.
(DUN. Bil. 5/2001)
6. Penyata Kewangan Tabung Basmi Kemiskinan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Bagi Tahun 1993.
(DUN. Bil. 6/2001)
7. Penyata Kewangan Tabung Basmi Kemiskinan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Bagi Tahun 1994.
(DUN. Bil. 7/2001)

17 APRIL 2001

8. **Penyata Kewangan Tabung Basmi Kemiskinan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Bagi Tahun 1995.**
(DUN. Bil. 8/2001)
9. **Penyata Kewangan Tabung Basmi Kemiskinan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Bagi Tahun 1996.**
(DUN. Bil. 9/2001)
10. **Penyata Kewangan Tabung Basmi Kemiskinan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Bagi Tahun 1997.**
(DUN. Bil. 10/2001)
11. **Penyata Kewangan Majlis Daerah Marang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999.**
(DUN. Bil. 11/2001)
12. **Penyata Kewangan Majlis Daerah Setiu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999.**
(DUN. Bil. 12/2001)
13. **Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Jabatan Bekalan Air Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998.**
(DUN. Bil. 13/2001)
14. **Penyata Kewangan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998.**

17 APRIL 2001

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
[Lampiran A]**

YANG BEREHORMAT YANG DIPERTUA. Jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad *ta* Abu Bakar bin Ali
(Wakil Kemasik)
2. Y.B. Encik Rosol bin Wahid
(Wakil Ail)
3. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah
(Wakil Seberang Takir)
4. Y.B.M. Tengku Putera bin Tengku Awang
(Wakil Telemong)

17 APRIL 2001

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu –

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama:

Apakah benar kawasan Tasik Kenyir di bawah kelolaan KETENGAH, kalau benar adakah ada perjanjian antaranya dengan Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Soalan yang dikemukakan untuk dijawab oleh saya pada pagi ini, ialah apakah benar kawasan Tasik Kenyir di bawah kelolaan KETENGAH. Jawab saya, benar.

Kemudian soalnya lagi bersambung, kalau benar adakah ada perjanjian antaranya iaitu antara KETENGAH dengan Kerajaan Negeri Terengganu? Jawabnya, tidak.

Jadi, bagi bahagian pertama jawabnya benar, ya. Bahagian keduanya jawabnya tidak.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau begitu bermakna adakah kerajaan masih lagi mempunyai kuasa mutlak di atas kawasan KETENGAH walaupun difahamkan kepada saya ada gazet ditawarkan untuk pembangunan kepada KETENGAH.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Tuan Yang Dipertua, yang sebenarnya soalan yang semacam ini sudah dikemukakan pada mesyuarat 12 Disember yang lepas dan saya sudah jawab soalan itu dengan panjang lebar. Soalannya begini, sejauh manakah kuasa yang diberi kepada Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah terhadap tanah-tanah Negeri Terengganu yang telah diserahkan kepadanya oleh Kerajaan Terengganu untuk dimajukan. Dan apakah ada perjanjian yang telah dibuat di antara keduanya.

Jadi soalan pada pagi ini serupa dengan soalan yang dulu. Jadi jawabnya sekarang, kalau nak tahu lagi, saya kata KETENGAH tidak ada kuasa di atas tanah dan juga tidak ada kuasa ke atas hutan dan juga di atas air. KETENGAH hanyalah sebagai agensi Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan pertanian di negeri ini. Jadi setakat itulah saya jawab kerana ada lagi soalan yang akan datang mengenai KETENGAH juga. Saya *reservekan* jawapan saya ini kepada soalan yang akan datang. Sekian, terima kasih.

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua:

Apakah dasar Kerajaan Negeri Terengganu bagi menangani permasalahan rakyat yang tiada bertanah?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Teluk Pasu ingin mengetahui dasar Kerajaan Negeri bagi menangani permasalahan rakyat yang tiada bertanah. Pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menangani permasalahan yang disebutkan itu melalui beberapa kaedah yang telahpun dilaksanakan sekarang.

Yang pertama berhubung dengan tanah yang dirintah secara haram yang telah berlarutan dan tidak ditangani secara baik pada masa-masa yang telah lalu, kita membuka balik permohonan ini dengan melanjutkan sehingga tanah yang dirintah secara haram ini, sehingga tahun 1990 dan permohonan itu dibuka pada tahun 2000, sehingga akhir tahun 2000.

Yang keduanya ialah soal menyediakan tapak rumah kediaman kepada rakyat juga yang tidak mempunyai tapak rumah ini sedang dalam proses dilakukan semua Pejabat-pejabat Tanah di seluruh daerah dalam Negeri Terengganu. Sebahagian daripadanya telahpun dalam proses temu duga kepada pemohon-pemohon yang telahpun dipanggil untuk temu duga.

Selain daripada itu, rakyat juga dibenarkan untuk membuat permohonan berdasarkan kepada kes-kes yang munasabah yang perlu diberikan perhatian. Oleh kerana itulah maka soal tanah yang pelbagai termasuk di antaranya yang belum diselesaikan termasuk Tanah Pinggir dan sebagainya juga sedang dipantau oleh Pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan bagaimana ianya boleh diselesaikan. Semua ini berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang telahpun ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan kita mengharapkan bahawa permasalahan ini akan dapat diselesaikan secara yang lebih cepat berbanding dengan dulu walaupun tidak dapat diselesaikan dalam masa satu tahun. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut dasar kerajaan lama boleh jadi tanah rintahan lama tidak dibuka. Adakah kerajaan baru ini bersedia untuk menimbang permohonan terhadap rintahan lama?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Sila Yang Berhormat ulangi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tidak jelas, tinggikan sedikit volume.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Adakah kerajaan bersedia untuk menimbang terhadap permohonan rintahan lama yang dulunya, zaman kerajaan dulu dia tidak membuka terhadap tanah rintahan lama.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa ini mungkin perbezaan istilah yang digunakan oleh yang bertanya, Yang Berhormat yang bertanya. Saya telah menjawab tadi bahawa tanah rintahan haram ini '90 dan yang lebih awal, itu sedang diproses. Jadi tidak tidaklah, memang perkara ini sedang diproses oleh kerajaan sekarang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga:

Apakah tindakan Kerajaan Negeri Terengganu terhadap pemilik tanah yang diluluskan untuk sesuatu tujuan seperti kelulusan tanah perindustrian kepada sesuatu syarikat tetapi syarikat berkenaan tidak pun mengusahakan apa-apa perindustrian walaupun memakan masa yang begitu lama?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan) Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Teluk Pasu ialah - Apakah tindakan Kerajaan Negeri Terengganu terhadap pemilik tanah yang diluluskan untuk satu tujuan seperti kelulusan tanah perindustrian kepada suatu syarikat tapi syarikat berkenaan tidakpun mengusahakan apa-apa perindustrian walaupun memakan masa yang begitu lama.

Pihak kerajaan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, melalui UPEN khususnya sedang memantau kelulusan-kelulusan yang diberikan kepada syarikat-syarikat ini untuk tujuan perindustrian tetapi tidak mengusahakan sebagaimana yang dinyatakan dalam kelulusan itu. Dan kita telah mengambil beberapa perjalanan, suatu kajian telah dibuat oleh UPEN pada waktu ini dan sudah sampai kepada peringkat yang terakhir bahawa memang tindakan boleh diambil berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara seksyen 127, 128, 129 dan 130 sehingga sampai kepada boleh membawa kepada perampasan. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan yang sedang disediakan oleh UPEN ini antaranya ialah memberi tumpuan kepada tanah yang diluluskan 5 tahun dan ke atas tetapi tidak diusahakan, yang ini dahulu barangkali tindakan yang akan diambil dan cadangan itu insya Allah akan dikemukakan kepada kerajaan oleh pihak UPEN.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan. Adakah benar ada kawasan perindustrian di Gong Badak yang telah diluluskan untuk industri tetapi tidak diusahakan?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, termasuk yang di Gong Badak dan juga yang lain-lain. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua, sekian terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman dan perhatian Ahli-ahli yang Berhormat oleh kerana soalan-soalan amat banyak maka saya hadkan hanya soalan tambahan tiga saja yang dibenarkan. Oleh itu Ahli-ahli Berhormat pastikan soalan tambahan itu benar-benar bermatlamat mencapai objektif kenapa soalan itu dibuat. Soalan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik -

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *wa* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK):
Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat
Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat,
Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Soalan yang pertama:

Berapa banyakkah balai raya yang sebelum ini menempatkan kelas Tadika
Kemas diambilalih oleh Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR).

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan
Yang Berhormat KemasiK berkait dengan Tadika KEMAS dan balai raya ini mempunyai hubung
kait dan persamaan dengan beberapa soalan yang ada kaitannya dengan KEMAS dan balai raya.
Yang antaranya, saya pohon izin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua supaya saya baca soalan-
soalan yang berkaitan dan saya jawab sekali gus untuk menjimatkan masa Dewan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila --

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua soalan KemasiK, berapa banyakkah balai raya yang sebelum
ini menempatkan kelas Tadika KEMAS diambil alih oleh Jawatankuasa Syura Rakyat ataupun
JSR? Saya jawab dulu tapi rangkaian saya akan beri kemudian, Yang Berhormat Tuan Yang
Dipertua.

Tak timbul soal ambil alih oleh JSR ke atas balai-balai raya kerana Kerajaan Negeri yang bertukar
kuasa daripada BN pimpinan UMNO kepada BA pimpinan PAS, telahpun membuat dasar supaya
semua balai raya-balai raya dikembalikan kepada fungsi asal iaitulah untuk kegunaan aktiviti-
aktiviti dan kemudahan-kemudahan kemasyarakatan setempat. Oleh yang demikian, kesemua balai
raya-balai raya dikhususkan di bawah kelolaan dan kendali Pegawai-pegawai Daerah masing-
masing dengan pengurusan diberi kepada JSR setempat. Apa-apa jua urusan kegunaan-kegunaan
ke atas balai raya ini mestilah mendapat kebenaran daripada JSR.

Mengerah dengan pendudukan KEMAS kepada balai raya-balai raya ini telahpun diputuskan di
dalam pertemuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru dengan Ketua Pengarah KEMAS
Malaysia yang memohon ihsan, ni dia ihsan tuan-tuan, memohon ihsan supaya pada tahun 2000
dulu balai raya-balai raya ini dibenarkan kepada KEMAS sehingga KEMAS mendapat tempat yang
lain dan kelulusan diberi pada tahun 2000 oleh kerajaan Negeri kepada KEMAS. Sedangkan kita
seorang tahu bahawa mengikut kaedah politik, kerajaan baru tidak sepatutnya memberi ruang kepada
KEMAS kerana kita tahu bahawa guru-guru KEMAS ini adalah tenaga UMNO yang bekerja
sepanjang masa khususnya semasa pilihan raya untuk UMNO dan Barisan Nasional. Tetapi ihsan
kerajaan dan keadilan kepada rakyat khususnya kepada anak-anak diizinkan KEMAS
menggunakan balai raya-balai raya ini sehingga tahun 2000. Tidak ada pembaharuan permintaan
dibuat oleh KEMAS sama ada di peringkat Pusat ataupun Negeri bagi kegunaan balai raya-balai
raya ini. Maka apa-apa jua permasalahan yang timbul adalah kegilaan mengerah JKKK kampung
sahaja.

17 APRIL 2001

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ini juga dibangkit oleh Yang Berhormat Bukit Tunggul yang berbunyi - Sejauh manakah tindakan Kerajaan Negeri ke atas pihak-pihak yang melanggar arahan kerajaan mengenai penggunaan balai raya atau lain-lain premis kepunyaan Kerajaan Negeri? Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerana ianya ada kaitan penggunaan dengan KEMAS dan balai raya, saya sekalikan jawapan yang soalan ini datangnya besok tapi saya dahulukan untuk tidak diulang dan dihabiskan masa di dalam Dewan ini.

Sehingga ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak ada tindakan undang-undang diambil ke atas mereka-mereka yang menyalahgunakan balai raya walaupun kita tahu bahawa balai raya ini adalah hak Kerajaan Negeri dan kuasa mutlak Kerajaan Negeri. Tetapi kesedaran perubahan kerajaan ini masih lagi belum disedari oleh sebahagian daripada JKKK dan juga Kerajaan Pusat sendiri yang membelakangkan keputusan demokrasi bahawa Terengganu telah berpindah kerajaan dan meneruskan aktiviti-aktiviti mereka di atas premis Kerajaan Negeri tanpa keizinan Kerajaan Negeri.

Oleh itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri mengambil sikap tidak meneruskan tindakan undang-undang buat seketika ini tetapi mendidik khususnya UMNO dan JKKK ini supaya memahami bahawa kerajaan telah berubah, kuasa telah berpindah yang belum lagi disedari oleh sebahagian besar daripada UMNO dan JKKK pada hari ini.

Yang ketiga Yang Berhormat Yang Dipertua, ialah soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seberang Takir pada 19 haribulan juga berkait dengan KEMAS dan urusan balai raya. Saya baca untuk pengetahuan - Soalan satu: Sebesar manakah kuasa yang diperolehi dari Pejabat Daerah Kuala Terengganu bagi JSR Kampung Bukit Tok Ris, Bukit Tunggul untuk menghalau murid-murid Tadika KEMAS dari balai raya Bukit Tok Ris seperti tersiar gambarnya dalam satu akhbar pada hari Selasa, 10 Mac 2001.

Sebahagiannya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, telahpun saya perelaskan. Dan untuk maklumat Dewan yang mulia ini, sukacitalah saya jelaskan bahawa KEMAS seperti mana yang saya katakan tadi ada hubungan erat dan sememangnya di bawah sebahagian arahan UMNO sendiri dan di situ ada bangunan Sri Kandi yang sedia digunakan oleh KEMAS untuk kelasnya. Tetapi untuk tidak mengiktirafkan kuasa perpindahan daripada BN kepada BA mereka terus menggunakan balai raya ini untuk mencari pasal. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tindakan yang diambil oleh JSR di situ ialah untuk kepentingan kemasyarakatan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan setempat.

Soalan yang kedua pada hari yang sama Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua - Di dalam kejadian tersebut di dalam soalan satu di atas, adakah Pejabat Daerah Kuala Terengganu telah berpuas hati dengan penggunaan kuasa oleh JSR Kampung Tok Ris? Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tak timbul soal puas hati ataupun tak puas hati tetapi JSR Kampung Tok Ris telahpun melaksanakan kewajipan dan arahnya untuk mengawasi dan menjaga harta benda kerajaan untuk kepentingan negeri dan rakyat setempat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mencelah. Seperti yang diakui sendiri oleh Yang Berhormat Wakil Batu Buruk bahawa dia menjawab sebahagian sahaja daripada soalan saya sebahagian lagi tidak. Yang saya tuntutan dijawab sekarang, sebesar manakah kuasa yang telah

17 APRIL 2001

diberi oleh Pejabat Daerah kepada JSR Kampung Bukit Tok Ris untuk menghalau kelas Tadika daripada bangunan balai raya Bukit Tok Ris? Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kuasa besar bukit, besar gunung itu tidak dapat nak diukurkan tetapi keluasan kuasa diberi kepada JSR untuk mengembalikan fungsi balai raya kepada kepentingan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan setempat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam hal ini saya berpendapat bahawa JSR Bukit Tok Ris telah melampaui kuasa yang diberikan oleh Pejabat Daerah kepadanya. Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Pendapat itu tidak betul, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tuan Yang Dipertua soalan tambahan. Yang Berhormat Wakil Batu Buruk ... sebab soalan ni melibatkan juga soalan saya. Apa yang saya nak penjelasan Wakil Batu Buruk, sebenarnya berapa keluasan setiap murid tadika yang perlu lantainya. Sebab apa yang saya siasat bangunan Sri Kandi yang disebutkan oleh Wakil Batu Buruk sebentar tadi keluasan lantainya lebih daripada 3,000 kaki persegi, muridnya 24 orang sahaja. Jadi kalau kita nak bagi-bagi tu, seorang murid dapat luasnya 10 kali 12 kaki persegi dan di situ ada gambar bendera UMNO, di bangunan Sri Kandi. Saya ada tiga gambar boleh tengok. Minta penjelasan daripada Wakil Batu Buruk. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Terima kasih, kalaulah Yang Berhormat Seberang Takir nak pergi tengok Sri Kandi ni, ke nak pergi kita?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa hubungannya Sri Kandi dalam hal ini? Walaupun ada benarnya bahawa guru-guru Kemas terlibat dengan UMNO, bagaimana halnya dengan murid-murid dan ibu bapa murid-murid itu sendiri?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dia dah ada dah, hak Sri Kandi tu macam hak UMNO juga. Kemas pun hak UMNO juga. Dia dah guna bangunan Sri Kandi ini untuk aktiviti-aktiviti setempat tetapi nak tidak mengiktiralkan perubahan kuasa dan kerajaan, nak duduk juga rumah orang ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah perubahan itu, menghalau Kemas daripada balai raya Bukit Tok Ris merupakan kemarahan kerajaan melalui JSR kepada UMNO ataupun tidak setujunya kerajaan kepada Kemas?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tak timbul kedua-duanya. Sepatutnya Kemas sedar tempat yang lebih selesa adalah Sri Kandi.

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa tidak ada sebarang kenyataan ataupun peringatan yang diberikan kepada Kemas setelah melampaui tahun 2000, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dan tidak ada juga pembaharuan permohonan daripada Kemas ataupun kunjung hormat permintaan daripada Ketua Pengarah Kemas kepada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan Negeri memastikan dalam perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa pembaharuan mestilah dibuat setiap tahun?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalaulah tidak ada ihsan Kerajaan BA pimpinan PAS Negeri Terengganu semua kelas-kelas Kemas telah dihalaukan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua kalau hanya setakat dua tiga bulan tahun 2001 menunjukkan ihsan, saya rasa ihsan ini tidak sampai ke mana-mana dendamnya lebih besar daripada ihsan, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bukan soal dendam tapi hendak tidak memberi pengiktirafan dan rasa perubahan kerajaan. Inilah kebodohnya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi oleh soalan terlibat dengan tiga soalan saya benarkan tadi begitu banyak soalan tambahan, sebenarnya untuk tiga sahaja. Tapi oleh kerana terlibat dengan dua tiga soalan yang dijawab oleh Yang Berhormat Batu Buruk, maka kalau ada satu soalan tambahan lain? Satu saja, Wakil Seberang Takir berpuas hati? Okey, seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Berapa banyakkah bilangan Lesen Pajak Gadai Komersial dan Lesen Arak yang dikeluarkan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan PAS setakat ini?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ini digabungkan berbunyi: Berapa banyakkah bilangan Lesen Pajak Gadai Komersial dan Lesen Arak yang dikeluarkan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan PAS setakat ini?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagaimana soalan satu tadi selain daripada Wakil Kemasik ini Wakil Jabi juga bertanya soalan yang sama atau imbasan yang sama, yang berbunyi: Benarkah Kerajaan Negeri meluluskan premis pajak gadai komersial? Saya sekaligus jawapan dengan keizinan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Dan Wakil Telemong pada 19 haribulan April ini akan bertanya: Berapa buah pajak gadai di Negeri Terengganu?

Saya harap ketiga-tiga ahli-ahli Yang Berhormat ini akan berpuas hati dengan jawapan yang akan saya bagi. Bahagian yang pertama Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua yaitulah mengenai dengan pajak gadai. Di seluruh Negeri Terengganu pihak berkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang

17 APRIL 2001

diberi kuasa mengikut Akta Pajak Gadai meluluskan enam lesen pajak gadai kepada Negeri Terengganu. Dan hakikat disedari oleh keempat-empat ahli pembangkang kerana keenam-enam ini merupakan pesaka yang diterima oleh Kerajaan BA pimpinan PAS. Di antara enam lesen pajak gadai satu sahaja yang dilaksanakan melalui Muassasah Gadaian Islam yaitulah oleh MAIDAM di Kuala Terengganu. Manakala lima lagi dijalankan secara konvensional ataupun komersial yaitulah satu di Hulu Terengganu, dua di Kuala Terengganu, satu di Dungun dan satu di Kemaman. Kaedah-kaedah yang sedia ada masih lagi terpakai dalam masa peralihan sebelum kerajaan baru BA mengahinya sistem Islam tanpa riba, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Oleh itu di peringkat yang pertama ini warisan daripada kerajaan terdahulu dikekalkan amalan buat seketika dalam proses untuk mendidik mereka-mereka sama ada pelanggan dan pengusaha kepada urusan Islam supaya kejutan dapat diperingankan. Surat telahpun ditulis kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dibenarkan keseluruhan lesen-lesen yang diluluskan itu berpindah ubah kepada Muassasah Gadaian Islam tetapi belum diluluskan oleh Kementerian yang mempunyai hak ke atas kelulusan lesen.

Mengenai dengan lesen arak, bahagian yang kedua Yang Berhormat Yang Dipertua, seperti mana dijelaskan beberapa kali di Dewan ini, Kerajaan Terengganu pimpinan PAS telahpun mengurangkan lesen penjualan arak ini daripada 43 kepada 8 sahaja. Dan 8 itu dibahagikan kepada kawasan-kawasan yang sedia ada penduduk-penduduk bukan Islam yang bilangannya dianggap berpatutan dengan kelulusan lesen. Oleh itu di Kuala Terengganu diluluskan dua lesen, di Kemaman dua lesen, di Dungun mengaambil kira kemajuan yang pesat berlaku selepas daripada Paka menuju ke sempadan juga dua lesen, enam dan satu lagi di Marang, satu lagi di Besut kalaulah ingatan saya betul. Saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itulah penjelasan dan jawapan saya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a' ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemantik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya: Berapa banyakkah bilangan lesen pajak gadai komersial dan lesen arak yang dikeluarkan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan PAS? Bukan yang telah diluluskan semasa kerajaan BN dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya kata dah lesen hak yang diluluskan oleh kerajaan dulu, dia macam banking sistem ataupun di bawah pajak gadai kita tidak boleh buka sewenang-wenangnya. Kerana hak kuasa meluluskan bilangan adalah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Batalan terus kita akan kehilangan keseluruhannya sedangkan keperluan kepada rakyat masih ada. Oleh yang demikian, kita warisi enam lesen pajak gadai daripada kerajaan BN pimpinan UMNO dulu dengan usaha kita sekarang ini untuk mengIslamkannya. Dan impian kita kena minta permohonan daripada tuan punya yang meluluskan bilangan lesen dan kelulusan ini belum lagi diperolehi, rundingan, rayuan masih lagi diusahakan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebelum itu soalan saya pun berbunyi, oleh kerana disebut soalan saya pada 19 haribulan sebelumnya: Berapakah buah lesen ataupun premis baru pajak gadai yang diwujudkan di Negeri Terengganu pada tahun 2000 dan 2000? Kita ada bukti premis baru, lesen diluluskan oleh Kerajaan Tempatan tetapi premis ini dilulus oleh Kerajaan Negeri dan siap dengan tawarannya tambahan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dia kaedah lesen ini saya percaya Exco dulu dia faham. Setiap matinya, tamatnya lesen pajak gadai akan ditender semula. Jadi pengusaha baru tak mestinya pengusaha lama, bila

17 APRIL 2001

pengusaha baru memenangi ataupun memperolehi tender maka tentulah premisnya akan berubah. Jadi bukan soal premis baru ada tetapi premis baru ini lahir kerana yang baru telah menerima tender.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua, saya pandai berbilang. Dulu pajak gadai konvensional di Hulu Terengganu, di Pekan Kuala Berang ada satu sekarang ni ada dua, bermaknanya ada tambahan. Dan saya nak bertanya Tuan Yang Dipertua, kalau tadi diberitahu bahawa kerajaan ataupun JKKK dahulu tak sedar perubahan dan sebagainya. Saya nak beritahu kerajaan bahawa sedarlah bahawa sekarang ni dua tahun, hampir dua tahun kita berubah dan dijanjikan kepada rakyat tidak ada lagi seumpama pajak gadai ini yang harus dikekalkan dan kuasa Kerajaan Negeri bila-bila masa boleh membatalkannya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dua tahun nak ukur dengan 40 tahun jauh bezanya. Saya dah kata tadi bahawa

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Bukan masalah ukur, masalahnya janji kita, falsafah kita dan juga kuasa yang kita ada.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Nanti saya beri jawab dulu. Dia rebus beras ni tak masak selalu, dia perlu masa kalau bahasa nak suruh masak selalu hangus. Saya dah kata tadi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perubahan kerajaan mempunyai masa peralihan *transitional period*. Begitu juga dalam sistem pajak gadai yang sedia ada bila mana tender baru diluluskan ada *grace period*, masa peralihan enam bulan diberi di bawah lesen lama, ni UMNO beri ni. Di bawah kerajaan lama dibagi *grace period* enam bulan. Kita nak batal selalu kaedah yang dibuat ini suatu objection akan timbul. Oleh yang demikian, kita sedang meneliti undang-undang supaya di dalam lesen yang kita beri baru ini tidak akan ada *grace period*, tidak akan ada lagi masa peralihan. Mana-mana urusan pajak gadai mestilah ditamatkan pada tarikh lesennya ditamatkan sahaja. Ini memerlukan perubahan kepada peraturan dan undang-undang. Jadi yang dahulunya dia bagi enam bulan. Jadi dalam masa enam bulan ini akan dapat dua tempat jika sekiranya pemenang tender itu orang yang berlainan daripada pemenang tender yang asal.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Tuan Yang Dipertua. Saya ingin kerajaan menjawab, di Pekan Kuala Berang tambahan daripada satu menjadi dua adakah ini diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya kena kecek Kuala Berang baru dia faham, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Saya tak reti nak kecek Kuala Berang. Saya dah kata dah, hak yang diluluskan baru ni orang lain daripada hak dulu. Hak dulu tu ada enam bulan lagi. Enam bulan ni dia mampuslah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak faham dengan jawapan yang diberi tu. Ini satu helah Tuan Yang Dipertua, helah daripada tanggungjawab. Sebenarnya

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tuan Yang Dipertua, saya diminta Exco hulu tolong jawab (KETAWA).

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ucap terima kasih. Kuala Berang tu memang satu, kemudian lesen tu tamat satu. Ada tender baru, tender baru tu tak boleh kepada pengusaha sedia. Jadi pengusaha sedia tu diberi tempoh untuk selesai kerja dia, hak orang tak tebus lagi. Hak orang gadai dok habis lagi dalam masa enam, ikut peraturan yang ada. Jadi hak baru lulus dia baru operasi, tu jadi nampak dua. Hak baru ni orang lain. Lepas pada enam bulan ni tak doklah hak sedia tu, jadi se semula. Macam balik sedia kala.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, patut saya nak ajar ... patut dua-dua tu mampus selalu kalau betul-betul syariat Islam hendak dijalankan oleh PAS, mampus selalu tak payah tunggu enam bulan.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya ... hak mana kita boleh mampus selalu, kita mampus selalu, hak kita mampus lambat, kita mampus lambat. Ada cara nak sembelih rat selalu, hak dok rat selalu boleh juga. Kita mengaji belaka, hak mampus selalu JKKK mampus selalu, berok kita mampus selalu tu dia (KETAWA). Hak ni fesyen tak mampus selalu kita tak mampus lagilah. Jawatankuasa Masjid kita tidak mampus selalu, kita mampus lambat sedikit. Sampai masa kita mampus, kita mampus, tunggu mati saja. Lambat sangat ke?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kalau dok pandai begitu, kita mampus 2004 pulaklah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Benda atas pada orang, kita tengok lagu mana nak mampus selalu, hak mana nak mampus lambat sedikit (KETAWA).

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Wakil Hulu kita ni kerana bahasa hulu saja dia faham.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, dok usah merintallah kalau dok faham bahasa.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa itulah perbincangan mengenai soalan tadi dan seterusnya saya mempersilakan wakil yang berkenaan menyambung soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a' ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat premis Siber Kafe yang menyediakan permainan video games serta tidak melarang pelanggannya termasuk pelajar sekolah menonton bahan lucah?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya ingat Yang Berhormat Kemasik tak pernah masuk dekat-dekat *video game* ni, rupanya berahi juga masuk. Saya pun dok tahu tempat orang main siber kalau ni ada *video game*. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a' ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagaimana seorang Exco yang bertanggungjawab tak tahu perkara ini tak ada dalam pengetahuan Yang Berhormat?

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak apalah, nak jawablah ni. Saya cuma nak peringat sajalah, rupa-rupanya jadi pembangkang ni masuk banyak tempat lagi. Soalnya berbunyi Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat premis siber kafe yang menyediakan permainan video games serta tidak melarang pelanggannya termasuk pelajar sekolah menonton bahan-bahan lucah?

Seperti mana kaedah undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia terpakai Yang Berhormat Yang Dipertua, kelulusan kepada siber kafe mempunyai beberapa syarat. Syarat-syarat yang tak baik ini selalu dan kalang kala dilanggar oleh pengusaha-pengusaha ataupun operator-operatormya. Kesedaran hanyalah boleh dibuat melalui laporan dan kalaulah Yang Berhormat Kemasik kelihatan adanya aktiviti-aktiviti yang buruk ini, pernahkah Yang Berhormat Kemasik membuat laporan kepada Polis ataupun kepada Pihak Berkuasa Negeri kita alu-alukan. Kita boleh lantik dia sebagai penguasa Penguatkuasa, Pegawai Penguatkuasa Pencegah Maksiat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mengenai dengan kebanjiran ataupun kemunculan penuntut-penuntut seksolah ke tempat-tempat seumpama ini adalah juga budaya warisan yang diterima. Kerajaan baru sedang membentuk generasi yang tidak akan pergi kepada kemaksiatan di atas dasar menggalakkan kepada *makruf* dan mencegah kemungkaran. Dan proses ini juga perlu dilakukan secara bijaksana dan tindakan-tindakan awalan telah pun dilaksanakan, hasilnya sedang kita lihat bersama. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan asasnya begini, adakah pihak kerajaan sedar. Saya tak nampak tadi, yang disebut peraturan. Tapi tidak menyatakan sama ada sedar ataupun tidak? Itu yang kita nak tahu.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dah kata kesedaran kita mengikut undang-undang kalau orang buat report Polis dan ada satu seksyen 107, tak ingat sayanya CPC (Kanun Acara Jenayah) yang mengatakan Polis ni kalau dia nampak mata orang buatpun dia tak kisah sehingga ada laporan baru dia siasat. Jadi ikut undang-undang. Tetapi dari sudut moralnya kesedaran kita itu sedang kita buat *corrective* pembetulan melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang sedang berjalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan Yang Berrhormat Tuan Yang Dipertua, saya mengakui bahawa laporan. Tapi tidakkah Yang Berhormat Wakil Batu Buruk juga setuju dengan saya bahawa perlunya pemantauan dalam pelaksanaan undang-undang. Ini yang tidak dijalankan oleh kerajaan maka sebab itu kerajaan tidak sedar.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak timbul soal tidak sedar Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana kerajaan sedar. Saya dah kata tadi, di mana-mana pesalah ni tetapi kita sedang berusaha untuk *mentarbiahkan*, mendidik mereka membuat nakal, membuat salah ini. Ini memakan proses kerana budaya yang diwarisi itu berpanjangan 40 tahun dah hak tabiat hodoh ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan saya ringkas saja Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Kalau Yang Berhormat Batu Buruk ikhlas, sedar ataupun tidak perkara ini berlaku? Itu saja, kalau ikhlaslah.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya dah jawab lebih pada ikhlas dah. Saya sedar dan kita nak kena tarbiah ni, nak ambil nak tohut dalam jail tak boleh begitu.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih. Kalau sedar tidaklah perlu nak lantik Yang Berhormat Wakil Kemasik untuk menjadi pemantau. Kecuali yang sedar tu bahasa jenis ... tak taulah sedar apa, sedar-sedar lupa barangkali.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Matir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, nak lantik tu tindakan susulan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ... seterusnya saya persilakan Wakil Ajil

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan, para pemerhati yang dihormati sekalian. Soalan yang pertama –

Adakah cukai bakul masih dilaksanakan di negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya memberi jawapan. Soalannya, adakah cukai bakul masih dilaksanakan di negeri Terengganu? Tak dok bakul le ni tuan Yang Dipertua. Ataupun apa ... tolong jelas sedikit, apa cukai bakul ni? Kalau dia fahamlah ... dia faham macam mana. Tidak ada dah cukai bakul ni, kita dah hapuskan masa kita ambil alih kerajaan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau telah dihapuskan kutipan yang dilaksanakan di Pasar Cabang Tiga, Pasar Kuala Berang dan sebagainya, apakah nama cukai tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALI BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Nak kira kaedah peraturan Dewan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tak jawab dah. Kalau nak tanya sama saya cukai yang dipungut tu cukai apa, cukai bakul ke cukai apa? Baru saya jawab. Yang ditanya cukai bakul, saya kata tak dok. Namun demikian untuk memuaskan hati Dewan yang bertanya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, izinkan saya jawab.

Di dalam manifesto kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS mengatakan sebaik saja kita menang jika diberi kuasa oleh rakyat kita hapuskan cukai bakul. Apakah ertinya cukai bakul? Cukai bakul ertinya ialah kenaan ataupun bayaran yang dikenakan ke atas petani-petani yang datang sendiri, bukan peruncit, yang datang sendiri dengan bakul, dengan hasil pertaniannya menumpang menjual di mana-mana pasar dalam negeri. Itu istilah cukai bakul yang kita hapuskan. Namun cukai bagi peniaga-peniaga runcit dan peniaga-peniaga sedia ada di mana-mana pasar ini bukan cukai bakul. Yang dipungut dan yang ditelevisyenkan oleh Timbalan Pengerusi Perhubungan baru-baru ini ialah dakwah politik semata-mata. Tidak ada tertulis resit itu cukai bakul tetapi dihebahkan di dalam radio, televisyen, surat khabar, semua media cukai bakul masih dikekalkan. Sedangkan kita telah istiharkan cukai bakul tak ada lagi di Terengganu ini. Dan untuk menghilangkan kekeliruan ini, saya telah memberi arahan supaya tempat khas diadakan di pasar-pasar untuk petani-petani yang

17 APRIL 2001

datang sekali sekala menjual hasil pertanian mereka ini menjual tanpa apa-apa cukai dikenakan ke atas mereka.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, adakah pihak kerajaan sedar hasil daripada cukai yang dikenakan walaupun tidak dinamakan cukai bakul, juga membebaskan para peniaga. Kerana saya difahamkan di Pasar Dungun cukai ini dikira ikut bulan berbeza dengan kerajaan dulu dikira ikut hari. Adakah kerajaan sedar tentang ini?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, itu soalan lain tu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Berkait Tuan Yang Dipertua, sebab ini berkaitan dengan cukai bakul di pasar.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Itu cukai pasar bukan cukai bakul. Yang Berhormat tanya soalan asal cukai bakul. Apa tak puas hati mengenai cukai bakul ataupun mengenai cukai umum ni? Sila teruskan soalan lain.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan nombor kedua –

Nyatakan jumlah perbelanjaan Yayasan Terengganu kepada Kolej Islam Sains Terengganu, Kuala Berang?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setakat ini Yayasan Terengganu telah membiayai Kolej Islam Sains Terengganu telah membelanjakan sebanyak RM139,517.37.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Siapakah yang mempunyai authority terhadap Kolej Islam Sains Terengganu, Kuala Berang sama ada Yayasan Terengganu ataupun Pengetua Kolej tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Dipertua, ulang semula soalan, tak berapa faham.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Siapakah yang mempunyai authoriti terhadap Kolej Islam Sains Terengganu, Kuala Berang ini sama ada Pengetua Kolej ataupun pihak Pengarah Yayasan Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Kolej Islam Sains Terengganu dilahirkan melalui perkahwinan di antara Yayasan Terengganu dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. Kolej ini ditubuhkan juga kerana permasalahan yang berlaku iaitu Kelas Mulia Bistari yang telah ditubuhkan pada 1998 kerjasama antara Yayasan Terengganu dengan Jabatan Pendidikan Terengganu bila perubahan kerajaan berlaku pada tahun 2000. Jadi oleh kerana itu untuk memberi perhatian berat kepada pelajar-pelajar yang sudah sedia ada dan untuk menggunakan semaksima

17 APRIL 2001

mungkin keupayaan-keupayaan dan persiapan yang telah ada pada kerajaan negeri Terengganu, Yayasan Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, maka satu persesahaman di antara Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dengan Yayasan Terengganu untuk menubuhkan kelas ini. Dan hasil daripada itu pemuafakatan berlaku bahawa Yayasan menanggung pembangunan fizikal dan pentadbiran dan Jabatan Agama menanggung kos pembiayaan guru-guru yang mengajar di situ. Oleh sebab itu, tidak timbul siapa dia berkuasa, Pengetua ke, Jabatan Agama ke ataupun Yayasan. Pengetua, saya rasa Yang Berhormat Wakil daripada Ajil pernah menjadi seorang guru dulu, dia tahu apa tanggungjawab dan tugas Pengetua ialah menjalankan polisi yang dikehendaki oleh pemegang atau pemilik sekolah berkenaan iaitu Yayasan Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Dipertua. Nampaknya di sini telah terdapat dua nahkoda satu kapal, adakah benar benda ni wujud, Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya rajin naik kapal terbang, pilot tu ramai tak dok apa-apa, ghiran ... masing-masing jalan tugas dia. Kalau seorang lengohlah Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kapal terbang dia pilot dan co-pilot Yang Dipertua, ni mentadbir sekolah. Kerana saya difahamkan Yang Dipertua bahawa Pengetua di Kolej tidak mempunyai authoriti dalam pengurusan kewangan dan sebagainya. Jadi pohon penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Dipertua, saya pelik ... masing-masing ada authoriti dan kuasa dalam bidang masing-masing. Pengetua ada bidang dia, setakat mana dia boleh belanja duit, setakat mana dia tak boleh belanja. Ada bidang dia, takkan tak boleh belanja sesen habuk, tak betul tu Tuan Yang Dipertua. Jadi kita boleh pergi tengoklah. Jadi, Tuan Yang Dipertua, kalau Pengetua sekolah tak puas hati ada lagi kuasa tak cukup pada dia, kita ada tauke, mengadu kepada Yayasan boleh. Pejabat Agama boleh, mengadu saya sendiri boleh. Jad: tidak timbul masalah ... itu saya kata tidak berbangkit dalam perkara ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Dipertua. Adakah terdapat kesan

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan sudah habis kuota dah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga -

Bilakah kerajaan akan menyatukan Perkhidmatan Awam Negeri dan Perkhidmatan Tadbir Agama Negeri?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan Ahli Ajil berbunyi - Bilakah kerajaan akan menyatukan Perkhidmatan Awam Negeri dan Perkhidmatan Tadbir Agama Negeri?

17 APRIL 2001

Saya ingat Wakil Ajil tak baca manifesto PAS rupanya dia faham. Memanglah menjadi hasrat dan cita-cita kerajaan Barisan Alternatif di negeri Terengganu untuk menyatukan dua perkhidmatan negeri ini bagi memudahkan dan menyeragamkan perkhidmatan selain daripada menjimat tenaga manusia di dalam mentadbir negeri untuk menjuruskan kepada pelaksanaan pentadbiran Islam. Apa yang berlaku pada hari ini, sebelum kita mengambil alih kerajaan Yang Berhormat Yang Dipertua, telah ada satu persetujuan oleh Persatuan Pegawai-pegawai Agama Negeri menyerahkan persetujuan mereka kepada JAKIM untuk mereka ni dijadikan Pegawai Gunasama dengan Persekutuan. Jelas daripada pertemuan saya, perbincangan saya dengan mereka bahawa ketika itu mereka tidak mendapat khidmat nasihat mengikut kaedah pentadbiran dan perundangan yang sesahihnya. Dan mereka pada hari ini telah memutuskan tidak mahu mengikat diri di dalam gunasama dan kerajaan telah memutuskan supaya usaha ke arah gunasama pegawai-pegawai ini dimansuhkan. Keputusan telahpun dibuat.

Manakala kerja-kerja penyatuan perkhidmatan ini tentukan akan memakan masa kerana ianya melibatkan undang-undang dan pentadbiran. Antara lain persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA juga berkait dengan pencen dan manfaat-manfaat yang diberi kepada pegawai dan lain-lain perlu diselesaikan mengikut kaedah-kaedah yang sedia ada. Oleh itu usaha-usaha penyatuan ini sedang dalam perjalanan tetapi mungkin akan memakan masa sedikit untuk mengatasi apa jua kesulitan-kesulitan perkhidmatan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Agak-agaknya bila pencantuman ini akan dilaksanakan? Saya tak nak tepat, agak-agak.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam pentadbiran tidak ada agak-agak, dia mesti tepat. Tapi saya kata kelulusan JPAs sebagai Pengawal Pengawas kepada perkhidmatan negeri dan negara mestilah terlebih dahulu diperolehinya. Jadi tak boleh nak agak benda ni. Sejauh mana dia bertindak, kita hanyalah memohon supaya diperbetulkan mengikut kehendak kita tetapi JPA mempunyai kaedah-kaedahnya tersendiri sama ada nak beri kelulusan ataupun tidak kerana terlibat dengan pencen dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Wakil Batu Buruk ada mengatakan untuk mengurangkan pegawai-pegawai perkhidmatan awam atau PTN ini. Jadi dalam masa yang sama difahamkan beberapa orang pelantikan pegawai baru telahpun dibuat. Jadi di sini di mana wujudnya mengurangkan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya potong Yang Dipertua, saya tak pernah kata mengurangkan, saya kata untuk mensekagamkan perkhidmatan supaya tidak ada lagi perpisahan agama, dok agama sedangkan arah kita menuju kepada pentadbiran Islam.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan terakhir Yang Dipertua, soalan keempat tambahan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Habis setakat tiga saja.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Hulu Besut. Yang Berhormat Hulu Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN MAT DAN (Wakil Hulu Besut): Yang Mulia Yang Dipertua, soalan yang pertama.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan pertama Yang Berhormat ditolak.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN MAT DAN (Wakil Hulu Besut): Soalan yang kedua -

Apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk terus membela rakyat termiskin di negeri ini setelah berlakunya pencabulan royalti petroleum oleh Kerajaan Pusat?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan yang kedua ini juga ada kaitan dengan soalan nombor 1 Wakil Ladang pada 18 esok, kaitan soalan nombor 3 Wakil Teluk Pasu esok juga. Minta jawab serentak.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan dari Wakil Hulu Besut berbunyi - Apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk terus membela rakyat termiskin di negeri ini setelah berlakunya pencabulan royalti petroleum oleh Kerajaan Pusat? Dan sebagaimana Yang Berhormat Yang Dipertua menyebut bahawa ada kaitan dengan soalan daripada Wakil Ladang pada 18 dan Wakil daripada Teluk Pasu pada 18 haribulan yang akan datang. Saya mohon izin untuk menjawab sekali gus dan mungkin makan masa sedikit, Yang Berhormat Yang Dipertua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang ditanyakan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat ini menggambarkan suatu sikap prihatin Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga sebenarnya rakyat tentang apa yang berlaku yang dihadapi oleh negeri Terengganu sekarang yang selalu diistilahkan sebagai 'kemelut ekonomi'. Tapi sebenarnya negeri Terengganu sedang menghadapi satu kepungan bukan sara ekonomi tetapi juga perkara-perkara yang lain. Saya mengambil masa untuk menjelaskan perkara ini supaya Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan dan Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan juga rakyat dapat memahami hakikat sebenarnya apa yang sedang dialami oleh negeri Terengganu akibat daripada yang disebut oleh Wakil Hulu Besut tadi 'pencabulan royalti petroleum'. Sebenarnya yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat bukan saja pencabulan royalti petroleum banyak lagi perkara-perkara lain yang sebenarnya kita tidak mendedahkan secara terbuka oleh kerana kita masih terus menghormati kerajaan kita yang berdasarkan kepada federalisma ertinya ada tindakan-tindakan yang seharusnya boleh kita selesaikan melalui perundingan-perundingan. Antaranya kalau saya diizinkan menyebut Yang Berhormat Yang Dipertua, ada 35 perjanjian pinjaman yang dibuat oleh kerajaan dulu, Kerajaan Negeri dulu dengan Kerajaan Pusat yang sebahagiannya perjanjian itu melibatkan di antara pinjaman untuk kawasan perindustrian, pinjaman untuk bekalan air, pinjaman yang melibatkan perumahan. Dan apabila kita

17 APRIL 2001

mengambil alih pemerintahan ini, semua perjanjian yang telah dibuat semacam tidak lagi diiktiraf oleh Kerajaan Pusat secara *unilateral* sedangkan keperluan-perluan asas rakyat seperti masalah air, masalah perumahan sesuatu yang berterusan. Jadi ini merupakan suatu lagi tambahan kepada keponganan yang telah dilakukan supaya rakyat negeri ini tidak mendapat manfaat daripada faedah yang sepatutnya dapat dalam hubungan timbalbalik Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Saya tidak akan mendetailkan setiap perkara itu.

Termasuk di antaranya juga sepatutnya pada tahun 2001 ini *capitation grant* yang sepatutnya diberi oleh Kerajaan Pusat yang termaktub dalam Perlembagaan yang tidak boleh diengkar sama sekali, mestilah sudah dibayar separuh daripadanya bulan dua, bulan Februari sehingga ini satu senpun kita tak terima. Termasuk *road grant* yang sepatutnya tiap-tiap bulan kita dapat, sudah masuk bulan empat satu senpun kita tidak terima. Sebagai contoh, *capitation grant* untuk tahun 2000 kita hanya terima pada bulan dua belas tahun 2000. Inilah yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat terhadap kerajaan negeri Terengganu. Dan ini merupakan satu keponganan yang bukan saja keponganan ekonomi termasuk keponganan politik yang diperbesarkan oleh ... dibantu oleh keponganan media yang kalau kita nak ibaratkan bagaimana yang dilakukan oleh Amerika terhadap Iraq itulah yang sedang dialami oleh negeri Terengganu pada waktu ini. Mungkin lebih lagi saya tak nak sebutlah. Dalam beberapa hal walaupun saya tidak menafikan bahawa dalam bidang-bidang tertentu memang ada diberi oleh Kerajaan Pusat sebagaimana yang sepatutnya kepada kerajaan negeri Terengganu dan ini telah dijadikan bahan dalam media dan berbagai-bagai lagi.

Apa yang dirancangan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah-masalah ini walaupun dalam constrain yang kita hadapi, kita telah mengambil beberapa langkah. Antaranya ialah supaya hasil negeri ini bertambah melalui beberapa kaedah yang telah dilakukan termasuk di antaranya kita menaikkan premium, dengan menaikkan kadar premium bagi perhutanan. Dan insya Allah hasil daripada air, juga dengan bertambahnya satu lagi ni, Petronas akan menggunakan banyak daripada loji air Serdang yang akan menambahkan hasil. Sementara soal bidang tanah kita cuba meningkatkan tunggakan yang tidak berbayar dan kita akan berusaha meluluskan tanah ini supaya secepat yang boleh menjadi hak milik supaya premium itu dapat dipertingkatkan. Dan melalui tindakan-tindakan yang seperti ini ditambah dengan satu tindakan yang berhemat yang telahpun diarahkan oleh pihak pentadbiran negeri supaya kita berjimat cermat dalam keadaan seperti ini. Alhamdulillah kita mampu untuk melaksanakan pentadbiran negeri ini walaupun dalam beberapa hal soal-soal pembangunan yang sepatutnya kita dapat lakukan sudah terhalang kerana tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat terhadap negeri Terengganu. Dan tindakan ini kalau kita nak persalahkan boleh, yang menjadi dalang utamanya ialah UMNO Negeri Terengganu dan mereka ini jugalah yang mencanangkan ke sana ke mari dengan menjaja macam-macam termasuk wang ihsan yang mereka istilahkan itu, nak bagi kepada semua orang, macam-macam nak bagi, komputer bagi, ni bagi. Saya nak tanya kepada pemimpin-pemimpin yang dahulu, kenapa 24 tahun, 23 tahun minyak dapat tak boleh buat dahulu yang dibuat sekarang? Kenapa tak buat dulu, baru sekarang setelah kalah baru sedar bahawa itu perlu dilakukan. Yang dulu tak buat duit dapat banyak RM7 bilion dalam masa 23 tahun, ke mana duit pergi kenapa tak bagi kepada rakyat sebagaimana bagi sekarang ni? Tapi dia boleh bagi sekarang ni kerana duit rompak yang diterima. Itulah mereka boleh buat dengan menafikan sebenarnya rakyat sasaran yang sebenarnya tak sampai.

17 APRIL 2001

Jadi saya suka menjelaskan ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk supaya rakyat dan semua pihak memahami inilah yang sedang kita hadapi dan supaya rakyat memahami *constrain* yang kita hadapi. Alhamdulillah, pihak pimpinan politik yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pihak pentadbiran yang dipimpin oleh Dato' SUK memahami *constrain* ni dan kita mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi meneruskan pentadbiran negeri Terengganu ini, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPIERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat masa peruntukkan bagi soalan-soalan lisan telahpun berakhir. Kepada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih berbaki akan diberi jawapan secara bertulis. Dengan ini saya tangguh Dewan ini untuk berchat sementara dan akan sambung balik pada jam 11.15 pagi. Dewan ditangguhkan.

DEWAN DITANGGUHAKAN PADA PEKUL 10.50 PAGI.

17 APRIL 2001

DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 11.15 PAGI.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan -

Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafakkan sembah ucapan penghargaan dan menjujung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar-dasar kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kesepuluh dan bersetuju merafakkan sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran negeri supaya dapat melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan memuaskan demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbincangan.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Bismillahi rahmani rahim.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Negeri Terengganu Darul Iman, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai dan kakitangan kerajaan negeri Terengganu. Alhamdulillah, kelmarin sama-sama kita mendengar dan meneliti Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu Darul Iman, Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Di dalam ucapan baginda yang menyentuh soal tema pembangunan negeri yang bertemakan **Membangun Menurut Islam**. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana mampu menyelenggarakan beberapa perkara yang menjadi asas dan dasar kepada pemerintahan negeri terutama sekali dalam soal pendidikan dan pembentukan sahsiah seluruh rakyat di dalam negeri Terengganu Darul Iman, yang kita kira akan melahirkan generasi yang benar-benar dapat membangunkan negeri Terengganu sama ada pembangunan yang disebut sebagai pembangunan fizikal dan mental.

Di mana di dalam pendidikan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri berhubung dengan pendidikan yang rasmi, yang melibatkan pusat-pusat pengajian yang rasmi di bawah pengelolaan kerajaan negeri yang kita rasa sekian lama sistem pendidikan yang diajar oleh pihak berkuasa dahulu tentang kesyumul pendidikan yang kadang kala menjadi satu benda yang terasing di antara agama dengan subjek-subjek yang lain. Oleh yang demikian lahirlah beberapa individu yang mana mereka berkemampuan dengan urusan dunia tetapi dalam soal kerohanian mereka terlalu miskin. Satu dasar yang baru di mana pendidikan yang akan diserapkan ke dalam institusi-institusi pendidikan Kerajaan Negeri yang amat-amat diharapkan oleh Sultan, Duli Yang Maha Sultan Terengganu Darul Iman supaya melahirkan pelajar-pelajar yang benar-benar mempunyai kejayaan dunia dan di hari akhirat. Maka lantaran itu kita memperluaskan sistem pendidikan Islam melalui kaedah-kaedah pendidikan yang telah dibentuk sehingga insya Allah akan melahirkan generasi yang benar-benar mempunyai tasawuf pemikiran Islam yang jelas walau apapun mereka berada di dalam bidang ataupun fakulti masing-masing. Yang mereka memahami tugas dan tanggungjawab mereka akan mainkan apabila mereka keluar daripada institusi pengajian ini mereka akan berkhidmat untuk kemajuan dunia dan mereka juga akan berkhidmat kemajuan di hari akhirat.

Maka begitu juga kerajaan negeri mula memperkenalkan sistem pendidikan yang lebih syumul kepada masyarakat awam, di mana masyarakat awam ini kalau saya bagi kepada dua yaitulah golongan awam yang biasa dan golongan awam yang terlibat dengan PPRT ataupun Program Rakyat Termiskin, di mana kita perkenalkan kepada masyarakat umum melalui kemudahan-kemudahan kerajaan negeri yang ada supaya masyarakat umum mengenal Islam secara yang lebih syumul dan lengkap. Dan mereka beramal dengan Islam secara yang lebih syumul dan lengkap bukan saja beramal dengan Islam dalam soal-soal yang tertentu seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, bertahilil tetapi kita mahu supaya rakyat bertanggungjawab dan menyedari bahawa segala benda yang disampaikan oleh Rasulullah kepada manusia termasuk peperangan, pendamaian, soal-soal yang menyentuh hubungan diplomatik dan soal pemerintahan negara adalah soal agama yang mesti diambilkan oleh masyarakat termasuk masyarakat Islam di Negeri Terengganu Darul Iman ini. Sebab itulah kita perkenalkan melalui ilmu-ilmu di semua peringkat dan kita menggunakan segala kemudahan yang ada bagi memberi kefahaman kepada generasi yang sekian lama dijajah sejak dari zaman penjajah dahulu. Dan yang mendukacitakan apabila pemimpin-pemimpin umat Islam mereka menyambung semula mesej yang disampaikan oleh penjajah yang mana penjajah sekian lama menjajah orang Islam dengan mengasingkan di antara agama dan politik, agama dan pemerintahan, agama dengan perkara-perkara lain yang menyebabkan berlaku penyelewengan di dalam pentadbiran. Kerana dianggap apabila bertindak di dalam pentadbiran tidak ada hubung kait dengan masalah agama, apabila ada pangkat, kedudukan dalam negara tidak ada kena mengena dengan agama maka lahirlah pemimpin-pemimpin yang rakus, yang banyak menyeleweng dan sebagainya untuk kepentingan individu, kepentingan kroni dan sebagainya. Hal yang seumpama ini kita sedar memerlukan kepada masa yang panjang untuk kita membentuk dan Alhamdulillah dalam tempoh setahun lebih, kita Alhamdulillah dapat mencorakkan masyarakat ke arah memberi kejayaan kepada matlamat yang kita rancang.

Begitu juga dengan program kesedaran secara syumul kepada satu golongan yang kurang bernasib di dalam negeri Terengganu ini di mana kita memerhatikan bahawa sekian lama mereka ini diulik dan mereka diberi dengan kewangan walaupun tidak banyak tetapi bagi mereka ini dirasakan satu sumbangan yang besar. Tetapi sayang di sana apabila kita tidak dalam kesempatan ini memberi kesedaran Islam yang sewajarnya kerana kesedaran Islam ini merupakan motivasi ataupun

17 APRIL 2001

semangat yang baru yang akan lahir di dalam jiwa golongan ini supaya mereka boleh berusaha dan mereka maju ke hadapan. Sekiranya, dengan izin Tuan Yang Dipertua, sekiranya kita meletakkan golongan miskin satu golongan yang menjadi sasaran politik beberapa pihak tanpa kita mengira kepentingan mereka di hari akhirat. Apa yang menyedihkan kadang kala golongan ini mereka miskin di dunia tetapi mereka juga miskin untuk bekalan di hari akhirat. Apabila mereka diulik dengan kewangan yang seumpama ini dan kadang kala menampakkan kita, saya bukan buat satu tuduhan tetapi menampakkan sikap sesetengah pihak sekiranya ada golongan miskin di dalam negara ini mereka rasakan inilah golongan yang boleh diperalatkan. Sebagai contoh apabila dekat dengan pilihan raya dikurung golongan ini di pusat-pusat latihan dan sebagainya dan diberi macam-macam perkara supaya memastikan kerajaan yang memerintah mencapai kemenangan dan sebagainya tanpa diberi kesedaran soal agama yang sewajarnya dan tanpa diberi kesedaran kepada golongan ini walaupun mereka adalah golongan yang miskin. Tetapi seharusnya ada ketegasan bagi mereka dengan cara menolak segala kebatilan dan menerima segala kebenaran walaupun kebenaran ini dari mana saja datang. Ini sepatutnya ditanam dan perkara ini dalam ruang lingkup pendidikan kita cuba mengajar kepada mereka supaya mereka menolak kebatilan. Dari mananya saja datang kebatilan sama ada kebatilan ini datang daripada pembangkang negeri Terengganu ataupun datang daripada kerajaan negeri Terengganu, kita berlapang dada. Sekiranya kebatilan ini datang mesti ditolak supaya generasi yang miskin ini mempunyai pendirian yang tersendiri dalam menentukan arus masa depan mereka itu sendiri.

Begitu juga saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah apabila pihak kerajaan Terengganu merancang untuk menubuhkan beberapa pusat yang baru yang sekian lama tidak ditubuh walaupun berkemampuan untuk mengadakan perkara ini seperti mana Pusat Rawatan Islam. Pusat Rawatan Islam yang mempunyai ciri-ciri keIslaman yang tersendiri. Walaupun perkara ini kita sedar Kerajaan Pusat dengan kuasa yang begitu banyak, dengan tenaga begitu banyak, kewangan begitu banyak tambahan pula kewangan yang telah dirampas daripada Kerajaan Negeri, seharusnya diberi sumbangan perkhidmatan Pusat Rawatan Islam ini kepada Negeri Terengganu Darul Iman dan negeri-negeri yang lain. Walau macam mana sekalipun melalui kemampuan yang ada pada kita, walaupun tidak sebanyak dahulu tetapi insya Allah dengan kemampuan yang ada, insya Allah kita akan menubuhkan satu Pusat Rawatan Islam yang mengasingkan di antara orang lelaki dengan orang perempuan dalam beberapa kes yang tertentu. Walaupun dalam Islam ada benda yang darurat yang diizinkan tetapi kita rasakan ... umpamanya melahirkan anak. Melahirkan anak orang perempuan nak melahirkan anak tiba-tiba orang lelaki pergi sambut, yang nak sambut pula bermisai, dengan misai, dengan apa Ini kita rasakan satu benda yang boleh diterima oleh seluruh umat Islam dan benda ini adalah benda kebaikan kita bersama. Insya Allah, saya kira kerajaan negeri akan ... telah merancang dan insya Allah kita mahu lihat satu kejayaan di masa hadapan.

Dan begitu juga insya Allah kita akan menubuh satu Pusat Penyeliaan gejala dadah. Satu Pusat Penyeliaan gejala dadah di mana kita lihat angka orang yang menjadi penagih dadah ini meningkat dari sehari ke sehari dan ini adalah membimbangkan. Punca-punca peningkatan ini sebenarnya melibatkan satu benda yang besar, satu benda yang luas. Walau macam mana sekalipun insya Allah, Pusat Penyeliaan gejala dadah ini juga akan diwujudkan sendiri oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman.

Begitu juga apa yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam Titah baginda menyentuh masalah kewangan. Dan sememangnya apabila kita membincangkan agenda-agenda seperti mana sebahagiannya telahpun saya sebut sekejap tadi kita berdepan dengan masalah kewangan yang agak serius. Tetapi insya Allah dengan cara dan polisi yang dibuat oleh kerajaan kita dapat meneruskan juga agenda pemerintahan Negeri Terengganu Darul Iman mengikut jadual, insya Allah. Jadi di antara langkah-langkah yang saya mengucapkan syabas dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada intelek-intelekt, profesional-profesional yang memberi kerjasama yang begitu baik kepada hasrat yang murni yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Di antaranya, umpamanya apabila kita menubuhkan Panel Perunding Ekonomi yang akan membincangkan satu tempoh di antara 2001 sehingga 2005 yaitulah pakar-pakar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia yang diurusetia oleh pihak UPEN dalam membentuk pelan tindakan ekonomi rakyat Negeri Terengganu Darul Iman. Kita yakin dengan wujud pelan yang seumpama ini kita akan lebih jelas nampak bagaimana punca pendapatan yang sebelum daripada ini mungkin kita tidak ada, kita akan nampak bagaimana punca-punca pendapatan yang lain akan masuk kepada kerajaan Negeri Terengganu. Dan insya Allah, pelan ini kita akan gunakan, kewangan ini kita akan gunakan kepada agensi-agensi ataupun pusat-pusat ataupun badan-badan yang amat-amat memerlukan kepada bantuan sama ada yang segera mahupun bukan segera.

Begitu juga satu kejayaan yang kita tunjuk apabila kerajaan Negeri Terengganu memerintah kita dapat memperkemaskinikan semula sistem zakat yang mana kita rasakan satu angka penambahan yang begitu baik, yang boleh membantu generasi ataupun golongan yang miskin dan sekali gus dapat membantu kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Saya mengucapkan syabas kepada pihak yang terlibat dalam menyelia masalah pungutan zakat dan Alhamdulillah tanggungjawab rakyat kepada Negeri Terengganu Darul Iman yang menetap di merata-rata tempat termasuk yang menjadi *businessman* ataupun ahli-ahli perniagaan yang duduk di luar negara, mereka sanggup pulang membayar zakat dengan rasa penuh tanggungjawab memberi dorongan bantuan kepada kerajaan Negeri Terengganu. Dan ada di antara mereka ini orang yang kita rasa dahulunya mereka ini tidak berpolitik tetapi Alhamdulillah setelah mereka melihat bagaimana kejujuran dan bagaimana keikhlasan untuk kita menegakkan Islam di dalam Negeri Terengganu menyebabkan mereka rasa terpanggil untuk balik dan membayar zakat kepada Negeri Terengganu Darul Iman. Dan saya yakin pertumbuhan ini akan terus tumbuh dengan subur dari tahun ke setahun, insya Allah. Dan inilah tanggungjawab daripada generasi luar, generasi rakyat Terengganu walaupun mereka berada di luar daripada Negeri Terengganu Darul Iman. Sebab itulah kita rasakan satu perkara yang boleh meyakinkan pemerintahan, masa depan pemerintahan kerajaan Terengganu Darul Iman.

Begitu juga dengan penubuhan Tabung Darul Iman yang sekarang ini berjaya mengumpulkan sejumlah wang sebanyak RM2.6 juta dan tabung ini akan digunakan untuk membela, membiayai golongan fakir miskin yang berada di dalam Negeri Terengganu Darul Iman. Dalam kesempatan ucapan ini saya memberi satu cadangan kepada pihak kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman supaya pelancaran Tabung Darul Iman ini akan dibuat dan diisytiharkan di semua daerah-daerah yang ada di dalam Negeri Terengganu Darul Iman bagi menyedarkan rakyat betapa perlunya sumbangan daripada mereka kepada Negeri Terengganu Darul Iman, bukannya mereka nak mengharapkan sumbangan daripada kerajaan kepada mereka. Tapi kita mahu mendidik mereka supaya mereka juga bertanya apakah sumbangan yang harus diberikan oleh setiap individu rakyat

17 APRIL 2001

di dalam Negeri Terengganu Darul Iman demi untuk kemajuan negeri mereka yang digelar sebagai Darul Iman dan boleh dipanggil Darul Ehsan sekarang ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, syabas saya ucapkan kepada kerajaan Negeri Terengganu yang berjaya melahirkan sikap rasional dalam pentadbiran kerajaan. Dan kerajaan Negeri Terengganu masih lagi berjaya bertindak mengikut lunas-lunas perundangan di dalam negeri ini. Walaupun ada unsur-unsur daripada luar yang seolah-olah mendesak Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri bertindak dengan emosional, bertindak dengan cara melepaskan geram dan sebagainya melalui seluruh saya rasa, siaran-siaran media massa di dalam negara kita yang menekan, yang menfitnah dan mengancam kedudukan Kerajaan Negeri dan merancang segala-galanya seolah-olah tidak ada yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang betul dan benar. Semuanya salah, semua silap ditabur dengan berbagai-bagai fitnah dan sebagainya. Tetapi Alhamdulillah dengan ketabahan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar bersama dengan seluruh Exco-exco dan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersabar dan dapat menentukan corak pemerintahan Kerajaan Negeri ini mengikut lunas-lunas perundangan yang sedia ada. Dan kita tidak banyak menjawab tohmahan-tohmahan yang tidak benar, tohmahan-tohmahan yang kadang kala di luar daripada bidang profesional itu sendiri.

Walau macam mana sekalipun, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Wakil daripada Pengkalan Berangan, bagaimana kemudahan pinjaman mudah yang sepatutnya diberikan kepada mana-mana negeri yang mempunyai hak demi untuk membangunkan masyarakat ataupun rakyat di dalam negeri, yang sudah tentunya memberi keuntungan kepada semua pihak bukan memberi keuntungan kepada segelintir ataupun satu pihak daripada parti PAS ataupun daripada UMNO, daripada parti-parti lain. Tetapi di dalam soal pembangunan ini satu benda yang memberi keuntungan kepada seluruh rakyat dan tambahan pula bahawa pemerintahan Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh UMNO mengembar-gemburkan bahawa mereka memperjuangkan nasib orang Melayu. Dan saya nak jelaskan bahawa di antara negeri yang mempunyai majoriti masyarakat Melayu adalah Negeri Terengganu Darul Iman dan Negeri Kelantan yang seharusnya, sepatutnya sekiranya mereka nak menjayakan matlamat mereka seharusnya mereka mestilah memberi pinjaman-pinjaman mudah dan sebagainya kepada kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Tetapi apa yang mendukacitakan seolah-olah mereka tidak lagi mengiktiraf sistem federalisma yang ada di dalam negeri kita. Dengan berfikir cara orang yang tidak waras dan orang yang seolah-olah berfikir dengan cara yang sempit menyebabkan tindakan yang dilakukan merugikan bangsa mereka sendiri dan merugikan segala orang. Sebab itulah kami di dalam PAS, kami menyatakan bahawa soal perjuangan, dasar perjuangan kita perjuangkan di atas nama Islam bukannya di atas kepentingan bangsa yang sempit itu sendiri.

Jadi oleh sebab itu sikap istiqamah, sikap sabar yang ditunjuk oleh Kerajaan Negeri walaupun kita berdepan dengan kegawatan yang seumpama ini kita sabar kita istiqamah dalam memberikan penjelasan-penjelasan kepada rakyat. Kerana kita memahami segelintir walaupun tidak besar sekarang, segelintir yang kecil masih ada masalah-masalah teknikal berpunca sama ada daripada masyarakat di kampung yang tidak memahami tentang dasar dan matlamat pemerintahan Kerajaan Negeri Terengganu maka kita meletakkan bahawa tempoh ini kita bersabar, beristiqamah memberi penjelasan yang sebaik-baik kepada mereka. Insya Allah, mudah-mudahan suatu masa nanti mereka akan memahami dasar kita dan mereka akan menerima kebenaran kerana kita yakin fitrah

17 APRIL 2001

manusia itu tidak lama mereka akan balik kepada fitrah yang asal yakni kepada keadilan, kepada ketelusan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kepungan ekonomi Negeri Terengganu yang disifatkan seolah-olah Amerika mengepung negara Iraq yang berlaku di dalam negara kita, di hadapan mata kita yaitulah kepungan ekonomi daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Kalau dibincangkan di sudut rasional sememangnya perkara ini tidak rasional, dibincangkan di sudut perundangan sememangnya perkara ini di luar daripada batas-batas perundangan, dibincang di sudut kemanusiaan perkara ini juga di luar daripada batas-batas kemanusiaan. Tetapi saya nak mengingatkan terutama sekali kepada wakil-wakil daripada pembangkang kita mesti berfikir secara rasional. Apabila tindakan yang kita buat seolah-olah seorang bapa yang menganayai kepada seorang anak, Kerajaan Persekutuan yang merckan, menindas Kerajaan Negeri. Perkara ini bukan saja dibaca oleh penganalisa-penganalisa dalam negara kita tapi dia baca sekarang ini oleh dunia. Kerana dunia yang mempunyai hubungan globalisasi, mempunyai IT, dunia seolah-olah berada di tangan kita, dunia dalam rumah kita maka perkara ini dibaca oleh seluruh ahli ekonomi, ahli-ahli politik, ahli-ahli penganalisa di peringkat antarabangsa, di seluruh dunia. Maka ekoran daripada itulah masa depan negara akan gelap apabila pelabur-pelabur asing melihat satu sistem perundangan, cara bertindak Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang amat-amat membimbangkan kepada pelabur-pelabur asing.

Saya sebelum daripada ini pernah bercakap dengan golongan-golongan profesional, golongan-golongan pemikir masa depan negara dan masa depan politik. Apabila berlaku perkara di luar batas-batas undang-undang maka pelabur-pelabur asing merasakan satu benda yang cukup meragukan mereka untuk datang melabur ke negara. Maka apabila pelabur tidak datang ke negara kita disebabkan oleh sikap, cara bertindak yang tidak waras, tidak wajar daripada Kerajaan Persekutuan perkara ini akan merugikan negara sekali gus akan merugikan pembangunan, perkembangan ekonomi di dalam negara kita. Sudahlah kita berdepan dengan kegawatan ekonomi yang belum lagi kita boleh tangani dan kita berdepan arus ekonomi yang baru setelah kemelesetan ekonomi, kelembapan ekonomi yang dihadapi oleh kuasa besar dunia yaitulah Amerika Syarikat maka kesan ini akan mempengaruhi negara kita. Ditambah pula dengan sikap yang tidak rasional yang ditunjuk oleh pemimpin Kerajaan Persekutuan menyebabkan pelabur-pelabur lari daripada negara kita. Adakah kita hanya menumpukan kepada pandangan politik yang sempit, marah kepada kerajaan PAS Negeri Terengganu tarik royalti menyebabkan kita terpaksa menanggung beban pelaburan berbilion-bilion ringgit kerajaan terpaksa menanggung kerugian. Dan ini disebut oleh salah seorang daripada wakil yang menganjurkan *Takkan Hilang Melayu Di dunia*, mereka menentang walaupun mereka ini bukan daripada golongan PAS menentang cara bertindak kerana cara ini adalah cara sempit, cara yang tidak rasional yang menyebabkan negara terpaksa menanggung beban kerugian yang begitu besar. Dan sebab itulah majlis ini bertukar menjadi majlis untuk menghentam pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Saya bercakap bukan saya bersetuju dengan majlis begitu begini tapi soal rasional pentadbiran di dalam negara kita dalam arus kita berdepan macam-macam ancaman dalam negara kita seharusnya kita bersatu dalam perkara ini dan kita menerima hakikat bahawa suasana yang ada dalam negara kita ini adalah sistem federalisma yang mesti kita menghormati antara satu sama lain.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebab itulah tindakan walaupun saya yakin dan percaya tidak semua kabinet-kabinet di dalam negara kita yang memegang Kementerian-kementerian

17 APRIL 2001

bersetuju dengan sikap seumpama ini. Tetapi oleh kerana sikap tunduk, patuh kepada pemimpin walau apa saja yang dilakukan maka tindakan ini terpaksa diteruskan. Secara lebih mudah saya sebut dalam UMNO sudah ... dalam kepimpinan Kerajaan Persekutuan yang didalangi oleh UMNO sudah lahir mesti taat dan patuh apa saja arahan walaupun bertentangan agama, bertentangan dengan apa sekalipun mesti taat dan patuh kepada kepimpinan yang mengeluarkan arahan. Maka lahirlah macam-macam perkara yang membebankan rakyat secara keseluruhannya di dalam negara kita. Sebab itulah suka saya sebut tindakan yang dibuat dalam negara kita ini seolah-olah tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa Perdana Menteri dalam negara kita bersama dengan konco-konconya bertindak seperti mana orang gila, minta maaf dengan izin Tuan Yang Dipertua, seolah-olah tidak ada lagi undang-undang yang boleh mengatasi mereka. Dan inilah sebenarnya yang ditimbulkan secara langsung oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu dalam titah ucapan, dukacita kerana suasana ekonomi yang berlaku dalam Negeri Terengganu yang sebenarnya mempunyai sebab-sebab yang begitu luas yang menjadi punca kepada kegawatan ekonomi di dalam negara kita. Kerana pemikiran politik yang begitu sempit dan tindakan-tindakan di luar daripada batas-batas undang-undang menyebabkan secara automatik Negeri Terengganu Darul Iman juga terpaksa berdepan dengan kegawatan ekonomi itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, satu cadangan bagi menguatkan ekonomi kepada Negeri Terengganu Darul Iman dan saya yakin dan percaya bahawa ianya mula dirancang dan telah dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri, iaitulah dengan cara kita mengambil kesempatan daripada sumber-sumber asli di dalam Negeri Terengganu Darul Iman seperti mana balak, pertanian, air dan lain-lain sumber yang dikira sebagai sumber asli. Yang mana sebahagiannya telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Exco Kanan, di mana di samping kita meningkatkan kadar premium kepada pembalakan, sekiranya kita dapat memperbanyakkan kegiatan pembalakan ini dengan cara kita mengambil hasil balak daripada hutan dan diproses oleh Kerajaan Negeri. Umpamanya sebagai contoh, sebagai misalan kalaulah sebatang balak harganya RM500.00 sekiranya diproses menjadi kayu maka sebatang balak tidak kurang daripada RM2,000.00 ataupun lebih daripada angka RM2,000.00. Dan sekiranya digunakan lagi menjadi alat perabot dan sebagainya maka sudah tentulah mungkin mencecah harga berjuta ringgit dengan sebatang balak, dengan sebatang balak mencecah harga yang begitu tinggi. Dan ini sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu Darul Iman dan sekali gus dalam perancangan untuk kita membasmikan kemiskinan di Negeri Terengganu kita akan terhasil, insya Allah. Begitu juga dengan hasil-hasil pertanian, sekiranya kita mewujudkan kilang-kilang dan sebagainya untuk mengetin dan memproses supaya ianya menjadi hasil barulah kita export ke luar negeri mahupun ke luar negara. Begitu juga kekayaan air mineral seperti mana kalau kita proses sebahagian daripada air di Tasik Kenyir dan sebagainya semua in akan membuka peluang pekerjaan yang begitu banyak kepada rakyat di dalam Negeri Terengganu dan sekali gus kerajaan akan memperolehi keuntungan yang besar hasil daripada perindustrian-perindustrian seumpama ini.

Begitu juga dengan sistem pelancongan yang ada di dalam negara seharusnya kita majukan ke hadapan dengan cara kita menambahkan khidmat-khidmat pelancongan. Dan sekiranya Kerajaan Negeri boleh *handle* beberapa cara di dalam industri pelancongan ini bagi membolehkan pelancongan menjadi salah satu sumber yang besar kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Dan ita lihat bahawa pelancongan ini sememangnya memberi *input* yang mudah kepada rakyat Negeri Terengganu secara *direct*, secara terus kepada mereka. Dan kita mahu walaupun tidak ada

kemasukan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, kita telah berjaya memberi sebahagian daripada peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar satu perkara yang membimbangkan di dalam Negeri Terengganu dan negeri-negeri lain yaitulah gejala sosial dan keruntuhan moral. Gejala sosial dan keruntuhan moral ini amat membimbangkan, dengan kuasa yang terhad yang ada pada Kerajaan Negeri untuk kita membendung gejala yang seumpama ini kita rasakan satu perkara yang amat sukar dan amat sulit. Tetapi sekiranya ada kerjasama dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan saya amat-amat mengharapkan semoga luahan ini akan menjadi persefahaman secara bersama di antara parti pembangkang yang ada dalam Negeri Terengganu. Kerana ianya mempunyai hubungkait dengan masyarakat kita, dengan bangsa kita di dalam Negeri Terengganu Darul Iman ini. Apa yang saya sebut di dalam ucapan ini yaitulah masalah yang besar yang kita hadapi, dengan kuasa yang sedikit yang ada pada Kerajaan Negeri hanya kita dapat menggubal beberapa Enakmen yang tidak luas demi untuk membendung gejala sosial dan moral. Kita juga mengharapkan supaya adanya Akta-akta secara rasmi membendung dengan penuh tanggungjawab daripada Kerajaan Persekutuan, yang mana di antara punca gejala sosial dan moral tidak lain tidak bukan lahir daripada wujudnya anasir-anasir yang lain seperti kilang arak, tempat-tempat perjudian, tempat-tempat maksiat, pelacuran dan sebagainya yang mesti diharamkan oleh Kerajaan Pusat melalui nas bukan diharam apabila tidak berlesen dan menjadi halal apabila berlesen. Kita mahu mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t. dan menghalalkan apa yang dihalal oleh Allah s.w.t.

Satu badan bebas daripada Amerika Syarikat dan daripada negara Jordan. Badan di Amerika Syarikat yang bernama *National Gambling Impact Study Commission* dan begitu juga badan daripada Jordan yang terkenal yang dipanggil *Muasassah Ahubait*, membuat ulasan yang cukup baik hasil daripada kesan arak dan judi memberi kesan negatif yang banyak kepada wujudnya kerja-kerja jenayah di dalam masyarakat. Yang disebut yang pertamanya, hubungan judi dengan penagihan dadah. Yang kedua, pertambahan penceraian lima kali ganda disebabkan perjudian. Pertambahan potensi jenayah empat kali ganda hasil daripada negara ada kilang judi dan tempat arak. Yang keempat, merosakkan hubungan antara kawan dan keluarga. Yang kelima, pertambahan kes bunuh diri di dalam negara disebabkan adanya dua institusi yang haram ini. Ditambah oleh *Muasassah Ahubait* yaitulah laknat daripada Allah s.w.t. kepada penjual, pembeli, pekerja, pengeluar lesen, penyokong kepada kerajaan yang mengeluarkan lesen. Dan semua orang-orang yang terlibat dengan kegiatan haram ini akan dilaknat oleh Allah s.w.t. di dunia dan di hari akhirat.

Apa yang mendukaitakan kepada saya secara khusus dan kepada umat Islam secara umum di dalam negara kita ini, bagaimana wujudnya syarikat-syarikat Kerajaan Persekutuan yang melaburkan sebahagian besar daripada hartanya di pusat-pusat judi, pusat-pusat arak seolah-olah kerajaan berbangga negara kita ini terdedah dengan kerja-kerja jenayah. Kerana benda ini tidak boleh dibendung, kalau kita wujudkan sebuah kilang arak kita tidak boleh nafikan sebahagian daripada orang yang mabuk arak mereka akan bertindak dengan cara jenayah. Di mana laporan-laporan yang rasmi di antaranya yang tercatat di dalam akaun awam Persekutuan 1999 dan boleh diambil sumber ini daripada BSKL, di mana di antaranya Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang mempunyai jumlah saham 45,162,666 saham di dalam sebuah syarikat yaitulah Syarikat Resort

World Berhad, yang menjadi syarikat yang begitu besar yang mengendalikan soal arak dan judi. Sebab itulah saya amat-amat rasa terkilan dan rasa harian apabila Kerajaan Persekutuan menganggapkan negara kita negara Islam dan kita mahu kepada Islam, kita mahu bendung jenayah tetapi kesungguhan untuk membendung jenayah ini adalah meleset, adalah kurang sama sekali. Bahkan seolah-olah boleh kita kata, tidak keterlaluan sekiranya kerajaan seolah-olah pendorong kepada kerja jenayah ini. Kerana ini adalah suatu perkara yang mesti berlaku apabila wujudnya benda yang seumpama ini. Dan yang lebih mendukacitakan lagi yaitulah Kerajaan Malaysia sendiri di bawah Kementerian Kewangan melaburkan sejumlah yang begitu besar di dalam syarikat judi yaitulah Syarikat Metroplex, Syarikat Berjaya Group Berhad, Syarikat Sport Toto Malaysia. Ini adalah syarikat-syarikat bahkan badan Kerajaan Persekutuan sendiri yang memberi dorongan, pemangkin kepada pusat-pusat kegiatan ini.

Dan di hadapan saya ini ada beberapa individu, nama-nama orang-orang yang penting di dalam Kerajaan Persekutuan yang terlibat menjadi Pengerusi kepada syarikat arak, menjadi Pengerusi kepada syarikat judi, Pengerusi kepada Genting Highland dengan izin bekas Ketua Polis Negara. Dan banyak lagi senarai-senarai kalau saya baca amat memakamkan masa tetapi perkara ini sekiranya kita meneliti di dalam karangan-karangan buku-buku yang ditulis oleh profesional, bagaimana bantahan mereka secara terbuka dan profesional supaya dalam soal yang seumpama ini kita mesti berpakat, bersatu jangan kita sebagai pembangkang yang suka kadang kala baca ayat, baca hadis:

Katakan yang benar walaupun itu pahit. قل الحق ولو كان مرا

افضل الجهاد كلمة حق عند سلطان جائر

Seafdal-afdal jihad yaitulah kita menyatakan yang benar di hadapan pemimpin yang zalim. Ini adalah satu kezaliman agama, kezaliman kepada kemasyarakatan, kezaliman kepada kerohanian di dalam negara kita. Sepatutnya kita bersatu, kita suarakan perkara ini. Tak payah bimbanglah, jangan sekali-kali kita berpolitik dan kita takut kepada pemimpin, nak tegur takut orang pecat. Tak dok masalah atas dunia ... jangan. Dan saya ucapkan syabas kepada bekas Timbalan Perdana Menteri yang dipecat kerana menyatakan kebenaran kepada masyarakat. Sepatutnya dijadikan contoh oleh semua, katakanlah kebenaran walaupun iaitu sebagai satu benda yang pahit. Sebab itulah dan banyak lagi senarai-senarai masalah penglibatan kerajaan secara khusus dan ada penglibatan yang tidak secara direct tetapi dia melibatkan soal industri judi dan arak yang begitu luas, yang begitu membahayakan negara kita.

Sebab itulah saya tidak harian kalau sampai peringkat pemimpin dalam negara terlalu anti kepada nama Islam dan sebagainya. Kerana apa, ini sikap mereka dan memang orang seumpama ini akan anti kepada sistem Islam. Kerana kalau negara kita dijalankan sistem pemerintahan Islam, siapa saja yang terlibat dengan perkara ini akan dihadapkan ke mahkamah dan akan dikenakan hukuman yang seadil-adilnya. Sebab itulah generasi yang merasakan mereka berkepentingan, generasi ini pasti akan menolak keadilan Islam, menolak syariat Islam kerana syariat Islam akan mengakibatkan kepentingan mereka. Jadi sebab itulah saya menyeru kepada semua supaya kita berwaspada jangan sekali-kali kita melibatkan diri dengan kegiatan yang sejijik ini. Arak dan judi adalah kegiatan yang paling jijik jangan sekali-kali kita menjadi penyokong kepada kerajaan yang menganjurkan

benda-benda yang jijik. Kerajaan yang menganjurkan benda-benda yang seumpama ini kerana dia adalah berdosa, dia adalah haram yang disebut oleh Nabi s.a.w. yang bermaksud: *Sesiapa yang mendorong kepada kebaikan nescaya dia akan dapat ganjaran seperti mana orang buat kebaikan. Dan sesiapa yang mendorong, menyokong kepada kemungkaran laknatnya sama dengan orang buat kemungkaran.*

Inilah yang kita perjelaskan dan ini sepatutnya menjadi motif utama, matlamat utama kepada semua pihak tidak kira parti, tidak kira keturunan tetapi ini adalah tanggungjawab orang yang mengucapkan dua kalimah syahadah

أشهد ان لا اله الا الله

Ini sepatutnya menjadi tanggungjawab. Dan tanggungjawab yang seumpama ini seharusnya kita tanam, kita laksanakan dalam negeri kita, dalam negara kita supaya rakyat kita, masyarakat kita selamat dengan ancaman-ancaman yang begini merbahaya kepada masyarakat Islam secara umum.

Sebab itu saya mengucap swabas apabila Majlis Raja-Raja mengisytiharkan bahawa penggunaan nama Islam kepada parti politik dan mana-mana badan pertubuhan dibenarkan bahkan digalakkan untuk menggunakan perkara ini yang memberi kesan yang positif yang cukup banyak kepada perkara-perkara yang seumpama ini. Memberi kesan positif yang banyak sekurang-kurangnya dengan nama Islam sama ada parti politik dan kita seru kalau UMNO bubuh nama Islam, comel ... tukar semula bubuh nama Islam comel, jangan duduk dengki dengan orang. Bubuh nama Islam tak jadi masalah, comel kalau bubuh. Dan begitu juga dengan badan-badan, sekurangnya kalau dinamakan dengan Islam nak melabur dengan kilang arak, syarikat judi rasa malu kerana badan dia mana Islam, sekurang-kurangnya di samping membentuk benda-benda yang lain.

Sebab itulah saya menyarankan kepada semua dalam Dewan yang mulia mudah-mudahan kita bertekad dan kita bersikap positif dalam menangani isu-isu, masalah-masalah yang menjadi kepentingan kita bersama. Jangan kita bersikap membangkang semua yang dibuat dibangkang seolah-olah tidak ada yang baik, tidak ada yang benar. Dan yang mendukacita kadang kala pelaksanaan Kerajaan Negeri yang berteraskan kepada Al-Quran dan Hadis juga dibangkang, juga dibangkang. Ini yang menjadi masalah yang besar kepada kita semua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira setakat itu saja ulasan daripada titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Al-Sultan Mahmud Al-Muktafi Billahshah, mudah-mudahan ucapan ini, titah ini, ulasan ini memberi manfaat kepada kita semua. Sekian, wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPIERTUA: Terima kasih kepada Wakil Kuala Besut. Sila Kemasik.

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah
warabil alami wabihi nastain.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang
Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan yann saya hormati sekalian. Pertamanya
saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana telah
memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha
Mulia Tuanku semasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku merasmikan Dewan kita semalam.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku di dalam titah ucapannya ketika merasmikan persidangan Dewan
Negeri Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kesepuluh pada pagi kelmarin, telah menyentuh
beberapa aspek yang penting lebih kurang 12 semua, termasuk pendidikan, perumahan, pelaburan,
sumber manusia, projek infrastruktur, pelancongan, usahawan, pertanian, kemudahan sosial dan
bermacam-macam lagi. Dan kita dapati bahawa ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang
pertama, mula-mula Duli Yang Maha Mulia Tuanku berucap menyentuh perpaduan. Di antara
berpuluh-puluh aspek yang disentuh perpaduan yang disentuh pada awal ucapan Duli Yang Maha
Mulia Tuanku. Dan ini menunjukkan bahawa perpaduan memainkan peranan yang penting dalam
membangunkan sesebuah negeri sama ada pentadbirannya ataupun pembangunannya. Kalau kuat
sesebuah perpaduan, sesebuah negeri kuat, perpaduan sesebuah negara kuat sudah tentu
pentadbiran negeri atau negara tersebut menjadi kuat dan untuk membangunkan pembangunan di
negeri tersebut akan bertambah kuat. Jika perpaduan di sebuah negeri atau negara lemah, berlaku
perpecahan dan ini akan mengakibatkan lemah pentadbiran dan lemah dalam segi pembangunan.
Dan ini saya rasa yang berlaku di Negeri Terengganu hari ini. Negeri Terengganu kerajaan PAS
hari ini telah gagal bagi mewujudkan perpaduan di kalangan seluruh rakyat Negeri Terengganu ...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
..... sebagaimana kita sedar, sebagaimana yang kita ketahui sejarah telah membuktikan

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat,
Terengganu ke Selangor? Salah faham tu, di Selangor tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Masa Yang Berhormat Kuala Besut bercakap kita tak ganggu, tak apa.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya minta
laluhan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya tak beri laluhan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Izinkan saya meneruskan ucapan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Permaisuri, laluhan tidak ada.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Mohon laluhan.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Tak ada laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagaimana kita sedia maklum mengikut sejarah sama ada sejarah Islam dan sebagainya dan mengikut amalan-amalan yang telah dilaksanakan daripada dulu sampai ke sekarang, perpaduan bermula

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat minta laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak beri, masa Yang Berhormat ada untuk bercakap. Yang Berhormat sebut apa Yang Berhormat suka dalam masa Yang Berhormat bercakap, yang ini giliran saya.

Semua kita ketahui, daripada sejarah sama ada sejarah Islam dan sebagainya yang diamalkan daripada nenek moyang kita sehingga ke hari ini, perpaduan bermula di masjid

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): di masjidlah, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua saya minta jaga

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bukit Besi sila duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): minta Ahli-ahli Yang Berhormat mematuhi, sebab masing-masing ada peluang gunakan peluang tersebut.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Dia minta laluan.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, laluan. Sebab yang nak bangun sangat ni sebab benda hak cagak tu dok kena. Itulah bangun belaka ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebut dalam ucapan kita.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Dia panas belaka, nak buat guana.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar sila duduk, Yang Berhormat Permaisuri sila duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebut dalam ucapan kita, beri peluang kepada saya. Kalau saya kata tak betul sebut dalam ucapan.

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, semua Ahli Yang Berhormat

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat, yang mula tak dok perpaduan tu orang-orang UMNO apabila dia kalah, dia yang ambil royalti kita. Itu yang perpaduan mula-mula tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Bandar sila ambil perhatian kepada peraturan, arahan daripada saya untuk duduk. Lebuh raya masih belum dibuka, laluan tidak dibenarkan kepada orang lain. Silakan -

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Banyak gangguan. Sebagaimana yang saya sebut perpaduan bermula di masjid pada zaman dahulu, pada zaman nenek moyang ktia dahulu. Apa-apa yang sepatutnya dilaksanakan dalam sebuah tempat atau sebuah kampung ataupun dalam satu daerah ianya bermula daripada masjid. Mereka berkumpul di masjid mencari jalan penyelesaian bagi satu-satu masalah, wujudkan kerjasama, mengeratkan tali silaturahim di antara masyarakat, bermula di masjid.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Bukit Besi): Pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik); Astafirullah

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Bukit Besi, dua kali dah dia tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya ingat Tuan Yang Dipertua, Wakil Rakyat ni tak faham ke ni? Tak mematuhi Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dok dia sayang kepada Wakil Kemasik tu, nak bermanja. Silakan -

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih. Kalau ada rasa kasih sayang begitu maka kuatlah perpaduan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMAD (Wakil Bukit Besi): Kerana sayang, tolong bagi laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Laluan tak boleh, kasih sayang ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ganggu ... di masjidlah tempat mewujudkan kerjasama, merapatkan tali silaturahim di antara penduduk dan masyarakat. Dan sudah sewajarnya masjidlah bermula segala-galanya yang berbentuk kebaikan dan menjauhi daripada keburukan. Tetapi hari ini semenjak PAS memerintah Negeri Terengganu selama setahun lima bulan atau setahun enam bulan, kita dapati bahawa perpecahan bermula di masjid bukan perpaduan di masjid. Kita lihat apa dah terjadi baru-baru ini

17 APRIL 2001

seribahyang Jumat dok jadi, apa yang berlaku di Masjid Gemuruh, Tepoh pada 23 haribulan Mac tahun 2001

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kes JKKK tu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat siapa yang nutlakan UMNO ataupun PAS?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Biar saya sebut dulu awak jawab karang

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sabar .. sabar jangan marah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Betul, saya sabar insya Allah, tapi jangan buat saya tak sabar. Kan kita Wakil Rakyat ada etika dan sebagainya jaga kelakuan janganlah dalam ceramah-ceramah di luar saja duduk hentam orang. Kita sama-sama Islamkan.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Siapa ceramah hentam orang Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Beri balik royalti sama-sama Islam beri balik royalti.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Semua ambil perhatian Wakil Bandar. Wakil Paka beri laluan Yang Berhormat Kemasik untuk meneruskan ucapan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak tanya Yang Berhormat Tuan Speaker, nak beri kebenaran saya berucap ke tidak?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila –

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Berlaku perpecahan di masjid. Sebagaimana yang di

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat mohon laluan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Astafirullah

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat jangan ganggu. Sila duduk

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Sebab benda tu tak betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak betul sebutlah dalam ucapan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): dengar saya cerita dulu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sepatutnya perpaduan bermula di masjid tapi apa yang berlaku di Masjid Kampung Gemuroh, Tepoh pada 23 haribulan Mac, tak jadi sembahyang Jumaat. Dan mengikut kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negeri Terengganu; sejumlah 26 buah masjid terpaksa dijaga dan dikawal oleh pasukan Polis ketika sembahyang Jumaat. Apa dah berlaku ni? Dulu tak berlaku semasa pentadbiran Barisan Nasional. Dulu yang berlaku sembahyang dua Imam oleh dua buah masjid

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Polis dia memang pergi sembahyang Jumaat juga. Adakah Polis pergi tu dia kawal masjid tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Awak tanya Polis. Ini kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negeri Terengganu terpaksa memantau 26 masjid yang bermasalah, yang boleh menjejaskan perpaduan, yang boleh mewujudkan perpecahan. Jadi saya tak nampak mengapa sebuah kerajaan yang ada hari ini yang melaungkan untuk melaksanakan pentadbiran secara Islam tidak mendapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi ini. Ini menunjukkan bahawa kegagalan telah berlaku dalam kepimpinan PAS hari ini untuk mewujudkan perpaduan sehingga perpecahan di masjidpun tidak dapat diselesaikan. Bukan itu sahaja lantikan Jawatankuasa Masjid yang baru masih belum selesai di seluruh Negeri Terengganu sehingga ada masjid yang terbenkakai dari segi penjagaannya. Tempat saya ada sebuah masjid, dulu tiap-tiap tahun dapat anugerah kebersihan dan pengimarah masjid peringkat Negeri Terengganu. Lepas itu ditukar Jawatankuasa Masjid itu melalui pemilihan yang dibuat. Hari ini masjid tersebut terbiar kotor, tidak dijaga dan

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat mohon laluan. Yang menang tu masjid kawasan saya pula, Masjid kawasan Bukit Besi pula sebab kawasan dia kalah dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sama ada kalah menang ini masjid, saya tak fahamlah. Tak diberi penjagaan langsung sehingga katanya tanyalah Dato' Timbalan SUK dia orang kawasan tersebut, apa terjadi pada masjid tersebut katanya masuk anjing dan sebagainya. Sebab pertukaran jawatankuasa baru yang tidak memberi kecaknaan kepada membangunkan masjid tersebut. Tak cukup dengan perpecahan

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat saya mohon penjelasan. Adakah benar masjid tu masuk anjing, berapa haribulan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *ta* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ada lagi. Saya nampak Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah pihak kerajaan tidak mematuhi arahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tadi saya izinkan. Kalau Yang Berhormat nak jawab, sila jawab. Kalau Yang Berhormat tak mahu layan, itu terpulang kepada Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *ta* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak cukup dengan perpecahan yang berlaku di masjid adakan ceramah di seluruh negeri, ceramah yang membangkitkan semangat ... semangat rakyat supaya berpecah, bangkitkan semangat rakyat supaya berpuak-puak sebagaimana yang berlaku hari ini timbul puak-puak. Caci orang tertentu, maki hamun kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat, tak cukup dengan itu sindir dan kata kepada bekas-bekas pemimpin seperti yang berlaku dalam satu ceramah yang saya sebut dalam Dewan ni. Mengatakan kepada Dato' Seri Amar Wan Mokhtar, dihantar ke Arab Saudi bukan untuk jadi Duta, untuk jaga kambing dan umta. Ini keluar Jaripada pemimpin PAS

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Savang nampak

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *ta* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebab kita yang kata, banyak lagi. Lepas itu timbul peranan JSR di kampung-kampung. Ada setengah JSR tu saya dapati dan dimaklumkan bahawa lebih berkuasa daripada Pegawai Daerah. Dan ada setengah tempat katanya boleh *over-rule* keputusan yang dibuat oleh Setiausaha Kerajaan Terengganu sebagaimana yang berlaku di Sura Hujung berhubung dengan bangunan Tadika KEMAS. Hari ini JSR terutama kawasan sayalah, duduk cari yang mana salah kedai-kedai lama yang beroperasi berpuluh-puluh tahun arah suruh rombak dan sebagainya, desak Pegawai Daerah, desak itu dan ini seolah-olah tidak berperikemanusiaan langsung, menyekat rezeki seseorang.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang Dipertua, mengenai sekat saya nak tanya sedikit Yang Berhormat Kemasik. Kalau minyak royalti 23 tahun dah makan baru-baru ni disekat kenapa, siapa yang zalim?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *ta* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebut karang.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar, minta izin kepada Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *ta* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tolonglah jaga adat sopan Dewan. Kalau dalam Dewan ni kelakuan sebagaimana yang ditunjukkan hari ini, lebih teruk berlaku di luar. Kalau dalam Dewan tidak menghormati Tuan Yang Dipertua, tidak menghormati Dewan itu sendiri bagaimana untuk mengharapkan

17 APRIL 2001

menghormati undang-undang di luar dan sebagainya. Cuba kita fikir. Inilah kita kata kepelikan yang berlaku di antara pemimpin-pemimpin PAS hari ini. Lepas tu cubalah salah media massa.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Dipertua, minta penjelasan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, Wakil Kampung Raja minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya dah sebut beri peluang saya bercakap, awak cakap karang.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Biar ada adab sedikit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia sudah ada adab, dia minta izin daripada Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak payahlah, saya kata saya tak akan beri laluan. Saya minta Tuan Yang Dipertua, saya tak akan beri laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, Wakil Kemasik tidak beri laluan. Sila duduk Yang Berhormat, Bukit Besi sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya cakap bahasa Melayu, kan saya bercakap bahasa Tamil.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya harap Wakil Kemasik kalau reti Tamil cakap Tamil senang.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila duduk Wakil Bandar. Saya tak izinkan selain daripada bahasa Malaysia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Media massa, dituduh sebegitu rupa. Tadipun kita dengar media massa berat sebelah dan sebagainya. Seolah-olah media massa selama ini, surat-surat khabar yang keluar hari ini tidak pernah memuji ataupun mendedahkan kebaikan-kebaikan kerajaan Negeri Terengganu. Seolah-olah tak pernah.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang Dipertua, oleh kerana berkaitan dengan saya. Boleh Yang Berhormat bagi tahu contoh apakah media massa telah maknanya setakat ini, bilakah media massa memuji kerajaan Negeri Terengganu dengan adilnya? Bila?

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Media massa, kita lihat setelah kerajaan PAS menang di Terengganu tiap-tiap hari ada berita dan gambar Menteri Besar.

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Lapa tu saja, Allah belit macam keling ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak habis cakap lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZALI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Berita puji ke berita kutuk?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dengan saya kata, segala perancangan yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan PAS ditulis dalam surat khabar, apa yang kerajaan PAS hendak buat ditulis, disebut. Pengumuman yang dilakukan oleh Setiausaha Kerajaan disebut dengan begitu baik, termasuk perkara-perkara lain lagi. Dan ada kalanya pihak media massa menyebut apa yang disuarakan oleh pemimpin-pemimpin PAS. Kadang-kadang pemimpin PAS dalam ucapan dia menyebut perkara-perkara negatif itu yang dilaporkan oleh media massa sebab perkara yang dilaporkan. Jadi jangan tuduh sebarangan, banyak media massa, surat-surat khabar kita yang tidak berat sebelah, secara berlaku adil. Tidak sebagaimana Harakah, kita belum berjumpa lagi Harakah memuji kepemimpinan Kerajaan Pusat.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya nak minta izin sedikit. Surat khabar Utusan tu bulat-bulat, mesyuarat cawangan UMNO pun masuk dalam. Macam mana dia kata tak berat sebelah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dia surat khabar Utusan dia empat segi, dia tak bulat.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Roti canai pun bulat juga Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPIERTUA: Wakil Bandar!

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Jadi inilah perkara-perkara yang tak sepatutnya berlaku sebab itu saya kata terus teratg kerajaan PAS hari ini telah gagal menyatupadukan rakyat Negeri Terengganu. Apabila gagal dalam perpaduan bermakna pentadbiran pun ikut sana gagal. Perpaduan gagal pentadbiran gagal. PAS telah gagal dalam pentadbirannya terutama dalam melaksanakan Hukum Hudud sebagaimana yang dijanjikan. Kita pernah dengar pemimpin PAS menyatakan bahawa apabila menang Negeri Terengganu, nak melaksanakan Hukum Hudud sebelum ayam berkokok, dalam manifesto PAS pun ada.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):
Tuan Yang Dipertua, minta laluan sedikit. Yang BERTHORMAT bercakap ni faham dok Hudud ni gapo? Apa benda Hudud ni? Nak kerat tangan ke hudud ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Bentangleh dalam Dewan dulu, yang dulu duduk melaung-laungkan duduk menyalahkan kepimpinan dulu tidak melaksanakan Hudud, kepimpinan dulu taghut, kepimpinan dulu kafir. Sebab soalan yang sama pernah dikemukakan oleh pembangkang PAS ketika kerajaan Barisan Nasional dulu tapi apabila PAS memerintah, janji nak laksanakan Hukum Hudud sebelum ayam berkokok, hari ini ayam dah mati habis kena sembelih dok laksana lagi Hukum Hudud. Kita tanya perlembagaan mana yang diterima pakai? Jawapan yang kita terima perlembagaan tahun 1956, bukankah perlembagaan yang sama dengan kerajaan dulu. Kalau perlembagaan yang kerajaan dulu gunakan dicaci, dihina begitu rupa oleh pemimpin-pemimpin PAS ketika menjadi pembangkang, mengapa hari ini menggunakan perlembagaan yang sama? Ini kegagalan kerajaan yang ada pada hari ini. Selepas itu

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):
Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, bagi laluan dok?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Dok usahlah, Yang BERTHORMAT cakap dah satni panjang.

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):
Cakap seorang tak apalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya dok kacau pun Yang BERTHORMAT bercakap tadi, nak sebut apa, nak marah pemimpin Pusat dan sebagainya. Lepas tu kata nak laksanakan cukai Kharaj, tak nampak pun hari ini.

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):
Sebut molek gok sedikit nampak sangat jahil tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Ya, tak apa saya akui saya jahil.

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):
K-h-a-r-a-j.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Alhamdulillah ... saya akui saya jahil tapi beradab. Tak laksanakan sampai sekarang. Lepas itu berlaku pertukaran pegawai-pegawai. Betullah pertukaran perkara biasa tapi ada selitan politik di dalamnya. Hari ini kita dengar pula elau-elau pegawai-pegawai disekat, elau lebih masa tidak lagi diberi, guru-guru kelas agama dewasa, guru-guru kelas al-Quran dewasa, guru-guru kelas berzanji, kelas Al-Quran kampung, kelas bimbingan agama belia, bahagian khidmat masyarakat mubaligh-mubaligh semuanya dipotong bayaran elau imbuhan nya bermula pada bulan November.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI ROZALI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Mohon laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Guru Mubaligh diberhentikan, ditamatkan perkhidmatannya.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Besi, sila duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dan banyak lagi perkara lain yang berlaku yang boleh ... ya?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya suruh Bukit Besi duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Banyak lagi perkara-perkara yang lain berlaku.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Untuk makluman Yang Berhormat perbahasan di Dewan ini siaran secara langsung melalui internet.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak apa, lagi baik. Lepas tu kita lihat hari ini, saya pernah pergi ke Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah kebanyakan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan tersebut banyak duduk saja. Kita tanya pasal apa? Tak ada kerja. Pejabat Tanah sendiri kita pergi, tak keluar hari ini? Tak keluar, elaun tidak diberi, elaun perjalanan disekat dan sebagainya. Jadi ini menjejaskan, menjejaskan pembangunan rakyat. Banyak lagi perkara-perkara yang pelik dilakukan hari ini. Ini tidak termasuk pemotongan penerima kebajikan masyarakat 1,400 orang lebih, pemotongan hafiz Quran, elaun tidak diberi, imbuhan tidak diberi, dipotong dan sebagainya. Jadi ini kelemahan.

Dan baru-baru ini, saya sendiri baca surat khabar yaitu pengumuman yang dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri Terengganu mengatakan bahawa peruntukan untuk badan belia dan NGO ataupun pertubuhan belia disifarkan. Kalau tidak ada peruntukan disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan belia di Negeri Terengganu. Sekolah-olah pembangunan belia itu sendiri tidak penting kepada kerajaan yang ada pada hari ini. Kita tahu belia memainkan peranan yang begitu penting dalam membangun sebuah negeri ataupun negara. Begitu juga dengan pertubuhan-pertubuhan NGO yang lain tetapi tidak diberi, tidak disalurkan peruntukan-peruntukan sebagaimana biasa yang diberi oleh kerajaan dulu untuk menjalankan kegiatan supaya belia-belia tidak terlibat dalam gejala-gejala yang kurang sihat. Sebab itu saya timbulkan tadi siber kafe, ramai anak-anak sekolah yang pergi ke situ. Kalau pergi cara baik tak apa tapi melihat gambar-gambar lucu dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN IOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebab budak-budak pergi ke kafe tu duit yang dikatakan wang ihsan diberi kepada budak-budak sekolah le ni. Duit lebih yang dia pergi situ kot.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau pertubuhan belia tidak disalurkan peruntukan-peruntukan yang boleh digunakan bagi menjalankan kegiatan untuk membangunkan belia-belia itu sendiri sudah tentu pada satu masa nanti kita akan lihat perkara-perkara negatif yang akan dilakukan oleh belia-belia apabila tidak ada pedoman, tidak ada kegiatan, tidak aktiviti dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan belia. Saya minta ini perlu dikaji semula dan ini menunjukkan kelemahan kerajaan yang ada pada hari ini. Saya tak nak sentuh berhubung dengan ... tadi dah bincang panjang tadi, Tadika KEMAS dan sebagainya sedangkan tempat itu tempat anak-anak kita belajar untuk menimba ilmu ataupun pendidikan awal. Tapi dengan perbuatan kita maka terbantutlah kegiatan-kegiatan kelas-kelas Tadika yang kita beri kepada ratusan, ribuan anak-anak kita di seluruh Negeri Terengganu.

Satu lagi saya nak timbulkan di sini, saya minta penjelasan selepas pada ini. Di kawasan saya Kemasik, dulu kita telah tetapkan satu kawasan untuk lot perumahan lebih kurang 200 lot semuanya. Pejabat Daerah tahun '95 mengeluarkan borang-borang permohonan, lepas itu diadakan temuduga, lepas itu diadakan pemilihan untuk memilih siapa yang layak untuk mendapatkan lot-lot perumahan tersebut. Tetapi yang layak dalam pemilihan belum lagi kita beri kepada mereka. Tapi hari ini saya tanya Pejabat Tanah, mengatakan bahawa permohonan yang dulu dibatalkan walaupun mereka rakyat mengisi, telahpun temuduga cuma tunggu untuk ditunjuk lot kepada mereka yang berjaya. Tetapi hari ini dibatalkan dikeluarkan borang baru ke atas tanah yang sama sedangkan tanah kita telah berikan peruntukan setengah juta untuk meratakan tapak dulu. Hari ini keluar borang baru, isi borang baru dah seribu lebih dah borang keluar kata nak panggil temuduga baru. Mengapa kalau kerajaan hari ini nak bagi tanah kepada mereka yang tidak bertanah, jangan ganggu yang orang buat dah bukalah tanah baru dah kita ada kuasa, berilah tanah lain.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Kot dulu pancing undi tak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Pancing ikan. Buka tanah, tanah banyak lagi yang itu biarkan rakyat yang berhak dapat, dapat. Bukan itu saja, yang dah tunjuk lot baru ini terima surat sebab selepas tiga tahun tak buat rumah mengikut Kanun Tanah Negara kita faham, tapi boleh guna budibicara, ditarik balik. Ini menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat. Saya tak faham yang ini. Bukan itu saja ada baru nak rampas pula kebun limau yang kita buat, limau madu dah naik dah.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kemasik, Permaisuri minta laluan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Dok payah. Jadi ini satu kelemahan kerajaan yang ada hari ini, bukalah tanah baru nak beri kepada rakyat jangan ambil orang buat siap belaka dah. Dah bagi dah nak batal balik TOL, tak betul.

Satu lagi kelemahan, Majlis Daerah Kemaman merupakan Majlis Daerah yang dapat hasil yang begitu tinggi antara Majlis-majlis Daerah di seluruh Negeri Terengganu. Tapi katanya, hasil Majlis

17 APRIL 2001

Daerah Kemaman diambil oleh Kerajaan Negeri diagihkan kepada Majlis-majlis Daerah lain yang tak pernah berlaku sebelum daripada ini. Jadi banyak lagi kegagalan-kegagalan yang tak dapat diselesaikan oleh kerajaan yang ada. Sebab itu terus terang saya katakan kerajaan PAS hari ini gagal dalam pentadbiran. Pembangunan, bila perpaduan gagal nak jaga, tak wujud perpaduan timbul perpecahan berjangkit kepada pentadbiran melibatkan pembangunan. Terus terang saya katakan PAS telah gagal dalam melaksanakan pembangunan Negeri Terengganu. Contoh jaja nak laksanakan Lebuhraya Pantai Timur daripada Kuantan ke Kuala Terengganu sebagaimana disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia semasa berucap kelmarin. Tapi hari ini tidak tahu setakat mana. Banyak pembangunan kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung hari ini tidak diambil susulan jalan-jalan rosak, pecah tidak dibaiki, sampah di merata-rata tempat. Sehingga Tuanku sendiri beri usul kepada kerajaan, mengesyorkan kepada kerajaan supaya tukar paip paip air lama. Banyak lagi perkara-perkara yang belum dan tidak dilaksanakan.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat pohon laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dak, dok payah termasuk pembangunan yang kecil sepatutnya, saya telah tumbulkan dalam Dewan ini tahun lepas, bulan duabelas sehingga hari ini masih terbengkalai tidak ada tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan, iaitu untuk membaiki Masjid Kampung Nyau. Sampai hari ini masjid tu masih dinding cermin, tak ada dinding.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakar): Yang Berhormat singgah dok lagi?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Singgah dah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakar): Balik sedikit lagi singgah tengok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ya, pagi tadi saya tengok dah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakar): Tu masjid kampung tu, tanggungjawab kita insya Allah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak buat sampa, sekarang. Nak baiki masjid pun tak boleh, tak usah nak buat masjid baru. Jadi yang ini pun gagal dilaksanakan tak termasuk lagi pelabur-pelabur.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat duduk.

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): siapa yang ambil duit kita tu? Kenapa yang ambil duit kita tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Duduk jawab karang. Saya difahamkan bahawa pelaburan yang sepatutnya datang begitu banyak di Terengganu mengikut MIDA 16 projek pembuatan diluluskan di Terengganu bernilai RM1,336.4 juta, satu bilion lebih yang diluluskan, akan menyediakan peluang pekerjaan 1.563 peluang pekerjaan. Sepatutnya dijalankan pada tahun 2000 tapi sehingga hari ini sebahagian besarnya pindah tempat dan tidak dilaksanakan di Negeri Terengganu. Dalam ucapan Tuanku memang ada pelaburan yang sederhana saja lebih kurang RM220 juta. Gagal kita menarik balik pelabur-pelabur yang telah berminat untuk mendirikan perusahaan di negeri kita. Dan saya difahamkan juga, mungkin ini belum pasti lagi, GPP dengan izin *Gas Processing Plant* ataupun Loji Memproses Gas yang ketujuh dan kelapan, katanya tak jadi dah nak buat di Terengganu nak pindah ke negeri lain. Dan hari ini ramai dah pekerja-pekerja kita yang tidak ada kerja disebabkan projek yang hendak dilaksanakan dua tiga tahun lepas telahpun siap dan tenaga kerja berpindah ke negeri lain sebab tidak ada projek-projek baru. Ini berlaku, apa tindakan susulan kita daripada kerajaan. Bukan sedikit modal yang sepatut dilabur di Negeri Terengganu, satu bilion lebih, 16 projek tak mari. Dan saya ada senarai lebih kurang

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya puas dah dengar Wakil Kemasik ni yang sebenarnya, banyak benda yang kezaliman Kerajaan Pusat yang buat bukan kita yang buat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Banyak lagi, di sini ada lebih kurang 60 pengusaha.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang sebetul sebenarnya projek yang lari tu bukan kerana apa, kerana Kerajaan Pusat yang buat lari bukan dia tak nak mari ini. Boleh jadi kajian-kajian menunjukkan benda tu tak sesuai kat sini atau dengan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak sesuai kat sini sebab mungkin tak layak sebab tidak ada usaha

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bukan pemimpin tak layak, Kerajaan Pusat yang mencero bohi negeri ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat sebut dalam ucapan Yang Berhormat karang.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tak apalah saya sebutlah sedikit lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar sila duduk.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *u* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Banyak. Lepas itu saya nak tanya, minta penjelasan daripada kerajaan, iaitu bilangan penduduk. Dalam banciaan masa kerajaan dulu bilangan penduduk di Negeri Terengganu jumlah sejuta lebih sedikit sebagaimana yang ditaklmatkan dalam perjumpaan baru-baru ini, sejuta lebih. Tapi hari ini bila banciaan dibuat bilangan penduduk lebih kurang 800,000 sahaja, dalam banciaan yang dibuat baru-baru ini. Ke mana pergi hilangnya 200,000 penduduk Negeri Terengganu sama ada mereka ini telah berhijrah ke negeri-negeri lain disebabkan ketiadaan pekerjaan ataupun projek-projek baru ataupun ianya merupakan pengundi-pengundi hantu yang dibawa masuk oleh PAS.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Macam Lunaslah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, lari ke Saudi Arabia satu, lari kepada Mesir satu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *u* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Jadi hilang 200,000 penduduk mungkin berhijrah ke negeri-negeri sebab tidak ada pekerjaan. Kerajaan Negeri gagal memberi pekerjaan kepada mereka misalnya. Mungkin itu berlaku. Jadi ini yang perlu diambil tahu oleh kerajaan yang ada pada hari ini. Itulah kelemahan dari segi pentadbiran. Kalau nak sebut satu-satu banyak lagi.

Selepas itu kita dapati bahawa

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat tanya sepatah, masa pitis kita ada mula tu berlaku dok perkara ni? Setahun kita memerintah berlaku dok pembuangan dan sebagainya. Apabila ambil duit royalti berlaku segala-galanya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *u* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Jangan tuduh kerajaan dulu tak tahu menggunakan ... ke mana pergi wang ihsan dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Bukan dulu, maksud saya setahun pemerintahan kita dulu kita dapat duit. Jangan fitnah di sini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *u* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Dulu kita pernah dengar bahawa ceramah-ceramah PAS mengatakan ... mempertikaikan ke mana pergi wang ihsan ...

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Jangan buat fitnah dalam Dewan ni, semua rakyat sudah tahu belaka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *u* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Baguslah rakyat tahu biarlah rakyat buat penentuan 2004 ni tengok sekali lagi.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Kita tunggu insya Allah.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):
2004 tak tinggal sehabuk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Ya, bagus. 6 buah sekolah menengah dan rendah, 27 sekolah menengah, 33 buah sekolah rendah di seluruh daerah Negeri Terengganu telahpun diluluskan tapi sebahagian besarnya sedang menunggu kelulusan tapak untuk memasuki pembinaan sekolah-sekolah tersebut. Hanya setakat ini 7 buah sekolah diberi kebenaran masuk, 53 lagi belum lagi. Jadi janganlah kita Kerajaan Negeri Terengganu hari ini menafikan hak rakyat untuk mendapatkan pendidikan. Sebab sekolah-sekolah yang akan dibina ini akan memberi manfaat yang begitu besar kepada anak-anak kita, kepada pelajar-pelajar kita. Kita nak sekolah-sekolah yang ada di seluruh Negeri Terengganu cukup boleh menampung pelajar-pelajar, anak-anak kita di kampung-kampung. Tapi dengan perbuatan tidak meluluskan sehingga hari ini 53 tempat lagi menyebabkan pembinaan sekolah-sekolah ini terbengkalai.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Bila dia mohon?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang dipohon tu tanya Pejabat Pendidikan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Ada buat permohonan ke dok yang kata kita dok bagi tu.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya nak tanya Yang Dipertua, projek hak siapa tu takut orang dia tu, yang deras sangat tu? Hak siapa yang dapat projek tu, nak buat deras-deras sangat tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Tak kira hak siapa, tak dia wujud macam lampu Aladdin mesti ada orang yang buat.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, orang hak buat tu siapa, kita nak tengok juga yang deras-deras sangat tu. Kita ada peraturankan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Ya, kita ada peraturan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang BERTHORMAT Bandar, *out-side* banyak sangat ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Ya?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang BERTHORMAT Bandar *out-side* banyak sangat kata.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Patut kena hambat keluar Dewan.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Tak dok peraturan, *out-side* dia tak kena buang padang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a' ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pengadil berat sebelah. Jadi itulah, saya nak sampaikan. Jadi perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku di Negeri Terengganu. Bagi saya kerajaan PAS hari ini telah gagal dari segi perpaduan, dari segi pentadbiran dan dari segi pembangunan. Gunakan sesuatu supaya kembalikan keyakinan rakyat sebab rakyat mengharapkan sesuatu daripada janji-janji PAS dahulu. Hari ini ramai di antara mereka yang telah kecewa disebabkan janji-janji yang dijanjikan dahulu tidak dilaksanakan. Jadi kalau ini berterusan yang jadi mangsa ialah rakyat bukan kita. Jadi sesuatu perlu dilakukan, saya minta kerajaan yang ada pada hari ini jagalah perpaduan jangan kita berpecah. Sebab masjid jadikan tempat kita bermuzakarah, cari kerjasama, cratkan tali silaturahmi bukan tempat berpecah, hari ini berlaku perpecahan. Bila berlaku perpecahan dalam negeri kita pentadbiran akan jadi lemah, bila pentadbiran lemah maka lemahlah pembangunan yang rugi bukan kitarakyat yang rugi. Sebab itu kita bukan hanya pandai bercakap, bercakap bercakap lepas itu kita tak buat. Ada setengah tempat katanva serah kepada takdir dan sebagainya.

Jadi tuan-tuan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat itulah yang saya nak sampaikan dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Dan bagi saya, saya akan membuat rumusan bahawa kerajaan PAS hari ini telah gagal menjalankan tanggungjawab di Negeri Terengganu dari aspek perpaduan, pentadbiran dan pembangunan. Sekian wabillahi taufik wabidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kemasik. Masa masih dibuka lagi dan untuk selepas daripada ni saya hanya beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap dalam lingkungan 10 minit saja. Sila ... Tidak ada orang nak bercakap, kalau tidak ada kita tanggung Dewan ni, beri masa untuk gulung. Cepat nampak Exco kena gulung ni. Sila

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHED (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin, hadirat yang dihormati sekalian.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan berbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Watiqu Billah Sultan Mizan semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh kelmarin. Cuma saya nampak tadi masa Wakil Kemasik cakap ramai nak bercakap rupa-rupanya cuba nak *provoke* cuba nak buat provokasi supaya terganggu ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik. Tiba-tiba apabila diberi ruang ...

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Bukan nak bercakap, nak minta penjelasan tadi.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHED (Wakil Ajil): Nampaknya apabila diberi ruang dan peluang dan kesempatan masing-masing membusu seribu bahasa

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat bukan tak beri ruang, empat orang kita ramai, kita bagi empat orang dulu bercakap. Tak dok orang dah kan tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Permaisuri, sila duduk.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih bagi Permaisuri. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang diperkatakan, apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan berkaitan dengan perpaduan sebenarnya amat menyentuh kita kerana di sini dititahkan bahawa tidak da peristiwa-peristiwa besar yang berlaku dan mengeruhkan suasana kehidupan harmoni semua kaum di negeri ini. Apa yang difahamkan di sini, maknanya ada peristiwa kecil mungkin peristiwa-peristiwa yang melibatkan masjid, peristiwa-peristiwa yang melibatkan perebutan tongkat dan perpecahan khutbah di masjid-masjid yang berlaku yang berada di dalam pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Oleh yang demikian, sebagaimana yang diperkatakan oleh Wakil Kemasik tadi bahawa pihak kerajaan sepatutnya, sewajarnya dan senemangnya bertindak untuk memastikan bahawa ayat Allah, iaitu berjalan dengan sesempurna mungkin di bawah kerajaan yang melaung-laungkan pemerintahan PAS ataupun pemerintahan Islam.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baca perhabis ayat tu, baca perhabis.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh hal yang demikian maka menjadi tanggungjawab kerana pelantikan kita sebagai Ahli Yang Berhormat, pelantikan kita sebagai Wakil Rakyat adalah sebenarnya untuk melaksanakan amanah bukan untuk nak mengayakan ataupun nak mengeyangkan diri kita. Tetapi yang penting amanah untuk dilaksanakan terhadap rakyat yang telah memilih kita, rakyat yang telah terkeliru dengan janji-janji yang diberi untuk ... sekarang ini menanti sejauh mana manifesto yang telah dibentang ataupun dilaung-laung akan mampu dilaksanakan setelah lebih 17 bulan, 18 bulan kerajaan yang bernama Islam ini diwujudkan di Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, oleh hal yang demikian kita cukup merasa terkilan dan sedih apabila kanak-kanak berusia lima tahun dan enam tahun dipaksa, dihalau daripada premis dengan mengangkat kerusi. Bayangkan tuan-tuan dan puan-puan hadirin, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seorang budak yang berusia empat tahun, lima tahun mengangkat nak alih daripada premis Tabika KEMAS kepada satu bangunan lain yang mana ini sebenarnya tidak wajar. Kita sebagai orang dewasa, orang yang berpendidikan, orang yang ada ilmu agama mengheret mereka-mereka ini, pelajar-pelajar ini ke kancah politik.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Permaisuri minta laluan.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Zaman kerajaan UMNO buat sekolah Berakan tu? Dasyat orang tengok belaka tak dok apa-apa pun, tidak timbul zalim.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, masa kita beri cakap dia tak nak cakap, masa kita cakap dia nak ganggu. Jadi inilah sikap Tuan Yang Dipertua, sikap yang ditunjukkan

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Minta maaf bukan ganggu, saya minta laluan comel dah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya nampak jatuh daripada etika Islam yang sebenarnya. Jadi dengar dulu ...

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Permaisuri, sila duduk.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Hisab diri dulu, tengok dulu apa, dengar dulu apa yang hendak diperkatakan. Jangan pandang negatif kepada apa yang saya kata, yang negatif kita buang yang baik ambil. Dengar habis-habis dulu baru itu buat kesimpulan, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Permaisuri minta laluan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): oleh yang demikian, kita tidak wajar menjadikan mengheret anak-anak bawah usia enam tahun ini ke kanecek politik mereka sebenarnya tidak tahu apa-apa. Alangkah sedihnya kalau kita tengok gambar yang terdapat surat khabar, mereka terpaksa mengusung kerusi sekadar untuk nak menuntut ilmu. Dan percaya dan yakinlah semua Ahli Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bukit Besi minta laluan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): yang ada di sini sebenarnya mendapat rahmat, nikmat dan berkat daripada sistem pendidikan yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional, sama ada bersetuju atau tidak tuan-tuan Yang Berhormat, Ahli-ahli yang Berhormat kena mengakui bahawa ... walaupun dimaki kerajaan yang memberi, menyuap nasi dimaki kerajaan yang telah menyumbang terlalu banyak ilmu pengetahuan dan sebagainya. Tetapi hasil daripada pendidikan yang dikatakan sekular, pendidikan yang dikatakan yang tidak berteraskan Islam itu tuan-tuan, puan-puan mampu berada di tempat sebagaimana sekarang ini.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat laluan.

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, oleh yang demikian

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Mohon laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan. Sila duduk.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): agar peristiwa yang berlaku antara JSR atau perebutan premis-premis ini tidak akan berlaku lagi. Saya nampak satu kepelikan, dalam dunia dah akhir zaman barangkali, pertubuhan haram yang dikatakan zalim JKKK nampaknya lebih berbakti dan berbudi kepada masyarakat berbanding dengan JSR yang menggunakan nama Islam nampaknya bertindak, berlaku saya rasa lebih zalim daripada apa yang dikatakan pertubuhan haram. Ini mungkin suasana satu alamat nak qiamat barangkali.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Doh bakpa kes tadi JKKK dok angkat kerusi duduk biarkan budak-budak angkat kerusi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, kita minta supaya ditarik balik satu kenyataan umum yang mengatakan bahawa JSR

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, nampak gaya dia dok faham barangkali Yang Dipertua, kalau saya begitu dihambat keluar dah barangkali.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat saya menyokong apa yang disuarakan oleh Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dengar dulu saya nak khabar, saya nak royat hak dok molek letak tepi, hak molek ambil sebagai teladan untuk nak membetulkan apa yang telah berlaku.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat royat molek hak Yang Berhormat nak royat tu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan ada perasaan

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat bagi tahu perkara tu biar betul. Barulah kita tak kacau.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Permaisuri, sila duduk.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Cakap hak betullah ni. Saya bertanggungjawab atas apa yang saya cakap bukan dalam Dewan ni, saya tahu saya bertanggungjawab kepada Allah s.w.t. Saya tidak bercakap dengan apa yang diperkatakan ini dengan sewenang-wenangnya, kita ada bukti, kita ada *evidence* untuk nak menunjukkan bahawa

17 APRIL 2001

saya bukan cakap di situ sahaja, saya yakin dan percaya apa yang saya cakap ni ... Oleh yang demikian, apa yang baik ambil ia sebagai sempadan dan yang tak baik ketepikan. Jadi dengar dulu sampai sini.

Tuan Yang Dipertua, nampak banyak gangguan. Pada hal ...

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat, saya mohon laluan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila ambil perhatian masa untuk Yang Berhormat Ajil ni sepuluh minit. Oleh kerana dia banyak gangguan, saya benarkan tiga minit daripada sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat tak perlu ganggulah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, campur dengan gangguan tu bagi sepuluh minit. Gangguan banyak Tuan Yang Dipertua, masa kecederaan.

Oleh yang demikian, saya berharaplah ... nak cakap banyak lama dah nak cakap, baru ni nak cakap, baru ni kena hambat pula dan sebagainya. Tak apalah itu sebagai adatlah. Tuan Yang Dipertua, apa yang kita lihat berkenaan dengan apa yang berlaku hari ini saya boleh katakan bahawa kerajaan PAS ni keluk-kelik. Kerajaan keluk-kelik, kerajaan sekadar bila ditanya "melihat dan mengkaji," kita lihat dan kita kaji, 16 bulan dan 17 bulan dah berlalu "melihat dan mengkaji." Kenapa saya berkata demikian, kerana yang pertama apabila dikatakan berkenaan dengan aurat.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat, mohon laluan, apa makna "keluk-kelik" tu?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apabila wanita diharamkan mengikut Musababih Al-Quran.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bukit Besi, sila duduk.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Oleh kerana wanita diharamkan kerana masalah aurat. Tapi dalam masa yang sama kita lihat pasukan bola sepak kita yang juga mendedahkan aurat ketika berlawan ataupun bertanding bola sepak. Jadi nampak di sini berlaku *double standard*, dengan izin Yang Dipertua. Maknanya kalau kita bercakap tentang aurat tak kira laki atau wanita kita mesti jangan berlaku *double standard* dalam menentukan hukum-hukum ini. Oleh yang demikian, saya berharap pihak kerajaan mengkaji balik benda-benda ini, perkara ini agar ianya tidak dipolitikkan tentang hukum-hukum agama.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkara yang saya kata keluk-kelik tadi tu

YANG BERTHORMAT ENCIK MID. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Nak ganggu sedikit sebab bola sepak ... saya nak ganggu sedikit sebab saya pernah pegang bola sepak. Jadi bola sepak tu saya dah beri arahan

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sayapun pernah juga pegang bole sepak.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Ni hak bola sepak negeri ni saya khabar. Sebab sebut bola sepak, saya berasalah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tambah lagi lima minit Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Sebab bola sepak saya dah arah pakai seluar, jadi Presiden Bola Sepak tu dia kata nak hitam putih. Saya dah khabar dengan mulut saya berapa kali.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak dok main bola sepak telanjang arah pakai seluar belaka.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Pasal bola sepak ni.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tadi Yang BERTHORMAT Bandar kata, arah pakai seluar, pakai seluar belaka cuma seluar pendek Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya suruh pakai seluar panjang.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Khabar pakai seluar panjang. Jadi dok rok manalah.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Jadi Presiden Bola Sepak tu tak ikut arahan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Maknanya Wakil Rakyat Bandar dok rok manalah ... bola sepak dua belas orang dok rok nak *adjust*. Yang Dipertua banyak gangguan.

Selain dari itu Yang Dipertua, masalah masjid. Masjid masa kerajaan Ba'isan Nasional perintah dulu dikatakan haram, tak boleh sembahyang kerana duit daripada riba, duit daripada judi dan sebagainya. Tapi hari ini saya nampak hal sebaliknya berlaku. Bila perkara tersebut ditarik ... fatwa tersebut, wallahualam. Jadi di sini juga perlu penjelasan ataupun perlu kepada pembetulan di peringkat akar umbi agar fitnah akidah, kerosakan akidah yang mengatakan PAS itu Islam, Islam itu PAS sebenarnya lebih teruk, lebih dahsyat daripada fitnah yang dikatakan oleh Wakil Kuala Besut tadi. Kalau kita mengakui bahawa arak dan sebagainya itu baik diharamkan ataupun wajar diharamkan, tapi saya yakin kerosakan akidah yang menyebabkan seseorang itu keluar daripada agama juga perlu dipertikaikan.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang Dipertua, kerana menyetujui ucapan saya, minta laluan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sehingga dengan itu, saya memohon pihak kerajaan

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Dia tak izin.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): supaya hal-hal akidah ini diberi penekanan jangan untuk mempolitikkan benda sebegini. Kerana saya difahamkan suatu ajaran sesat yang berleluasan di daerah Besut sehingga hari ini tidak diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri. Maksudnya kalau kita

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Minta laluan, minta laluan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Laluan tidak diberi.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): mampu berceramah, mampu seramai beribu-ribu orang

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya minta Yang Berhormat ini diambil tindakan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): apa salahnya puak-puak kita bernaama dengan parti Islam ini pergi ke tempat sebegini, pergi ke tempat di kawasan Hulu Besut untuk berdakwah, berceramah dan berbahas berkenaan dengan ajaran yang dibawa oleh mereka. Kita sekarang ini tidak ada masa lagi untuk berpecah belah, kita tidak ada masa lagi untuk memperkatakan hal remah temeh, hal nak mewujudkan Pusat Rawatan Islam sekadar nak suruh orang laki tidak sambut orang puan beranak. Yang lebih besar daripada itu saya yakin ialah untuk nak menubuhkan suatu institusi Islam yang sebenarnya.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil masa satu minit, sila buat penggulungan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Gangguan Yang Dipertua. Selain daripada itu Yang Dipertua, walaupun satu minit saya hormat Yang Dipertua dok macam Wakil Rakyat-Wakil Rakyat lain, wakil Rakyat kerajaan nampak dok hormat mana. Satu lagi Yang Dipertua, berkaitan dengan pembbohongan yang dilakukan oleh pimpinan negeri. Dapat saya catat di sini sepanjang lebih kurang setahun enam bulan, setahun lima bulan yang berlaku dalam pemerintahan Kerajaan Negeri hari ini banyak pembbohongan-pembbohongan yang sewajarnya tidak boleh .. tidak wajar diutarakan oleh orang yang dianggap To' Guru. Oleh hal yang demikian,

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Dia gunakan perkataan 'pembbohongan' dimohon tarik balik.

17 APRIL 2001

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): saya ingin menyatakan bahawa perkara-perkara sebegini tidak sewajarnya, iaitu *tali pembohongan itu pendek sebenarnya*, Tuan Yang Dipertua.

Oleh yang demikian, kita berharap agar perkara-perkara sebegini tidak berulang dan penjagaan lidah itu tajam kerana ramai yang akan rosak kerana lidah. Tuan Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, masa sudah habis.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Esok tak boleh sambung Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masa untuk Yang Berhormat sudah habis.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Gangguan Yang Dipertua, nampak gaya pengadil mengelap.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya minta sambung esok banyak lagi nak khabar, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya beri masa kepada Yang Berhormat sudah lebih daripada sepuluh minit, itu sudahpun mengelap kalau dikira.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masa untuk Yang Berhormat sudah tamat. Sila tamatkan ucapan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Oleh yang demikian, saya ingin menggulung cuma dua tiga perkaralah saya rasa sebelum saya menggulung ni berkaitan dengan pembohongan yang dilakukan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tamatkan, tak boleh gulung dah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, fail penyelewengan berlari-lori, yang kedua Hukum Hudud dilaksanakan sebelum ayam berkokok, yang ketiga

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tamatkan, tak boleh gulung dah masa sudah tamat.

17 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ... perpecahan di kampung-kampung yang tidak

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk!

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya tangguhkan Dewan ini sehingga esok 18 haribulan empat jam 9.30 pagi. Marilah kita tangguh dengan *tasbeeh kifarak* dan surahatul 'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 PETANG

**PERSIDANGAN
PADA HARI RABU, 18 APRIL 2001**

Hari Rabu,
18 April 2001

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 74]
2. Soalan-soalan Lisan [Muka 78]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis:
*Usul Menjunjung Kasih Atas Titah
Ucapan Di Raja* [Muka 97]

[*sambungan perbahasan*]

[Bersambung]

18 APRIL 2001

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURABAYA

18 APRIL 2001

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat. PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BIERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Hajii Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shahrizukirnam bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

18 APRIL 2001

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,P.JN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

18 APRIL 2001

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan *a.* Mohd Namri bin Hashim),
DPMT..ASM..KMN..PJC..PJK..BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Haji Ab Karim bin Ab Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT..ASM..PJC..PJK..BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.

18 APRIL 2001

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan para hadirin sekalian. Marilah sama-sama kita menyambung semula sidang Dewan ini yang tertangguh pada hari kelmarin dengan sama-sama membaca ummul Quran - Al-Fatiffah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi soalan-soalan lisan yang akan dijawab pada pagi ini saya terpaksa mengambil satu perjalanan untuk memberikan keadilan sebaik-baik kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Dimana pada hari ini saya akan pilih beri keutamaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan kelmarin dan hari ini tapi kelmarin tak sempat dijawab soalan-soalannya maka hari ini akan diberi keutamaan kepada mereka. Oleh itu untuk perhatian Ahli Yang Berhormat sekalian, soalan-soalan yang akan diberi jawapan pada sidang ini setakat mana yang sempat, diberi keutamaannya pertama Wakil Teluk Pasu, Wakil Kemasik dan Wakil Kijal, Bukit Besi, Paka, Kuala Berang, Seberang Takir dan Telemong. Sekiranya masa masih ada barulah balik kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Diminta perhatian.

Dipersilakan Yang Berhormat Teluk Pasu –

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Berapakah jumlah Lot Tanah Perindustrian yang masih kosong di kawasan perindustrian Gong Badak?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan mengenai berpakah jumlah lot tanah perindustrian yang masih kosong di kawasan Perindustrian Gong Badak? Jawabnya yang masih kosong ada 4 lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Setakat Pemerintahan Kerajaan Baru, berapakah jumlah Pelabur Asing yang melabur di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mengenai soalan yang berkait dengan soalan kedua daripada Yang Berhormat Teluk Pasu, setelah pemerintahan kerajaan baru berpakah jumlah pelabur asing yang melabur di Negeri Terengganu?

Untuk penjelasan ini kita telah menerima satu projek pembesaran operasi yang bertapak di Jakar, Kemaman yang telahpun diluluskan. Dan kita sedang menunggu dua lagi keputusan yang akan dibuat oleh MITI. Sementara satu projek lagi sama ada di Kerteh atau Teluk Kalong iaitu yang

18 APRIL 2001

dilaksanakan oleh Petronas, mereka masih menimbangkan lagi untuk sama ada di Kerteh atau Teluk Kalong yakni projek usahasama asing dengan Petronas yang masih lagi dalam pertimbangan. Sementara itu kita terus menerima pertanyaan-pertanyaan, tinjauan daripada pelabur-pelabur asing daripada Taiwan, Jepun, USA dan Perancis untuk melihat kemungkinan-kemungkinan pelaburan di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Yang Dipertua, adakah pelabur asing ke Negeri Terengganu ini menggalakkan?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat tolong minta kuat sedikit.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Adakah pelabur-pelabur untuk datang ke Negeri Terengganu ini, pada pandangan kerajaan menggalakkan?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Alhamdulillah setakat ini jumlah yang datang untuk melihat kemungkinan-kemungkinan ini di samping apa yang telah saya sebut itu, sangat menggalakkan dan sesuatu projek baru ini memang akan memakan masa. Setelah mereka membuat tinjauan, kajian dan barulah *proposal* itu akan dikemukakan, akan memakan sedikit masa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan Yang Dipertua. Adakah dengan kemasukan pelabur-pelabur asing ada sekatan daripada Kerajaan Pusat? Minta pandangan daripada kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Setakat ini kita belum lagi menerima suatu tindakan yang seperti itu malah MIDA sendiri telah memberikan kerjasama yang sebaiknya kepada negeri ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Kemasik

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang pertama

Sejauh manakah masalah pengambilan semula tanah rakyat berhubung pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur diselesaikan?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan daripada Wakil Kemasik - Sejauh manakah masalah pengambilan semula tanah rakyat berhubung pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur diselesaikan?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sehingga kini Kerajaan Negeri masih lagi belum menerima pelan pengambilan balik tanah secara terperinci daripada pihak Kementerian Kerja Raya. Oleh kerana itu isu pengambilan balik tanah daripada rakyat ini tidak berbangkit lagi buat waktu ini.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mendapatkan pelan tersebut? Sebab kerajaan sendiri pada suatu ketika telah bersetuju, kata untuk membina sendiri lebuh raya tersebut.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya banyak usaha yang telah kita buat. Kita telah mengadakan mesyuarat bersama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat pada 10 April tahun 2000. Bayangkan satu tahun, sehinggalah sebulan lepas baru dihantar apa yang dikatakan Pelan Jajaran. Itupun tidak lengkap, Pelan Jajaran itu hanya sebahagian sahaja, itupun tidak lengkap. Belum lagi sampai pada pelan pengambilan balik tanah secara terperinci. Usaha memang ada dibuat tapi oleh kerana projek ini merupakan projek daripada federal yang telah dirasmikan, yang telah dipecah tanah, *sign board* pun telah naik; dan sewaktu kita mengadakan mesyuarat pada bulan April tahun lepas dijanjikan pada waktu dilaksanakan serentak dengan Negeri Pahang. Tapi apa yang berlaku, kita masih menunggu.

Dan memang Kerajaan Negeri membuat kajian sebenarnya beberapa tawaran daripada beberapa syarikat swasta, kita sedang membuat kajian sekarang ini sama ada tawaran ini lebih menarik ataupun tidak dari sudut untuk pemangkin pembangunan, dari sudut *traffic volume* kegunaan yang lebih banyak, itu sedang kita buat kajian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu di sebelah Kerajaan Pusat. Bagaimana pula di sebelah Kerajaan Negeri yang katanya Kerajaan Negeri akan buat sendiri sebahagian daripada jalan tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Itu saya katakan tadi, apabila kita hendak buat sendiri bukan kata macam kita nak buat kuih, masuk dalam bekas terus jadi kita memerlukan kajian. Saya dah kata tadi, Kerajaan Negeri memang ada menerima beberapa tawaran daripada beberapa syarikat yang membuat perancangan dan kita minta dia buat kajian lebih lanjut sama ada ia lebih menguntungkan daripada apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Pusat. Tapi walau macam manapun, dari sudut semangat yang telah kita runding dengan Kerajaan Pusat pada tahun lepas itu sepatutnya projek itu telah dijalankan sebagaimana telah dijalankan di Negeri Pahang sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mengapa pihak kerajaan begitu cepat membuat persetujuan sedangkan kajian belum lagi dibuat?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Persetujuan macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pihak kerajaan telah membuat pengumuman mengatakan bahawa Kerajaan Negeri akan membina sendiri lebuh raya tersebut sedangkan Yang Berhormat sebut tadi, kajian belum lagi dibuat.

18 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, kita bercakap soal kepentingan rakyat. Apabila kita sebut ada kajian, ada tawaran daripada pihak swasta bermakna apa yang ditawarkan itu memerlukan satu kajian. Oleh kerana itu dari sudut kita membuat keputusan muktamad untuk membina lebuh raya ini sendiri, tidak berbangkit. Cuma kita katakan bahawa Kerajaan Negeri bersedia menimbangkan apa yang ditawarkan oleh pihak swasta sekiranya ia lebih menguntungkan dalam keadaan projek yang datang daripada Pusat ini telah tertangguh begitu lama.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memohon penjelasan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan lain, soalan tambahan habis dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua --

Adakah benar Kerajaan Negeri telah menghentikan bayaran atau imbuhan kepada penghafal thafiz Al-Quran di Terengganu sebagaimana yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatu. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian. Wakil Kemasik ingin mengetahui apakah benar Kerajaan Negeri telah menghentikan bayaran atau imbuhan kepada penghafal Al-Quran yang pernah dibayar pada tahun-tahun yang lalu. Soalan yang sama juga dikemukakan oleh Wakil Telemong dan saya insya Allah, akan jawab sekaligus.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang benar Kerajaan Negeri mulai 1 Januari 2001 tertangguh dahulu pembayaran imbuhan kepada penghafal-penghafal Al-Quran lelaki dan perempuan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebab penangguhan itu berlaku?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat tahu bahawa Kerajaan Negeri telah mengadakan satu anggaran belanjawan yang sangat munasabah dan boleh menunaikan tanggungjawab terhadap apa-apa yang dipertanggungjawabkan kepada kerajaan. Pada masa itu Kerajaan Negeri beranggapan bahawa duit royalti petroleum dan gas yang menjadi salah satu punca utama bagi Kerajaan Negeri masih dihantar atau masih dibayar kepada kita. Tapi tiba-tiba saja *budget* duit tu tak datang lagi, sampai sekarang tak datang. Jadi kita tunggu duit tu datang kita akan bayar insya Allah, kepada mereka-mereka yang berhak itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua, tidak adakah usaha-usaha lain bagi mengatasi masalah ini yang sepatutnya diberi penghormatan kepada mereka yang menghafal Al-Quran ini.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, usaha lain ada. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau kita dalam rumah kita, kita cadang nak belanja pada bulan ini sekian-sekian banyak duit, cukup. Tiba-tiba perompak mari, dia rompak duit kita, habis duit tu Yang Berhormat Yang Dipertua. Nak boleh ke duit baru tu, kita usaha, usaha juga tapi sementara dapat duit baru daripada sumber-sumber yang lain maka kita tangguh dulu. Dan kepada anak-anak kita, kita beritahu bahawa duit kita anak-anak dirompak oleh perompak yang profesional.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Dipertua. Penghafal, hafiz dan hafizah Al-Quran ini tak berapa ramai. Kalau boleh saya katakan Kerajaan Negeri tidak memberi keutamaan kepada golongan ini. Adakah betul ataupun tidak?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagai seorang yang pernah menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dia tentu tahu apa dia keutamaan. Keutamaan kepada perbelanjaan yang pertama kepada pegawai dan kakitangan kerajaan. Yang ini memang tentu kena bayar, ini keutamaan yang patut kita beri. Adapun saguhati itu bukan keutamaan. Jadi kalau sementara ada duit kita beri saguhati, kalau tak dok duit saguhati kita tak bagi lagi. Kita bagi yang lebih mustahak, yang lebih utama. Dan kita katakan bahawa kita bukan tidak menghargai mereka itu tetapi kita beritahu mereka kita tangguh buat sementara waktu sehingga kita dapat wang kita akan beri.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Untuk soalan tambahan bagi soalan nombor dua sudah habis.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Yang Dipertua, saya baru satu. Sebab soalan saya dibangkit di sini, soalan sayapun dijawab di sini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya kata tiga saja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tiga untuk Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Serupalah soalan yang sama. Soalan yang sama, yang berkaitan dengan perkara yang sama sudah cukup.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta soalan tambahan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah saya beri satu lagi rai kepada tuan punya soalan.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Dipertua. Maksud saya keutamaan pengiktirafan Tuan Yang Dipertua, kalau kata saya nak jawab senang saja sebab golongannya sedikit dan kita beri keutamaan, inilah dasar kita. Jadi kalau

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itu bukan soalan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya celah sedikit tadi minta penjelasan ... adakah dengan kita tidak mengeluarkan saguhati dan juga tidak memberi pengiktirafan penghafal Al-Quran ini pada pandangan Kerajaan Negeri, sebab saya menerima aduan bahawa mereka ini ada yang bergantung hidupnya kepada pendapatan untuk membelanja anak sekolah daripada saguhati ini. Adakah ia akan diteruskan ataupun jika ada peluang diberi keutamaan menilai balik dan memberi semula pada tahun ini juga? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, masalah kita tak ambil berat, tak ambil cakna atau tidak diberi keutamaan tidak timbul. Kita kata kita tangguh, mari duit kita bayar. Sekarang ini kalau betul ada di kalangan orang-orang yang kita tangguh bayar itu dia menghadapi kesempitan hidup maka sila buat laporan kita akan beri bantuan untuk sara hidup mereka sekadar yang mereka perlu. Ini masalah saguhati kita akan bayar semula insya Allah, apabila kita dapat wang nanti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga -

Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan Kerajaan Pusat kepada sekolah-sekolah dan Institusi Pendidikan Kerajaan Negeri sebelum ini. Berarkah Kerajaan Negeri telah memungut wang tersebut dan jika benar, ke mana wang itu disalurkan?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan Wakil Kemasik itu berbunyi Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan Kerajaan Pusat kepada sekolah-sekolah dan Institusi Pendidikan Kerajaan Negeri sebelum ini. Berarkah Kerajaan Negeri telah memungut wang tersebut dan jika benar, ke mana wang itu disalurkan?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang benar institusi-institusi pendidikan seperti KUSZA, TATI dan sekolah-sekolah menengah agama di bawah Kerajaan Negeri termasuk Maahad Tahfiz Al-Quran menerima sejumlah wang yang tertentu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh kerana institusi-institusi pendidikan ini berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri maka perbelanjaan adalah dikawal selia oleh Kerajaan Negeri, maka wang itu disimpan di Perbendaharaan Negeri. Sambung soalan, bagaimana disalurkan belanjakan, perbelanjaannya dibelanjakan mengikut *budget* tahun 2001.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat terangkan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberi Kerajaan Pusat tersebut?

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kali pertama kurang lebih RM17 juta dan kali yang kedua kurang lebih 24 juta.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya saya menjemput Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Sila nyatakan apakah perancangan kerajaan terhadap pekerja-pekerja ladang (estate) terutama dari kalangan anak-anak negeri untuk mereka mendapat lot-lot kediaman atau rumah awam kos rendah untuk kehidupan mereka setelah bersara daripada kerja di ladang-ladang.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua minta maaf kerana logistik lari sedikit. Soalan Yang Berhormat Wakil Kijal berbunyi - Sila nyatakan apakah perancangan kerajaan terhadap pekerja-pekerja ladang yakni estate terutama dari kalangan anak-anak negeri untuk mereka mendapat lot-lot kediaman atau rumah awam kos rendah untuk kehidupan mereka setelah bersara daripada kerja di ladang-ladang.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mereka kalaulah betul hasrat yang bertanya Wakil Kijal merupakan daripada pekerja-pekerja bukan peserta-peserta ladang mereka dikategorikan sama dengan kategori pemohon-pemohon tanah kerajaan yaitulah lot kediaman seperti mana yang telah dibuka oleh kerajaan, mereka boleh masuk sama dalam permohonan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan maklum atau sedar ada satu janji atau hebahan kepada orang ramai di Padang Kubu mengenai tapak seluas 20 ekar untuk penempatan pekerja-pekerja ladang yang dibuat oleh bekas Ketua Kerajaan yang lalu? Adakah perkara ini masih dalam perancangan Kerajaan Negeri yang ada sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita dok pakai dah dasar kerajaan yang lama, kita ikut dasar kita.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal) Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan yang kedua. Adakah kerajaan akan mengadakan syarat kepada ladang-ladang atau pengurusan ladang untuk menyediakan rumah-rumah rakyat ataupun lot-lot penempatan yang khusus kepada pekerja-pekerja mereka sendiri?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini soalan lain namun demikian di dalam skim perladangan syarat utamanya ialah memberi rumah kepada pekerja-pekerja untuk tinggal di sana secara percuma. Itu kaedah pengusahaan ladang yang disyaratkan di dalamnya. Tapi apa yang diharapkan ialah bila mereka ini tak jadi lagi pekerja-pekerja ladang di mana mereka akan tinggal.

18 APRIL 2001

Ini kita akan masukkan mereka dalam kategori pemohon-pemohon untuk tapak kediaman sebagai rakyat biasa.

YANG BERTHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Tuan Yang Dipertua, saya ada satu lagi soalan tambahan, iaitu mengenai tanah-tanah KETENGAH yang telah ditentukan bagi lot perumahan bagi pekerja-pekerja ladang ataupun di sekitar ladang-ladang yang berada di KETENGAH yang masih lagi belum dimajukan ataupun diberi kepada orang ramai atau dibuat rumah untuk pekerja-pekerja ladang. Adakah iri boleh diberi kepada orang ramai dengan cara proses permohonan tanah biasa oleh kerajaan sekarang?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan baru Barisan Alternatif pimpinan PAS sedang mengkaji keseluruhan struktur pemberian tanah di bawah KETENGAH. Jadi ini kita akan perlu masa untuk kaji satu persatu supaya mereka tidak dianiayakan.

YANG BERTHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Terima kasih Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua.

Pihak kerajaan telah menyatakan beberapa kali bahawa bekalan elektrik telah disempurnakan seratus-peratus kepada semua bandar, pekan dan kampung dalam negeri ini. Apakah tindakan segera yang pihak kerajaan akan lakukan jika mendapati masih ada kampung yang belum disediakan bekalan elektrik?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalnya Pihak kerajaan telah menyatakan beberapa kali bahawa bekalan elektrik telah disempurnakan seratus-peratus kepada semua bandar, pekan dan kampung dalam negeri ini. Apakah tindakan segera yang pihak kerajaan akan lakukan jika mendapati masih ada kampung yang belum disediakan bekalan elektrik?

Yang pertama sekali saya nak betulkan sedikit soalan ni, sebenarnya kerajaan tidak pernah mengatakan ... buat *statement* banyak kali bahawa kita telah menyempurnakan bekalan elektrik seratus peratus. Cuma dalam sidang lepas memang ada satu jawapan yang telah saya perbetulkan berdasarkan kepada format yang lepas, format sewaktu kerajaan yang lepas. Jadi berhubung perkara ini sebenarnya Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa perancangan dengan pihak TNB untuk pemasangan talian penghantaran bekalan elektrik kepada pengguna di kawasan bandar, luar bandar, di pusat-pusat pertumbuhan baru, bandar baru, kawasan-kawasan industri dan keperluan di pulau-pulau. Pemasangan infrastruktur bekalan elektrik memerlukan peruntukan yang agak besar khususnya ke kawasan-kawasan pedalaman. Kerajaan Negeri telah meminta Pejabat-pejabat Daerah mengenal pasti kawasan atau kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik. Sekiranya ada permohonan keperluan tersebut perlu dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk dipanjangkan kepada pihak Tenaga Nasional. Dan akhir sekali ini bergantung lah kepada peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Sekiranya ianya memerlukan peruntukan yang kecil mungkin perkara ini cepat diselesaikan. Kalau ianya memerlukan peruntukan yang besar dalam suasana kewangan sekarang ini, mungkin lambat sedikit.

18 APRIL 2001

Kalau dulu kita ada ... tanggungjawab berhubung dengan bekalan elektrik ini sebenarnya banyak juga diambil tanggungjawab oleh Kementerian Luar Bandar tapi sekarang ni mereka tidak ambil tanggungjawab langsung sebagaimana juga projek-projek infrastruktur yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar ada satu buah kampung di Kemaman di kawasan pedalaman, iaitu kampung tersebut bernama Sungai Timah, yang penduduknya lebih kurang 30 buah, yang sudah lebih kurang 20 tahun tidak dapat apa-apa bekalan elektrik yang mana di hulu dan di hilirnya telah ada api belakan elektrik. Jadi, jika perkara ini telah disedari oleh kerajaan apakah kiranya pihak kerajaan memberi sedikit jaminan kepada penduduk di sini untuk dilaksanakan projek bekalan elektrik ini kepada mereka? Peruntukannya lebih kurang RM75,000 yang pernah kita angkat kepada pihak Unit Perancang Negeri dan juga kepada SDO, Pegawai Pembangunan Negeri sendiri tetapi hampa. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat, itulah gambaran lebih 20 tahun kampung ini tidak mendapat bekalan elektrik. Insya Allah, kerajaan baru yang baru setahun lebih ini akan memberikan perhatian berhubung dengan bekalan elektrik di kampung ini. Insya Allah, kalau keadaan kewangan mengizinkan.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan proses menyelesaikan permohonan tanah Pemastautin Tanpa Hak di seluruh negeri?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama daripada Yang Berhormat Bukit Besi ialah apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan proses permohonan tanah Pemastautin Tanpa Hak di seluruh negeri ataupun dalam istilah lain tanah-tanah yang dirintah secara haram.

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mempercepatkan proses menyelesaikan permohonan tanah Pemastautin Tanpa Hak ialah dengan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Negeri dan Daerah bagi memantau kegiatan tanah-tanah yang telah diteroka secara tidak sah sejak beberapa lama. Oleh kerana itu langkah penyelesaiannya:

1. Tempoh penyelesaian yang ditetapkan dalam Dasar Tanah Haram dahulu dilanjutkan daripada tahun '80 kepada tahun 1990.

18 APRIL 2001

2. Tanah-tanah yang diterokai di antara tahun-tahun 1990 hingga Novmeber 1999.
3. Membenarkan pemohon-pemohon yang permohonan mereka yang ditolak oleh kerajaan dahulu membuat rayuan semula.

Oleh kerana itu, kita telah mengambil langkah-langkah ini, penyelesaian yang telah dilakukan ini tapi memang sebagaimana yang telah saya jelaskan berhubung dengan proses ini, kita telah menubuhkan satu *Task Force* di peringkat negeri yang diketuai oleh Pengarah PTG untuk sama-sama memantau perkara ini sama-sama dengan Pejabat Tanah Daerah untuk mempercepatkan perkara ini. Walau macam manapun dari segi keupayaan masih lagi kita akan memakan masa sedikit bagi menyelesaikan masalah-masalah yang sedia ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk mencari ... memohon bantuan daripada pihak swasta, juru ukur swasta untuk mempercepatkan langkah ini? Kerana kita difahamkan kalau di daerah Dungun sudah 3,535 permohonan tanah haram, tanah memastautin tanpa hak ini, di daerah Dungun sahaja. Dan ini sudah tentu memakan masa yang begitu panjang jika tidak dibantu dengan anggota swasta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya akan membawa pandangan ini ataupun cadangan ini kepada pihak PTG dan seterusnya Pejabat Daerah untuk melihat kemungkinan-kemungkinan perkara ini dapat dilakukan, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Soalan pertama –

- (A) Berapakah jumlah peneroka getah dan kelapa sawit di negeri Terengganu?
- (B) Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam membantu para peneroka menghadapi kejatuhan harga komoditi getah dan kelapa sawit?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Paka ingin tahu berapakah jumlah peneroka getah dan kelapa sawit di Negeri Terengganu? Jumlah bilangan peneroka di Negeri Terengganu adalah seramai 7,463 orang, 289 peneroka getah dan 7,174 orang peneroka kelapa sawit.

Dan Yang Berhormat Wakil Paka juga ingin mengetahui dalam soalan berikutnya ialah apakah tindakah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam membantu para peneroka menghadapi kejatuhan harga komoditi getah dan kelapa sawit?

18 APRIL 2001

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, izinkan saya membuat sedikit huraian berhubung dengan perkara yang berkenaan ini. Yang pertamanya, apa yang dapat kita fahami daripada soalan ini ialah peneroka-peneroka yang tinggal di kawasan Felda. Kawasan ini ditadbirkan oleh Felda melalui pengurus masing-masing. Dan institusi-institusi yang terbabit di dalam menguruskan kawasan secara langsung ialah Felda sendiri, JKKR dan juga sebahagian kegiatan ekonominya diuruskan oleh Koperasi Peneroka. Kawasan terlibat digazetkan di bawah Akta GSA yang mempunyai kaedah pentadbirannya sendiri dan sehingga ini Felda masih menjadi agen pemaju dan penentu pembangunan di kawasan Felda.

Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk memajukan mereka dan menyelesaikan masalah mereka termasuklah ketika kejatuhan harga komoditi berkenaan sekarang ini. Namun usaha yang dibuat tidak disambut oleh pihak Felda. Misalnya di dalam pelantikan wakil-wakil peneroka atau ketua-ketua blok, yang menurut lazimnya dipilih di peringkat peneroka dan disahkan di peringkat negeri. Sekarang ini di satu peringkat Felda telah menerima tekanan daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk tidak mengiktiraf peranan Kerajaan Negeri di dalam pembangunan masyarakat peneroka dan melantik ketua-ketua peneroka yang disahkan oleh Perhubungan UMNO Negeri Terengganu. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah ditemui oleh kumpulan-kumpulan peneroka yang bercadang memajukan tanah di sekitar kawasan mereka sama ada untuk tanaman tambahan, ternakan dan untuk anak-anak mereka. Maka dalam hal ini kerajaan menimbangkan satu persatu permohonan mereka dan kita yakin dengan cara ini akan membantu menambahkan pendapatan mereka. Pemberian geran kepada peneroka diharap dapat memberi semangat dan juga keluasan atau kepuasan untuk mereka memajukan tanah. Saya berharap kongkongan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat ke atas Felda yang menimbulkan perbalahan di peringkat peneroka dan panafian hak setengah mereka dalam JKKR dan juga Koperasi Felda di satu-satu kawasan akan dihentikan segera. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Apakah pihak kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan ini untuk mewujudkan JSR di seluruh Gugusan Felda di Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya telah menyampaikan perkara ini kepada kerajaan dan kerajaan sedang menimbangkan perkara ini. Pihak Exco yang berkenaan dan juga pentadbiran sedang menimbangkannya.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan meneliti untuk menyegerakan pembahagian geran tanah kepada peneroka-peneroka tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Ya. Tuan Yang Dipertua, jawabnya ya.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuka tanah-tanah baru diisi dengan peneroka-peneroka mengikut cara Negeri Terengganu sendiri?

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Dalam hal ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada dua keadaan. Pertamanya, memang ada lebih kurang 14,000 hektar tanah yang sekarang masih berada di bawah kawalan Felda Plantation Sendirian Berhad yang tidak dimasuki oleh peneroka. Yang perkara ini insya Allah, sedang dalam perundingan untuk penyelesaian. Yang kedua, berkaitan dengan anak-anak peneroka sendiri yang dikatakan perlu kepada tanah-tanah, yang ini kita sedang menimbang. Tetapi untuk peneroka-peneroka sendiri kita sedang menunggu laporan sejauh mana kemajuan yang boleh dicapai dengan usaha-usaha dalam Felda sendiri dan juga kemajuan yang akan dicapai dalam perundingan berhubung dengan Felda Plantation.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan yang kedua –

Apakah permasalahan yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam menyejajarkan pengagihan tanah kepada rakyat?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua daripada Yang Berhormat Paka ialah apakah permasalahan yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam menyejajarkan pengagihan tanah kepada rakyat?

Saya telah menjawab sebahagian daripada persoalan ini sewaktu menjelaskannya kepada Yang Berhormat Wakil Bukit Besi, iaitu antaranya ialah kekurangan tenaga dengan untuk menangani tunggakan kes-kes yang begitu lama tidak diselesaikan. Memang tidak dengan cepat boleh kita selesaikan. Dan jika betul apa yang kita dengar semalam satu dakwaan daripada Yang Berhormat Kemasik bahawa ada kakitangan Pejabat Tanah yang tak mahu buat kerja kerana tak dapat elaun. Kalau benarlah begitu maka ini menambahkan lagilah lambatnya kerja ini. Tetapi walau macam manapun kita akan *check* sama ada kenyataan itu merupakan satu kenyataan yang benar ataupun tidak. Kita akan teliti melalui jabatan yang sedia ada. insya Allah untuk mengenal pasti kakitangan yang dikatakan tak nak buat kerja tu kerana sebab-sebab yang dikatakan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Apakah pihak kerajaan bercadang untuk menurunkan sebahagian daripada penyelesaian cara pengagihan tanah ini ke peringkat daerah-daerah untuk mempercepatkan masa?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang mekanisme yang digunakan sekarang ialah Jawatankuasa Pemilih Tanah Daerah itu salah satu daripada Jawatankuasa yang menimbang permohonan-permohonan itu. Tetapi paling kerap pun Jawatankuasa bermesyuarat hanya sebulan sekali dan kita boleh bayangkan berapa kes yang dapat diselesaikan dalam masa satu bulan. Adapun untuk ... kalau boleh saya tanggap pengertian soalan tambahan yang dikemukakan oleh Wakil Paka semacam nak *delegate* kuasa kepada daerah untuk membuat satu keputusan muktamad, saya rasa untuk membuat keputusan muktamad itu memang tidak boleh dilakukan. Tetapi mungkin kita boleh bincang satu mekanisme barangkali yang boleh sedikit sebanyak mempercepatkan perkara ini, insya Allah.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan ketiga –

Berapakah hasil pendapatan premium yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada Batu dan Pasir sepanjang tahun 2000?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Paka mengemukakan soalan berhubung dengan hasil ... berapakah hasil pendapatan premium yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada batu dan pasir sepanjang tahun 2000?

Untuk makluman Dewan ini, sebenarnya tiada premium dikenakan bagi pengalihan batu dan pasir. Yang ada ialah hasil yang diperolehi daripada pengeluaran permit pengalihan. Dan untuk makluman Dewan ini juga saya ingin memberi maklumat bahawa bagi tahun 2000 permit pengalihan batu-batuan adalah seperti berikut:

(i) Permit pengalihan pasir	- RM 981,607.18
(ii) Batu/kuari/granit	- RM1,764,772.00
(iii) Bahan batuan lain	- RM 33,874.25
(iv) Tanah merah	- RM1,861,984.57
(v) Jongkong/slab/ubin	- RM 108,108.05
(vi) Rumpun	- RM 90,748.80

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan Negeri sedar adanya penyelewengan ataupun penipuan dalam melarikan bayaran kepada pihak Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Untuk maklumat Dewan yang mulia ini Tuan Yang Dipertua, memang Kerajaan Negeri sedar ada semacam rangkaian sindiket untuk mencari dan mengalih pasir secara haram terutama di kawasan-kawasan yang kita anggap kritikal iaitu di Dungun dan juga di Kemaman, dan juga di Besut. Khusus di Dungun dan di Kemaman ini perkara ini berlaku kerana dapati keperluannya yang amat besar untuk projek laluan keretapi dan juga untuk menambun di kawasan-kawasan industri berat di kawasan Kerteh dan Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan. Kalau pihak kerajaan sedar bahawa ada yang berlaku penyelewengan dalam pengalihan pasir ini, apakah tindakan kerajaan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Pihak kerajaan telahpun mengarahkan pihak PTG, Pejabat Tanah dan Galian Negeri untuk bertindak dan Unit Penguatkuasaan telahpun diup-gradekan. Kerana kita dapati bahawa sindiket ini juga pandai cara, macam-macam kaedah digunakan untuk nak lari daripada pihak penguatkuasaan. Jadi kita tidak tahulah takut dia ada hubungan dengan orang-orang tertentu

18 APRIL 2001

kerana berani melakukan kegiatan-kegiatan yang haram serupa itu. Walau bagaimanapun, pihak PTG telah mengarahkan semua Pegawai-pegawai Daerah untuk menggunakan semua kenderaan yang ada, tenaga-tenaga yang ada dan juga untuk kita memperbaiki sistem telekomunikasi untuk mencegah kegiatan pengalihan pasir secara haram ini. Ekoran daripada itu tangkapan telahpun dibuat, ada tangkapan yang telah dibuat dan didenda, kompaun maksima, lori mereka ditahan dan sebuah lori apabila tangkapan dibuat, denda maksima RM500.00 dikenakan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Sejak PAS memerintah benda ini berlaku, sebelum tu tak berlaku ke? Sebab lama dah kes ni.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mungkin kita tidak dapat maklumat sebelum pada ini tapi saya yakin perkara itu berlaku sejak daripada dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, soalan saya nombor satu -

Selama kerajaan baru memerintah, berapakah jumlah Imam, Bilal dan Jawatankuasa Masjid yang dipecat?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kuala Berang ingin tahu, selama kerajaan baru memerintah ni sudah berapa orang Imam dan Bilal dan juga Jawatankuasa Masjid yang dipecat?

Untuk memberi jawapannya, sehingga 1 haribulan April 2001 tidak ada seorang Imam atau Bilal, atau Jawatankuasa Masjid yang dipecat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan. Kalau dibaca Berita Harian yang bertarikh 14 haribulan Mac tahun 2001, salah seorang daripada pembangkang mendakwa bahawa Imam, Bilal, ahli Jawatankuasa Masjid dipecat lebih daripada 150 orang dengan alasan bahawa usianya melebihi 50 tahun. Adakah ini benar atau suatu fitnah yang jelas daripada pembangkang kepada rakyat?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita Berita Harian, surat-surat khabar Malaysia, TV Malaysia kita tidak boleh buat rujukan. Yang Berhormat Yang Dipertua. Walau bagaimanapun, saya nak jelaskan biar semua kita faham, Jawatankuasa Masjid tidak dipecat. Pada 1 haribulan Mei tahun 2000 kerajaan telah buat keputusan Jawatankuasa Masjid yang telah lalu ditamatkan. Kemudian, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan Imam dan Bilal ada yang ditamatkan perkhidmatan mereka atas alasan-alasan yang tertentu, antaranya uzur dan lanjut umur, tidak dapat berfungsi dengan baik.

18 APRIL 2001

seperti penglihatan kabur, pendengaran yang tidak jelas dan bacaan yang kurang tepat. Dan kebanyakan mereka ni terdiri daripada yang umurnya lebih daripada 65 tahun mengikut Enakmen yang diamalkan sejak tahun 1986, 65 tahun boleh ditamatkan sebab masa berkhidmat sudah habis. Jadi jumlah Imam yang ditamatkan kerana umurnya lebih ialah seramai 26 orang saja, setakat ini dan Bilal ada 3 orang saja yang ni pun 80. Maknanya kalau kita tengok pun 60, 65 tu segar lagi tapi bila 80 ni kita nampak memang dia tidak boleh berkhidmat dengan baik, ditamatkan. Tok Imam 26 orang, Tok Bilal 3 orang setakat ni termasuk yang UMNO, yang tak dok parti ... saya rasa kerajaan ni baiklah. Tok Imam-Tok Imam UMNO pun dok pecat, hatta Wakil Rakyat UMNO khutbah pun dok marah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita sebenarnya, kerajaan tidak memecat Imam. Kerana ini paparan yang ditunjukkan dalam akhbar UMNO sendiri – Al-Haq menunjukkan bahawa tajuknya memang Imam Kena Pecat tetapi di bawah ni, sehingga ini surat penamatan menjadi Imam dari Pejabat Agama masih belum lagi diterima. Dan ini membuktikan bahawa kita tidak memecat. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dah sebut tadi antaranya surat khabar Berita Harian, Utusan Malaysia, sayapun tak sebutlah surat khabar Al-Haq sebab penyebarannya tidak begitu berleluasa, tidak masyhur. Jadi saya tak sebut surat khabar ni Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Kita tidak ada sistem pemecatan tidak ada. Itupun kalau saya terang, yang 80 tu masih ramai lagi yang kalau kira ikut pentadbirannya dia kata nak tamat dah. Tapi saya yang diberi tanggungjawab oleh kerajaan, minta jangan tamat lagi. Kalau kita tamat, dia buat isu kita pecat. Sebab kita tahu bahawa pihak pembangkang ni tak dok modal, dia nak cakap apa lagi ke kita. Takkanlah nak kata kerajaan PAS Ni dok bagus kerana tak ambil cukai pintu, kerajaan PAS tak bagus kerana naikkan elaun, imbuhan kepada Imam, Bilal. Takkan nak cakap macam tu, dia kata kena pecat hak kita dok pecat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bersetuju kenyataan yang dibuat oleh salah seorang ADUN pembangkang dalam ni merupakan satu fitnah?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita tak boleh ambil berat sangat cakap-cakap pembangkang, dohlah dia sedikit kita nak ambil tindakan berat-berat tak boleh. Apa nak cakap, dia cakaplah kita beri kebebasan. Saya kalau dia nak minta pentas nak ceramah kita beri.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana ambil berat masalah berkaitan dengan Imam, Bilal dan tidak diambil tindakan kepada mereka. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya yang kedua –

*Kewujudan JKKK menyebabkan berlaku perpecahan di peringkat kampung.
Apakah tindakan Kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat kita?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya dah jawab semalam Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, soalan tu sudahpun terjawab pada hari kelmarin. Terus kepada soalan yang berikutnya.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan saya nombor tiga . . .

Celik IT di kalangan penduduk negeri kita masih sederhana. Apakah rancangan pihak Kerajaan untuk menambahkan lagi kemahiran penggunaan komputer di kalangan masyarakat kita?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Kuala Berang ingin tahu berhubung dengan celik di kalangan penduduk di negeri kita masih sederhana. Apakah rancangan pihak kerajaan untuk menambahkan lagi kemahiran penggunaan komputer di kalangan masyarakat kita?

Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan mengakui bahawa kesedaran dan juga kemahiran penggunaan IT dan juga komputer di dalam masyarakat negeri kita ini masih lagi di tahap sederhana. Oleh kerana itu beberapa program dan juga rancangan telah dan juga sedang diatur daripada masa ke semasa. Umpamanya kita ada merancang program Cakna IT yang kita berhasrat sebagai pilot projek, satu Pusat IT di satu daerah dan kita cadangkan di masjid. Sayangnya oleh kerana projek ini hampir hendak dilaksanakan, berlaku masalah rompakkan sebagaimana yang diterangkan tadi, kita tangguh buat sementara waktu. Walau bagaimanapun usaha sedang dibuat dengan peranan yang dimainkan oleh pihak swasta.

Kemudian program-program dalam bentuk kesedaran IT melalui expo dan seminar yang dianjurkan daripada masa ke semasa. Sebelum daripada ini kita ada menganjurkan Educare, satu pameran, satu expo kemudian yang terbesar insya Allah, kalau berjaya dilaksanakan kita akan jadikan satu program secara yang lebih berkala iaitu satu program yang dipanggil Escom yang akan diadakan pada 2 Mei hingga 5 Mei yang akan datang ini. Kita jemput semua wakil-wakil rakyat dan juga di kalangan mereka-mereka yang menjadi sasaran kita.

Seterusnya dalam bidang pendidikan, sebelum pada ini kita adakan program ringgit ke ringgit kita sempat laksanakan sehingga pada tahun lepas. Kemudian sekolah-sekolah agama di bawah kerajaan negeri dibekalkan makmal komputer. Begitu juga latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan, kita menggunakan makmal komputer di sekolah-sekolah yang berkenaan untuk mereka mendapat latihan. Kemudian ada lagi satu yang masih berjalan sekarang ini, iaitu pinjaman komputer untuk kakitangan kerajaan negeri. Kita ada peruntukan pusingan sebanyak RM2 juta dan ini sedang kita ambil perjalanan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Wakil Alur Limbat nampaknya bersetuju dengan penyoal Wakil Kuala Berang bahawa celik IT di kalangan penduduk negeri kita masih sederhana. Soalan saya Yang Berhormat Yang Dipertua, apakah kriteria yang digunakan sebagai petunjuk terhadap tahap ini, kesederhanaan ini?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dari segi kriteria yang digunakan itu agak subjektif. Ini sebenarnya bergantung kepada kajian yang dibuat daripada semasa ke semasa dan ini sebenarnya bergantung kepada golongan masyarakat yang kita libatkan. Kalau kita ambil sebagai contoh di kalangan pegawai-pegawai kerajaan umpamanya, kita masih belum berpuas hati bahawa di kalangan pegawai-

18 APRIL 2001

pegawai kerajaan semuanya benar-benar mahir. Oleh kerana itulah, sebagai penyelesaiannya kita ada program-program latihan daripada masa ke semasa. Pokoknya ini berdasarkan kepada kajian yang dibuat daripada masa ke masa dan juga maklumat-maklumat yang sampai kepada pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah sebenarnya telah dijalankan kajian untuk dengan secara positif kita mengatakan bahawa tahap penggunaan IT di negeri kita ini sederhana?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang kajian dibuat. Umpamanya ada satu sistem yang dipanggil Sistem Pembangunan Ekonomi Rakyat Negeri Terengganu yang mana dalam sistem ada maklumat-maklumat yang terperinci berhubung dengan kemudahan-kemudahan yang ada pada setiap rumah. Kalau kita katakan, tiap rumah itu ada komputer maknanya asas komputer ataupun asas IT tu ada pada mereka. Itu sebagai salah satu daripada petunjuknya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sederhana ertinya pertengahan, boleh dikira sebagai 50%. Tapi yakinkah kita penduduk Negeri Terengganu, diambil penduduknya sahaja tidak masuk pegawai kerajaan, telah menggunakan 50% ataupun tiap buah rumah ada 50 buah daripada 100? Saya ingat penduduk tak boleh banyak tu, pelajar pun tak boleh banyak tu, pegawai kerajaan pun jauh daripada itu. Jadi bolehkah, selamat ke kita mengatakan bahawa sederhana penggunaan IT di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, itu soal penilaian. Kita buat penilaian, kita tidak boleh nak ambil secara yang sangat tepat. Ini berdasarkan kepada suatu kajian yang dibuat dan juga penilaian yang ada itu sudah tentulah dari sudut pentafsiran dan penilaiannya adalah subjektif. Mungkin Yang Berhormat mengambil kira dari sudut tertentu tapi bagi pihak kerajaan ada perkara-perkara yang diambil kira.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Kalau diizinkan saya tambah satu lagi?

YANG BERHORMAT TUAN YANG DIPERTUA: Sudah cukup, masa tidak berapa mengizinkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): ... kalau kajian dibuat tidak timbul masalah subjektif, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORAMT TUAN YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Seberang Takir, masa tidak mengizinkan. Saya nak teruskan kepada soalan berikutnya. Untuk menghormati soalan-soalan dikemukakan ke Dewan, saya benarkan satu soalan saja lagi daripada wakil ia itu daripada Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang pertama –

18 APRIL 2001

Benteng pasir di muara Sungai Kuala Terengganu yang semakin lama semakin lama semakin besar dan tinggi telah mengakibatkan beberapa kejadian yang membawa kerugian kepada nelayan. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat dan kepada Yang Berhormat yang akan menjawab soalan ini diminta supaya merangkumi ketiga-tiga soalan Seberang Takir kerana soalnya berkaitan antara satu sama lain.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang berkenaan oleh Yang Berhormat Wakil Seberang Takir walaupun tiga sebenarnya, kira kalau disimpulkan jadi dua sahajalah. Sebab soalan tu lebih kurang sama saja. Tinggal lagi yang pertama di sini yang hendak diketahuinya ialah soal benteng pasir di muara Sungai Kuala Terengganu yang semakin lama, semakin lama dua kali, semakin lama semakin membesar dan tinggi telah mengakibatkan beberapa kejadian yang membawa kerugian kepada nelayan. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Saya ingat bukan benteng ni, tak dok benteng di muara Sungai Kuala Terengganu ni, beting ni. Saya ingat beting pasir ... betul Yang Berhormat? Bukan benteng dok?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya ingat beting dengan benteng lebih kurang sama, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Yang Berhormat, maksudnya samalah. Tapi saya jawab betinglah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dalam hal ni Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, barangkali kena pakai pengetahuan orang pantai nampak.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Saya ingat orang pantai tahu benda ni beting bukan benteng. Baik, kita terimalah penjelasan tu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Salah eja tu.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya isu muara Sungai Kuala Terengganu dan muara sungai-sungai lain di seluruh Negeri Terengganu adalah isu lama yang sangat memakan perasaan para nelayan dan semua pihak yang prihatin bahkan mutakhir ini ianya menjadi lebih kritikal. Kerajaan Negeri Terengganu sekarang telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah ini. Antaranya, pertama bertindak di atas kajian-kajian yang lepas. Yang kedua, mengadakan kajian-kajian baru dan yang ketiga merundingi pihak-pihak yang bertanggungjawab dan berkepentingan bagi menggali muara sungai berkenaan. Ini berkaitan dengan usaha yang ditanyakan ... ataupun langkah untuk mengatasi masalah ini yang juga soalan yang serupa, soalan yang ketiga dari Yang Berhormat berkenaan.

Kalau kita lihat di sini Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang berlaku sebenarnya ialah satu perkembangan yang berubah-ubah dari semasa ke semasa terhadap muara-muara sungai. Dan

18 APRIL 2001

kajian-kajian yang dibuat antaranya ialah kajian yang dibuat pada tahun '94 iaitu kajian oleh pihak JICA (*Japanese International Corporation Agency*) dalam tajuk *The National River Mouth Study in Malaysia*. Memang kajian itu agak menyeluruh. Namun apa yang kita lihat perkembangan mutakhir umpamanya di muara Sungai Kuala Terengganu, satu kajian kita telah minta dan dibuat pada bulan April baru-baru ini, pada awal April, kita dapati bahawa muara sungai ini sebenarnya dia berubah arah pasirnya daripada selatan ke utara, dia hidup. Ini yang agaknya pasal jadi benteng ni. Jadi dia berubah dan kalau kita hendak lebarkan 55 meter ataupun kita nak lebarkan 90 meter, bagi menjamin muara ini dapat digunakan selama 3 tahun dengan selesa; kalau 90 meter kita kena belanja sebanyak RM4 juta lebih. Kalau nak digali 55 meter dasarnya dan dalamnya kurang lebih 6 meter, maka perbelanjaannya lebih RM3 setengah juta.

Jadi, oleh kerana itu saya tengok di sini perlunya pihak Kerajaan Negeri merundingi dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab di peringkat Pusat dan juga berkepentingan daripada kalangan swasta untuk dapat menyelesaikan masalah ini kerana ianya mestilah diselesaikan dalam konteks jangka pendek dan jangka panjang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Jangka pendeknya apakah rancangan?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Jangka pendek memang kena koreklah, tak dapat tidaklah. Jangka panjang kena buat benteng.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada kemampuan ke kita menggorek dalam masa yang terdekat ini?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Insya Allah, ada di dalam Al-Quran satu ayat:

Bagi Allah ada khazanah langit dan bumi. Dan saya percaya insya Allah, kerajaan mampu menyelesaikan masalah ini dengan sebuah yayasan yang bernama *Yayasan Allahkarim*.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah tidak mengizinkan untuk diteruskan soalan-soalan lisan maka saya tangguh dulu Dewan ini sehingga jam 11.00 pagi. Maka Dewan ditangguhkan.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

18 APRIL 2001

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula dengan sama-sama membaca ummul Quran Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kelmarin kita telah mula membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku maka hari ini kita sambung balik. Silakan ... sebelum daripada itu saya mohon tarik perhatian bahawa hari ini kita akan selesai perbahasan, besok adalah hari penggulungan selepas daripada soalan lisan, soalan Dewan hanya dikhususkan kepada penggulungan. Mana-mana Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap pada hari ini, sila membuat ucapan dan kita selesaikan ucapan pada hari ini sahaja. Silakan ... Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, pemerhati yang dihormati lagi dikasihi sekalian. Dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan di peringkat mukaddimah semalam baginda Al-Sultan menyentuh masalah perpaduan dan beliau memuji kerajaan Barisan Alternatif yang berjaya mengekalkan keamanan di dalam negeri sama ada dari kalangan orang-orang Islam itu sendiri ataupun daripada berbilang kaum yang menunjukkan suatu gambaran kepada kita pemerintahan kerajaan Barisan Alternatif telah mula diterima oleh semua pihak masyarakat sama ada daripada Islam ataupun yang bukan Islam. Dan kita melihat dalam media massa baru-baru ini bagaimana pendedahan yang berlaku di Selangor, bagaimana perpecahan dan pertelingkahan kaum di bawah kerajaan Barisan Nasional yang menggambarkan kepada kita suatu kegagalan perpaduan yang dicanangkan oleh Barisan Nasional yang UMNO menjadi teras kepadanya. Dan kita melihat pula apa yang berlaku dalam Negeri Sembilan baru-baru ini, bagaimana orang-orang China, orang Tionghua mereka menjemput Yang Amat Berhormat Tuan Guru, Dato' Haji Abd. Aziz Nik Mat secara beramai-ramai untuk melawat mereka di Negeri Sembilan. Menggambarkan bahawa perpaduan yang dicanangkan oleh UMNO dan Barisan Nasional gagal diwujudkan dalam negara pada hari ini. Oleh sebab itulah baginda Al-Sultan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas keamanan yang berjaya diwujudkan sama ada di kalangan orang-orang Islam ataupun perpaduan kaum dalam negeri kita. Dan mungkin ini juga di atas inisiatif Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Hubungan Antara Kaum yang berperanan dalam keadaan baik sehingga mewujudkan perpaduan kaum dalam negeri kita.

Dalam ucapan baginda Sultan juga menyebut masalah hasil daripada Kerajaan Negeri yang meruncing pada hari ini dan pihak kerajaan menyatakan bahawa kita ada hasil-hasil daripada pembalakan, air dan seumpamanya. Cuma dalam majlis ini sukalah saya menekankan bahawa projek Loji Air Petronas di Serdang yang Petronas telah mengambil airnya lebih daripada satu juta gelen setiap hari yang kemasukannya banyak kepada Kerajaan Negeri sekiranya perjanjian dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Oleh sebab itulah kita berharap kepada pihak kerajaan supaya memberi penjelasan kepada Dewan kerana perkara ini setelah bangkit pada persidangan Dewan lepas, sejauh manakah perjanjian dibuat antara Kerajaan Negeri, SATU dan Petronas dalam pengeluaran air di Loji Petronas di Serdang.

Dari sudut pendidikan pula, kita melihat bagaimana keadaan keputusan peperiksaan yang meningkat daripada tahun ke tahun yang menggambarkan bahawa kecintaan ilmu daripada masyarakat semakin baik. Cuma apa yang kita kesalkan, Jabatan Pendidikan mereka tidak tahu di manakah kerajaan, di manakah parti apabila mereka menggunakan sekolah-sekolah sebagai saluran kepada UMNO untuk melaksanakan agenda-agenda UMNO. Sebagai contoh, pada 13 dan 14 April mereka menggunakan Sekolah Bestari, sekolah budak-budak yang cerdas di Rantau Petronas tempat mereka mengadakan mesyuarat Pemuda UMNO, mengadakan mesyuarat Perhubungan UMNO dengan menggunakan budak-budak sekolah yang mengatur meja dan seumpamanya. Sehingga Persatuan Ibu Bapa, penduduk setempat melahirkan perasaan kesal terhadap Pejabat Pendidikan Daerah Dungun dan juga Pejabat Pendidikan Negeri terutamanya kerana membiarkan golongan-golongan politik menggunakan pusat pendidikan yang terbaik kepada anak-anak kita.

Dan kita melihat tema *Membangun Menurut Islam* ini merupakan tema yang paling baik yang disebut oleh Kerajaan Negeri. Dalam masalah ini pemantapan ilmu mestilah dibuat kepada semua masyarakat daripada kepimpinan yang paling atas sehinggalah kepada rakyat yang paling bawah. Unit-unit tertentu daripada UPI, Yayasan Islam dan juga golongan daripada golongan agama, daripada Pejabat Agama mestilah meningkatkan program-program yang menambahkan keilmuan kepada masyarakat kita. Dan kita berharap pihak kerajaan dapat mengenal pasti tenaga-tenaga yang benar-benar memahami Islam sebenar untuk menjelaskan kepada masyarakat dan membuat pemutihan kepada tenaga-tenaga lama yang berjawatan supaya mereka ini dapat dikawal dalam keadaan baik kerana mesej Islam ini suatu perkara yang tak boleh dibuat main-main oleh kita. Oleh sebab itulah, masalah pemantapan ilmu mestilah dibuat dalam keadaan baik.

Dari sudut perumahan, kita melihat apabila Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar melancarkan rumah kos rendah di Balai Besar di Dungun, kita lihat sambutan daripada masyarakat yang cukup baik sehingga kita bertanya pada hari ini betapa banyaknya permohonan mereka yang melebihi daripada apa yang kita bekalkan kepada mereka. Oleh sebab itulah cadangan daripada baginda Sultan supaya pihak swasta diwujudkan sama, dilibatkan sama dalam masalah ini suatu perkara yang amat baik kepada kita. Dan kemudian kita melihat tentang keadaan kependudukan awam yang menghadapi masalah di tapak-tapak perumahan, di taman-taman pada hari ini sistem longkang yang tidak baik, sistem perparitan. Dan saya melihat pada bulan musim tengkujuh baru-baru ini bagaimana banjir yang melibatkan masyarakat berpindah daripada satu tempat ke setempat, bukan kerana air banjir besar daripada biasa tetapi akibat sistem longkang yang tak dikawal dalam keadaan baik. Dan kita berharap pihak yang berwajib dapat melaksanakan tugas di musim kemarau ini dengan kewangan yang ada, jika sekiranya ada sebelum sampai ke musim tengkujuh yang akan datang.

Dalam masalah Lebu Raya Pantai Timur yang menjadi satu agenda yang penting kepada kita, yang menjadi perbualan di kalangan masyarakat kita berharap kerajaan kita berhati-hati dengan kedatangan wakil Menteri daripada Jabatan Kerja Raya. Kita mesti kaji dengan cara teliti dan cermat kerana orang yang samalah yang pernah menganjurkan nak buat kemudian dia membatalkan balik, kemudian nak buat, kemudian membatalkan, kemudian nak buat. Kita mesti berhati-hati dengan sikap keluk-kelik daripada golongan yang datang daripada Kementerian ini. Oleh sebab itulah untuk kebaikan masyarakat, kita berharap supaya kerajaan kita memantau secara terbaik dalam masalah ini.

Dari sudut pelancongan, kita menafikan bahawa pelancong-pelancong hijrah ke negeri kita dalam keadaan baik walaupun diperintah oleh Barisan Alternatif. Dan kita melihat betapa jumudnya

18 APRIL 2001

Kerajaan Negeri Melaka yang menghalang pegawai-pegawainya daripada melawat Terengganu dan Kelantan. Walaupun demikian rakyat negeri lain masih bersimpati kepada kita. Justeru kita saya mencadangkan kepada pelancong jangan mengira masalah yang baru sahaja tetapi mesti mengambil kira pusat pelancongan lama, pantai Rantau Abang yang telah menaikkan imej Terengganu pada satu masa yang lampau. Dan kita melihat di Rantau Abang sekarang banyak bangunan-bangunan pelancongan dan juga restoran R & R yang tersergam dalam keadaan indah menjadi perhatian semata-mata. Dan kita berharap pihak ini akan mengambil cakna masalah pelancongan dalam keadaan baik.

Dalam masalah celik komputer, saya memerhatikan dua tahun berturut-turut baginda Sultan menyebut masalah IT, masalah komputer. Yang menjadi masalah kepada kita banyak kampung-kampung yang tidak elektrik, yang belum ada talian telefon yang menghalang mereka daripada mendapat kecapaian yang terbaik daripada IT itu sendiri. Dan saya melihat di Sekolah Menengah Padang Pulut ada agensi tertentu baru-baru ini yang menghantar puluhan komputer tetapi tak dapat digunakan kerana tidak ada talian telefon dalam keadaan yang baik.

Dan dalam masa yang ringkas ini juga, saya mencadangkan supaya segala projek-projek daripada projek Pusat yang memohon tanah Kerajaan Negeri dapat dipantau dalam keadaan baik. Saya melihat satu kes yang berlaku di Kampung Rhu Batil di Kuala Abang, di Dungun, Terengganu bagaimana ada satu kawasan untuk membina sekolah dengan alat jentolak yang cukup, dengan kontraktor telah dilantik tetapi kelulusan tanah belum ada. Seolah-olah Kementerian Pendidikan tidak tahu peraturan, seolah-olah Jabatan Pendidikan tidak tahu masalah ini, mereka nak buat macam negeri ini tidak ada tuan punya yang menghantar jentolak begitu saja. Dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Tanah Daerah Dungun dan PTG yang bertindak tegas dalam perkara ini.

Dan dalam masa yang ringkas ini juga saya memberi pandangan kepada Kerajaan Negeri supaya tohmahan dalam media massa mengenai dengan amanat dan seumpama yang melibatkan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menter Besar tidak perlu dilayan dengan sebaik mungkin. Kerana perkara ini telah difahami oleh seluruh masyarakat dalam keadaan baik.

Dan untuk mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuanku Al-Sultan selaku merangkap Pengerusi Majlis Raja-Raja Melayu yang telah mengambil suatu keputusan yang paling baik, bertepatan dengan syarak yang telah mengambil keputusan yang baik menghalang pihak-pihak tertentu membuang nama Islam daripada pertubuhan dan seumpamanya yang mencemaskan UMNO dan Barisan Nasional. Oleh sebab itulah, wajarlah kepada kita semua mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin yang menunjukkan kecerminan yang baik, sokongan yang baik kepada Islam itu sendiri. Mudah-mudahan Negeri Terengganu Darul Iman ini menjadi negeri yang berkat daripada Allah s.w.t.

Wallahualam, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya, dipersilakan ... Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-

pegawai kerajaan dan para pemerhati yang dikasihi sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah menyampaikan titah ucapan baginda pada 16 haribulan April, yang mana dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada menyebutkan perlunya diberi keutamaan kepada kesejahteraan dan kesejahteraan hidup rakyat. Memang tidak dinafikan bahawa apabila apabila kita dapat menikmati kesejahteraan hidup maka kuranglah tekanan emosi dan mental yang mana hidup dalam keadaan tertekan boleh membawa banyak penyakit khususnya penyakit mental ataupun sakit jiwa. Maka timbullah perasaan mudah marah, ketegangan hubungan dalam keluarga, dalam masyarakat di samping itu timbul pula bibit-bibit perkelahian, perpecahan dan sebagainya. Faktor yang boleh kita ambil kira untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat ialah kita mesti mempunyai tempat perlindungan ataupun rumah yang selesa. Kita sentiasa mendengar kata-kata "*rumahku syurgaku*" yang menggambarkan betapa penting setiap keluarga mempunyai tempat tinggal yang selesa.

Salah satu faktor bertambahnya gejala lepak dan turutan darinya seperti dadah dan lumba haram adalah akibat daripada para remaja kita tidak mendapat kesejahteraan tinggal di rumah masing-masing sama ada untuk belajar ataupun untuk berehat. Ini adalah akibat daripada keadaan rumah yang sempit dan didiami oleh ramai penghuni atau keadaan persekitaran yang sesak dan tidak menyenangkan. Oleh itu saya sangatlah mengalu-alukan hasrat kerajaan membina rumah kos rendah untuk kepentingan rakyat yang mana dalam titah ucapan baginda semalam menyatakan bahawa keperluan rumah kos rendah sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8 adalah sebanyak 11,200 unit yaitu 35% daripada 32,000 unit rumah yang diperlukan. Sedangkan yang mampu dibina disasarkan sekitar 2,250 unit sahaja ataupun 20% daripada keperluan rumah murah itupun terpaksa dibuat secara penswastan dengan anggaran kos sebanyak RM67.5 juta. Sedangkan sebelum ini kita pernah dimaklumkan sejumlah 13 buah projek perumahan yang sepatutnya dibina di bawah peruntukan Kerajaan Pusat telah diberhentikan begitu sahaja. Ini menggambarkan tembelang sebenar pihak Kerajaan Pusat yang telah melakukan penganiayaan kepada rakyat negeri ini yang terhadap daripada hampir 95% orang Melayu yang beragama Islam. Dan kebetulan pula ramai di antara yang terlibat dengan gejala sosial adalah anak-anak Melayu kita. Adakah tindakan seperti ini dapat menggambarkan kepada kita yang Kerajaan Pusat di bawah BN, UMNO mahu kepada perpaduan Melayu? Dok tahulah kalau orang UMNO menaksirkan bahawa Melayu itu UMNO, UMNO itu Melayu jadi yang layak dibela hanya UMNO sahaja, Melayu tak sokong UMNO tak payah bela biar mampus gi. Saya rasa semua yang pada hari ini dapat menilai pihak mana

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ada perkataan lain dok selain daripada tu?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya rasa hak lembut dah tu. Saya rasa semua yang hadir pada hari ini dapat menilai pihak mana yang benar-benar berjuang untuk perpaduan ummah ataupun sebaliknya. Huru-hara yang diciptakan kalau dikatakan berlaku di masjid dan balai raya, sebenarnya bagi saya sebagaimana pandangan yang telah saya beri semasa membahaskan usul royalti dahulu, ini merupakan natijah daripada tindakan ataupun teladan Kerajaan Pusat yang melanggar perjanjian dan peraturan dalam soal royalti petroleum yang mana ianya sekarang ini telah menular dan ditiru pula oleh penyokong-penyokong mereka di kampung-kampung.

Sebagai contoh ialah peristiwa balai raya Bukit Tok Ris yang jadi glamor dalam Dewan beberapa hari ini, sebenarnya ini adalah merupakan satu lagi tindakan yang tidak bermaruah di pihak UMNO

18 APRIL 2001

KEMAS. Kerana sebenarnya pihak KEMAS telah diberi ihsan oleh Pejabat Daerah untuk menggunakan bangunan Srikandi yang luas lantainya lebih daripada 3,000 kaki persegi bagi menampung sekitar 24 murid sahaja. Dan di bangunan itu pula dibubuh, dipacak bendera keris, dua bendera di bangunan itu, bangunan kerajaan. Tapi JSR tak kisahlah, kita berilah dia ihsan untuk menggunakan bangunan tersebut. Tapi sifat tamak atau provokasi pihak UMNO ini, pihak KEMAS ini telah terus menduduki balai raya yang bersebelahan dengannya tanpa meminta izin ataupun memaklum sepatahpun kepada JSR yang telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan balai raya tersebut. Pihak JSR telah beberapa kali berunding dengan guru KEMAS secara anak beranak kerana kebetulan salah seorang guru KEMAS tersebut adalah adik kepada salah seorang Ketua JSR. Jadi tak naklah balah besar-besar, berunding cara baik tapi buat tak layan seolah-olah macam kita ni tak dok kuasa, tidak mempunyai hak ke atas balai raya tersebut, buat belakang ke kita. Maka pihak JSR telah berbincang bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini maka berlakulah suatu tindakan yaitu bergotong royong untuk memindahkan peralatan mereka ke bangunan Srikandi yang digunakan sebagai kelas Tadika yang sebuah lagi. Maka pecahlah tembelang sebenar UMNO, memang sengaja nak mempolitikkan isu tersebut dengan memanggil pemberita, memaksa murid-murid Tadika untuk mengangkat kerusi yang hanya 7 buah sahaja kerana yang ditempatkan di balai raya 7 orang saja murid dia. Sedangkan beberapa orang bekas JKKK, saya panggil bekaslah sebab hak yang ada ni kita tidak iktiraf, bekas JKKK dan juga Pegawai KEMAS ada ketika itu hanya memandang lakonan budak-budak ni angkat kerusi. Dia duduk situ duduk buat apa? Orang tua ada tak nak angkat kerusi? Di sini kita tengoklah siapa sebenarnya yang melakukan kezaliman.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sedang Kerajaan Terengganu di bawah BA berhasrat untuk membina rumah kos rendah dengan pinjaman tanpa riba, pihak UMNO Kerajaan Pusat pula menggagalkan pula usaha murni ini dengan merampas wang royalti petroleum. Maka bersendiwaralah ahli-ahli pembangkang di Dewan yang mulia ini dengan bertanya kenapa tidak dibuat itu, tidka dibuat ini? Sedangkan duit kita habis dirompak mereka. Dengan izin Tuan Yang Dipertua, Botak Chin, Batang Kali terkenal dengan penjenayah yang ganas tetapi setelah dia merompak dia tidak pernah mengejek ataupun mempersenda-sendakan mangsa rompakannya. Tapi puak-puak ni, habis pitis kita dikebas dia ejek buat ngajing kita ... bakpa mu dok buat pembangunan, dok buat tu ... pitis kita habis dirompak di demo nak buat guana, bukan boleh buat bangunan dengan daun kayu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUJ BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Tuan Yang Dipertua, sahabat saya. Dah makna hak ni teruk pada Botak Chin, ke guana?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Unggal): Faham ... faham sendirilah. Kalau kita boleh buat pembangunan dengan daun kayu, dok apalah Terengganu ni banyak daun kayu hijau. Kalau bank Kerajaan Pusat boleh terima daun kayu hijau kita boleh buat pembangunan tapi takut dia terima daun kayu biru tak tahulah. Jadi dia buat ngajing kita ni macam-macam, luar buat ngajing dalam Dewan buat ngajing. Inilah tembelang sebenar pemimpin-pemimpin UMNO.

Tuan Yang Dipertua, di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pimpinan PAS Pusat yang begitu prihatin kepada bencana yang menimpa kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu sehingga menetapkan salah satu pra syarat perjumpaan di antara Presiden PAS dan Presiden UMNO untuk membincangkan soal erpaduan ialah Kerajaan Pusat yang ditunjangi

18 APRIL 2001

oleh UMNO itu mesti mengembalikan dahulu wang royalti kepada yang berhak yaitu Kerajaan Negeri Terengganu. Kalau orang luar dari Terengganu boleh simpati dengan kita, apalah malangnya nasib kita semua sehingga ada anak watan negeri ini sendiri yang sanggup menafikan hak kita semua. Apa bahasa jenis orang begini?

Tuan Yang Dipertua, dalam titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan juga ada menyatakan tentang kesukaran para nelayan akibat pemendapan di muara Sungai Terengganu. Dalam sidang Dewan ini yang lalu, saya pernah menimbulkan masalah ini kepada Dewan bersekali dengan masalah pembangunan di Pulau Duyung. Dewan telah diberitahu bahawa kerajaan telah merancang untuk membuat pembangunan bersepadu yaitu pembangunan industri maritime, penyusunan semula perkampungan Pulau Duyung dan mendalamkan Sungai Terengganu. Memandangkan keadaan ekonomi negara yang belum pulih dan ekonomi Amerika dan dunia yang semakin lembap adalah dijangka projek ini tidak dapat diteruskan dalam jangka masa yang terdekat ini. Oleh itu saya menyarakan agar satu langkah segera perlu diambil bagi mengatasi masalah keketakan muara Sungai Terengganu yang banyak memberi kesan negatif kepada ekonomi kaum nelayan yang telah sekian lama menderita tanpa pembelaan yang sewajarnya dari pihak yang berwajib. Akibat dari itu juga kita dapati ramai yang terlibat dengan keciciran dalam pelajaran dan masalah gejala sosial juga adalah dari golongan miskin ini khususnya kaum nelayan.

Sekali lagi saya selaku Wakil Rakyat kawasan yang terjejas teruk akibat daripada fenomena ini memohon kepada pihak yang berkenaan supaya menegerakan usaha mendalamkan Sungai Terengganu dengan apa cara sekalipun. Saya percaya ayahanda kita daripada Wakil Seberang Takir mungkin dia boleh bersetuju dengan saya dengan cadangan ini kerana rakyat kawasan yang beliau wakili juga terlibat. Sekiranya masalah peruntukan yang menjadi sebab, saya rasa molek kiranya wakil-wakil pembangkang khususnya, maklumlah tidak ada, ayahanda kita Wakil Seberang Takir sendiri membantu kita bagi mendapatkan semula hak ke atas royalti petroleum. Tiada gunanya kita bertegang leher di Dewan yang mulia ini dan menyatakan kitalah yang berjuang untuk membela nasib Melayu, nasib rakyat miskin dan sebagainya namun rakyat yang kita wakili terus menderita dengan seribu satu macam masalah akibat keegoan kita untuk mempertahankan agenda politik yang sempit. Rakyat miskin terus menderita menjadi mangsa kepada keadaan dan teraniaya tanpa pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, penyakit-penyakit sosial juga merupakan masalah besar yang melanda negeri ini. Sebagai contoh, dadah telah diisytiharkan sebagai musuh negara nombor satu setelah ancaman komunis dapat dihapuskan. Untuk mengatasi ancaman kerajaan telah memperuntukan sebahagian besar perbelanjaan negara bagi tujuan tersebut. Sekarang dadah dianggap musuh nombor satu, adakah peruntukan dan kesungguhan kerajaan sama seperti yang telah ditunjukkan atau dibelanjakan semasa menghadapi ancaman komunis dahulu. Walaupun Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penguatkuasaan perkara-perkara yang berlawanan dengan syariah pada setiap daerah namun begitu adakah ia memberikan satu peruntukan khusus yang tidak hanya bergantung kepada peruntukan jabatan-jabatan yang sedia ada. Oleh itu saya mencadangkan supaya satu peruntukan khusus dapat disediakan bagi tujuan yang besar dan murni ini supaya kerja yang kita lakukan mestilah sepadan dengan apa yang kita anggapkan. Jika ia musuh nombor satu, usaha-usaha dan peruntukan juga seharusnya nombor satu juga semoga usaha-usaha kerajaan mambanteras benih-benih gejala sosial di peringkat awal ini dapat menyelamatkan anak bangsa kita dari terjerumus ke lembah kehancuran. Walaupun kita

tidak berupaya membasmi sumber atau baja kepada masalah sosial ini yang ditaja oleh Kerajaan Pusat melalui media elektronik yang mereka kuasai. Namun begitu diharapkan suatu masa nanti mereka ini akan sedar jua ataupun rakyat seluruh negara akan menyedarkan mereka, insya Allah dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, apa yang kita fahamkan bahawa kerajaan menghadapi zaman sukar untuk keluar dari kemelut sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Kerajaan Pusat. Untuk menyediakan keselesaan tempat tinggal kepada rakyat negeri ini masa yang singkat ini adalah agak mustahil. Justeru itu bagi memberi sedikit keselesaan kepada anak-anak muda yang tinggal bersama-sama dengan keluarga yang ramai dan rumah yang sesak, saya mencadangkan agar setiap kampung dapat disediakan satu tempat atau bangunan di mana disediakan kemudahan-kemudahan seperti dewan membaca atau perpustakaan mini, dewan rehat dengan disediakan TV dan dengan izin *indoor games*, bilik komputer, tempat sembahyang. Untuk menguruskan tempat ini kita boleh menubuhkan satu jawatankuasa khas di peringkat kampung ataupun NGO. Ianya boleh beroperasi mungkin sehingga pukul 11.00 malam sebagai permulaan diharap bolehlah di beberapa kampung dibuat sebagai pilot projek.

Itulah saja Tuan Yang Dipertua, apa yang dapat disampaikan di kesempatan yang sesingkat ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ucapan seterusnya ... Permaisuri. Sila

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sidang yang hadir sekalian. Terlebih dahulu saya merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memberi peluang kepada saya untuk mengambil peluang bagi menyokong dan membahas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan.

Bagaimana yang berlaku pada semalam yang diucap oleh Yang Berhormat Kemasik, seolah-olah menafikan tentang perpaduan dalam negeri Terengganu. Tapi dalam ucapan ini Al-Sultan sendiri mengatakan bahawa Beta bersyukur dan merasa gembira suasana pada kini di negeri Terengganu Darul Iman tetap aman dan damai. Ditambah lagi di mana Al-Sultan mengatakan bahawa perpaduan antara kaum adalah mantap. Jadi, bagaimana Yang Berhormat Kemasik mempertikaikan keadaan ini, terserahlah kepada dia tapi saya nak buktikan. Di antara ucapan yang dikeluarkan tentang perpecahan masjid. Di sini saya ingin mengolah sedikit semasa kerajaan Barisan Nasional, perpecahan masjid berlaku hampir 39 buah, di Besut kurang lebih 27, Setiu ada lima, Marang ada tiga, Kuala Terengganu ada tiga, Dungun ada satu. Apabila berlaku perubahan kerajaan maka kita kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat menyarankan semua rakyat kembali bersatu. Dan Alhamdulillah di kawasan saya kesemua masjid dapat disatukan. Tetapi yang sedihnya penyatuan ini tidak diceritakan di luar, tidak diberitahu kepada masyarakat umum bagaimana langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan. Surat-suara khabar rata-rata menceritakan tentang kebarukan itu sendiri. Kalau kita tengok dalam surat khabar yang dikeluarkan oleh UMNO Al-Haq, muka depan menceritakan tentang perpecahan ... sekejap - Solat Jumaat Kecoh angkara

ADUN PAS. Kalau betul-betullah kita nak wujudkan perpaduan sebenarnya kenapa tidak kita bagi tahu kepada rakyat setakat ini sudah 12 buah masjid yang dapat disatukan. Dan perpecahan ini berlaku sebenarnya di antara kefahaman itu sendiri, ada setengah masjid berlaku perpecahan ini kerana kefahaman Imam yang hendak mengimami jemaah. Pernah satu ketika satu orang Imam berkata bahawa nak laksanakan Quran seluruhnya tak mampu. Bagaimana seorang Imam yang duduk di hadapan bagi tahu kepada ahli jemaah semacam itu maka jemaah menajdi huru-hara. Lalu Pejabat Agama pada masa itu, kerajaan dulupun mengambil jalan penyelesaian berbincang, panggil semua, semeja ... meminta Imam tersebut menarik balik perkataannya supaya menjaga jemaah ini. Tapi apa yang berlaku apabila dah permesyuaratan, To' Imam tu kata, dia dok kata. Bila Imam itu kata, dia tak kata, bagaimana makmum yang mendengar? Maka akhirnya pecahlah kampung kita. Alhamdulillah, sekarang ini suasana kembali sembahyang satu masjid. Orang UMNO tak nak cerita perkara ini tapi nak cerita hak balah belaka.

Kemudian, Lagi Imam Kena Pecat, ni surat khabar dalam Terengganu *toplah* ni

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Bukan Al-Haq tu, Al-Wok tu. Surat khabar Al-Wok.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya rasa cukup kecewa dengan apa yang ditulis Lagi Imam Kena Pecat. Ni saya terpaksa cerita dekat Dewan ni kerana tugas saya dulu masa saya kerja Pejabat Agama, saya ada laporan mesyuarat masa JKKK dulu. Saya nak cerita supaya khabar ni kita minta sahabat kita Yang Berhormat sebelah, cerita benda yang sebenar jangan kelirukan rakyat di bawah kerana kita tahu perkara yang sebenar. Ni cerita dia panjang, report dia siap, kenapa tindakan harus diambil kepada Imam ini. Ni masalah peribadi, saya tak nak cerita masalah peribadi dia tapi nak ceritanya keadaan apabila berlaku suasana kampung jadi huru-hara tak nak Imam dengan Imam ni, kita ambil pendekatan kita tawakufkan Imam ini. Dan kita bagi saranan kepada dia supaya dia berhenti, kita bagi borang suruh dia berhenti menjaga keadaan aman. Tak nak berhenti dia. Keputusan dari JKKK sendiri dalam mesyuarat, membuat keputusan supaya Imam ini ditamatkan. Jadi bila berubah kerajaan, saya tak nak bacalah perkara ni jadi sensitif sangat cuma, nak cerita bawak kakas ni nak bukti saja, nak baca jadi panjang.

Begitu jugak tentang tindakan kerajaan, tentang kita ... PTG bertindak atas tanah rintahan haram. Terbit dalam Al-Haq jugak cerita, masuk dalam TV cerita, jahatnya kerajaan yang baru, zalim. Apabila kerajaan baru memerintah kita bagi tahu kepada rakyat kita tidak benar rintahan tanah haram, kerajaan dulupun memang keluar notis. Dia tulis dalam surat khabar ni, dia kata kita tidak hantar notis, tak hantar apa-apapun bertindak terus. Sedangkan di sini kita ada surat kita surat kita buat, sebelum surat ini dibuat saya beberapa kali turun ke kawasan, turun lari pergi masjid bagi tahu "jangan rintah tanah haram ni. Kalau tuan dah rintah tanah haram, tuan ada duit, mampu tuan, orang susah akan terus susah." Dan tanah yang dirintah ini tanah yang sudah digazetkan untuk kelompok pertanian. Bagi tahu lagi, hantar surat lagi, buat jugak. Malam hari dia bakar, besok berasap keluar. Saya minta tindakan tegas itu diambil. Alhamdulillah, saya ucap terima kasih kepada terutamanya Pegawai Daerah sendiri dan PTG sendiri yang tegas dalam perkara ini walaupun kita menghadapi sedikit masalah tapi kita rasa kerana kita nak jaga muslihat yang lebih besar. Itu kita nak jawab soal perpaduan.

Jadi duduk cerita hal perpaduan sekarang ni tak payah ceritalah. kita tengok sekarang yang terbaru, ... nak ceramah malam ni, apa tajuk dia tuan-tuan. PAS Tolak Penyatuan Ummah Bermakna Tolak Kehendak Allah. Perkara-perkara macam ni tak patut kita luahkan mengelirukan rakyat. Sekarang ni penyatuan ini masih lagi dalam perundingan. Dan kita dari kerajaan sendiri meminta tiga perkara. satu dah lepas dua lagi nak. Bagi royalti minyak dekat kita, insya Allah. Kerana royalti minyak ni hak kita bukan kita nak minta hak orang. nak minta hak kita. Bukan kita nak minta hak UMNO, kita hak rakyat ni kerana kita buat pilihan raya dan kita dah menang. Saya cukup sedih dengan apa yang berlaku kadang-kadang kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan diperhina begitu rupa. Sedangkan kita bila kita memerintah kita tak pecat, kerajaan ... Tuan Guru kita tak pecat bagi. Apabila tindakan semacam ini dikatakan tidak hantar notis dan sebagainya sedang pegawai yang sama zaman dia dulu. Bukan marah ni, jadi orang muda ... tukar suara pasal tengok hak ni. Duduk pokok kayu, sekarang ni jadi PAS pulak dah stail pokok kayu

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAH. BIN HARUN (Wakil Air Putih): Memang jenis *anthowok*. *anthabi* tu pelawok serba serbi.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Jadi kita harap perkara semacam ni biar jelas jangan kita huru-hara suasana. Sebenarnya kita mencari perdamaian tetapi apa yang kita lihat sekarang perpaduan ni seolah-olah kita yang tidak nak. dia kata kita dok nak. Kalau kita tengok kita buat perubahan yang dipimpin oleh Yang Amat Bert hormat sendiri kerajaan baru, kita tubuh JSR tak berapa lama tubuh JKKK. Siapa yang nak berbalah sebenarnya? Siapa mengatur perkelahian ini? Bila kita tubuh JSR, naik JKKK ... duduk sekejap, keluar pertubuhan haram pulak, marah ke Yang Bert hormat Tun kita di Besut. Duduk sekejap keluar pulak di pejabat-pejabat surat keluar tak benar JSR ni di mana-mana orang kerja Kerajaan Pusat, tak benar campur tangan dengan JSR. Masya Allah. maka huru-hara berlaku. Dan sekarang ini perkara yang berlaku di kawasan saya cukup sedih tuan tuan dengan duit ehsan, ni duit ehsan. Saya bawa gambar ... kita suruh tengok bagaimana hak orang boleh dengan orang tak boleh. Pergi pukul gambar tengok tulis nama

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Gambar tu jual ke dok?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Tak jual gambar ini, simpan. Kalau kita tengok rumah masya Allah macam Bangladesh, saya punya kampung ada rumah macam ni. Ni rumah bukan ni buat ni lama dah buat. lama dah rumah ni ... yang ni tak dapat. Tapi yang dapat masya Allah, rumah batu. Rumah batu dapat, rumah kayu robek macam ni tak dapat, macam mana ni? Ni yang kita katakan akan menyebabkan huru-hara, perpecahan di bawah. Dan ini yang dikehendak sebenarnya. apabila rakyat sudah marah maka rakyat akan tukar kerajaan yang ada, itu cara dia. Tapi insya Allah, rakyat semakin cerdik sekarang. Kita bagi tahu pada rakyat, kita tanya dia bakpa sekarang dapat dulu tak dapat? Jadi kalau nak kekal lagi nak dapat pangkah lagi PAS, insya Allah. Mudah saja kita kempen.

Selesai masalah tu, habis cerita tu jadi sekarang nak bagi pandangan sedikit dengan ekonomi

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Bert hormat, masa Yang Bert hormat dua minit lagi.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya turun selalu. Saya nak minta pertama sekali di segi jabatan-jabatan terutama Pejabat Daerah, Majlis Daerah, kita minta kerajaan supaya cari sedikit kewangan untuk kita banyakkkan jentolak, jentera-jentera kita. Kerana pesaka daripada UMNO masya Allah, nak tolak bukitpun tak rok, kerja seminggu sebulan rosak, rakyat kita marah di bawah. Jadi kalau kerajaan beli jentera ni murah sedikit bekalkan kepada jabatan di bawah Pejabat Daerah supaya kita buat kerja secara gotong royong, tanah kita ada, pasir kita ada. Anak buah kita dekat kampung bukan nak jalan selesa sangat, nak jalan kuning nak keluarkan hasil-hasil dia. Ini kita kena fikir.

Yang kedua, kita nak bina rumah-rumah yang susah ni kita ada balak yang banyak, cuba kita agihkan macam mana cara pembalakan yang kita nak buat itu beri pada syarikat anak kerajaan negeri atau macam mana, berapa persen kita nak sumbang kepada daerah masing-masing untuk kita bina rumah-rumah anak-anak buah kita yang uzur ini.

Banyak sangat nak cakap tapi cukuplah masa kita bagi kepada sahabat kita yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, maafkan saya kalau terkasar sahabat-sahabat dari sebelah, tak dok niat kita berbalah, niat kita nak mencari kebaikan semua

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Sebelah mana tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Sebelah sini. Wallahualam, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu, ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan kepada hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, saya juga mengambil kesempatan dalam meluahkan apa-apa pandangan dan pendapat dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan sempena perasmian pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kesepuluh ini.

Alhamdulillah, walaupun titah yang begitu ringkas tetapi mempunyai hasrat yang terpendam yang sepatutnya kita berfikir bersama dalam menerajui sebuah kerajaan yang kerajaan mempunyai halangan dan rintangan yang boleh dikatakan amat begitu besar kerana menerajui sesebuah kerajaan memerlukan peruntukan-peruntukan. Cuba bayangkan sebelum ini kerajaan penuh dengan Allah Taala rezekikan mewah sehingga kita dapat melakukan beberapa perkara, kakitangan yang begitu ramai dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang memang hasrat untuk memajukan aspek pembangunan ekonomi, fizikal dan insan. Tetapi apabila kita menjanjikan kepada rakyat dalam manifesto yang ditawarkan kepada rakyat bila memilih Barisan Alternatif yang diterajui oleh PAS ini, kita banyak menjanjikan kepada rakyat dan janji-janji itu kita tunaikan. Tiba-tiba kewangan yang lima persen dalam lingkungan empat ratus hingga lapan ratus juga ditarik sebegitu

18 APRIL 2001

rupa-tanpa ada perkiraan dengan kerajaan. Maka inilah yang menyinggungkan semua orang termasuk saya. Atas dasar itu saya bangun berucap untuk meluahkan apa-apa pandangan.

Saya menyentuh, pertama-pertama saya mengucap terima kasih kepada titah ucapan Al-Sultan. Yang keduanya apa-apa isu yang dimainkan terutamanya oleh pembangkang perlu jugak sama-sama kita berfikir, kadang-kadang perkara yang tidak keruh, di keruhkan. Perkara-perkara yang disebut oleh pembangkang berkenaan dengan masjid, apa-apa isu yang dimainkan dalam surat khabar terutama lagi didukung oleh Kerajaan Pusat begitu hebat kepada Kerajaan Terengganu. Allah Taala menyuruh kita kepimpinan ini supaya bersabar dan bertikir dengan cara waras bukan tindakan kita keanak-anakan. Bila tindakan keanak-anakan dengan begitu rakus apabila berkuasa, maka kita boleh membuat apa-apa tindakan tanpa undang-undang yang kita ada undang-undang dan akta di Parlimen. Tetapi dengan undang-undang itu juga yang membuat undang-undang hari ini sudah tidak ada undang-undang lagi kepada mereka. Oleh kerana itu perkara-perkara ini menjadi masuk kepada fikiran rakyat seluruhnya. Allah mengajar kita bersabar dengan apa ujian:

استعينوا بالصبر والصلاة

Minta tolonglah kamu dengan sabar dan sembahyang. Alhamdulillah, kepimpinan saf kerajaan negeri kita menangani masalah ini dengan cara yang bijak, bertikiran semasak-masaknya.

Saya juga suka menyentuh terutama berkaitan dengan soalannya, kenapa soalannya ini dikemukakan terutamanya KETENGAH. Kerana banyak perkara KETENGAH dan apa-apa tindakannya selolah-olah mereka bertindak tidak ambil kira langsung perundingan dengan kerajaan. Oleh hal yang demikian, dari sudut peraturan dan undang-undang juga kita persoalkan supaya atas nama roli *federalation*, Negeri Terengganu di bawah federal apabila ianya dibuat dalam penyerahan oleh Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada 1948, yang mengiktirafkan Negeri Terengganu ini bawah federal dan apa-apa hak mesti ada penyerahan hak kerana kita sudah menyerah sebahagian hak kita, kuasa yang penuh kepada federal tetapi hak ini masih juga tidak diserahkan kepada kita.

Oleh hal yang demikian, terutama dalam perkara ekonomi saya suka menyentuh bahawa kita kaya dengan galian, bahan sumber hasil di Negeri Terengganu terutama di Tasik Kenyir. Allah Taala berfirman:

والأرض ممددنها وألقينا فيها روسى وأنبتنا فيها من كل شىء موزون

Maksudnya: *Dan bumi Kami hamparkan dan Kami campakkan kepadanya sauh yakni gunung-ganang bagi menetapkan kedudukan pengedaran bumi. Kami tumbuhkan padanya yakni pada bumi itu daripada setiap tanaman, kebun-kebun dan pasangan yang pemandangannya amat baik. Sebagai suatu peringatan, sebagai suatu renungan kepada setiap hamba yang mahu kembali kepada Tuhannya. Kami turunkan daripada langit air yang diberkati, Kami tumbuhkan dengan air itu kebun-kebun dan tanaman-tanaman yang dapat dihasilkan dan tuaikan sehingga hayat menjadi rezeki kepada segala hamba. Dan Kami hidupkan dengan air itu negeri yang kontan atau negeri yang mati.*

Berdasarkan kepada itu, ciri-ciri yang disebut oleh Allah Taala ini berada terutama di Tasik Kenyir. Maka atas dasar itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya memikirkan semasak-masaknya penggunaan Tasik Kenyir ini terutama penggunaannya mengikut bersepadu. Kerana suasana dan kedudukan Tasik Kenyir dapat menyelesaikan beberapa masalah terutama permasalahan ekonomi, sosial dan pendidikan.

Suka saya menyentuh aspek yang ditimbulkan oleh Tuanku Al-Sultan yaitu yang disebut pembangunan ekonomi dan pembangunan insan mesti diteruskan. Dan Tasik kenyir dapat memberi dua pembangunan ini sekali gus. Kenapa pembangunan insan berada di situ? Boleh kita sediakan pembangunan insan. Kerana firman Allahutaala:

ان في خلق السموات والأرض واختلاف الليل والنهار لآيات لأولى الألباب.
الذين يذكرون الله قياما وقعودا وعلى جنوبهم ويتفكرون في خلق السموات والأرض

Sesungguhnya pada ciptaan langit dan bumi, perselisihan malam dan siang adalah menjadi tanda-tanda kepada Uli Albab yakni orang-orang mempunyai intipati manusia. Siapa yang menghimpun di antara dua ciri zikir dan fikir yaitu mereka yang berzikir mengingati Allah secara berdiri, duduk dan dalam pembaringan mereka, mereka sentiasa berfikir pada ciptaan langit-langit dan bumi. Hasil himpunan zikir dan fikir menghasilkan tiga makrifah. Makrifah pertama ialah:

ربنا ما خلقت هذا باطلا

Wahai Tuhan kami, engkau tak jadi ini sia-sia, hasil daripada penglihatan, renungan terhadap ciptaan Allah s.a.w.

Makrifah yang kedua, *Subhana* memandang betapa sucinya Allah, lalu menyebut *Maha Suci Engkau*. Kita ini penuh dosa dan noda maka kita mesti merujuk kepada Yang Maha Suci.

18 APRIL 2001

Makrifah yang ketiga, *wakinaazabannar* maka lindungilah kami azab neraka. Terasa selama ini kita hidup dalam suatu acuan yang salah maka kita perbetulkan dan dosa-dosa lepas itu kita minta ampun. Oleh kerana itu, aspek inilah yang disebut *tabsirotan* renungan, fikirlah menyebabkan perubahan. Maka atas dasar itu suasana yang ada di Kenyir dengan alam semula jadinya boleh kita manfaatkan sebagai suatu bahan yang menjadi untuk renungan kepada pembangunan insan.

Kenapa pembangunan ekonomi, suka saya menyentuh Allah Taala menyebut lagi yang bermaksud: *Kami turunkan daripada langit satu kaedah peraturan Allah Taala apabila berlaku mata hari maka wap-wap naik ke udara dan angin meniup awan yang ada hujan di tempat yang tinggi maka di situlah diturunkan hujan. Maka diturunkan hujan itu dapat dikumpulkan air sehingga selepas itu dapat menumbuhkan hutan-hutan dan kebun-kebun dan juga daripada itu menjadi rezeki kepada segala hamba.* Dan asas itu dialirkan kepada hiliran maka segala tempat-tempat yang kering kontan dapat dimanfaatkan dengan air dan menjadi kehijauan, menjadi ternakan dan tanaman kepada industri hiliran atau tanaman hiliran. Asas inilah berada di Tasik Kenyir, tempat himpunan air dan tempat apa-apa perancangan ekonomi yang dapat kita lakukan.

Oleh hal yang demikian, Tasik Kenyir dikenali satu tasik yang banyak pulaunya, sejumlah lebih kurang 300 buah pulau. Maka daripada itu kita dapat membuat apa-apa perancangan ekonomi, pertamanya dia ada kategori. Pertama sumber hasil yang berada di situ, yang kedua iaitu bagaimana sumber hasil itu dialirkan menjadi suatu sumber hiliran. Sumber hasilnya seperti sumber balak, air itu sendiri untuk ternakan yang air itu juga untuk tanaman dan pertanian. Begitu juga sumber air boleh dialirkan untuk sebagai caj atau penjana elektrik. Kita akan bertanya adakah kemungkinan kita boleh buat penjana sendiri untuk manfaat tempatan Negeri Terengganu. Yang kedua, air juga boleh kita alirkan kepada paip-paip rumah sebagai suatu *service* atau khidmat kepada rakyat. Dan air itu juga boleh kita alirkan untuk pertanian dan ternakan hiliran. Ianya perlu suatu kajian bagaimana sumber ini kita proses

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masa untuk Yang Berhormat satu minit lagi.

YANG BEHRORMAT HAJI ISMAH, BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): dan hasil daripada sumber itu kita boleh ambil zakat terutama kita buka tanaman komersil dan ternakan komersil.

Begitu juga aspek sosial, Tasik Kenyir boleh kita buat dengan pulau-pulaunya sebagai pusat pemulihan akhlak. Yang kedua, tempat-tempat pelancongan. Yang ketiga pusat-pusat latihan kemahiran kepada para belia. Dan yang keempat, tempat-tempat rekreasi dan beriadah untuk orang-orang awam. Kerana sabda Rasulullah s.a.w.:

البلاد بلاد الله والعباد عباد الله فحيث ما أصبت بحيرا فأقم

18 APRIL 2001

Negeri itu negeri Allah, hamba itu hamba Allah di mana saja kamu dapat kebaikan maka diamlah di situ.

Dan yang terakhir Tuan Yang Dipertua, yaitu aspek pendidikan bersepadu. Kita boleh mengambil pendidikan bersepadu yang menghimpunkan aspek ukhrawi dan duniawi, yang menghimpunkan bagaimana memahami Islam yang dikenal dengan tasawwuf Islam dan kita himpunkan bidang-bidang kemahiran di situ. Dan di antara tasawwuf Islam dan bidang kemahiran itu kita adakan penghayatan yang dua aspek tadi yang memerlukan kawasan yang luas lagi yang sesuai yang dapat menghasilkan punca ekonomi. Daripada punca itu naik balik kepada hasil kerajaan negeri maka atas aspek itulah saya amat menekankan bagaimana kalau boleh, semampu dan semaksimum mungkin kerajaan negeri menggunakan dan menjanakan ekonominya di situ.

Setatkat itu, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Perbahasan diteruskan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah saya turut bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana diberi peluang oleh Yang Dipertua pada pagi ini untuk membahas sama titah Tuanku semasa merasmikan Dewan Undangan Negeri kita pada dua hari semalam.

Pertama-pertamanya saya ingin menarik kepada titah ucapan Tuanku yang begitu jelas menyebut beberapa perkara yang penting untuk menggerakkan negeri Terengganu ke arah kecemerlangan dan seteusanya membawa rakyat menikmati apa yang kita nikmat seterusnya dalam kehidupan ini. Tuan Yang Dipertua, pertama-tamanya saya ucapkan ... saya minta maaf, saya ucap terima kasih kerana peluang ini diberi dan insya Allah, saya minta sebagaimana juga peluang pihak-pihak Barisan Nasional memberikan peluang kepada wakil-wakil kerajaan berucap tidak pernah diganggu dan sebagainya. Walaupun kita juga melihat ucapan-ucapan yang diluahkan oleh wakil-wakil kerajaan seolah-olah dengan tidak ada etika dan sebagainya tetapi kita merasakan inilah sebagai wakil rakyat bertanggungjawab rakyat melihat dan insya Allah, penilaian dibuat oleh rakyat atas kelakuan atau acara-acara yang kita lakukan.

Tuan Yang Dipertua, pertamanya disebut oleh baginda Tuanku bahawa pihak kerajaan dicadangkan supaya meneruskan rundingan agar kepentingan, keutamaan negeri Terengganu terutama ditujukan kepada pembinaan lebuhraya Pantai Timur dan juga Lapangan Terbang Sultan Mahmud diberi keutamaan dan baginda menasihati Kerajaan Negeri supaya meneruskan rundingan dengan pihak-pihak tertentu. Tuan Yang Dipertua, saya merasa hairan sepatutnya rundingan ini ataupun nasihat ini kita terima dengan baik tapi semalam kita telah lihat ungkapan yang diungkitkan oleh pencadang ataupun penyokong kepada usul ini Wakil daripada Kuala Besut yang begitu jelas dan yang begitu terang menuduh kepada pimpinan Kerajaan Pusat bahawa Perdana Menteri ini

18 APRIL 2001

dianggap sebagai ... dan konco-konconya sebagai orang gila. Dan bagi saya, Tuan Yang Dipertua, ini tidak boleh kita terima. Kalau kita ingin berunding dengan orang gila kita hantar orang tidak siuman sahaja boleh berunding dengan orang gila. Jadi inilah sikap yang perlu kita ubah di peringkat Kerajaan Negeri jika kita ingin melihat Negeri Terengganu kita ini sesuai dengan apa yang dilambangkan ataupun dilaung-laungkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya juga menyokong Tuan Yang Dipertua, di atas usaha untuk meningkatkan perumahan rakyat di mana baginda Tuanku dilaporkan bahawa keperluan Negeri Terengganu pada tempoh 5 tahun Rancangan Malaysia Kelapan ini memerlukan 32,000 unit rumah dan daripada jumlah itu 35 peratus merupakan keperluan rumah kos murah, kos rendah di mana berjumlah lebih kurang 11,200 buah. Tuan Yang Dipertua, dalam tahun 2001 pada hari ini tak boleh kita berbangga kerana dalam perancangan ataupun diberitahu kepada Dewan kita ini, hanya 2,250 akan dibina dalam tempoh itu. Tetapi kita juga merasa ragu-ragu kerana tempoh yang makin hampir ini juga dan tapak-tapak yang sedia ada yang telahpun disebut oleh banyak wakil tadi, saya percaya ia menjadi kebimbangan kepada kita adakah 2,250 ini pun tidak akan memenuhi keperluan sebenar di mana 11,200 yang diperlukan oleh rakyat Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga disentuh soal kenaikan kutipan zakat yang begitu ketara. Saya nak maklumkan kepada Dewan dan juga kepada rakyat jelata bahawa kutipan ini bukanlah di atas kecekapan barangkali saya boleh katakan begitu tetapi yang lebih ketara rakyat menanggung dengan lebih drastik bahawa tarif kutipan zakat yang dikenakan kepada rakyat Negeri Terengganu pada tahun lepas begitu tinggi dan naik mendadak peratusan dan ia merupakan kadar yang tertinggi di dalam Negeri Terengganu, di antara negeri-negeri di negara kita ini. Begitu juga Tuan Yang Dipertua, perlu kita ingat

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): pada ketika pemerintahan kerajaan Barisan Nasional tempoh hari ada

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta laluan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): dan telah pun berlaku, nasihat-nasihat pimpinan dan juga

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Paka minta laluan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): berlaku di kampung-kampung bahawa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Wakil Paka minta laluan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tidak, saya nak habiskan. Beliau mempunyai masa Tuan Yang Dipertua.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab nak dapat angka, sebab dia kata zakat Terengganu mahal.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, juga ada pengikut-pengikut ataupun rakyat yang dihasut supaya tidak membayar zakat kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu sebaliknya mereka mengeluarkan zakat mengikut kadar ataupun perolehan mereka sendiri.

Jadi Tuan Yang Dipertua, inilah perkara-perkara yang perlu Kerajaan Negeri mengambil berat dan insya Allah, nasihat baginda Tuanku supaya ekonomi yang tidak bergerak dan tidak berkembang selama ini perlu kita cari jalan dan tokok tambahkan. Saya menasihatkan Kerajaan Negeri janganlah kita menyalahkan ... asyik setahun setengah kita memerintah kita asyik menyalahkan orang lain, menyalahkan itu, menyalahkan ini. Dan kalau kita lihat jawapan-jawapan di Dewan ini pun daripada hari pertama ataupun Dewan sidang pertama sampai ke sekarang ini masih menyalahkan kerajaan yang lama, begitu begini dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang Dipertua, dalam peluang membahaskan titah ucapan Tuanku ini juga saya sangat menyokong sebagaimana yang diberitahu oleh Wakil Kemasik pada hari semalam, di mana Tuan Yang Dipertua kalau kita lihat ataupun rakyat melihat pada hari ini pentadbiran Kerajaan Negeri seolah-olah, walaupun dibentangkan oleh banyak wakil sebentar tadi, menyalahkan pihak itu, pihak ini khususnya pihak UMNO ataupun Barisan Nasional semata-mata sama ada ayam gila mengeramlah atau begitu beginilah, mereka tidak mengaku kesalahan atau kelemahan mereka. Tapi sebenarnya Tuan Yang Dipertua, keadaan kelam kabut ini kalau boleh saya katakan biarlah setakat tempoh ini sahaja selepas ini sedarlah, kita sangat sedar bahawa kita tidak memerintah pada hari ini, yang memerintah pada hari ini ialah Kerajaan Negeri yang diperintah oleh kerajaan PAS, parti PAS. Maka sedarlah tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian hari ini PAS perlu menunaikan tanggungjawab kepada rakyat bukan hanya bercakap dan menuduh orang bersandiwara dan sebagainya. Tuan Yang Dipertua, kelam kabut bermula pada 29 haribulan sebelas apabila tempoh pilihan raya yang kesepuluh tamat pada malam itu juga seolah-olah suatu perkara yang kelam kabut berlaku di Negeri Terengganu walhal perkara sebenarnya pilihan raya itu telah diterima oleh rakyat dengan baik. Tapi Tuan Yang Dipertua, kita lihat di depan Wisma Darul Iman, Dewan kita yang mulia ni pintu pagar dikunci

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dulu sebut dah isu tu le, Tuan Yang Dipertua. Hak tu le pergi mari, pergi mari putus dah tali tape.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Inilah saya nak beritahu rakyat yang melihat sidang ini, kita ada internet ni. Saya dah beritahu tadi tak usah ganggu saya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dewan kan ni, bahas di rumahlah tak boh tu ... Dewan, fesyen dia dah begitu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, inilah sikap Wakil Rakyat PAS ini kalau dia bercakap kita boleh dengar tetapi

18 APRIL 2001

kita bercakap tak boleh dengar. Saya ingat baik balikkah, keluar Dewan ni tak boh dengar. Jadi Tuan Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Hak dia kata tadi betul

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): inilah bermulanya, kalau kita nak beritahu sikap bermula dengan hari pertama dan tidak harianlah kalau hari ni hari yang ke berapa, setahun setengah di Dewan yang mulia inipun kita melihat sikap yang sama. Kita dipilih oleh rakyat sebagai pemimpin untuk berbincang bukan untuk menuduh, bukan untuk mengutuk, bukan untuk melaung-laungkan ... tugas kita sebagai Wakil Rakyat adalah untuk membela rakyat dan membantu Kerajaan Negeri mengengahkan isu-isu yang baik bagi menunaikan tanggungjawab kita.

Jadi Tuan Yang Dipertua, tidak semudah yang dilaungkan. Sebagaimana Kuala Besut mengajar Wakil Kemasik, menyebut Kharaj, tidak mudah kita melaungkan Membangun Menurut Islam, tidak mudah kita sebut supaya kita memilih Islam, bergerak mengikut Islam hanya begitu saja tanpa kita laksanakan. Saya menyokong Wakil sahabat saya daripada Teluk Pasu yang begitu indah kata-katanya, yang begitu baik mencadangkan cadangan-cadangan tertentu, inilah yang kita perlukan. Bukan Tuan Yang Dipertua, kita gambarkan kita Islam kemudian kita laksanakan tabiat kita dan juga kelim kabut menyebabkan rakyat bertambah kelim kabut. Buktinya Tuan Yang Dipertua, soal perpaduan yang dibangkit oleh Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang Dipertua, okeh kerana menyentuh masalah saya, saya minta laluan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak beri laluan Tuan Yang Dipertua. Saya menyebut di sini telah disahkan soal

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): suatu laporan oleh Ahli Jawatankuasa Pemilihan, oleh kerana pihak Kerajaan Negeri telah membatalkan, pada tahun 2000 telah membatalkan semua Jawatankuasa Masjid yang dahulunya dipilih oleh kerajaan yang lalu, kita terima. Tetapi Tuan Yang Dipertua, pembatalan ini agak mengejut, kemudian kita menerima arahan daripada Kerajaan Negeri supaya semua Jawatankuasa dipilih. Dan kita ketahui sebagaimana kata Wakil Permaisuri sebentar tadi apabila pertukaran dibuat kita sedar kalau dahulu ramai pengikut-pengikut parti PAS tidak bersembahyang di masjid kerajaan dengan tuduhan masjid ini tidaklah elok pembinaannya, wangnya dan sebagainya, kita terima. orang-orang Terengganu luar bandar, semua kita terima. Tetapi Tuan Yang Dipertua, tidak molek sekiranya hari ini kita menang besok terus kita pulak pergi masjid, oh boleh doh tanpa apa-apa perisytiharan daripada Kerajaan Negeri. Sepatutnya kalau dahulu berimamkan orang UMNO tidak boleh, sekarang ni nak bermakmumkan orang UMNO boleh pulak.

Jadi Tuan Yang Dipertua, suatu laporan setelah pembatalan Jawatankuasa Masjid dan pemilihan dibuat dengan kaedah-kaedah, cara-cara Jabatan Agama dan saya ingin memberitahu Dewan yang

18 APRIL 2001

mulia ini suatu laporan, pengesahan laporan kepada Jawatankuasa di mana disahkan bahawa masalah di mana masalah dan halangan yang berlaku apabila Jawatankuasa Masjid nak dipilih dikatakan mengikut pemilihan anak mukim dan sebagainya. Dan saya ringkaskan apa yang diberitahu antara punca dan masalah yang telah disahkan oleh pegawai-pegawai yang melaporkan ini, diantaranya ... saya baca Yang Dipertua, di antara masalah dan halangan yang dimaksudkan itu ialah campur tangan sebahagian Yang Berhormat kawasan dan juga Jawatankuasa Syura Rakyat yang bertentangan kaedah-kaedah pemilihan Jawatankuasa Masjid yang diluluskan oleh kerajaan. Yang kedua, terdapat juga arahan daripada Yang Berhormat supaya pihak jabatan tidak mengambil apa-apa tindakan lanjut sebaliknya nama-nama calon-calon itu akan diserahkan semula oleh Yang Berhormat. Bermakna Tuan Yang Dipertua, di antara masjid-masjid yang telah membuat pemilihan mengikut arahan dan sebagai tetapi oleh kerana kebetulan orang yang pergi masjid itu ramai orang UMNO, barangkali atas kesimpulan yang dibuat oleh JSR dan Wakil Rakyat kawasan tidak memihak kerajaan PAS maka tidak umumkan ataupun tidak diterima keputusan berkenaan. Maka Tuan Yang Dipertua, inilah jadi masalah yang sebenarnya dan selain dari itu syor dan cadangan dibuat supaya sebenarnya Jawatankuasa mengesyorkan supaya Jawatankuasa Masjid dibuat berdasarkan kaedah-kaedah sebagaimana pindaan 2000 supaya dibuat atas syor anak mukim dengan cara pemilihan undian di masjid. Jadi Tuan Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): juga

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Nak berebut sangat Jawatankuasa Masjid ni kes apa, kan dia di bawah Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya ni nak khabar apa yang berlaku, punca yang sebenarnya. Sebab Wakil Permaisuri tadi suruh khabar.

Jadi Tuan Yang Dipertua, disyorkan yang kedua semoga kaedah-kaedah yang disyorkan yang pertama supaya anak mukim diberi kebebasan dan telus dan juga pemilihan yang dibuat oleh rakyat, oleh anak mukim itu diterima supaya ia memberi gambaran positif di kalangan rakyat tentang ciri-ciri pentadbiran kerajaan Islam yang berteraskan keadilan. Inilah yang akui oleh pihak yang membuat laporan. Tetapi Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan sehingga ini hampir 270 lebih ataupun 200 lebih Jawatankuasa Masjid disahkan oleh kerana pihak kerajaan ataupun PAS tidak mahu mengiktiraf suara rakyat ataupun pilihan dalam perkara ini.

Jadi Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi cadangan kita tak boleh, saya bersetuju dengan Wakil Manir sahabat saya, kita tak boleh menang hari ini esok kita nak bunuh semua orang UMNO ni macam wakil begitu garang, begitu angkuh, wakil kita daripada Bukit Tunggul nak suruh mampus semua orang UMNO ni sehingga tidak ada perasaan ataupun suara lain yang lebih baik daripada itu.

18 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Laluan Tuan Yang Dipertua, bukan saya kata orang UMNO. Saya kata UMNO nak mampus habis orang PAS dok sokong UMNO.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, kita dengar tadi. Jadi Tuan Yang Dipertua, di sini

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Salah, fakta salah. Dia kata tadi, rakyat Terengganu matilah kalau buat begitu, bukannya orang UMNO.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Begitu juga Tuan Yang Dipertua soal yang berbangkit sejak akhir-akhir ini

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong, Teluk Pasu minta perbetul balik kenyataan dia, 'mampus rakyat,' bukan mampus orang UMNO tadi.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Saya tadi dengar, Tuan Yang Dipertua sebut tak dok soalan ... suara baik daripada ... perkataan, baik daripada 'mampus'.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Betullah, bukan UMNO, rakyat. Tak apalah teruskan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan jugak sejak akhir ni

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Minta betul balik.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Minta tolonglah, minta tolonglah Wakil Bukit Besi.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Bukan, kita nak betul saja tadi, orang kata lain dia cakap lain.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Air Putih dok berecak lagi cakaplah. Saya betul dah diterima oleh Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Ayat belit tu orang bahas.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tidak belit semua orang dengar.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Orang kata bukan orang UMNO, rakyat.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Orang UMNO pun rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Macam tu boleh tahan sedikit.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Jangan jadi biadab. Nak bercakap, lepas ni boleh bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Minta betul.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Jangan *provoke* saya nak bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Adakan kaedah dalam Dewan boleh minta izin Yang Berhormat Yang Dipertua, bakpa jadi begitu?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya tak beri izin.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Dah beri cakap molek.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Permaisuri buat bengking tadi, kita buat bengking juga. Bukan bengking ini sepatutnya diberi peluang kepada saya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Order Dewan, saya order Dewan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya minta bertenang, saya sudah pun perbetulkan kenyataan dan Wakil Telemong sudahpun mengakui bahawa sebenarnya diucapkan oleh Bukit Tunggul tadi, bukannya suruh mampus UMNO tapi rakyat, sudah diperbetulkan. Teruskan ucapan Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Terima kasih Tuan Yang Dipertua, cuma saya sedihlah Wakil Rakyat suruh rakyat mampus. Tuan Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Telemong, sila hormati Dewan ini. Saya telah memberi satu peluang untuk memperbetulkan keadaan, tiba-tiba Wakil Telemong nak cabar saya ke?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Tidak Yang Dipertua, saya terima kasih di atas pembetulan yang dibuat, saya terima cuma saya sedih

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Yang Bernormat Tuan Yang Dipertua, saya minta Tuan Yang Dipertua beri kebenaran kepada Bukit Tunggal untuk memperjelaskan balik ucapan beliau tadi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, izinkan saya habiskan ucapan saya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong duduk dulu, diminta Bukit Tunggal perbetulkan semula.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Dipertua, sebenarnya apa yang saya ucapkan ialah ayat yang timbulnya, apakah orang UMNO menganggap Melayu itu UMNO, UMNO itu Melayu. Jadi tindakan yang dibuat ke atas rakyat Negeri Terengganu ni seolah-olah nak suruh orang-orang UMNO saja hidup orang lain tu dok sokong UMNO semua mampus belaka. Itulah ayat lebih kurang bukan saya kata orang UMNO mampus, orang UMNO nak biar rakyat hak dok sokong UMNO tu matilah sebab duit habis baham ke dia. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya. Silakan Wakil Telemong, masa untuk Yang Berhormat dua minit saja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Tuan Yang Dipertua, saya khabar Wakil Kerajaan tak usah takutlah pembangkang kita empat orang saja.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta Wakil Telemong tarik baliklah hak dia cakap tak betul tu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kita dah terima.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tarik balik dok? Tarik baliklah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Nyatakan tarik balik atau tidak.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya harian kita dah terima tadi kemudian apa isu tarik balik pulak.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebut saja "saya minta maaf tarik balik apa yang .."

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dok perlu, benda ni sudah difaham oleh semua orang. Kita semua faham, inilah sikap

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua order Dewan. Wakil Telemong jelaskan memperkatakan bahawa Wakil Bukit Tunggal kata "mampus UMNO," sedangkan sekarang ini penjelasan telah diberi oleh Bukit Tunggal apa yang di kata dan saya rasa semua orang dengar begitu. Dan kalaulah begitu kita minta supaya Telemong menarik balik apa yang dia kata Wakil Bukit Tunggal mengatakan "mampus UMNO."

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bantahan Tuan Yang Dipertua, kita dah selesaikan, penjelasan telah dibuat, kemudian kita sudah terima. Saya nak teruskan balik tidak timbul soal tarik balik.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ertinya Wakil Telemong telah membuat kenyataan yang salah. Apakah kesalahan itu telah diperbetulkan, minta maaf sajalah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya banyak lagi nak bercakap dua minit yang ada mungkin tak habis

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak izin bercakap kalau sekiranya tidak tarik balik.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tidak tarik balik kerana isu ini tidak berbangkit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila duduk. Seterusnya siapa nak bercakap? Jabi.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati muslimin, muslimat sekalian.

Pertamanya saya menjunjung terima kasih di atas ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sempena perasmian persidangan Dewan kita pada kali ini. Di antara perkara penting yang disentuh oleh Al-Sultan ialah berhubung dengan perpaduan. Walaupun perkara ini sudah disentuh oleh sebahagian daripada sahabat-sahabat saya, cuma saya nak sentuh di sini bahawa hasil daripada tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri kita dapat melihat bagaimana perpaduan di kalangan sesama Melayu dan juga perpaduan di kalangan kaum semakin mantap dari sehari ke sehari. Tetapi UMNO yang cuba berlagak sebagai jaguh perpaduan tetapi merekalah yang sebenarnya menjadi jaguh perpecahan. Renungilah perpecahan yang berlaku yang semakin parah yang berlaku dalam UMNO khususnya pemilihan Jawatankuasa di peringkat cawangan, berlaku pergaduhan di kalangan mereka

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan ... Jabi boleh masuk UMNOlah nak selesaikan UMNO.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Saya tak beri laluan sebab ADUN daripada Telemong pun tak beri laluan.

18 APRIL 2001

Begitu juga tertubuhnya BBN manifestasi daripada perpecahan yang berlaku di dalam UMNO. Saya nak sebut berhubung dengan sahabat saya yang disebut dalam akhbar Al-Haq, kalau dalam istilah Bahasa Arab kita panggil *uktikahaq wauridabatil*, disebut Al-Haq tetapi yang sebenarnya adalah batil, yang saya cadangkan ditukar kepada Al-Batil majalah ini.

Berhubung dengan ADUN PAS. Solat Jumaat Kecoh Angkara ADUN PAS sedangkan kedatangan ADUN PAS ke Masjid Langkap adalah surat kebenaran yang diberikan oleh Pejabat Agama Daerah Setiu memandangkan Imam yang ada di masjid tersebut menunaikan fardhu haji. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kemungkinan wakil pembangkang berasa dengki melihat wakil-wakil kerajaan mampu berkhutbah dan pengikut-pengikut pembangkang di peringkat kampung merasa suatu perkara yang pelik apabila Wakil Rakyat sendiri yang membaca khutbah. Sedangkan di zaman mereka biasanya Wakil Rakyat ni bagi borang bila dekat pilihan raya, lepas pilihan raya tanah tak tahu ke mana.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menyokong kenyataan yang diucapkan oleh sahabat saya dari Kuala Besut yang mencadangkan Kerajaan Negeri supaya menubuh pusat rawatan. Walaupun perkara ni dianggap remeh dan kecil oleh wakil pembangkang, mungkin wakil pembangkang khususnya dari Telemong ni dia suka sangat kalau isteri dia ni Doktor lelaki yang sambut, boleh kongsi pandangan atau macam mana, wallahualam.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):
Bantahan Tuan Yang Dipertua, ni dan sebut peribadi saya.

YANG BERHORMAT SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Saya tak beri laluan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):
Tuan Yang Dipertua, ini bantahan saya. Dia sebut isteri saya mahu peribadi saya suka. Dia tidak tahu suka dok suka, isteri sayapun dia tak kenal.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Yang dianggap remeh

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):
Saya minta tarik balik, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): wakil dari pembangkang yang mengatakan perkara ini kecil sedangkan

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):
Tuan Yang Dipertua, saya minta tarik balik soal

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila duduk sekejap saya nak perbetul balik. Seingat saya Wakil Jabi tidak menyebut nama tadi.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, jelas ... saya, dia kata Wakil Telemong suka isteri saya disambut oleh proses beranak disambut oleh orang lelaki.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Dok apa, saya tarik balik. Saya *gentleman* tidak sebagaimana ADUN daripada Telemong.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta tarik balik dengan molek, tarik balik bukan soal *gentleman* ... itu tidak betul.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Saya sedia tarik balik ucapan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, dalam ucapan ADUN daripada pembangkang kerap menyatakan, mempersoalkan tindakan Kerajaan Negeri, mempersoalkan cita-cita Kerajaan Negeri untuk melaksanakan syariat Allah s.w.t. dan sering membaca hadis:

sedangkan ... yang menghairankan kita adakah ucapan yang seumpama ini juga ditujukan kepada pemimpin-pemimpin UMNO di dalam Barisan Nasional. Saya cabar pemimpin UMNO khususnya wakil pembangkang yang sama-sama hadir dalam persidangan kita pada tengah hari ini supaya membuat usul dalam persidangan UMNO yang akan datang supaya UMNO melaksanakan syariat Allah s.w.t. di bumi Malaysia ini.

Tuan Yang Dipertua, sekadar itulah yang dapat saya sampai, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bukit Besi. Bukit Besi dalam kadar 10 minit.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai, para pemerhatian dan tuan-tuan hadirin, hadirat yang dirahmati dan dikasihi Allah sekalian. Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan titah ucapan Tuanku semalam.

Saya di sini ingin melahirkan sedikit rasa harian, pertamanya kepada wakil-wakil pembangkang yang berada di dalam Dewan bersama-sama dengan kita di sini yang saya lihat sungguh-sungguh mereka ini mengatakan bahawa pejuang Melayu yang tulen. Tetapi sungguh tidak disangka bila sedikit saja gangguan yang kita buat rakan-rakan saya daripada penyokong kerajaan, buatlah gangguan sedikit kepada ucapan beliau seorang daripada ADUN pembangkang mengatakan dia akan bercakap Tamil. Saya sungguh harian kenapa pejuang Melayu bila sedikit sahaja diugut, dikacau ingin bercakap Tamil sedangkan ini adalah satu budaya dalam UMNO.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia bergurau saja Yang Berhormat, itu dibergurau saja tu.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Bergurau pun telahpun dia cakap begitu. Kaedahnya beliau suka mengugut dan tidak setia, mudah lupa daripada asas perjuangannya. Dan saya harap tak lama lagi boleh luluh masuk ke dalam PAS bersamanya kita.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya merasa perit telinga mendengar ucapan-ucapan yang mengatakan bahawa pimpinan kita tidak cekap memerintah termasuklah dia katakan kepada *direct* bagi saya dengan izin, kepada Dato' SUK tidak pandai memerintah, tidak cekap memerintah. Yang Berhormat Yang Dipertua, walaupun ungkapan ini tidak disebut Dato' SUK tetapi kita faham kepimpinan pentadbiran negeri memang di bawah Dato' SUK. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sikap bercakap di hadapan begitu baik ini seperti pepatah orang-orang Melayu kita sebutkan "macam kaling" berbelit, patutlah mereka nak bercakap Tamil. Dan juga sikap ini saya lihat dari jauh, inilah sikap "melempar batu sembunyi tangan" yang begitu gah di dalam masyarakat kita, bodohnya perangai orang-orang yang "melempar batu sembunyi tangan". Dan mereka ini cuba menegakkan "benang basah" serta kadang kala kita boleh sifatkan mereka ini sebagai "kokok berderai ekornya bergelumang tahi." Dan juga tidak salah, tidak jauh kalau kita katakan mereka ini benar "mengata dalam paku yang serpih." Dan tidak jauh dan sangat benar jika dikatakan bahawa mereka bagai "nyam gila mengeram." Nampak bulat penuh disangkakan telur cupanya itulah bendera PAS.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada permasalahan yang timbul di dalam kawasan saya KETTENGAH yang berkaitan dengan isu pembahagian geran tanah, geran rumah di kawasan KETTENGAI. Setelah berpuluh tahun, setelah berbelas tahun penduduk KETTENGAI mendiami kawasan ini masih ada lagi sehingga hari ini mereka yang tidak dapat memiliki geran tanah, geran rumah. Walaupun sebahagian daripada mereka ada yang telah membayar penuh hutang yang sepatutnya dibayar. Dan ada di kalangan mereka juga yang kebanyakannya berkahwin lebih daripada satu, kemudian dua-dua isterinya mendapat rumah. Siapa yang membenarkan mereka mendapat rumah kedua-duanya, KETTENGAI lah yang membenarkan. Tetapi bila dua-duanya telah diselesaikan bayaran sehingga hari ini masih belum lagi diberikan geran hakmilik. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan agar dibuat dan diwujudkan satu mekanisme baru agar kita boleh meneliti kembali syara dan terma yang terkandung dalam perjanjian antara penduduk dengan pihak KETTENGAI kerana sebahagian mereka telah tinggal lama di situ. Dan untuk maklumar Dewan bahawa penduduk KETTENGAI tidak kesemuanya bergaji mahal, mereka kebanyakannya hidup di bawah paras kemiskinan. Sehingga hari ini mereka kadang kala ada yang tidak mampu membayar sewa rumah walaupun RM30.00 sebulan, walaupun RM40.00 sebulan. Inilah realiti yang ada di sana.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon agar pihak kerajaan meneliti kembali kuasa memperolehi geran sementara yang selama ini kebanyakannya dipertuan-mainkan oleh pihak-pihak yang tertentu, diberi dengan dijanjikan dan diminta dengan pelbagai alasan yang banyak, kadang kala sehingga menekan penduduk dan kadang kala juga digunakan untuk tujuan-tujuan politik. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan di samping rumah-rumah yang ada tersedia di KETTENGAI itu masih ada terdapat lot-lot kosong yang masih banyak melebihi 1,000 lot. Dan saya mohon mencadangkan agar diberikan kepada pihak-pihak swasta yang layak untuk memberikan rumah-rumah sama ada kos sederhana ataupun kos rendah. Dan dari sinilah kita boleh kita segerakan pemberian geran-geran ini kepada penduduk yang layak tanpa

18 APRIL 2001

mengira hutang mereka dengan KETENGAH kerana perkara ini telah begitu berlarutan sekian lama.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Dewan bahawa rakyat di kawasan KETENGAH termasuklah yang meliputi semua kawasan DUN Bukit Besi adalah sangat miskin dan memerlukan perhatian yang berat, perhatian yang serius daripada pihak Kerajaan Negeri.

Dengan saya akhiri di sini, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai dan pemerhati yang dihormati sekalian.

Pertamanya saya mengucap syukur kepada Allah s.w.t. dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama turut serta membahaskan ucapan titah Tuanku Al-Sultan sempena perasmian Dewan Undangan kita kali ini. Dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dan juga saya turut sama bersama dengan sahabat saya dari Rantau Abang mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuanku Al-Sultan yang dalam sebagai Pengerusi mesyuarat Majlis Raja-Raja baru-baru ini telah memberi kelapangan dada kepada umat Islam dan hampir 67 pertubuhan-pertubuhan yang menamakan pertubuhan Islam kerana tidak terikut-ikut dengan kepimpinan Pusat yang cuba menghapuskan penggunaan perkataan *Islam* pada pertubuhan. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda peristiwa tentang akhir zaman antaranya baginda menyebut:

لا يبقى الاسلام الا اسمه ولا يبقى القرآن الا رسمه

Sesungguhnya di akhir zaman nanti tidak akan kekal lagi Islam melainkan tinggal namanya sahaja. Dan tidak akan kekal lagi Al-Quran melainkan tinggal tulisannya sahaja. Maknanya disebut di akhir zaman nanti Islam tidak akan kekal melainkan tinggal namanya saja. Tapi amat menyedihkan kepada kita pemimpin-pemimpin Pusat khususnya dipimpin oleh UMNO, cuba menghilangkan perkataan Islam itu sendiri yang dianggap tidak ada apa-apa lagi buat umat Islam di akhir zaman ini. Alhamdulillah, apa yang dilakukan oleh Tuanku Al-Sultan akan kita kenang bersama dari kalangan seluruh rakyat dan umat Islam dan ianya merupakan satu peranan yang cukup besar dalam menjaga Islam terus berdaulat di atas muka bumi ini.

Dan saya juga bagi pihak Ahli Dewan Undangan Negeri pada kali ini mengucap ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri dan syabas kerana menyiarkan sidang Dewan kita ini secara langsung melalui laman web dan internet yang kita merasakan inilah merupakan pertama kali, dan ini memberi gambaran ketelusan kita supaya rakyat dapat membuat penilaian yang sewajarnya. Meskipun di negara-negara luar ia disiarkan secara langsung di TV, radio supaya semua rakyat

18 APRIL 2001

dapat turut sama untuk meneliti perbahasan ini, yang untuk menentukan hala tuju sebuah negeri dan negara. Dan kerana itu kita dalam sidang Dewan kita diberi ruang dan peluang untuk berbahas, meminta penjelasan dan sebagainya. Kita harap wakil daripada pembangkang jangan bimbang kita tidak akan buat sama seperti di Korea, bukan hanya melontar ucapan tapi kasut dan selipar dia lontar. Walaupun Yang Berhormat Wakil Bandar dekat dengan pembangkang, nampak mukapun macam Korea insya Allah, dia tidak akan buat apa yang dibuat oleh orang Korea. Kita masih ada lagi

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOT YUSOF (Wakil Bandar): Korea Islam ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pembangkang empat orang kita kasihan juga ... tapi biasalah, kalau kita nak bahas seorang tak nak orang kacau kita bahas di rumahlah depan cermin. Kita sidang Dewan maknanya kita diberi ruang dan peluang untuk meminta penjelasan dan sebagainya.

Dan kita rasa pihak Yang Dipertua Dewan, Alhamdulillah adil setakat kita lihat sepanjang setahun kita dalam Dewan ni pihak pembangkang memberi ruang seluas-luasnya untuk turut sama membicarakan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak puji tak apa, boleh cakap juga tahun depan ni, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta tambah masa tu Yang Berhormat. Saya dulu sebelum menjadi Wakil Rakyat pernah datang ke Dewan ini sebagai pemerhati, melihat perbahasan di dalam Dewan ini sambil-sambil tu silau juga nak tengok kerusi anggaran, duduk sangka duduk lek nun tapi Alhamdulillah Tahun beri balik ni, maknanya syukurlah. Semasa kita hadir sebagai pemerhati dan pihak kerajaan yang dahulunya dipimpin oleh Barisan Nasional, pihak kita dari kalangan pembangkang kita tengok nya nyek rapat, tak dok ruang dari kalangan pembangkang untuk menyuarakan dan pegawai-pegawai menjadi saksi. Dan orang yang paling berhalus saya ingat Yang Berhormat Teluk Pasu, hak tu pun dia pangkah. Saya ingat lagi perkataan dia, Yang Berhormat mana pulak ni pakai serban macam piring, dia kata. Tengok, lama dah tu tapi ingat lagi. Kalau saya ni tak sampai hati ... hak berhalus sekali, sabit tu kita dalam Dewan ni macam satu *team*, satu pasukan ada penyerang ada tukang *back*, kita lantik Yang Berhormat Teluk Pasu ni sebagai goli, dia seorang saja tukang pegang bola, tukang beri nasihat, tukang apa ... tidak bolehlah pembangkang nak buat macam Yang Berhormat Teluk Pasu belaka.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOT YUSOF (Wakil Bandar): Bukan piring tu, tu Taleban.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Insya Allah, Taleban ni tak serang orang, insya Allah. Jadi maknanya kita sebagai satu pasukan kerajaan negeri dalam meneruskan sidang Dewan ini supaya ia berjalan dengan cara yang baik dan sebagainya. Kita harap pembangkang kenang masa lama dia dulu macam mana dia ... kadang-kadang tidak memberi peluang yang selayaknya kepada kita yang dahulunya sebagai pembangkang, sama di Parlimen dan sebagainya. Tapi sekarang ni rakyat boleh melihat

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Penjelasan Tuan Yang Dipertua, maknanya sama dulu dengan le ni?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok sama, payah faham sungguh.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Dah diakui tu, maknanya dahsyat le ni daripada dulu ... jahatnya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita kalau kira nak jahat, nak lebih saya cabut kasut njar atas kepala. Dok sama, kita sebut dok kerajaan dulu dengan kerajaan sekarang dok sama, bulan dengan daging tak sama. Jadi harian dia kata sama lagi Yang Berhormat, dok faham juga dia. Kalau suruh Yang Berhormat Wakil Batu Buruk kata, nampak dok tu? Kalau dok nampak juga tak tahulah. Sabit tu kita masih lagi dengan cara yang diizinkan mengikut peraturan dan sebagainya.

Sabit tulah saya cuba untuk menyentuh sedikit tentang apa yang disebut oleh Tuanku Al-Sultan antaranya berkait dengan perpaduan dan sebagainya. Saya ucap terima kasih jiran saya Wakil daripada Kemasik yang menyebut punca perpaduan antaranya datang daripada masjid. Ya, memang kita tidak menafikan ketika Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinatun-Nawarah Rasulullah membina Masjid Kuba', Rasulullah membina Masjid Nabawi yang merupakan pusat pengumpulan dan membentuk perpaduan tapi asas dan dasarnya adalah Islam bukan atas dasar perkauman, bangsa dan sebagainya. Kerana itulah dasar yang kita bawa ni, yang kita letakkan bermatlamat kepada Islam, insya Allah ia akan membawa kepada perpaduan. Dan apa yang sebut oleh sahabat kita dari kalangan ... menyebut tentang peristiwa yang berlaku di Selangor contohnya. Ini memberi gambaran kepada dasar perjuangan yang dibawa oleh UMNO, kepimpinan yang berteraskan kepada bangsa tidak menjamin kepada perpaduan walaupun berbagai-bagai alasan ataupun imej buruk yang dibiri gambaran jika PAS memerintah akan berlaku huru-hara. Tetapi Alhamdulillah, di Kelantan, Terengganu dan sebagainya dalam keadaan suasana tenang dan sebagainya.

Dan insya Allah, kita merasakan permasalahan yang berlaku di masjid kita akan dapat diselesaikan. DUN saya ada 13 butir masjid, kita serah kepada masyarakat, rakyat tempatan ... ada juga orang UMNO yang menjadi pemimpin, tak apa kita boleh terima. Tidak sebagaimana masa UMNO dahulu, dua orang saja dia bagi kepada masyarakat atau ahli mukim untuk melantik Jawatankuasa. Ketelusan ini memberi gambaran yang baik, tidak gopoh sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Manir yang memberi penerangan tentang sikap yang kita diambil dalam menangani isu masjid sebagainya. Tapi dari kalangan UMNO sendiri kadang-kadang memberi contoh yang tidak baik, minta maaf ... ni ada satu surat yang kita rasa cukup pelik. Apabila surat ini dihantar oleh Dato' Mohd Yusof Nor kepada Masjid Nasiruddin Shah, *Tegahan Menduduki Kerusi Bagi Kuliah Agama*. Ni antara faktor yang menjadi faktor perpecahan, kerusi kita beri derma masjid dok beri orang duduk. Tidakkah ini merupakan faktor perpecahan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Behrormat boleh baca habis surat tu.

18 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Insha Allah, kita *gentleman*, baca ni ... kan dia kata tak berapa dengar pulakkan dia kata saya cakap belit pulakkan:

Adalah dimaklumkan bahawa kerusi khas bagi kuliah agama di Masjid Nasiruddin Shah adalah sumbang peribadi daripada Dato' Dr. Mohd Yusof Nor untuk diduduki oleh orang-orang tertentu sahaja bagi mengadakan kuliah agama. Oleh yang demikian, suka saya maklumkan pihak penyumbang kerusi ini tidak suka dan tidak menghalalkan pihak saudara menduduki kerusi ini.

s.k. Tuan Imam Masjid Nasiruddin Shah.

Sila alihkan kerusi ini ke dalam berhampiran tangga mimber supaya tidak dapat digunakan ketika malam heliau mengajar.

Contoh khusus kepada Yang Berhormat daripada

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya syorkan kerusi tu masuk muzium.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN ISMAIL (Wakil Air Putih): Saya sokong.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kampung Raja.

Ni antara faktor ... ni hak orang reti agama ni kalau hak UMNO kampung tu, wallahualamlaah, bapak dah ni, pas Azhar dah ni ... balas begini lagi menta'iti. Doh kita nak sokong UMNO guana. Ni jelas. Saya ucap terima kasihlah pada Yang Berhormat Kemasik supaya kita balik ke masjid tapi tolong royallah kepada Yang Berhormat Dato' kita ni supaya tak melakukan sikap seperti inilah.

Yang Berhormat juga pernah menyentuh tentang masjid saya, masjid cermin. Acap kali doh masjid cermin ni. Betapa berat mata memandang berat lagi bahu memikul. Saya mengajar di situ, hari-hari saya kadang-kadang sejuk angin sepoi-sepoi bahasa, tidak dinafikan. Tapi saya beritahu sejarah masjid tu sebelum masa UMNO memerintahpun kita kata, kita cuba berusaha, cuba berdikari bina masjid jangan minta ke kerajaan sebab kerajaan masa tu pitis banyak dia sibuk nak buat projek lain. Kita kata kita cuba kumpul sendiri dan Alhamdulillah sekarang kita kumpul sendiri. Dans sekarangpun kita tahu kewangan Kerajaan Negeri seperti ini kita cuba untuk berusaha dan mendapatkan cara kita sendiri, insha Allah. Dan sekarang ni dalam proses untuk pembaikian dan akan selesai insha Allah. Dan kita ucap terima kasihlah sahabat saya tolong cakna masjid kampung saya ni.

Dan kita memberi satu gambaran kepada masyarakat walaupun kadang-kadang UMNO dengan isu yang sama dimainkan. Pada sidang yang lepas Tuan Guru mari bawa dengan kitab nak terang tentang amanat, kita ingat selesai dah. Wakil Ajilpun bangun, saya sendiri pun tanya dekaat mana salah, dok salah ... doh dok salah, bunyi pulak salah pulak nak ambil tindakanlah apa. Sedangkan ini gambaran media yang dibuat, saya ucap terima kasihlah media massa yang keret ambil gambar

To' Guru menggambarkan sokongan dia. Tapi adakah kita ni adil. Di sini saya banyak kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang sepatutnya kita minta Majlis Fatwa *check* balik macam mana. Antaranya kenyataan pada tahun 1992, bagaimana Presiden UMNO Dr. Mahathir Mohamad menyebut "apabila hukum rejam batu sampai mati kepada pezina dan potong tangan kepada pencuri, nescaya ramailah rakyat Islam yang mati dan kudung tangan. Ini sangat memalukan umat Islam kerana orang bukan Islam akan sempurna sifatnya dan boleh meneruskan kerja."

Kenyataan yang kedua pada tahun 1992, 2 Mei di Papar, Presiden UMNO menyebut bagaimana kita boleh maju kalau orang Islam sudah tidak ada tangan dan kaki. Bagaimana mereka mahu bersaing dengan bangsa-bangsa lain kalau sifatnya sudah tidak cukup. Hukum Hudud tidak sesuai dilaksanakan di negara ini yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama. Pada tahun 1994, kenyataan Presiden UMNO "saya ingin memastikan bahawa negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional tidak akan melaksanakan Hukum Hudud." Pada 3 Mac di Nilam Puri, orang yang sama menyebut, hukum rejam kepada pezina adalah primitif. Kenyataan Ketua Pemuda UMNO masa tu, Dato' Seri Najib Tun Razak pada 20 April 1993, Negara akan menjadi huru-hara sekiranya undang-undang Islam dilaksanakan.

Merendahkan martabat-martabat Islam dan juga mempertikaikan hadis-hadis Rasulullah, banyak kenyataan-kenyataannya di sini. Mempersendakan ulamak, mempersendakan Mufti antaranya disebut Mufti adalah jawatan yang diwujudkan oleh pemerintahan negara Islam sebab Nabi wafat untuk keputusan berkenaan dengan soal-soal agama. Jawatan Mufti diperlukan kerana keghairahan mereka yang mendakwa sebagai diri ulamak untuk membuat fatwa. Satu penghinaan kepada Mufti, jawatan Mufti. Dan juga dia menyebut pada 1994, menjanjikan syurga adalah merupakan satu rasuah. Dalam kenyataan juga dia menyebut, penghinaan kepada Rasulullah s.a.w. antaranya kalau kita simpan janggut, simpanlah ... saya kata bukan tak boleh simpan tapi jangan kata orang kurang Islam sebab tak simpan janggut, siapa tahu janggut Nabi macam mana? Siapa pernah tengok? Ada gambar ke? Kita tidak tahu. Ada pula kata janggut mesti sampai ke pusat, apakah kita nak jadi ni ukuran Islam kerana kita berjanggut ikut sunnah Nabi. Kita tidak tahu, kita tahulah dia ada janggut tapi kita tak tahu janggut dia macam mana. Zaman itu nak cukur mudah, bukan ada *gellete*, zaman Nabi ada *gellete* ke? Tak ada. Pisau cukurpun tak ada masa tu, masalah nak cukur kemudian dia pi jalan sana, jalan sini naik unta bukan dapat air banyak kawasan padang pasir. Menghina akan apa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

Menghina gambaran orang yang memakai kopiah dan sebagainya, mempertikaikan hukum aurat perempuan. Saya sebut satu contoh, pada 1997 di Perhimpunan Agung UMNO semua ni kemungkinan hadir wakil-wakil UMNO, tujuan menutup aurat di zaman Nabi kerana di zaman Nabi Arab jahiliah mempunyai nafsu yang kuat sehingga sering menculik dan merogol wanita daripada khabilah-khabilah lain. Akibatnya ialah peperangan antara mereka yang tidak pernah tamat. Tetapi zaman ni, di Malaysia kita amat keras berkenaan dengan menutup aurat, hukuman keras disediakan maka tidak perlulah tujuan untuk menutup aurat dan sebagainya. Ini memberi gambaran penghinaan kepada menutup aurat. Begitu juga dalam masalah maksiat, ruang-ruang yang ada, judi, maksiat dan sebagainya tak payah tutup, dia kata. Alasannya adalah untuk menguji iman kita. Antaranya kenyataan 19 November 1989 juga di Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, kita tidak mahu menjadi manusia yang tidak terdedah sama sekali kepada maksiat, kepada peluang untuk penjenayah dan sebagainya, kita perlu didedahkan tapi

18 APRIL 2001

kukuhkanlah iman kita. Maknanya peluang-peluang ni untuk *test* iman.' Ini kenyataan-kenyataan yang cukup menggambarkan penghinaan kepada Islam. Begitu juga tentang bab sembahyang, orang sembahyang dengan dok sembahyang sama saja, dia sebut. Begitu juga 'Assalamualaikum' dengan 'Selamat Pagi' sama saja, begitu juga dia sebut Saidina Hamzah syahid di hujud tidak dimandi dan dikafankan kerana negara Arab tidak ada air. Apakah Majlis Fatwa tengok saja. Ini faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perpecahan dalam masyarakat, itu tak sebut yang terkemudian dan sebagainya.

Yang berakhir Berita Minggu, 8 haribulan empat panas-panas lagi, baru lagi, kenyataan Dr. Mahathir, kini PASlah yang merupakan parti kafir kerana mereka sengaja menggunakan isu kafir untuk mengurangkan sokongan rakyat kepada UMNO. Ini fatwa baru pulak, lebih pada amanat lagi. Senyap saja, patutnya dialah usul:

Pergilah royat ni kebenaran, di mana yang pahit dan sebagainya.

Itulah dalam hal ini kita merasakan bahawa sepatutnya kita menyedari ini sebenarnya faktor-faktor yang diperjuangkan oleh PAS sejak dulu lagi dah. Adakah perkara ini tidak dibahaskan dalam secara terbuka dalam akhbar, bincang secara terbuka, beri ruang kepada ulamak-ulamak, ahli Mufti dan sebagainya bincang. Dan saya merasakan isu ini perlu diteruskan walaupun mungkin bagi UMNO dia anggap isu bagi dia tapi bagi kita ini merupakan tanggungjawab untuk menyedarkan seluruh masyarakat, untuk menyedarkan seluruh rakyat bahawa perjuangan kita perlu diasaskan kepada agama. Orang-orang yang seperti ini yang menghina Islam adakah ini sebagai pemimpin kita? Kita ingat kepimpinan bukan hanya di dunia tetapi kita akan membawa kepada hari akhirat, bukan atas muka bumi sahaja tapi kita bawa akhirat. Mereka yang akan memimpin kita bawa di hadapan Allah s.w.t. Adakah pemimpin-pemimpin yang menghina Islam, yang menghina Rasulullah, menghina hukum Al-Quran dan sebagainya.

Sebenarnya sudah ada satu jawapan fatwa Mufti Kerajaan Johor yang berkait tentang perkara ini dan dikeluarkan pada 1961, sayapun dok beranak lagi, ni lama ... kan kata saya pulak beri fatwa ni, saya dok beranak lagi ni. Saya sebut fatwa yang dikeluarkan oleh Allahyarham Alamah Dato' Syed Alwi. Mufti Kerajaan Johor, antara persoalan yang ditimbulkan, perkataan melaksanakan hukum Al-Quran antaranya soal To' Mufti tu, apakah hukum seorang mengatakan sekiranya dijalankan undang-undang Quran di negeri ni akan menimbulkan huru-hara dan kacau bilau? Apa jawapan Mufti, jika orang ni kata begitu dengan sebab jahilnya dengan kandungan Quran tetapi ia mukmin, percayalah kepada Quran dengan itjmal pada arnya, sesungguhnya ia jatuh derhaka dan maksiat besar kepada Allah, wajiblah bertaubat. Makna kita harap Penasihat Agama dia dari Kedah tu bagi nasihat betul-betul kepada pemimpin, Perdana Menteri kita dan sebagainya. Begitu juga dia sebut, dan jika berkata begitu dengan iktikad bahawa Allah Taala mendatangkan syariat kepada manusia yang tidak sesuai dengan masalah agama maka hendaknya dan kehidupan mereka ianya adalah murtad, waiyazubillah. Ini perkara besar. Kita tidak mahu kepimpinan negara yang membawa hala tuju negara kita berhadapan dengan masalah krisis akidah, yang akan membawa kepada pemimpin-pemimpin yang mengikut dan membawa kepada rakyat bawahan. Ini yang sebenarnya menjadi dasar perjuangan kita yang dari dahulu kita mengajak manusia ni kembali kepada Al-Quran, kembali kepada Islam:

وان تنازعتم في شئ فردوه الى الله والرسول

18 APRIL 2001

Jika kamu berbalah, bertelingkah balik kepada Allah, balik kepada Rasul.

Sabit itulah dalam perkara seperti ini kita mengharapkan supaya sahabat-sahabat kita sepatutnya berterima kasih kepada pimpinan yang sedia ada yang telah memberi satu alternatif, memberi gambaran yang cukup jelas bukan hanya kepada orang Islam tetapi juga kepada orang bukan Islam supaya kita tidak memberi satu gambaran, imej yang tidak baik kepada orang bukan Islam. Sedangkan kita tahu masyarakat di Malaysia sama ada orang Cina ataupun orang India, mereka juga telah memeluk Islam berpuluh tahun yang lalu. Orang Islam di negara Cina lebih awal masuk Islam daripada orang Melayu di Malaysia kita ni. Tetapi kita memberi gambaran yang cukup buruk kepada imej Islam, kepada ulamak-ulamak Islam, kepada mereka yang ingin menegakkan cara dan kaedah Islam. Sepatutnya kita memberi sokongan, walaupun kita tidak mampu melaksanakannya tapi kita memberi sokongan, kita memberi dukungan dan sebagainya. In merupakan perkara dasar

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Paka masa untuk Yang Berhormat masa *hasabah* boleh habiskan kesemua sekali tapi ada dua minit saja lagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Allahuakhbar, baru tengah naik minyak.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Saya boleh kongsi masa saya untuk bagi ke Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih kepada sahabat saya. Walau macam manapun inilah memberi gambaran tapi sekarang ni menggambarkan kepada kita UMNO terkial-kial sekarang, dia gunakan semua agensi-agensi dan sebagainya hatta KEMAS, KETENGAH, sekolah-sekolah, UiTM, Petronas dan sebagainya. Sekarang ni dia punya *highlight* dalam TV, dalam akhbar seolah KETENGAH tu macam negeri baru, ada Menteri Besar lain pulak, pergi mari-pergi mari bagi projek ni, bagi projek ni, Menteri Besar lain ke? Munasaballah orang kata 'ayam gila mengeram' pun, ram tak doh dah duduk genyih punggung lagi, nak ngeram lagi, gatal punggung lagi. Sama juga kes masjid, Saidina Omar Ibnu Khattab dulunya merupakan jahiliah penentang kuat kepada Rasulullah, dengar nama Rasulullahpun nak pancung. Tapi bila dia masuk Islam tidak ada apa-apa yang dia tukar, tidaklah dia tukar Omar bin Abdullah tidak, masih lagi terkenal dengan nama Omar Ibnu Khattab, pakaian dia, cara dia, ketegasan dia tetapi yang dia tukar adalah dasar dia, kepercayaan dia, keimanannya, ketakwaannya ditukar. Begitu juga kerajaan ni, bukan kita maknanya nak panggah Wisma ni, kita ucap terima kasihlah pemimpin-pemimpin UMNO dulu buat, kita pun basuh tangan saja, basuh kaki, terima kasihlah. Tapi yang dulu hak molek dah kita kekalkan hak dalaman ni. Kerana itulah kita telah melancarkan dasar dan polisi *Membangun Menurut Islam*, itu merupakan nyawa, roh yang telah dimasukkan kepada kerajaan yang ada. Kita harap semua kepimpinan, pegawai-pegawai sampai kerani yang tukang taip *Membangun Menurut Islam* tu memahami dan meresapi bahawa negeri ni merupakan tanggungjawab kita bersama. Negeri ni merupakan amanah Allah Taala, kita perlu guna pakai sebaik mungkin ke arah mencari keredhaan Allah s.w.t.

Kerana masa yang singkat saya ada satu perkara yang ingin disebut kepada pihak kepimpinan. Apabila Tuanku Sultan menyentuh tentang prestasi perkhidmatan awam negeri yang perlu

18 APRIL 2001

ditekankan ataupun perlu tingkatan kecekapan dan amanah dan sebagainya. Kerana itu persoalan saya yang berkait dengan sumber-sumber ... untuk menambahkan sumber-sumber hasil dalam negeri untuk dipertingkatkan. Sebab di sini saya ada beberapa maklumat, mungkin Kerajaan Negeri perlu memikirkan satu mekanisma baru dalam mengutip hasil-hasil ni contohnya batu, pasir, tanah dan sebagainya. Saya tidak menyalahkan pegawai-pegawai dan sebagai mungkin kerana kepintaran pihak-pihak tertentu untuk mengambil kesempatan daripada Kerajaan Negeri. Di sini saya ada maklumat satu pungutan hasil kemajuan kuari, satu syarikat yang di DUN Paka saya

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Yang Berhormat tu?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sedikit saja, sebab ni rasa penting sedikit ni. Dalam masa lapan bulan kerajaan negeri telah kehilangan hasil sebanyak RM27,000 kerana kealpaan kita sebab bayaran berdasarkan *cubic meter* sebanyak 100,700.6 *cubic meter* yang sepatutnya dibayar kepada kerajaan sebanyak RM130,000 tetapi yang dibayar hanya RM100,000. Sebab dia beritahu kepada Pejabat Tanah hak lain tetapi hak terbit dalam komputer hak lain. Hak dia jual bentuk lain, bilangan lain, kadar yang lain tapi yang dia beritahu kepada Pejabat Tanah perkara yang lain. Jadi kita harap perkara-perkara seperti ini tidak berulang kerana ia sepatutnya menyumbang hasil yang lebih banyak kepada Kerajaan Negeri. Termasuk juga ni ada tiga kes yang diberitahu kepada saya oleh drebar lori itu sendiri, apabila permit mengambil bahan-bahan batu, pasir di Kerteh, tempat ambil Kampung Labuhan untuk menambunan tapak dan sebagainya. Hari ni mohon permit, dia bagi kemudian dia bawa-bawa dengan lori dia, sekali lagi dia pergi balik ke pejabat minta supaya pinda tarikh. Bagi pinda tarikh lagi, baham dua tiga kali pulak. Maknanya bayaran sekali tapi penggunaan acap kali. Tiga kes dan ini diberi oleh drebar lori itu sendiri kerana dia kata saya bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh ulamak. Maknanya saya tak nak walaupun saya makan kemungkinan saya kena pecat kerja, tapi saya tak nak hasil tu ditipu kepada kerajaan. Saya tanya, kalau kerajaan? Kerajaan dulu, biarlah, dia kata, sebab dok Islam. Bukan saya sebut ni, drebar sebut.

Ini memberi gambaran maknanya rakyat kita doh bertanggungjawab sampai peringkat bawahan, drebar lori kalau kita tahan dia, dia sendiri tak dok punca pencarian. Tapi menggambarkan sikap tanggungjawab dia kepada kerajaan. Kalau pemimpin atasan boleh berkorban dia harap, diapun sanggup berkorban.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila tamatkan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sabit tu kita mengharapakan Kerajaan Negeri boleh ambil susulan dan insya Allah, moga-moga kerajaan kita akan lebih cekap, lebih amanah, lebih bertanggungjawab di masa-masa yang akan datang. Dan insya Allah kita akan diberkati oleh Allah. Memandangkan masa yang cukup singkat, sekadar itu saja, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

18 APRIL 2001

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Paka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya tangguh dulu Dewan ini untuk hari ini sehingga kepada hari esok, 19 haribulan tepat jam 9.30 pagi. Kita tangguh dengan *tasbih khifarah* dan surahtul 'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 PETANG.

**PERSIDANGAN
PADA HARI KHAMIS, 19 APRIL 2001**

Hari Khamis,
19 April 2001

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 131]
2. Soalan-soalan Lisan [Muka 136]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis:
*Usul Menjunjung Kasih Atas Titah
Ucapan Di Raja* [Muka 144]
[*sambungan perbahasan*]
4. Rang Undang-Undang:
*Enakmen Perbekalan Tambahan (2001)
(No. 1) 2001* [Muka 202]
5. T A N G G U H A N [Muka 204]
LAMPIRAN 'A' [Muka 205]

19 APRIL 2001

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

19 APRIL 2001

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Hajii Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shahrizukirnain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

19 APRIL 2001

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJM.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

19 APRIL 2001

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

19 APRIL 2001

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai, marilah sama-sama kita menyambung semula persidangan Dewan yang tertangguh pada hari kelmarin dengan membaca umul Quran - Al-Fatihah.

Dewan disambung semula. Soalan-soalan Lisan, dipersilakan Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Apakah bentuk strategi Kerajaan Negeri Terengganu bagi menangani permasalahan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri yang masih berjawat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Tuan Dipertua, soalan pertama Teluk Pasu telahpun dijawab secara sekali gus oleh Wakil Batu Buruk dalam persidangan 17 haribulan April yang lalu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya. Soalan ini telahpun dijawab bersama dengan soalan No. 2 yang dikemukakan oleh Hulu Besut pada 17 haribulan. Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Benarkah terdapat kakitangan Kerajaan Negeri yang diberi notis supaya meletakkan jawatan secara sukarela dan jika ada, berapakah jumlahnya?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Wakil Kemasik ingin tahu benarkah terdapat kakitangan Kerajaan Negeri yang diberi notis supaya meletakkan jawatan secara sukarela dan jika ada, berapakah jumlahnya? Jawabnya, tidak ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Berapakah jumlah pelawat yang diberikan taklimat oleh Kerajaan Negeri di Wisma Darul Iman sejak PAS memerintah Terengganu?

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Kemasik ingin tahu berhubung dengan jumlah pelawat yang diberikan taklimat oleh Kerajaan Negeri di Wisma Darul Iman sejak PAS memerintah Terengganu. Jawabnya, walaupun ada larangan setengah-setengah kerajaan negeri supaya tidak membenarkan rakyat mereka datang ke negeri ini, sebenarnya ramai yang telah datang iaitu bermula Disember 1999 hingga Mac 2001 sebanyak 29,786 orang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan bagi meraikan pelawat-pelawat yang datang ke Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, adat kita merai tetamu biasalah tu, orang datang jauh-jauh terutama di kalangan negeri-negeri yang jauh-jauh, pelajar-pelajar kita raikan. Kadar-kadar kitalah dalam zaman sekarang ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan. Setakat ini berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan bagi tujuan tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Ini saya perlukan notislah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ketiga saya ditolak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kemasik. Seterusnya daripada Yang Berhormat Wakil Ajil, silakan --

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama -

Adakah kerajaan telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHID ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Ajil mengemukakan soalan adakah kerajaan telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negeri Terengganu? Jawabannya, tidak.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Jika jawapannya tidak, ini berlaku suatu pembohongan di Dewan ini kerana Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang mempengerusikan berkaitan dengan belia ini telah berjanji pada mesyuarat yang lalu untuk menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negeri Terengganu ini pada bulan Disember yang lalu, betul atau tidak? Ini suatu pembohongan kepada Dewan.

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI EDNUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak timbul soal pembohongan oleh kerana apa yang disebut ialah kita sedang merangkakan satu kertas dasar berhubung dengan belia Negeri Terengganu dan tidak pernah berjanji untuk menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negeri Terengganu. Dan malah kita tidak bercadang, tidak berniat dan tidak bercadangpun untuk menubuhkan Majlis ini.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mungkin yang menjawab soalan ini tidak berkaitan dengan apa yang ... kerana Exco yang berkaitan tidak ada tapi saya masih ingat bahawa Exco tersebut telah berjanji akan menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negeri Terengganu apabila ditanya soalan tersebut, dijanji pada bulan dua belas pada tahun 2000, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, soal Majlis ini memang pernah wujud, kita akui Majlis ini memang pernah wujud sewaktu pemerintahan Barisan Nasional dulu. Tetapi Majlis Perundingan Belia yang pernah wujud di peringkat Negeri Terengganu ini tidak aktif dan tidak banyak kali mengadakan mesyuarat, dan mesyuarat terakhir pada tahun 1993, lepas tu *doment* tidak bergerak. Jadi kita mengkaji Majlis ini yang telah wujud dulu kerana ianya tidak berfungsi maka kita tidak bercadang dan kita tidak pernah mengatakan bahawa kita akan menubuh balik ataupun menubuh Majlis ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, nampaknya pihak kerajaan cuba lari daripada isu ataupun semangat soalan ini sebenar. Bukan ditanya wujud atau tak pernah wujud, yang saya bangkitkan kerana janji telah diberi, Yang Dipertua. Oleh yang demikian, kita berharap ... adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri memandang rendah peranan belia di Negeri Terengganu ini?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya jelaskan bahawa kita ada kaedah kita sendiri dan kita sedang merangka satu kertas dasar berhubung dengan cara mana kita nak memajukan belia, kertas dasar dan kertas ini sedang disiapkan dan akan dapat pengesahan insya Allah, dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, akan kita maklumkan kemudian. Soal kita dikatakan, yang ditimbulkan tadi berjanji tidak timbul sama sekali, itu juga satu pembohongan daripada pembangkang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah pandangan Kerajaan Negeri, adakah Majlis Perundingan Belia ini tidak penting ditubuhkan?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Waki Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Yang Dipertua, barangkali Yang Berhormat daripada pembangkang tahu bahawa soal belia ini ada hubung kait dengan Kerajaan Pusat dan juga di bawah pengawasan Kementerian Belia dan Sukan. Oleh kerana itulah apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang telah menjelaskan tadi bahawa Majlis Perundingan Belia Negara dulu memang ada masalah sebagaimana yang disebutkan itu. Dan oleh itu, walaupun ... mungkin saya tidak menafikan sebab saya sendiri

19 APRIL 2001

tidak dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat yang menjaga belia ini, mungkin perkara ini akan kita kaji, akan usaha ditubuhkan. Kalau tidak tubuh itu, mungkin ada masalah-masalah yang tertentu jadi tak bolehlah Wakil Ajil dengan mulut celuparnya menggunakan istilah-istilah yang tidak manislah. Sebab itu saya sebagai orang tua nasihat orang muda ni jangan celupar sangatlah, dan oleh kerana itu perkara ini masih dalam kita melihat, soal belia ini soal penting. Kita akan kaji dari segi keseluruhan sama ada Majlis Belia itu penting atau tidak penting akan dikaji sebagai satu keseluruhan dan ini akan dilihat keperluannya ataupun tidak keperluannya. Tapi kalau Majlis Belia ini nak dijadikan alat UMNO, barangkali itu lain ceritalah. Jadi sebab itu kita kena lihat dulu perkara-perkara yang seperti ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan sudah pun tamat, kuota

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Dok, saya nak minta penjelasan saja.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Dok, habis doh empat soalan tambahan tu lebih daripada kuota dah, itupun ehsan dah tu. Kemudian, soalan seterusnya sila --

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua, walaupun kita tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberi kerana kerajaan nampaknya lebih banyak melihat dan mengkaji, soalan yang kedua --

Sedarkah kerajaan bahawa beberapa lokasi di bandar Kuala Terengganu telah menjadi tumpuan penikam ekor tanpa lesen?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Ajil yang kedua ini berbunyi: Sedarkah kerajaan bahawa beberapa lokasi di bandar Kuala Terengganu telah menjadi tumpuan penikam ekor tanpa lesen? Jawabnya, tidak.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, nampaknya pihak kerajaan mungkin ... soalnya, adakah kerajaan ataupun Ahli Exco yang terlibat dengan jawapan yang diberi itu tidak menjalankan tugas.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya jawab ikut soalan saja, soalan kata ada ke tidak kegiatan tikam ekor secara haram, tak dok, yang ada benda lain. Yang ini saya nak syarah sedikitlah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setelah pusat-pusat tikam ekor ni tak dok, kita tutup habis premis dia tapi Negeri Terengganu 38 tahun rakyatnya dididik oleh kerajaan dulu yang namanya Barisan Nasional. Ada lagi penagih ekor, penagih toto, ada lagi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Dia nak buat dekat kita tak boleh, cara mana dia nak buat dia cari negeri jiran yang masih ada lagi kegiatan ni. Kemudian dia lantik beberapa orang untuk ambil upah cari tiket ni. Jadi hak tukang ambil upah ni mungkin 15 sen, 20 sen seorang, dia pergi beli di Kuantan, dia pergi beli di Kuala Lumpur, nak beli

di Kelantan tak ada, Terengganu tak ada. Dia beli di Kuantan, dia ambil duit dulu, dia balik tu dia beri siapa ... pakai kirim. Dia pakai kes kirim, orang ni kirim tiga, orang ni kirim empat, jadi balik dia bagi, jumpa buju-buju jalan tu orang kirim dia kata, "mana hak saya kirim dulu," ni ambil. Ini tahi UMNO dulu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tahi ni payah kita nak ganti ada lagi. Dan Polis telahpun membuat penyiasatan dan membuat tindakan hasil daripada tindakan ialah Daerah Kuala Terengganu dapat 5 orang, hak ambil upah ni, ambil upah jual-jual tiket benda ni. Kemudian Kemaman ada 2 orang, Dungun ada 7, Marang ada seorang, Hulu Terengganu tak dok. Selamatlah Wakil Telemong, tak ada. Setiupun tak ada. Kemudian jumlahnya 15 hak tahun lepas.

Tahun 2001 ni Kuala Terengganu ada dapat 3 Polis tangkap, Kemaman satu, Dungun dua jumlahnya 6. Itu yang ada, tikam ekor haram lain pusat tu ... hak ni hak ambil upah pergi beli di Kuantan balik bagi. Jadi saya jawab ikut soalan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jadi bila-bila nak tanya soalan tu biar tukang tanya reti soalan dia, apa maksud soalan dia tanya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nampaknya keluk kelik jawapan Yang Berhormat Wakil Manir ni.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apa keluk kelik?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): mula dok sedar, ni jawab sedar pulak.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Baliklah dok reti!

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sabar ... Yang Dipertua, sebab tadi katakan tahi UMNO, jadi apakah peranan pihak kerajaan apabila dah tahu keadaan tersebut untuk memantau perkara ini?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya dah jawab dah, Polis dah tangkap peranan kerajaan macam mana lagi? Mari sini bingung, tak reti langsung, mengaji mana bingung ni?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, sabar kita orang muda boleh sabar. Soalan tambahan Yang Dipertua, jadi kalau dikatakan bahawa ni adalah tahi daripada UMNO, sedarkan pihak kerajaan bahawa UMNO juga telah meninggalkan kesan yang baik kerana ramai, dok semua rakyat di sini yang menikam ekor ni. Adakah pihak kerajaan menyedari hal tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau tak dok soalan berhentilah, lekuk-lekok lain tanya hari lain pulak. Saya tadi bukan marah tapi nak suruh reti sedikit, mari sini biar cerdik sedikit jangan mari hak-hak dok cerdik, berat kita.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Keluk kelik juga tu Yang Dipertua.

19 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Serupa ya tu le, hak hulu belaka tu.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Orang Manir lagi keluk kelik, bodoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Guana keluk kelik, kita jawab ... dok faham soalan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Doh jawab bodoh, keluk keliklah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Bert hormat Yang Dipertua, jawab bodoh macam mana? Kamu tu mari sini tak reti politik, mari bapak bingung budak hulu ni.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Bert hormat pagi-pagi ni patut sejuk lagi yang panas sangat ni bakpa, yang sampai bergelegat begini lalu ni? Persilakan Wakil Manir jawab soalan itu.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak dok Yang Bert hormat Yang Dipertua, saya jawab belaka doh soalan dia. Mula-mula saya kata tak dok, apabila dia tanya tu ... saya jawab pulak tindakan ada. Kemudian dia kata tidak ada tindakan susulan. Kita cerita Polis tangkap dah berbelas-belas orang, dia kata tak dok tindakan juga. Apa benda ni.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, tak apalah tak nak jawabpun. Soalan yang ketiga

Berapa ramaikah mereka yang mendaftar untuk melombong emas di Lubok Mandi?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Ajil ingin tahu berapa ramai mereka yang mendaftar untuk melombong emas di Lubok Mandi? Jawapannya belum ada, itu jawapan kepada soalan itulah, belum ada kerana kita belum lagi buka. Walau macam manapun Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, saya suka menjelaskan soal Lubok Mandi dan usaha kerajaan untuk menyediakan tempat untuk rakyat mendulang ada berhubung kait juga dengan soalan yang dikemukakan oleh Jabi sebelum ini yang tak sempat dijawab.

Pihak kerajaan melalui Jabatan Minerals dan Geosains telahpun buat kajian dan pada waktu ini kawasan yang telah ditentukan oleh kerajaan untuk kita buka bagi rakyat mendulang ialah Lubok Mandi. Sementara kawasan-kawasan lain itu sedang dalam kajian kita dari sudut kemungkinan-kemungkinan. Jadi pihak kerajaan melalui PTG dan jabatan yang berkaitan sedang membuat persiapan ke arah itu, termasuk dari sudut prasarana yang perlu diadakan, keselamatan yang perlu diadakan, kawasan itu insya Allah, akan dipagar, ada kemudahan-kemudahan seperti tandas insya

19 APRIL 2001

Allah, surau dan lain-lain yang boleh memudahkan rakyat mengadakan usaha mendulang di kawasan Lubuk Mandi. Dan kita jangka persiapan-persiapan ini sedang dibuat kita jangka mungkin bulan Jun ini boleh kita melancarkan, bergantung kepada persiapan yang sedang dibuat. Pada waktu itu insya Allah, kita akan bukalah permohonan-permohonan. Pada waktu ini belum lagi dibuka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Dipertua. dikatakan tadi bahawa perkara-perkara yang dibentangkan tadi akan dibuka pada bulan Jun. Soalannya pada bulan Jun ini, adakah pembukaan pendaftaran ataupun pembukaan lombong itu sendiri?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sekali guslah. bila lombong nak buka mestilah kena daftar. Patut faham dah benda begini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, mengikut laporan yang diterima mengatakan bahawa mereka yang melombong ini 60% akan dikenakan ataupun pendapatan ... 60% daripada pendapatan daripada kerja melombong ini akan diberi ataupun dicukaikan kepada kerajaan. Adakah ini benar?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada kaedah-kaedah tertentu yang akan kita buat kepada pendulang ini. Oleh kerana pendulang tidak memerlukan menyediakan satu peralatan yang dia sendiri kena keluar belanja, tak ada. Dia bawa tubuh dia, beldi, barangkali hak tempat nak mengayak dia dan peralatannya insya Allah, akan disediakan oleh kerajaan dan sebab itu ada sebagai sumbangannya kepada kerajaan itu ada. Kaedah itu secara muktamadnya akan ditentukan, insya Allah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, soalan nombor satu saya ditolak, soalan nombor dua –

Berapakah angka kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam Pertubuhan Haram JKKK?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan nombor dua?

YANG BERHORMAT HARI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan yang kedua? Soalan yang kedua Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berapakah angka kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam Pertubuhan Haram JKKK?

19 APRIL 2001

Setakat maklumat yang ada pada kita hari ini, seramai 42 orang kakitangan awam yang dilaporkan terlibat. Kesahihannya dalam penyiasatan kita dan tindakan seterusnya berdasarkan penyiasatan yang akan kita buat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan. Apakah tindakan susulan dari pihak kerajaan kepada mereka?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, saya dah katakan setakat ini laporan sampai kepada kita 42 orang. Sekarang kita sedang menyiasat tentang kesahihan laporan itu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan saya nombor tiga, Tuan Yang Dipertua –

Saya mohon penjelasan tentang berapa ramaikah guru-guru agama daripada JAKIM yang diluluskan oleh Kerajaan untuk menyampaikan kuliah, syarahan dan yang seperti dengannya di Masjid-masjid seluruh negeri ini? Termasuk berapa ramaikah pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan daripada JAKIM yang berkhidmat di Pejabat Agama Islam Negeri ini?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kuala Berang ingin mengetahui jumlah guru-guru agama daripada JAKIM yang diluluskan oleh kerajaan untuk menyampaikan kuliah, syarahan dan yang seperti dengannya di masjid-masjid seluruh negeri ini? Termasuk berapa ramaikah pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan daripada JAKIM yang berkhidmat di Pejabat Agama Islam negeri ini?

Bahagian pertama soalan itu, berapa orang guru-guru itu ialah seramai 272 orang guru-guru agama yang dipanggil Guru Takmir yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. Bahagian keduanya, ada 11 orang kakitangan daripada JAKIM yang ditempatkan dan sedang berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu sehingga kini.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Apakah pihak kerajaan berpuas hati berkaitan dengan perkhidmatan yang mereka berikan?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setakat ini belum ada laporan-laporan yang mengatakan kuliah-kuliah mereka itu tidak begitu memuaskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Apakah bidang kuasa mereka, adakah tidak bertindih dengan jawatan dari Jabatan Hal Ehwal Agama sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mereka ini diberi bidang tugas yang tertentu, ada yang mengajar di masjid dan ada yang mengajar di surau-surau. Jadi, setakat ini belum ada pertindihan.

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Wakil Telemong. Maaf, saya tarik perhatian semula bahawa soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Seberang Takir telahpun terjawab pada 17 haribulan yang lalu, ketiga-tiga soalnya. Jadi, kita terus kepada Yang Berhormat wakil daripada Telemong, silakan –

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama adakah sudah dianggap dijawab ataupun

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Telah dijawab.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan kedua –

Mohon nyatakan kadar elaun sebenar Imam dan Bilal di Masjid-masjid Mukim, Masjid Utama dan Kategori Masjid diselaras bawah JHEANT?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan berbunyi mohon nyatakan kadar elaun sebenar Imam dan Bilal di Masjid Mukim, Masjid Utama dan kategori Masjid diselaras bawah JHEANT?

Bayaran elaun Imam dan Bilal Mukim adalah dibayar berdasar keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu kali ke-5 bertarikh 9 Februari tahun 2000. Keputusan mesyuarat MMKN kali ke-32 tahun 2000 bertarikh 11 Oktober 2000, kadar dibayar seperti berikut:

Khidmat lebih daripada 12 tahun	-	Imamnya RM350.00 dan Bilal RM300.00
Khidmat 3 – 12 tahun	-	Imamnya RM325.00 dan Bilal RM275.00
Khidmat kurang dari 3 tahun	-	Imamnya RM300.00 dan Bilal RM250.00

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Berapakah bilangan Imam yang ditamatkan perkhidmatannya ataupun kalau tidak boleh dikata 'dipecat' oleh kerana lebih usia?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau tak salah ingat saya telah dijawab kelmarin.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, telah dijawab semalam.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan itu selesailah kita pada pagi ini daripada soalan-soalan lisan dan saya meneruskan Dewan ini dengan perbincangan atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia dan pagi ini adalah masa untuk penggulungan. Dipersilakan Ahli Yang Berhormat untuk membuat penggulungan –

19 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan sekalian, serta pemerhati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Muslimat walaupun dalam persidangan kita tidak ada seorang yang timbul hal ehwal muslimat, terima kasihlah. Tapi saya ingin juga mengambil bahagian untu membuat penggulangan. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, selaku Pengerusi kepada Jawatankuasa yang dipertanggungjawab terhadap Hal Ehwal Muslimat dan Hubungan Antara Kaum, memanglah menjadi hasrat saya untuk melihat wanita negeri ini, menjadi wanita yang berilmu, bertakwa dan sentiasa praktis. Agar suatu masa nanti dapat kita lahir suatu umat atau masyarakat yang cemerlang sebagai insan yang sempurna dalam semua aspek termasuk dalam soal moral dan akhlak. Buat permulaan Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Hubungan Antara Kaum melalui sebuah Jawatankuasa Induk yang telah diwujudkan dan dikenali dengan nama Jawatankuasa Mawardah, yang diberi tanggungjawab bagi menyelaras, merangka dan mengadakan program untuk kaum wanita dengan kerjasama jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan telah dan akan terus melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti keilmuan untuk kaum wanita.

Semenjak ditubuhkan Mawardah pada 12 April yang lalu maka Jawatankuasa Induk telah melaksanakan beberapa program untuk kaum wanita di negeri ini, di antaranya program yang diadakan dalam bentuk kursus dan seminar bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kaum wanita di negeri terutama berhubung dengan aspek perundangan, kekeluargaan, penjagaan kesihatan, peluang kemahiran serta memupuk sifat-sifat penyayang bagi mewujudkan keharmonian di dalam keluarga dan masyarakat. Program diadakan setiap daerah, pada tahun lepas kita dapat buat 2 kali pusingan dalam setiap daerah, 16 kali melibatkan semua peringkat golongan wanita termasuklah wanita-wanita dari kaum lain. Di antara program yang telah dilaksanakan seperti Seminar Wanita dan Perundangan bertujuan menyedarkan wanita tentang hak dari segi undang-undang syarak dan juga sivil, kursus mengenai kekeluargaan dan sebagainya. Pada tahun 2001 ni, kita telah mengadakan dua kali mesyuarat, mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan mesyuarat Induk Mawardah. Dan mesyuarat Mawardah telah mengadakan jangka setahun program-program yang akan dilaksanakan.

Adapun untuk meneruskan program-program ataupun menjalankan program yang telah dilaksanakan itu tertakluk kepada wang. Kita menyedari bahawa Negeri Terengganu kita tak ada wang dan setakat yang kita tahu bahawa kita ada 20%, 80% kita hilang dengan berlakunya perampasan wang royalti minyak. Kita tahu bahawa daripada 100% tinggal 20%, kalau dalam rumah kita ada belanja RM1,000 sebulan tinggal RM200, barangkali bini pun cabut lari, kita kena cermat. Dan insya Allah, kita percaya kepada firman Allah Taala:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَا مِنْهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Dan kalau sekiranya penduduk negeri ini beriman serta bertakwa tentulah Kami akan membukakan mereka pintu kurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan Rasul lalu Kami timpa mereka dengan azab siksa yang telah mereka usahakan.

19 APRIL 2001

Kita, mahu tidak mahu kita menjadi penduduk yang bertakwa dan beriman. Semualah nak jadi yang bertakwa dan beriman bukan orang PAS saja dengan orang UMNO. Jadi macam mana nak jadi beriman dan bertakwa sedang duduk menentang hukum Tuhan. Jadi itulah kita terpulang kepada Tuhanlah kerana sebahagian daripadanya, itu dia. Insyallah, walau bagaimanapun kita yakin kepada apa yang hakikatnya Allah Taala firman:

عسى ان تكرهوا شيئا وهو خير لكم وعسى ان تحبوا شيئا وهو شر لكم

Ada kala yang kita rasakan buruklah dengan sebab apa yang berlaku nasib yang diterima dalam negara kita boleh jadi baik bagi Allah Taala dan ada kala perkara yang kita fikir jadi buruk. Kita tidak tahulah nikmatNya mungkin untuk mengajar kita dan sebagainya. Tapi orang yang terlibat terimalah padahNya:

ما اصابك من حسنة فمن الله وما اصابك من سيئة فمن نفسك

Apa juga kerja yang baik yang kamu lakukan adalah dari Allah dan apa juga perkara-perkara yang buruk yang telah dilakukan atau dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat itu maka dia sendirilah.

Sekadar itulah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk sedikit pada pagi ini. Sekian wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Hubungan Antara Kaum. Penggugulan seterusnya, dipersilakan –

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah rabbialamin wabihi nastain. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan seterusnya para pemerhati sekalian.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara yang berkait dengan kebajikan, masalah sosial dan juga kesihatan dalam perbahasan titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Wakil Kuala Besut membangkitkan soal kebajikan rakyat terutamanya golongan fakir miskin yang masih merupakan persoalan yang mesti ditangani berterusan secara efisien dan berkesan. Sesungguhnya menjadi agenda utama Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar untuk membela golongan ini dengan mengambil langkah-langkah yang diyakini lebih berkesan dari masa ke semasa. Keluarga miskin di negeri ini dianggarkan sebanyak 22,500 buah keluarga dan keluarga termiskin pula dianggarkan berjumlah 6,500 keluarga. Kerajaan Negeri telah dan sedang mengambil langkah-langkah dengan mengadakan program dan projek bagi mengurangkan kadar kemiskinan dengan memastikan pelaksanaannya secara bersepadu antara jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat seperti UPEN, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Pejabat Daerah, Yayasan Pembangunan Keluarga, Jabatan

Pertanian, Perikanan dan lain-lain agensi serta dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia.

Bagi tujuan ini juga Kerajaan Negeri dengan kerjasama pakar runding dari Universiti Kebangsaan Malaysia sedang menyediakan Pelan Tindakan Ekonomi Rakyat Terengganu sebagai makenisma untuk melaksana dan memantau program-program mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf ekonomi golongan miskin dalam keadaan kekurangan sumber kewangan yang dialami oleh Kerajaan Negeri. Pelan Tindakan ini juga menggariskan strategi-strategi yang lengkap dan sempurna bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sehingga ini untuk maklumat Dewan, Pelan Tindakan ini sudah separuh siap.

Walaupun dalam keadaan kewangan yang terhad, Kerajaan Negeri terus menangani masalah kemiskinan rakyat kerana kita berpendapat bahawa pertumbuhan ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar belum pasti menjamin kesan limpahan yang efektif dari segi pengurangan kadar kemiskinan. Dalam usaha membela dan membantu rakyat miskin kerajaan sentiasa berlaku adil dengan mengagihkan bantuan kepada mereka yang layak dan berhak saja tanpa mengira latar belakang agama dan keturunan kerana kita melaksanakan pemerintahan yang adil mengikut kehendak Islam, berdasarkan kepada firman Allah s.w.t.

ان الله يامر بالعدل والاحسان وابتاهدى القربى وينهى عن الفحشاء والمنكر
والبغى يعظكم لعنكم تذكرون

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah s.w.t. memerintah kamu supaya berlaku adil dan berbuat ihsan yakni berbuat baik, dan memberi hak pada kaum keluarga dan mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar serta kezaliman. Dia menjaga kamu semoga kamu sentiasa ingat.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kemasik menuduh pentadbiran kerajaan lemah atas alasan kerajaan telah memotong bantuan penerima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita ingin menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa mengkaji semula penerima bantuan ini dari masa ke semasa kerana mereka yang menerima bantuan ini bukan untuk kekal buat selamanya tetapi hanya diberi sementara. Kalau didapati mereka telah layak tamatkan bantuannya kita tamatkan, seperti mereka yang telah melepasi garis kemiskinan dan mendapat bantuan daripada agensi-agensi lain seperti mendapat bantuan daripada Felera, Risa dan Felda. Apakah tindakan kerajaan menamatkan pemberian bantuan kepada mereka yang sudah pasti tidak layak dan tidak berhak menerima bantuan itu dikatakan pentadbiran kerajaan lemah? Saya tidak faham cara berfikir pihak pembangkang ini yaitu Wakil daripada Kemasik. Barangkali mereka berpendapat kalau dikekalkan bantuan kepada mereka yang sudah tidak layak itu barulah dikatakan pentadbiran cekap dan tidak lemah. Kita berpendapat sebuah kerajaan yang dianggap tidak adil ialah apabila mengagihkan bantuan kepada mereka yang tidak berhak dan tidak layak dan juga tidak memberi bantuan kepada mereka yang layak dan tidak berhak.

Tuan Yang Dipertua, kerajaan juga sedar bahawa golongan miskin ini bukan saja miskin dari segi harta tetapi juga miskin dari segi fikiran dan jiwa seperti mana yang pernah dikatakan oleh Saidina

19 APRIL 2001

Ali Karamullahwajhah, *bahawa mereka bukan saja tidak bermaya dan susah tetapi fikiran merekapun kusut.*

Oleh demikian kerajaan telah mengambil beberapa langkah melalui agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Unit Pembangunan Insan, Yayasan Pembangunan Keluarga mengadakan program dan aktiviti-aktiviti memperkayakan minda dan jiwa golongan yang miskin ini. Dengan memberi kesedaran dan kefahaman tentang Islam dan tanggungjawab mereka terhadap Allah s.w.t., diri mereka sendiri terhadap keluarga mereka dan juga terhadap masyarakat dan negara. Alhamdulillah, program ini berjalan dengan baik walaupun kadang kala ada juga gangguan daripada pihak-pihak yang tertentu yang mencurigai terhadap program ini.

Menyentuh gejala sosial yang telah dibangkitkan oleh ramai di kalangan wakil dalam Dewan ini, umpamanya Yang Berhormat Wakil Kuala Besut, Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggul, Paka dan Jabi menyentuh persoalan ini. Saya ingin menjelaskan bahawa masalah gejala sosial ini mempunyai skop yang luas meliputi kegiatan jenayah bukan saja jenayah keganasan tetapi juga jenayah harta benda. Jenayah harta benda termasuklah gejala sosial yang besar yang berlaku ialah rompakan kepada royalti minyak di Terengganu, inipun gejala sosial juga. Dan juga penyakit-penyakit masyarakat termasuk kegiatan-kegiatan maksiat yang berlaku di negeri kita ini. Jadi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berbagai langkah telah dan sedang dan akan diambil oleh kerajaan bagi menangani gejala ini secara menyeluruh melalui agensi-agensi kerajaan dan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan dengan mengadakan program-program yang merangkumi aspek mendidik, mencegah, memperbetul, memperbaiki dan memulih golongan sasaran meliputi golongan remaja, keluarga dan masyarakat. Dan sesungguhnya dengan tindakan kerajaan melalui pembentukan Jawatankuasa Peningkatan Kualiti Sosial dan juga pembentukan Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah di setiap daerah bagi memastikan bahawa program mengatasi masalah gejala sosial akan dapat dijalankan dengan sempurna dan kita yakin dengan cara ini dapat mengurangkan kadar gejala sosial dari masa ke semasa.

Dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh kerajaan melalui agensi-agensi yang terlibat termasuk Pasukan Polis, Agensi Dadah Kebangsaan dan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan serta badan bukan kerajaan, PEMADAM serta kerjasama daripada peringkat bawah iaitu Jawatankuasa Syura Rakyat maka Alhamdulillah pada tahun 2000 kita dapati jumlah tangkapan penagihan dadah di negeri kita ni telah menurun yaitu berjumlah 655 tangkapan berbanding dengan jumlah 1,921 tangkapan pada tahun 1999. Dan begitu juga dengan kes-kes jenayah juga menurun pada tahun 2000 dengan kadar 0.4% berbanding dengan tahun 1999. Ini menunjukkan bahawa kesan daripada kesungguhan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat dan juga sokongan serta kerjasama daripada orang ramai maka kadar jenayah ini semakin menurun.

Selain daripada itu juga pihak Kerajaan Negeri berusaha untuk menubuhkan Pusat Latihan dan Seliaan Penagih Dadah dalam usaha kita bagi menangani masalah dadah yang begitu meruncingkan di negara kita ini. Insya Allah dengan kerjasama semua pihak sama ada agensi kerajaan dan juga bukan kerajaan kita harap program ini akan dapat dilaksanakan dengan licin. Dan untuk maklumatnya, lokasi kepada pusat ini sudah kita kenal pasti.

Mengenai Pusat Rawatan Islam yang ditimbulkan oleh Wakil daripada Kuala Besut dan juga Jabi. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah lama berhasrat untuk menubuhkan Pusat Rawatan Islam sebagai alternatif kepada sistem dan konsep perubatan yang diamalkan sekarang ini. Pusat Rawatan Islam ini akan memastikan bahawa falsafah perubatan mengikut Islam dan kaedah-kaedah serta cara-cara rawatan mengikut Islam akan kita perkenalkan dan lokasinya telahpun kita kenal pasti. Insya Allah, sekarang ini dalam usaha kita menyediakan satu kertas lengkap untuk diteliti dan seterusnya untuk dilaksanakan. Dan kita juga mengharapkan kerjasama daripada semua pihak supaya usaha yang murni menjadi kenyataan.

Berhubung dengan Tabung Darul Iman yang telah dibangkitkan oleh wakil dalam Dewan ini, saya ingin menyatakan bahawa kita telah berjaya mendapat sumbangan dari pelbagai pihak melebihi RM2 juta dan telahpun beroperasi membantu mereka yang layak mendapat bantuan daripada tabung ini. Dan pihak pengurusan Tabung Darul Iman dalam tindakannya untuk memperluaskan operasi dan promosinya ke peringkat daerah untuk membolehkan penyertaan lebih ramai lagi di kalangan pelbagai pihak memberi sumbangan bakti bagi mengerja amal kebajikan melalui tabung ini, sesuai dengan firman Allah s.w.t.:

فاستبقوا الخيرات

Bertumba-lumbalah kamu untuk membuat kebajikan.

Yang akhir sekali, oleh kerana soal perpaduan ini juga merupakan satu bidang di bawah portfolio saya: saya ingin nyatakan bahawa ramai di kalangan wakil-wakil kita telah membangkitkan soal perpaduan di Negeri Terengganu ini. Mengenai perpaduan rakyat negeri ini Alhamdulillah, Kerajaan Negeri begitu cakna dan prihatin terhadap perpaduan rakyat berbilang kaum di negeri ini terutamanya perpaduan di kalangan umat Islam. Alhamdulillah, perpaduan rakyat dapat diwujudkan dan dikekalkan dan kerajaan akan terus menjaga perpaduan ini walaupun kita dapati ada usaha-usaha daripada golongan tertentu untuk menggagalkan usaha-usaha perpaduan ini tetapi kita yakin dan percaya bahawa rakyat tidak mudah terpengaruh dengan tindak tanduk golongan ini yang telah ternyata sebelum daripada kita mengambil alih pemerintahan mereka telah gagal mewujudkan perpaduan di negeri kita ini. Walaupun dulunya pernah ditubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Negeri umpamanya dan saya salah seorang daripada anggota Jawatankuasa tetapi masa kerajaan dulu tidak ada satu perancangan pun, mesyuarat pun tidak dijalankan. Jadi Alhamdulillah, apabila kita mengambil alih pemerintahan ini kita telah berusaha sedaya upaya menyatupadukan rakyat negeri ini dan Alhamdulillah tidak banyak berlaku perkara yang menggugat perpaduan. Kerana sesungguhnya mengamalkan prinsip perpaduan berdasarkan apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. di mana Allah berfirman:

واعتصموا بحبل الله جميعا
dan
ان اكرمكم عند الله اتقاكم

Hendaklah kamu berpegang dengan tali Allah, yakni perpaduan yang diasaskan kepada agama Allah s.w.t. itulah yang kekalnya. Bukan di atas asas yang lain kerana atas asas dia akan jadi rapuh. Jadi oleh kerana itu kita mengharapkan kepada semua pihak mestilah memberi kerjasama dalam mengekalkan perpaduan ini bagi kepentingan generasi kita di masa kini dan generasi kita akan datang bagi kita sama-sama memajukan dan membangunkan Negeri Terengganu Darul Iman ini.

Akhir sekali, saya juga ingin menasihatkan kepada pihak pembangkang supaya mereka hendaklah bersifat pembangkang yang baik dan membina dan bukanlah dengan cara keras keng. Sebab saya keras keng ni macam kelmarin, apabila persoalan ditimbulkan oleh Wakil Bukit Tunggul memang kita dengar dah dia kata begini tapi Wakil daripada Telemong kata benda lain pula. Jadi apabila minta ditarik balik tak tarik balik, walaupun kenyataannya memang tidak betul. Jadi kalau macam ni keadaannya macam mana yang diluang-laungkan:

قل الحق ولو كان مرا

Katalah benar walaupun pahit. Tapi saya nampaknya balik pula dah:

قل الباطل ولو كان مرا

Katalah walau hak dok betulpun walau pahit. Jadi hak nilah kita harap supaya pembangkang kita ni jadi pembangkang yang membina dan kalau tidak membina tidak ada faedah ada pembangkang dalam Dewan ini. Sekianlah saja ucapan saya, wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Sosial. Dipersilakan Yang Berhormat seterusnya.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membuat sedikit penggulungan berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan, dibahaskan sepanjang sidang kita ini. Dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih, menjunjung kasih di atas titah ucapan Tuanku Al-Sultan yang saya rasakan merupakan satu ucapan yang memberikan kita suatu panduan sebenarnya perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan juga kepada semua pihak.

Saya nak pergi terus kepada apa yang dibangkitkan, pertama sekali isu projek Lebu Raya Pantai Timur yang dibangkitkan oleh Wakil Telemong, Wakil Kemasik dan juga Wakil Rantau Abang, yang saya rasakan isu ini sebenarnya telah acap dibangkitkan. Kadang-kadang saya rasa, bukan muaklah tapi perkara ini merupakan perkara yang sepatutnya dari sudut faktanya jelas tetapi nampak semacam ada usaha untuk memutar-belitkan

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Yang Dipertua, penjelasan. Yang Berhormat Yang Dipertua, yang saya sebut semalam kerana disarankan di dalam titah ucapan Tuanku Al-Sultan. Dok usah muaklah, kalau muak di atas titah ucapan baginda Tuanku.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Gaduh sangat, dok dan nak panas enjin, dok sebutpun lagi sebenarnya. Memanglah ucapan daripada Tuanku tu betul, bagus tapi yang saya nak jelaskan, yang pertama sekali apa yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang bahawa Kerajaan Negeri tidak berbuat apa-apa, Kerajaan Negeri asyik menyalahkan pihak lain. Jadi faktanya projek Lebu Raya ini merupakan cadangan asalnya ialah projek yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan.

19 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT MULLA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Teleneong): Penjelasan Yang Dipertua, saya minta penjelasan. Yang kita bangkitkan ada dua isu, pertama Lebuh Raya Pantai Timur yang dirancang oleh Kerajaan Pusat bersama Kerajaan Negeri. Yang kedua, Lebuh Raya Negeri Teleneong yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun 2000. Ini berbeza.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Gajah): Tuan yang dipertua, saya nak molek sedikit je, saya tak sempat nak jelaskan tapi saya *gentleman* saya tak jawab semua. Saya tak maenun awas, saya boleh jawab tapi biar *gentleman* kalau nak ditanya ...

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Guna ...

YANG BERTHORMAT MULLA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Teleneong): Saya minta penjelasan, bukan soal *gentleman* tak *gentleman*. Saya minta penjelasan, bila nak boleh dikemukakan. Saya nak tahu di dalam Dewan ini wasas dan menepati bilik itu yang boleh berteknologi kita. Jangan mahu mula dengan keadaan yang tidak wasas.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Gajah): Mulasalahlah kalau orang tak cerdikpun, mulasabah. Dengarlah dulu, saya tak terangkan lagi ni, saya nak

YANG BERTHORMAT MULLA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Teleneong): Cina tu biar molek sedikit. Dengar boleh kita dengar semua, cara jawab tu biarlah molek. Kita dengar, dan wasil dah kita dengar molek. Jawab biarlah tertib. Insya Allah kita boleh terima.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tuan Yang Dipertua, saya nak peringat sedikit Wakil Teleneong belajarlah jadi pembangkang, belajar sedikit.

YANG BERTHORMAT MULLA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Teleneong): Alhamdulillah, saya belajar jadi pembangkang.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Tak usah debat dari saat ini, kita Yang Berhormat Pengerusi Kemudahan Awam dan Infrastruktur meneruskan ucapan.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Teleneong): Saya nak cuba jelaskan bahawa projek ini merupakan projek daripada Kerajaan Pusat. Dalam ... di akhir tahun 1999 telahpun dirasmikan sebenarnya, telah dirasmia pecat tanahnya, kontraktor telah dilantiknya, *signboard* sampai sekarang kita pun tengok, nak menjelaskan bahawa projek ini sebenarnya projek yang menunggu masa untuk dilaksanakan. Itu asas fakta yang nak saya sebutkan. Jadi adah kerajaan itu kalau kita katakan pihak kerajaan nak menyalahkan orang lain atas fakta apa? Dalam perlembutan rombongan antara Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guan Menteri Besar dan beberapa orang Exco termasuk saya sendiri pada 10 April 2000, kita telah membuat kunjungan hormat, kita bincang dalam suasana yang baik. Kerajaan Pusat setuju untuk meneruskan projek ini. Bayangkan ... yang kalau kita nak ambil semangat daripada pertemuan tersebut seolah-olahnya tak sampai sebulan lepas pada itu boleh hantar apa yang berkaitan pelan pengangkutan balik tanah. Tapi hanya lebih kurang sebulan lepas baru hantar, baru hantar tu dalam keadaan kita sudah usaha tu, yang dibantar itupun sebenarnya bukan pelan pengangkutan balik.

19 APRIL 2001

tanah, apa yang dikatakan pelan jajaran *alignment*, itupun tak lengkap, tidak merangkumi seluruh lebuhraya yang dimaksudkan. Jadi bayangkan dalam tempoh hampir setahun baru ada tindakan. Kemudian kita buat cakap pula, Kerajaan Negeri tidak berminatlah, tak nak kena tollah. Ini cakap-cakap kosong daripada pihak pembangkang. Jadi oleh kerana itu, kalau kita nak bercakap masa kita berkausa dulu macam pembangkang bercakap ada fakta juga. Kita kata, bakpa kerajaan ni dah ada kuasa, kita sebagai suatu kerajaan yang bermaruah sepatutnya kilang penapis minyak hak terbesar, minyak ada Terengganu bakpa tak boleh nak buat di Terengganu, buat di Melaka juga umpamanya. Ada faktanya sebab kita sebagai satu kerajaan yang sama. Kalau kita katakan Universiti Petroleum patut buat Terengganu, dalam kemampuan kita, atas kerajaan yang sama, parti yang sama ada fakta juga. Ataupun paling tidak orang Terengganu ni terliur juga, rakyat Terengganu ni ada Menteri seorang, tidak pong situ pong sini cakap, Menteri, Timbalan Menteri pun tak dok.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Tuan Yang Dipertua. Dia jawab bagi pihak kerajaan ke nak bersyarah ... bertindak sebagai kerajaanlah jangan jadi pembangkang pula, macam kata Wakil Batu Rakit tadi. Saya setuju, sedarlah ... sekarang ni kan kerajaan jawab stail kerajaanlah.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya tak tahulah ... tak boleh nak sabar.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, boleh sambung penggulungan dan saya tangguh dulu Dewan ini, kita sama-sama minum air moga-moga sejuk dan insya Allah kita masuk dalam keadaan jiwa yang tenang, fikiran yang lapang. Marilah kita tangguh ... saya isytiharkan Dewan ini ditangguh sehingga jam 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

BERKUTIPAGE

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warafiqunilahi walakbaruh. Yang Amat Berhormat, Abul-ahdi Yang Berhormat, Ketua ketua Jabatan dan pegawai-pegawai, berituan dan puan-puan sekalian. Dewan disambung semula dan saya rasa akan membawa suhu dalam Dewan ini sudah cukup sejuk pada pagi ini. Kita sambung dengan mempersilakan Wakil Abul-ahdi untuk menyambung penggulangan.

YANG BERHORMAT LUCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ucap terima kasih di atas peluang untuk menyambung ucapan penggulangan hasil daripada perbahasan-perbahasan yang telah kita buat berhubung dengan titah ucapan baginda Al-Sultan. Jadi putus muafak dah Yang Dipertua. Jadi saya nak simpulkan supaya tidak panjang bahawa projek Lebuh Raya Pantai Timur ini adalah satu projek daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sebenarnya daripada awal lagi konsisten untuk mengambil tanggungjawab berhubung dengan projek ini. Tinggal lagi oleh kerana sikap dolak-dalih daripada Kerajaan Pusat sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam taklimat yang diberikan sepatutnya projek ini dilaksanakan serentak sama ada daripada Negeri Pahang dan juga di Terengganu projek ini tertangguh begitu lama dalam keadaan Negeri Pahang telahpun melaksanakannya. Maka oleh kerana itu Kerajaan Negeri sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, yang kita memikirkan soal pembangunan infrastruktur, kemudahan-kemudahan perhubungan itu merupakan satu perkara yang asas dalam menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, maka oleh kerana itulah kita ingin menubuhkan apabila kita didatangi oleh beberapa syarikat, syarikat-syarikat korporat yang besar-besar untuk menawarkan suatu cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya mereka diberi peluang bagi melaksanakan projek ini secara penswastaan, yang mana ia melibatkan jajaran-jajaran yang berlainan. Inilah yang saya katakan dalam jawapan soalan lisan kelmarin bahawa dalam perkara ini ada tawaran-tawaran yang menarik daripada syarikat ini termasuklah cadangan-cadangan bagaimana sekiranya projek Lebuh Raya ini bukan saja sampai ke Cendering tetapi juga sampai ke Kelantan; yang mengambil kira kawasan-kawasan yang terlibat tidak melibatkan banyak kawasan-kawasan penempatan, kawasan-kawasan baru. Dan seterusnya dari sudut pengaliran lalu lintas, *traffic volume* akan menjadi lebih *viable* ataupun akan menjadi lebih berdaya maju lagi. Ini sedang diambil perhatian oleh pihak kerajaan dan kita sedang menunggu keputusan-keputusan ataupun cadangan-cadangan yang dibuat. Sekiranya Kerajaan Negeri melihat *option* yang ditawarkan oleh beberapa syarikat swasta ini lebih baik, kita mungkin akan mempertimbangkan pilihan yang kedua ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, begitu juga dengan projek pembesaran *airport*, Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang juga saya nak tekankan di sini ia juga merupakan projek asalnya daripada Kerajaan Pusat khususnya melalui Kementerian Pengangkutan. Projek yang berharga RM250 juta ini sebenarnya sebagaimana juga projek Lebuh Raya Pantai Timur ianya telahpun dilaksanakan apa yang dikatakan majlis perasmian pecah tanah, kontraktor telahpun dilantik sebagaimana juga projek Lebuh Raya Pantai Timur, yang telah bertukar sebenarnya daripada MMC kepada MTD. Dan kita juga telah membuat suatu lawatan rasmi sebagaimana juga dalam projek Lebuh Raya tadi, berumpa dengan Menteri yang berkenaan dan kita bincang berhubung dengan masa depan projek ini. Dan nampaknya, nasibnya lebih tidak bernasib baiklah saya boleh dikatakan begitu oleh kerana apa yang disebutkan atau apa yang diminta oleh Kerajaan Pusat bahawa kos pengambilan

19 APRIL 2001

balik tanah bagi pemanjangan lapangan terbang itu minta ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan mengakui bahawa kerajaan terdahulu memang ada membuat komitmen berhubung dengan perkara ini. Tapi sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab yang ingin memastikan wang daripada Kerajaan Negeri ini benar-benar digunakan secara yang sewajarnya berdasarkan kepada keutamaan, berdasarkan kepada persetujuan-persetujuan yang dibuat secara rasional dan kita telah membuat kajian bahawa semua projek pembangunan *airport* ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat, adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Kalau boleh saya sebutkan satu kes pembesaran lapangan terbang di Pulau Tioman di mana projek ini walaupun Kerajaan Negeri ada membuat *advance* pendahuluan bagi pengambilan balik tanah, tetapi ia dibayar semula oleh Kerajaan Pusat. Persoalan di sini, mengapa dalam konteks Kerajaan Negeri Terengganu ni dipaksakan juga Kerajaan Negeri untuk membelanjakan sejumlah besar wang, lebih kurang RM160 juta dan saya yakin jumlah ini akan meningkat dalam perkembangan yang terakhir ini kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil tanggungjawab, lebih-lebih lagi dalam suasana kepungan ekonomi yang sedang berlaku sekarang ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu wakil daripada Kemasik ada menyentuh berhubung dengan jalanraya-jalanraya yang masih banyak ataupun disebutkan jalanraya-jalan raya yang rosak tidak dibaiki. Saya ingin menyebutkan di sini bahawa tidak benarlah kalau ada satu kenyataan bahawa jalanraya-jalanraya di Terengganu ini tidak diambil perhatian, tidak diambil berat oleh Kerajaan Negeri. Ada yang kita mengambil perjalanan, ada yang masih belum kita mengambil perjalanan dan ini kita akan melihat dari sudut keutamaan-keutamaan perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri mestilah mengikut keutamaan lebih-lebih lagi dalam kewangan sekarang ini. Dan itulah yang disebutkan oleh wakil daripada kerajaan, wakil daripada Pengkalan Berangan, perkara-perkara yang melibatkan tanggungjawab Kerajaan Pusat sebagaimana yang dipersetujui dalam Perlembagaan bahawa *road grant* itu merupakan satu tanggungjawab kepada Kerajaan Pusat untuk disalurkan kepada Kerajaan Negeri, bukan saja disalurkan tetapi mestilah mengikut jadual yang telah ditentukan. Inipun masih lagi menjadi satu isu yang dipermainkan-mainkan, dilengah-lengahkan pembayarannya. Maka oleh kerana itulah, saya nak menekankan di sini bahawa janganlah kerana perbezaan fahaman politik menyebabkan rakyat menjadi mangsa. Dalam titah ucapan Tuanku menyebutkan bahawa perkara-perkara yang melibatkan soal perancangan pembangunan ini mestilah mengambil kira soal dosa dan pahala. Apakah dengan cara melengah-lengahkan bayaran dibuat yang merupakan satu tanggungjawab daripada Kerajaan Pusat merupakan perkara yang wajar dilaksanakan di Negeri Terengganu ini.

Selain daripada itu Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa mulai 16 Februari tahun ini kerja-kerja penyelenggaraan jalan bagi jalan-jalan *federal* tidak lagi dilakukan oleh JKR Negeri Terengganu. Kerana penyelenggaraan jalan ini telahpun diswastakan melalui satu syarikat yang dipanggil *Road Care*. Saya tidak nampak sebenarnya apa masalahnya kerja-kerja *road maintenance* perlu diswastakan. Saya tidak nampak masalah, selama ini kerja-kerja penyelenggaraan jalan berjalan dengan baik kecuali ada suatu keputusan dibuat untuk memberikan projek kepada mereka-mereka yang mempunyai kepentingan. Sebab kalau kita katakan projek itu tidak ada masalah mengapa perlu ada satu pendekatan baru, perlu ada satu mekanisme baru dalam melaksanakan perkara ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada wakil daripada Paka yang telah menjelaskan berhubung dengan Masjid Kampung Nyiur yang dikatakan 'masjid cermin'

yang masih lagi belum siap sehingga sekarang ini. Sebenarnya Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab berhubung dengan perkara ini, tetapi kita arahkan Pejabat Daerah sendiri untuk membuat siasatan, kosnya yang akan terlibat dan pada tahun lepas kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM10,000 untuk memperbaiki masjid ini. Dan sudah tentu peruntukan itu tidak mencukupi, insya Allah perkara ini akan diberikan perbincangan. (Tingal lagi kerajaan sedang menimbangkan satu maknisme baru supaya projek-projek pembinaan masjid-masjid ini tidak lagi menjadi suatu tanggungjawab ataupun bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Negeri sepenuhnya. Ini sedang kita rancangkan sebagaimana pengalaman di negara-negara luar, kita lihat projek-projek masjid yang menjadi rumah ibadat tempat orang Islam ini tidaklah menjadi tanggungjawab sesuatu kerajaan itu sepenuhnya. Maka oleh kerana itulah kita telah cuba untuk menggerakkan maknisme ini supaya dengan penglibatan daripada seluruh masyarakat supaya tanggungjawab membina rumah-rumah ibadat ini merupakan satu tanggungjawab bersama. Dan insya Allah, perkara ini kita akan tengok bukan kita kata apabila projek ini menjadi tanggungjawab kepada orang ramai kita biarkan kepada orang ramai sepenuhnya tidak. Dan sudah *designe*, dari sudut pengawasan masih lagi di bawah jabatan yang terbabit.

Yang Berhormat Yang Dipertua, berhubung dengan perjanjian air dengan Petronas yaitu projek Loji Air di Serdang untuk projek ke IPC, saya nak serah kepada Exco Hisbah untuk memberikan penjelasan. Walaupun saya sebagai salah seorang Jawatankuasa bersama dalam perkara ini, oleh kerana Exco Hisbah telah kita lantik sebagai Ketua Delegrasi dalam rundingan kita dengan pihak Petronas. Insya Allah, kerajaan akan berusaha supaya isu-isu yang tidak diselesaikan oleh kerajaan terdahulu berhubung dengan pampasan, berhubung dengan tanah-tanah yang ditenggelami air yang orang kampung membuat tuntutan sekarang ini berhubung dengan *coffee dam*, berhubung dengan tarif air mentah dan seumpamanya, insya Allah kita akan selesaikan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Rantau Abang ada menyentuh berhubung dengan soal celik IT. Yang mana juga ini merupakan perkara yang sedang dan telah diberi perhatian yang sungguh-sungguh oleh pihak kerajaan. Sebab kita yakin bahawa pembangunan sesebuah negeri sekarang ini mestilah seiring sejalan dengan perkembangan IT atau ICT itu sendiri. Cuma persoalan di sini bukan saja kita nak membangunkan dari sudut teknologi IT ini tetapi cabaran yang ada di hadapan kita sekarang ini ialah bagaimana kita hendak mendidik masyarakat di semua peringkat supaya mereka berminat kepada IT ini. Bukan saja di peringkat orang kampung tetapi juga di kalangan kakitangan kerajaan dan seumpamanya masih lagi terdapat kelemahan dalam penggunaan IT ini. Dan sudah tentulah cabaran yang seterusnya ialah berhubung dengan soal *content*, soal kandungan berhubung dengan ICT ini supaya kita tidak hanya menyebut dalam dunia ICT maklumat hanya boleh didapati di hujung jari di seluruh dunia sekarang ini, kita terbayu-bayu dengan perkembangan apa yang kita istilahkan sebagai *borderless* sebagai suatu medium tanpa sempadan dengan tidak ada nilai moral, akhlak dan seumpamanya. Inilah yang sedang diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri supaya perkembangan ICT ini mestilah seiring sejalan dengan falsafah dan dasar pembangunan negeri iaitu *Membangun Menurut Islam*.

Berhubung dengan masalah ketiadaan elektrik di setengah-matapan tempat sebagaimana disebutkan oleh wakil daripada Kijal, di Sungai Tiwab umpamanya selepas 20 tahun rumah-rumah tidak mendapat bekalan elektrik. Ini merupakan suatu perkara yang lebih ditanggungjawab oleh kerajaan terdahulu, bagaimana dah 20 tahun masih ada kampung yang tidak mendapat bekalan elektrik. Dan ini sudah tentulah menjelaskan dari sudut pembangunan. ... dan ini akan dengan

perancangan untuk projek-projek Celik IT kerana telah ada komputer tetapi tidak ada bekalan elektrik sudah tentulah ia akan menjadi suatu masalah. Dan dalam perkara ini insya Allah, kerajaan akan berusaha mengatasinya secara berperingkat-peringkat. Begitu juga disebut oleh wakil daripada Rantau Abang iaitu ada projek membekalkan komputer di Sekolah Kebangsaan Padang Pulut. Saya pun dok faham sebenarnya, dalam keghairahan kita untuk memberikan projek-projek khususnya dalam kawasan KETENGAH, KETENGAH ni tauke baru sekarang ini, jadi kerajaan baru sekarang ini, sehingga kita tidak boleh merancang; macam mana kita kata nak bagi satu komputer, nak bagi komputer tapi tak *check* dari sudut kemudahan *infra*nya. Jadi ini merupakan satu perkara yang menyedihkan termasuklah bila disebutkan walaupun ada bekalan elektrik tapi tidak ada talian telefon. Insya Allah, akan diberikan perhatian dan saya ada semak dengan pihak Telekom di mana pihak jabatan menyatakan sedang merancang menyediakan perkhidmatan melalui satu sistem yang dipanggil sistem CDNA iaitu Perkhidmatan Telefon Tanpa Tali. Oleh kerana sekolah tersebut berada jauh daripada ibusawat terpaksa menggunakan sistem ini dan sekarang ini sedang menunggu kelulusan daripada pihak Kementerian. Jadi janganlah apabila duit banyak sangat sampai tak tahu kita nak hantar ... kita nak buat projek ini dok fikir dah kemudahan ada ataupun tidak.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Teluk Pasu ada menyentuh berhubung dengan pembangunan Tasik Kenyir, terutamanya berhubung dengan bagaimana Tasik Kenyir ini sepatutnya dapat dipertingkatkan jumlah ataupun kapasiti dari segi penjanaan elektrik. Terima kasih dan sebenarnya kerajaan sendiri mengambil perjalanannya di mana permohonan daripada pihak TNB sendiri untuk menambahkan kapasiti Kenyir Dam ataupun Empangan Kenyir ini dengan menambahkan dua *turbin* baru yang mempunyai kapasiti setiap buah sebanyak 150 dan berjumlah 300 megawatt. Dan ini dengan sendirinya dicampur dengan kapasiti yang sedia ada 400, insya Allah kalau projek ini yang sedang dalam pertimbangan kerajaan sekarang ini telah dilaksanakan akan dapat menambah penjanaan kuasa elektrik yang lebih besar. Begitu juga yang disebutkan oleh wakil yang berkenaan berhubung dengan Tasik Kenyir menjadi sumber bekalan air kepada penduduk. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada dua projek yang sedang berjalan sekarang ini di Tasik Kenyir ini iaitu projek untuk membina muka sauk dan loji air dan juga tangki air dan pemasangan paip untuk bekalan elektrik digunakan sebagai sumber bekalan air khususnya bagi daerah kawasan Hulu Terengganu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, yang akhir sekali saya nak sebutkan berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan kita termasuk dalam soalan yang tak sempat dijawab, iaitu berhubung dengan pertanyaan ataupun soalan yang berkait dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur dalam Negeri Terengganu ini sejak di bawah pentadbiran kerajaan baru ini. Saya nampak soalan-soalan ini jadi kerek sangat, tahun lepas pun tanya jalan, tahun ini tanya bangunan. Jadi benda ni sebenarnya yang kita nak jelaskan, apabila naik atau terbentuknya kerajaan baru ni tidak ada pembangunan. Sebenarnya banyak projek-projek pembangunan yang telah dan sedang berjalan di negeri kita ini termasuk projek sambungan. Tak doklah kita kata apabila naik kerajaan baru projek yang baru lulus, baru dikeluarkan L.A. umpamanya, baru *start* umpamanya, kita nak batalkan sudah tentu tidak munasabah. Sebab itu kerajaan telah membelanja sejumlah wang yang besar berhubung dengan perkara ini. Tahun ini saja tidak kurang RM100 juta projek-projek infrastruktur ini termasuklah untuk projek bekalan air yang selama ini kita mendapat secara *reimbursement* daripada Pusat, projek-projek masjid yang belum disiapkan, kita ambil alih kerajaan masjid baru *start* takkanlah kita nak biarkan. Jadi projek-projek seumpama ini merupakan projek

19 APRIL 2001

yang melibatkan perbelanjaan yang begitu besar. Tinggal lagi yang kita nak tekankan di sini bahawa komitmen kerajaan berhubung dengan projek-projek pembangunan khususnya projek-projek *infra* ini adalah tinggi. Sebab, ini merupakan keperluan asas rakyat kita tidak boleh menjadikan ini sebagai satu isu politik. Rakyat memerlukan kemudahan asas, rakyat nak infrastruktur dan seumpamanya, mana-mana kerajaanpun yang memerintah negeri ini mereka akar melaksanakan tanggungjawab ini. Jadi janganlah kita sebagai wakil pembangkang, mentang-mentang kita sebagai pembangkang, kita duduk ceramah di kampung-kampung, kita duduk persualkan ke mana pergi RM432 juta. Ada seorang pimpinan UMNO di negeri ini, saya ingat dilantik sebagai Menteri tapi nampak tak bernasib baik, dalam televisyen umpamanya diangkat buku *budget* ni, tak dok apa-apapun buku ni saja-saja. Bayangkan kita bercakap sebagai seorang bekas Timbalan Menteri, kita cakap dalam TV kita kata, buku *budget* ni saja-saja. Ini saya cakap ni khusus untuk *budget* tahun 2000, sedangkan kita tahu kerajaan membelanjakan sejumlah yang besar, dalam keadaan yang sama kerajaan ditekan, dikepeng ekonominya. Oleh kerana itulah, saya hersestuju sangatlah apa yang disebutkan, yang dititahkan oleh Tuanku Al-Sultan, kalau kita nak bercakap dalam soal pembangunan dan apa benda sekalipun mestilah kita ambil kira dosa, pahala. Dalam soal ini yang pentingnya ialah bagaimana kebijaksanaan pengurusan sesebuah kerajaan itu dari segi meletakkan keutamaan, dari segi berjimat cermat, dari segi kecekapan bekerja dan seumpamanya. Sebab itu rakyat boleh menilai. Kalau kata kerajaan dulu dapat hasil minyak yang banyak dan kerajaan baru sempat sekejap merasai hasil minyak ini. Rakyat dapat lihat kenapa dulu dok buat bagaimana kerajaan baru ni boleh melaksanakan pembangunan, kebajikan untuk rakyat, bagaimana cukai pintu dihapuskan, duit lebih kurang dulu juga ... bagaimana tol Jambatan Sultan Mahmud boleh dihapuskan, bagaimana boleh tambah kadar *clau*n Imam Bilal dan seumpamanya. Maknanya rakyat boleh menilai, dalam jumlah duit yang lebih kurang sama ini siapa yang lebih bijak, siapa yang lebih bertanggungjawab dalam soal kebajikan kepada rakyat ini.

Jadi oleh kerana itulah, saya ingin memberi nasihat nak mengingatkan kepada diri saya sendiri dan juga kawan-kawan kita ni, cukuplah kita bercakap benda-benda yang tidak ada asas. Saya nampak kawan-kawan kita bercakap sepanjang persidangan Dewan kita ni, macam pelakon-pelakon handalan pula, dia tahu dah benda tu tapi dia bercakap benda yang tidak ada asas dan juga benda yang tidak ada fakta. Jadi kita nak peringatkan supaya kita tidak termasuk dalam golongan apa yang disebutkan oleh Rasulullah, daripada golongan munafik dan seumpamanya yang tidak menggambarkan apa yang kita bercakap dengan hakikat yang sebenarnya.

Saya ucap terima kasih Yang Dipertua, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Dipersilakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para-para pegawai dan para pemerhati yang saya hormati dan saya kasih sekalian. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk saya membuat sedikit sahaja respon kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan ucapan Tuanku Al-Sultan selama dua hari.

Yang pertama, satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Rantau Abang berkenaan dengan R & R dan juga kompleks pelancongan di Rantau Abang yang dikatakan terbiar. Saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya pihak Majlis Daerah Dungun telahpun membuat tawaran untuk menjalankan operasi perniagaan di R & R Rantau Abang sebanyak dua kali kepada mereka yang berminat. Tapi dukacita mereka yang diberikan tawaran itu tidak dapat menjalankan perniagaan disebabkan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka pada saat-saat akhir walaupun pada awalnya mereka menerima tawaran yang diberikan. Sungguhpun begitu Majlis Daerah Dungun telahpun mengeluarkan tawaran semula dan temuduga telahpun dijalankan pada minggu lepas iaitu pada 11 haribulan April dan tawaran akan dikeluarkan sedikit masa lagi kepada mereka yang berjaya, insya Allah. Dan tawaran ini akan melibatkan bangunan R & R yang terbengkalai itu bersekali dengan kompleks pelancongan.

Yang kedua, wakil daripada Paka yang membangkitkan dalam ucapan beliau selain daripada soalan lisan yang dikemukakan, berhubung dengan isu pengalihan pasir dan bahan batuan secara haram yang berleluasa di negeri ini. Saya ingin memberikan sedikit tambahan penjelasan daripada apa yang telah saya jawab dalam soalan lisan semalam, iaitu pihak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri telahpun mengambil beberapa langkah tambahan untuk mempertingkatkan dan untuk *up-grade* dengan izin Yang Dipertua, Unit Penguatkuasaan. Dan pihak Pejabat Tanah juga tidak lagi membenarkan pihak pengusaha yang telahpun membayar permit pengalihan untuk meminda tarikh permit yang dikeluarkan. Jadi oleh kerana kita tahu penipuan berlaku menggunakan permit yang sama, diminta ubah tarikh dan digunakan untuk mengangkut bahan-bahan tersebut dengan tidak membayar cukai. Jadi sehubungan dengan itu, bila setiap kali ada permohonan permit maka Pejabat Tanah akan menghantar pegawai ke kawasan tapak untuk memastikan setiap permit pengalihan itu dicatat dan dibayar hasil dan ini terutamanya di kawasan-kawasan yang melibatkan projek-projek yang besar.

Begitu juga dalam soal kuari-kuari, kita sedang meneliti bagi memastikan hasil yang diperolehi bagi setiap peralihan batu-batuan ataupun granite dibuat dengan sempurna. Walaupun kuari-kuari tersebut menghantar laporan bulanan ataupun pada *return* setiap bulan tetapi pihak berkuasa telah mengambil langkah untuk menyiasat laporan itu tiga tahun ke belakang. Kita nak tengok laporan yang dihantar itu menepati dengan bayaran yang dibuat. Dan sebagai contoh hasil daripada *exercise* yang dibuat itu satu kuari di Hulu Terengganu, iaitu Jerlam Kuari telah didapati tidak membayar hampir RM27,000 dalam masa tiga tahun yang lepas dan telahpun diambil tindakan.

Jadi dari segi nak meng*up-grade* penguatkuasaan, saya ingin memberikan beberapa contoh oleh kerana penguatkuasaan ni akan terus kita buat dari masa ke semasa oleh pihak jabatan. Di mana pada tahun lepas Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jumlah kompaun yang dikeluarkan kerana kesalahan pengalihan bahan batuan tanpa permit di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara, mengikut daerah-daerah pada tahun 2000 kompaun yang dikeluarkan di daerah Kuala Terengganu sebanyak 46, Kemaman 258, Dungun 101, Besut 74, Hulu Terengganu 14, Marang 30, Setiu 5 dan pihak Pengarah Tanah dan Galian sendiri mengeluarkan 73 kompaun. Tahun 2000 jumlah kompaun yang dikeluarkan 601 yang melibatkan jumlah denda yang dikenakan RM302,470 dan bayaran sebanyak RM163,067 telahpun dibuat. Ini menunjukkan bahawa kita sedang meningkatkan dan sentiasa memantau kerja-kerja khususnya memastikan bahawa pengalihan secara haram tidak dilakukan.

itu untuk membiayai saja juga berbilion-bilion daripada Pinuari sehingga Mac tahun 2001, sejumlah 134 kompaun telah dikelentakkan juga melibatkan kawasan yang banyak di Kemaman dan Dungun; dan jumlah denda yang dibayar sebanyak RM47,500, sepatutnya dibayar RM66,000 tetapi telah dibayar RM47,500.

Jadi memandangkan dari segi penguatkuasaan kita juga memandangi beberapa langkah mengemaskinikan tindakan-tindakan penguatkuasaan, di antara lainnya Yang Berhormat Yang Dipertua, yang pertamanya kita membesarkan lagi Unit Penguatkuasaan di daerah-daerah. Yang keduanya, kita memperbunkakan lagi rangkaian sumber maklumat dengan *mengorut infaman* dan juga *pendengar*, *lisening post* dengan izin. Ketiga, kita mengingkatkan pemantauan akibat pengalihan bahan batuan di daerah. Yang keempatnya, kita kenal pasti projek-projek besar dan dimenitikan seorang pegawai atau anggota kretkansa mengawasi dan memantau aktiviti pengalihan bahan batuan di kawasan-kawasan itu di projek-projek yang besar. Dan yang kelimanya, kita menggubahkan bayaran *sesuai pulak* *bayaran sesuai tempatan* untuk memudahkan kerja-kerja.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, satu perkara lagi yang saya nak sebut ialah berhubung dengan keupayaan ekonomi, keupayaan politik, keupayaan pentadbiran terhadap Negeri Terengganu yang dibangkitkan oleh ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selama dua hari membahaskan titah ucapan Tuanku. Seperti mana yang kita semua maklumkan, setelah royalti petroleum dimatikan, disebut juga oleh Wakil Pengkalan Berangan bahawa Kerajaan Pusat juga telah menamatkan 25 peratus pinjaman kepada Kerajaan Negeri, bukan Kerajaan Negeri sahaja yang dibepung dan dimatikan malah apa yang saya nak sebut ialah rakyat sendiri juga menjadi mangsa daripada mendapat bantuan dan pertolongan sekiranya mereka tidak menyokong parti UMNO. Saya nak beri satu contoh Yang Berhormat Yang Dipertua, yang melibatkan di bawah portfolio saya, di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan.

Di mana apabila kita telahpun meluluskan satu program untuk membantu usahawan dan peniaga-peniaga kecil, Kerajaan Negeri meluluskan RM10 juta tetapi tidak dapat diteruskan program tersebut apabila kita dimatikan oleh kita oleh kerana masalah kekurangan kewangan maka kita tinggalkan. Pihak Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pembangunan Usahawan melancarkan apa yang disebutkan sebagai Program TEKUN di bawah Yayasan TEKUN Nasional untuk membantu usahawan-usahawan di seluruh negara tidak terkecuali di Terengganu. Tetapi apa yang saya nak jelaskan bahawa dalam borang untuk dibahagi-bahagikan kepada usahawan untuk diisi bagi permohonan pinjaman ataupun permohonan di bawah Program TEKUN Terengganu ini dikepilkan sekali borang UMNO. Sekali dengan borang TEKUN itu dikepilkan dengan borang UMNO, tidak di situ Pengesahan Keahlian Permohonan Pinjaman TEKUN. Saya nak baca dengan izin Yang Dipertua, borang yang dikepilkan dengan borang TEKUN ini:

Berhubung dengan perkara di atas saya dengan ini mengesahkan bahawa nama, sekian-sekian, nombor kad pengenalan, sekian-sekian, yang beralamat di sekian-sekian, ialah ahli UMNO di kawasan saya. Nombor ahli, sekian-sekian, dan sedang menandatangani pernyataan itu. Saya dengan ini menyokong dan memperakui supaya pinjaman ditimbang dan diluluskan.

19 APRIL 2001

Yang benar, Ketua ataupun Setiausaha Cawangan dan diperakui oleh Pengerusi ataupun Setiausaha Penyelaras DUN UMNO di DUN-DUN masing-masing.

Ini dilakukan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Yang Dipertua. Adakah ini bermakna ucapan Yang Berhormat Bukit Tunggal, mana hak dok sokong UMNO tu termasuklah usahawan-usahawan yang hak dok sokong UMNO tu, lok mampus belakalah ... betullah maknanya?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Saya boleh pinjamlah ucapan tu, saya boleh terima pakailah ucapan tu, hak lain biar mampus belaka biar UMNO saja hidup. Jadi inilah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jelas menunjukkan bahawa bukan saja kerajaan malah rakyat sendiri yang nak berniaga pun inilah cara mereka. Dan saya berkesempatan dalam pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, saya tunjuk borang ni, sampai dia menggeleng kepala. Saya tak nak sebut apa yang dia kata, tapi inilah hakikat yang berlaku di Negeri Terengganu ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Apa salah kalau Ketua Cawangan dan dipersahihkan lagi oleh Pengerusi Penyelaras, mengesahkan keahlian seseorang ahli UMNO. Apa salahnya?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Ini masalahnya Tuan Yang Dipertua, Exco Kanan dulu, bekas Exco Kanan yang tahu soal pentadbiran tak reti soal campur tangan politik dari segi pentadbiran. Saya nak bercakap tak retilah. Begitu juga Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada satu kes lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau borang itu dengan sendirinya menyebabkan pertimbangan kepada pemohon-pemohon tidak boleh, barulah menunjukkan bahawa ada campur tangan. Ini sekadar menjelaskan, saya sebagai Ketua Cawangan memperakukan sipolan-sipolan nama ahli, nombor-nombor sekian ahli UMNO Cawangan-cawangan, apa salah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya minta pengesahan daripada Menteri sendiri, dia kata ni borang menyibuk kita tidak perlu pengesahan mana-mana parti politik untuk nak mengisikan borang untuk mendapat pinjaman TEKUN. Itu jawapan daripada Menteri, Exco ni yang menyibuk.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Negeri lain ada gitu Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wallahualam, saya dok tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, borang itu tidak mengganti borang TEKUN dan boleh tanya pegawai-pegawai yang menimbangkan, adakah kerana borang itu maka pemohon tidak ditimbangkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Menteri kata dok perlu. Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, kalau Menteri berkenaan mengatakan tidak perlu borang itu bersekali dengan TEKUN bermakna tidak perlu dibangkit ... tidak berbangkit soal campur tangan UMNO.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu yang saya nak sebutnya. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu yang saya nak sebutnya, Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat penjelasan,

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): bila saya beritahu Menteripun terkejut dalam borang yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian seluruh negeri-negeri, Terengganu sahaja dikepilkan borang UMNO. Inilah satu perkara yang saya nak sebut yang ditimbulkan banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bermaknanya ini satu tohmahan kepada UMNO.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini borang, kalau nak boleh dan ini disahkan ... Menteri

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Barangkali orang PAS bubuh borang tu kita pun tak tahu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Macam mana?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kalau dipertegas oleh Menteri bahawa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong jadilah buat andaian-andaian bukan-bukan. Andaian tak perlu, biar ada fakta bercakap, minta maaf ya. Jadi buat andaian yang bukan-bukan lagi, cukuplah. Silakan --

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itulah sebabnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua sebagai contoh, Exco Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyebut soal gangguan-gangguan terutama dalam soal pemilihan Ketua Peneroka Feldapun ada surat jawapan daripada Felda yang menyatakan bahawa keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bahawa tatacara pemilihan Ketua Peneroka untuk sesi 2000/2003 telah dipinda, di mana melalui kaedah baru ini calon Ketua Peneroka hendaklah dirujuk kepada Ketua, hendaklah dirujuk kepada Ketua Perhubungan UMNO Negeri Terengganu sebelum diluluskan oleh Kementerian. Ini bentuk-bentuk yang kita sebut sebagai kepegangan pentadbiran, kepegangan ekonomi, kepegangan undang-undang dan politik yang dilakukan oleh UMNO

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, sila –

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa borang TEKUN tu juga diberi di pejabat-pejabat UMNO?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tak mahu jawab, apabila saya tak tahu saya tak boleh nak komen apa yang disebut itu. Yang saya tahu dikeluarkan di Pejabat TEKUN di daerah masing-masing dan juga di Pejabat MARA. Jadi inilah yang berlaku

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat saya tolong jawablah, betullah tu. Betul macam pertanyaan tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sahabat saya tolong mengesahkan sayapun dok tahu, kalau dok tahu saya khabar saya dok tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa salahnya kalau borang TEKUN didapati di pejabat-pejabat UMNO apa salah. Usaha orang UMNO untuk membahagi-bahagikan

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bagi ke orang UMNO sajalah tu maknanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): apa salahnya. Saya tak nampak salah. Orang PAS pun boleh ambil borang tu letak di pejabat dia, menunjukkan usaha dia.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa itulah saya pun nak bagi masa yang panjang kepada rakan-rakan untuk memberi jawapan kepada apa yang disebut oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat pada dia ini yang lepas. Sekian, wabillahi ta'atid walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Seterusnya Pengetusi Jawatankuasa Insyah dan Tugas-tugas Khas, adie? Silakan

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Tertih): Assalamualaikum warahmatullahi taata wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Berhormat Yang Berhormat Aidi Dewani dan Yang Berbahagia-bahagia yang hadir sekalian, dan merduia dan para-para sekalian. Saya tidak mahu mengambil masa yang begitu panjang kerana berbang takni sura ni digarangi. Saya harap saya tidak akan diganggu kerana apa yang saya sebut tidak akan menaikkai semangat sesiapapun.

Sebagai permulaan kerana saya telah diminta oleh sahabat saya memberi sedikit penjelasan mengenai dengan ruoflingan yang diadakan antara Kerajaan Terengganu dengan Petronas mengenai dengan bekalan air yang diambil di Serdang, Dungun. Sebagai Ketua Perundingan saya ingat saya tidak boleh beri detail terperinci kerana perkara ini perkara rahsia. Dan insya Allah, jikalau kita mencapai persetujuan saya fikir persetujuan akan dicapai barulah boleh kita memberi pengetahuan dan detail dengan begitu lanjut. Buat sementara ini saya beritahu ada empat masalah yang pertama mengenai dengan bekalan air yang akan diambil di Sungai Dungun, di satu tempat bernama Serdang. Yang kedua, mengenai dengan pembangunan ataupun *construction* satu benteng atau empangan rendah di Sungai Paka. Dan yang ketiga, mengenai dengan perubahan ataupun *demolition* satu *barage* sementara yang dipanggil dalam bahasa Inggeris *coffer dam*. Dan yang keempat mengenai dengan elawal banjir yang telah berlaku di sekeliling-sekelatang Sungai Paka dengan sebab adanya *coffer dam* itu. Dalam perbincangan ini perkara ini berjalan dengan elok dan Petronas dan Kerajaan Terengganu mengambil sikap profesional, meskipun kita dakwa Petronas adalah baik sebagai saudara. Dan saya harap perbincangan ini akan berkesudahan dengan keefektifan memberi manfaat bukan sahaja kepada Petronas bahkan juga Kerajaan Terengganu dan rakyat Terengganu khususnya. Terima di sini.

Terima kasih pada semua sahabat walihit mengenai dengan perubahan ini yang sudah lanjut sekular dua hari. Saya ni sebagai pemerhati, saya perhati, menengok, melihat apa yang sudah berlaku di dalam majlis ini dan nampaknya isu-isu yang dikemukakan ialah berpunca daripada sikap Kerajaan Persekutuan terhadap Kerajaan Negeri Terengganu kerana Kerajaan Negeri Terengganu sekarang tidak lagi dikuasai oleh parti yang menguasai di peringkat *federal*. Jadi di sini soal perhubungan ataupun *relationship* di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri khususnya Negeri Terengganu, Negeri Kelantan amat kerana sekali. Sehingga apa yang sudah berlaku semua dibareng-aduk elawal pentadbiran, elawal politik dan sebagainya dicampur, seolah-olahnya tidak ada perbezaan, seolah-olah stah satu orang tidak ada *boundary* perpisahan di antara masalah politik dengan masalah pentadbiran atau masalah kerajaan. Jadi ini amat sedih kerana negeri ini ataupun negara ini adalah satu negara yang diperintah dengan secara *federalisme* dan pula dengan secara demokrasi. Jadi jikalau kita mengambil prinsip *federalisme* kerajaan masing-masing mempunyai kuasa, kuasa *kebiasaan* ada terhadapnya, kuasa Persekutuan dan kuasa Negeri ada hadunya, masing-masing memainkan peranan masing-masing. Dan dengan sebab itu, jikalau ada apa-apa perkara mestilah dirunding

dengan secara baik bukan mengguna kuasa yang ada pada orang yang kuat untuk menekan orang yang lemah. Dan inilah yang menjadi perkara yang tak betul.

Saya mengambil iktibar daripada apa yang dikeluarkan oleh sahabat saya daripada Pengkalan Berangan, dia beritahu bahawa 35 pinjaman yang telah dilulus kepada Kerajaan Negeri Terengganu dahulu, bukan kerajaan yang sekarang yang ada ini, sudah 35 yang sudah berjumlah semua sekali hampir-hampir RM400 juta. Jadi bila sahaja kerajaan Terengganu sudah beralih kuasa segala pinjaman-pinjaman itu sudah dibekukan. Dan mereka berharap ... bertanya kepada Kerajaan Terengganu bagaimana seolah-olah dia menganjing-anjing, memperbudak-budakkan kata nak membangun, nak membuat rumah, nak membuat *housing* kepada tidak boleh buat. Memang mereka tahu perkara ini memang tak boleh buat jikalau tidak ada wang. Sedangkan Kerajaan Terengganu sebagai kerajaan, bukan Kerajaan Terengganu saja, mana-mana kerajaan di dalam Persekutuan ini dia tidak boleh mempunyai semua wang yang betul-betul *autonomous*, yang betul betul berdikari. Kerana puncanya hanyalah tersebut di dalam Perlembagaan sebagaimana yang disebut di sini kita semua maklum, iaitu tanah, air, api tidak ada pada kita pula, tanah, air, api, hutan. Api tidak ada *sorry*, tanah, air, hutan, api tidak ada. Selain daripada itu, jika kita berkurangan wang kerajaan mesti berhutang tapi kerajaan tidak ada bebas nak berhutang, nak meminjam. Banyak bank-bank, institusi-institusi kewangan yang boleh memberi hutang tetapi tidak boleh berhutang kerana Perlembagaan berkata, hutang mestilah hanya kepada Kerajaan Persekutuan saja. Dan jikalau nak berhutang mesti pula ada undang-undangnya pula dilulus oleh Dewan ini untuk membenarkan kerajaan ini berhutang, baru boleh berhutang.

Dengan sebab itu, dengan *provision* yang semacam ini timbulah gejala-gejala yang tidak sihat, yang mana kerajaan-kerajaan negeri kebanyakannya telah menubuhkan SEDC iaitu *statutory body* untuk nak memajukan negeri. Tapi oleh kerana *statutory body* satu *body* yang berasingan walaupun di bawah awasan kerajaan, *statutory body* boleh pinjam wang begitu bebas sekali dengan tidak *control* daripada kerajaan. Dan mereka boleh membelanjakan wang begitu bebas. Ini apa yang sudah berlaku di Negeri Terengganu, SEDCnya mempunyai anak-cucunya beberapa banyak semua rugi. Ada satu kes datang kepada saya, modalnya kata RM10 juta tapi apa yang sudah berlaku, ruginya RM20 juta. Yang menjadi *Managing Director*nya siapa, satu orang kelasi kapal sahaja. Pandanglah macam mana kita *abuse* kuasa kita. Jadi perkara ini dalam siasatan saya. Inilah sebabnya yang jadi begini.

Selain daripada itu, oleh kerana kita ni sebagai *federalisme*, kita ada kuasa tapi kuasa kita terhad. Kerajaan *federal* ada kuasa tapi terhad. Jadi kita timbullah satu perkara nak membangunkan negeri. Bagaimana cara kita nak membangunkan negeri apa yang sudah berlaku kerajaan negeri masing-masing membuat dia punya SEDC, *Economic Development*. Kemudian kerajaan *federal* pula membangun berapa banyak institusi *statutory body* untuk nak membangun dalam hal ehwal ... misalannya dalam pertanian, dibangkitnya Felra, Felcra. Kemudian Negeri Terengganu ni pula ada satu *statutory body* bernama KETENGAH. KETENGAH ini dia punya luas kawasan yang diberi oleh Kerajaan Terengganu, saya baca di sini, 440,065 hektar dan termasuk tambahan tiga buah daerah Negeri Terengganu, Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu. Begitu sekali besar. Bahkan kawasan ini lebih besar daripada Dungun *itself*, mungkin lebih besar daripada Hulu Terengganu sendiri, mungkin lebih besar daripada Kemaman, Besut ataupun Setiu. Begitu besar. Tetapi apa sudah berlaku kepada KETENGAH? KETENGAH mengikut apa yang

disarankan oleh penajanya, iaitu orang Terengganu juga sudah meninggal dunia, Setiausaha Parlimen Kepada Perdana Menteri pada tahun '72. Ni saya baca *hanserd* 7 Disember 1972 dia kata, KETENGAH ialah untuk pembangunan pertanian, ianya meliputi daerah-daerah Kemaman, Dungun dan sebahagian daripada daerah Marang. Semata-mata untuk pembangunan pertanian. Kemudian dia kata di situ dengan sebab ada pertanian, pembangunan ini kata dia ialah untuk mengadakan peluang pekerjaan yang banyak dan juga untuk meninggikan pendapatan penduduk-penduduk Negeri Terengganu. Dan dengan sebab ada kerja, penduduk-penduduk ada maka timbullah bandar-bandar yang akan wujud sebab ramai orang yang akan mendatang. Itu tahun '72.

Sekarang sudah jadi tahun 2001. Apa yang sudah berlaku? Mengikut Akta KETENGAH tahun 1972, kita mesti ingat, saya bercakap undang-undang di sini bukan politik, mengikut undang-undang tiap-tiap satu entity iaitu *statutory body* dia hanyalah boleh berfungsi mengikut kuasa yang diberi oleh undang-undang dan tidak boleh lebih daripada itu. Jikalau dia lebih daripada itu dia sudah menyalahi undang-undang. Saya gunakan perkataan 'haram' di situ kerana apa, kerana tidak ada perkataan Melayu yang menyamai *illegal, unlawful* bukan syarak saya bercakap ni. Jadi banyak orang telah menuduh saya jadi Mufti bila saya guna benda tu. Tapi cakap Melayu memang singkat, tak sampai kepada perkataan *unlawful*, tak sampai perkataan *illegal or against the law*. Jadi mengikut Akta ini KETENGAH, wakil KETENGAH ada di sini mungkin, ialah semata-mata untuk pembangunan pertanian dan dia mempunyai Lembaga. Seksyen yang kelima, kata dia, Lembaga dia hendaklah mengandungi seorang *Chairman* iaitu Pengerusi, satu orang Timbalan Pengerusi, tiga orang wakil daripada Kerajaan Pusat, tiga orang wakil daripada Kerajaan Negeri dan tiga orang lagi daripada ahli-ahli profesion yang relevan, mungkin doktor ke, lawyer ke ... profesion, ahli-ahli *businessman* ke dan juga satu orang Pengurus Besar, *General Manager*. Jadi kita boleh pandang sini, KETENGAH bukanlah satu badan hanyalah untuk Kerajaan Persekutuan sebagai Felda. KETENGAH ialah satu badan bersama, *joint authority* bergabung, berkongsi dengan Kerajaan Negeri. Sungguhpun wakil-wakil kerajaan ini dilantik oleh Menteri berkenaan tetapi Kerajaan Negeri mempunyai hak. Perkara ini, perkara siapakah yang akan mewakili Kerajaan Negeri tidak timbul pada masa kerajaan dahulu, pada Kerajaan Negeri Terengganu diperintah oleh BN. Tetapi selepas daripada Kerajaan Terengganu ini diperintah oleh parti yang menang dalam pilihan raya yang lepas, soalnya sekarang Kerajaan Terengganu tidak ada wakil di dalam KETENGAH. Ini sudah menyalahi Perlembagaan. Kerana saya telah difahamkan, saya telah diberitahu bahawa dua nama, biasanya wakil ini

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Sebarang Takir):
Yang Berhormat Yang Dipertua, saya dapat maklum bahawa Setiausaha Kerajaan hadir di dalam Lembaga KETENGAH.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALIEH BIN ABAS (Wakil Jeritih):
Nanti, nanti Yang Berhormat, sila duduk ... sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Sebarang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat tidak ada hak untuk menyuruh saya duduk. hak ini adalah kepada Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALIEH BIN ABAS (Wakil J):
Saya minta melalui Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUN DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat tidak ada hak untuk suruh saya duduk.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat sepatutnya nak tanya biarlah minta kebenaran daripada Yang Dipertua dulu, begitu saja. Walau bagaimanapun kedua-dua pihak adalah sedikit salah tu, maaf-maaf begitulah. Yang Dipertuapun ambil cara jalan tengah tolak ansur, Yang Berhormat tanya tanpa izin dia tidak ambil tindakan, begitu saja. Silakan –

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Saya tidak mahu ... kata orang bercanggah dengan mana perintah, saya mengikut peraturan. Bila saya bercakap ... tetapi oleh kerana mereka yang mendengar cakap saya ini berasa bengang sedikit mungkin dia tidak sabar. Saya nak beritahu wakil Kerajaan Negeri Terengganu ialah Setiausaha Kerajaan dan dua orang lagi pegawai. Yang ada sekarang ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Berhormat Dato' Senara Muda, tetapi wakil yang ada yang dikatakan sebagai wakil Kerajaan Negeri Terengganu dua orang lagi, saya tidak mahu sebut nama dia di sini kerana dia tidak ada kerana tidak *fair* bagi saya menyebut nama mereka di sini, tidak dianggap lagi sebagai wakil Kerajaan Negeri Terengganu. Kemudian Kerajaan Negeri Terengganu telah menulis surat kepada Menteri berkenaan supaya digantikan dua orang ini dengan nama yang juga saya tak mahu sebut, namanya ada dua orang yang dianggap akan menjadi wakil Kerajaan Negeri Terengganu tapi juga tidak diendah bahkan tinggallah Dato' Senara Muda seorang. Sama ada Dato' Senara Muda pergi menghadiri mesyuarat Lembaga itu, saya tidak tahu. Tapi mungkin tidaklah begitu sedap, tidaklah begitu selesa bagi satu orang wakil pergi seorang-seorang diri saja sedangkan dua orang lagi tidak lagi menjadi sebagai wakil Kerajaan Negeri Terengganu.

Selain daripada itu, apa yang sudah berlaku, mengikut undang-undang

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Yang Dipertua, minta keizinan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Buka laluan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Mengikut dalam jawapan kepada soalan Wakil Kijal, Wakil Negeri dalam Lembaga tersebut ialah yang pertama Dato' Senara Muda, Setiausaha Kerajaan Negeri, yang kedua Yang Berbahagia Dato' Haji Ismail bin Sulong dan yang ketiga Yang Berbahagia Dato' Haji Aziz @ Ibrahim bin Awang. Adakah benar dua orang nama ini wakil bagi pihak Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Itu hak dulu. Itulah sebabnya saya kata mereka ini diminta digantikan, saya tak nak sebut nama dua orang ni. Saya tak mahu namanya disentuh di sini kerana dia tidak ada di sini. Tapi jikalau dah ditanya begitu maknanya inilah mereka yang hendak digantikan dengan nama baru.

Jadi mengikut undang-undang dia, selain daripada itu dia ada *fund* dia, tabung dia, tabung bagi *statutory body* KETENGAH Ini. Tabung ini di mana datangnya wang ini? Satunya datang sebagai *grant* daripada Kerajaan Persekutuan dan juga *grant* daripada Kerajaan Negeri. Dan yang kedua tabung ini juga datangnya daripada pinjaman yang KETENGAH sendiri akan membuat dengan

19 APRIL 2001

bank ataupun institusi kewangan. Dan yang ketiga, tabung itu juga dipenuhi, diisikan dengan hasil atau *revenue* yang akan diperolehi oleh KETENGAH daripada aktiviti-aktiviti yang akan dia lakukan. Jadi di sini kita tengok undang-undang, KETENGAH tidak boleh menerima wang royalti yang diambil daripada Kerajaan Terengganu untuk masuk ke dalam tabung dia. Kalau dia masuk begitu, dia sudah menyalahi undang-undang ini. Dan KETENGAH tidak boleh membelanjakan, aktiviti dia hanyalah pembangunan, dia tidak boleh menjadi sebagai wakil untuk mengagih-agihkan wang royalti ini yang dinamakan dengan nama 'wang ehsan'. Jika dia buat semacam itu, itu memang salah pada undang-undang.

Selain daripada itu, yang sedilomanya pula ada satu rancangan yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu nak melawat KETENGAH dan Kerajaan Terengganu telah menulis surat kepadanya. Tapi akhirnya apa, KETENGAH telah menjawab dengan suratnya yang mempunyai *reference* 010/2 (R) (137) bertarikh 18 Mac tahun 2000, dihantar kepada Pejabat SUK menolak. Dia kata, sebagai jawapan kepada surat permohonan itu, dia tidak membenarkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat dialog dengan mereka-mereka orang yang di dalam kawasan KETENGAH. Jadi seolah-olah orang yang mendiami di KETENGAH sebagai rakyat KETENGAH saja, ini seolah-olah KETENGAH sudah menjadi satu negeri pula yang diperintah oleh Persekutuan. Mana boleh jadi macam tu? Sedangkan *sovereignty* dalam Negeri Terengganu ni meliputi *boundary* Negeri Terengganu, kedaulatannya meliputi Negeri Terengganu. Jadi Menteri Besar bukan hanyalah berfungsi di luar kawasan KETENGAH saja dan manakala KETENGAH pula boleh berfungsi di luar daripada kawasan dia. Itulah kata orang satu perkara yang sudah menyalahi perlembagaan dan juga undang-undang.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat laluan? Mohon laluan?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jerlun): Laluan apa lagi? Saya nak berhenti dah. Lalulah.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tinggal dalam kawasan KETENGAH, bandar KETENGAH. Saya fikir elok lain kali kalau Kerajaan Terengganu hendak mengadakan apa-apa program di dalam kawasan KETENGAH tidak perlu minta kebenaran daripada KETENGAH. Sebab saya telah buat kajian sedikit tentang BALORA (Balai Orang Ramai) yang ada di KETENGAH itu sendiri pun terletak di atas di tanah Kerajaan Negeri Terengganu yang bukan milik KETENGAH. Untuk apa kita minta kebenaran daripada dia, kalau kita nak buat kita buat saja. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jerlun): Saya ingat mengenai dengan lawatan yang diadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri dan ditruskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan ialah sebagai satu adat berhalus, adat menghormati. Jika kita nak masuk ke tempat orang, kita mesti tulis minta kebenaran tidak boleh dengan secara kasar semacam itu. Itulah sebabnya kita menulis surat minta kejasman.

YANG BERTHORMAT MULJA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telameng): Yang Dipertua, minta penjelasan. Saya mohon Yang Dipertua, wakil kerajaan

19 APRIL 2001

membaca penuh surat penolakan KETENGAH itu. Mungkin ada sebab penolakan tu atas tarikh tidak sesuai atau sebagainya. Bagi keadilan kepada KETENGAH.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Jadi begini, Tuan Yang Dipertua, surat tu tidak ada dengan saya, saya ada di sini hanyalah ringkasan saja ... ada di sini. Surat ini ditandatangani oleh Haji Abdul Latif bin Mohd Yusof sebagai Pengarah Pentadbiran dan Kewangan bagi pihak Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, bertarikh 18 Mac tahun 2000, ditujukan kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu. Suratnya kata guana, *heading* surat ini ialah Dialog Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu bersama Pegawai dan Pemimpin Masyarakat Kawasan KETENGAH:

Adalah saya dengan hormatnya di arah merujuk perkara di atas dan surat tuan SUK.TR.100/138 (68) bertarikh 28 Februari 2001 mengenai dialog Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dengan pegawai dan pemimpin masyarakat di kawasan KETENGAH.

2. *Dimaklumkan bahawa arahan Jemaah Menteri tidak membenarkan taklimat dan dialog di antara pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan dengan pihak berkuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, pihak KETENGAH tidak dapat mengatur program sebagaimana diminta oleh pihak tuan.*

Sekian, untuk makluman tuan jua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sesuai masa.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): *No comment.* Jadi itulah yang sudah jadi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Terima kasih. Itulah apa yang sudah jadi kepada KETENGAH dan KETENGAH sudah yang sebenarnya *outleave its own purpose*, sudah habis, sudah tidak relevan lagi patutnya diwindup dah KETENGAH. Tidak relevan lagi kerana tanah begitu besar termasuk dalam KETENGAH mereka tidak buat apa-apa projek-projek pertanian bahkan kita sendiri boleh buat. Yang ada projek mungkin barangkali TDM ada sana, Felcra ada sana, Felda ada di sana, Risdapun ada di sana. Tak nampak saya apa yang sudah berlaku, projek-projek pertanian yang dijalankan oleh KETENGAH. Jadi di situ nampaknya KETENGAH sudah *outleave* dia punya *purpose* dan patut sekali diwindup. Terima kasih, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Persilakan – Sekejap. Untuk makluman Dewan oleh kerana masa penggulungan ini masih panjang, saya suka nak beri notis awal bahawa Dewan ini mungkin dilanjutkan daripada *time* yang sebenar. Sila – walaupun diminta Yang Berhormat ekonomikan sedikit.

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CIUK (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya juga mengarabil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua kerana memberikan kesempatan kepada saya berucap dan menjawab beberapa perkara yang perlu dalam sidang pada kali ini.

Seterusnya saya mengambil kesempatan juga mengucapkan terima kasih Kebawali Duli Tuanku Sultan atas titah ucapan baginda sempena upacara perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Keseptuluh. Kebawali Duli Tuanku telah menitah perlunya diberikan tumpuan kepada sektor pertanian dengan subsektor tanaman, perikanan dan ternakan. Dan baginda menyarankan agar diperbanyakkan tamai-tamai pengeluaran syakaman. Suka saya menyatakan di sini Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah bersetuju dengan tanah-tanah yang diperuntukkan pada waktu-waktu yang lalu. Ada empat kawasan dan kita sedang menunggu MoU dengan Menteri yang telah menjanjikan pada waktu yang lalu belum sampai lagi dan insya Allah pada penghujung bulan Mei akan datang akan berlakulah MoU di antara Negeri dengan Persekutuan di dalam perkara Taman Industri Pertanian ini. Namun begitu kerajaan sekarang juga perlu mengkaji dari segi kesesuaian tanah yang sedia ada mungkin walaupun tanah itu diteruskan dengan MoU tapi sebenarnya ada kawasan yang telah diputuskan yaitu di Rhu Tapai. Kawasan ini menurut kajian yang dibuat di peringkat jabatan tidak sesuai dan pernah dijanjikan tempat yang lain. Tetapi oleh kerana ada salah seorang Exco yang lalu yang memaksa juga maka dibuat di tempat yang berkenaan. Jadi sekarang di kawasan itu telah timbul masalah kerana tanahnya tak sesuai, sesuai untuk sebahagian daripada kegunaan sahaja yang terhad.

Tuan Yang Dipertua, baginda juga menyarankan agar setiap hektar tanah khususnya bagi tujuan pertanian. Bagi tujuan ini satu pelan induk pertanian negeri akan dikeluarkan kepada umum tak lama lagi saya jangka insya Allah, pertengahan tahun ini. Mungkin ada pihak yang mengatakan kenapa makan masa begitu lama baru nak kemukakan pelan induk. Sebenarnya kita terpaksa melihat apa yang sedia ada di atas tanah, *on the ground* kegiatan-kegiatan yang ada sepanjang setahun yang lalu dan kita dapati banyak yang ada di atas kertas tu tak sama dengan yang ada di atas tanah. Oleh kerana itu, kita mengambil masa sedikit untuk menyediakan pelan induk seiaras dengan Dasar Pertanian Ketiga dan selaras dengan manifesto kerajaan negeri yang baru.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pertanyaan dan kritikan kepada kerajaan dan mereka khususnya ada lima Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Kuala Besut, Kemasik, Teluk Pasu, Bukit Besi dan Bukit Tinggi. Dan saya akan menambah sedikit satu perkara berkaitan dengan pencerobohan tanah. Yang Berhormat daripada Kuala Besut ada menyebutkan tentang perlunya industri bilian dan perprosesan hasil-hasil pertanian, khususnya disebut kelmarin berhubung dengan mengetil buah-buahan. Sebenarnya Tuan Yang Dipertua, setelah setahun lebih kita menyaksikan pembangunan pertanian di dalam Negeri Terengganu kita dapati tidak ada buah yang boleh dirinkan. Tak dok, nak tin apa tak nampak. Jadi oleh kerana itu, sayapun takut tak betul saya panggillah beberapa pihak tanya, betulkah anggap saya ni. Jadi, sehingga pagi ini pun mereka mengesahkanlah memang tidak ada benda dalam Negeri Terengganu. Jadi sayapun rasa tak nak komenlah, dah boleh lihatlah kerana kita baru perintah setahun lebih jadi selama ni agaknya itulah yang dibuat dan

rasanya barangkali tak berapa penting. Keluarga petani untuk makluman ada 45,000 keluarga dan tidak kurang daripada 80,000 petani, nelayan tempatan tidak kurang daripada 6,500 orang. Saya rasa kalau diambil kira secara borong, secara umum petani dan yang terbabit dengan semua sektor pertanian ini tentulah lebih daripada 100,000 orang.

Tuan Yang Dipertua, dalam hal yang berkaitan dengan ... sebenarnya apa yang disebut sebagai industri hiliran, pemprosesan hasil pertanian ini, kita kena tengok kepada aktiviti pemasaran. Dan kerajaan sedang melihat bagaimana pemasaran hasil pertanian boleh berlaku dalam Negeri Terengganu sekiranya tak barang yang hendak dikeluarkan. Siapa nak berniaga sedangkan barangnya tidak ada dan siapa nak beli, mari beli di Terengganu sedangkan barang tak ada. Jadi oleh kerana itu sebenarnya kita terpaksa buat suatu langkah, suatu pelan pengeluaran, pemasaran dan juga pelan industri pertanian itu sendiri yang mungkin membabitkan *packaging* dan sebagainya. Jadi saya suka menyatakan di sini Tuan Yang Dipertua, kalau orang Terengganu kata 'jadilah,' atau 'boo lah,' duduk cakap soal pembangunan Negeri Terengganu dan pembangunan rakyat, memang ternyata ratus ribu rakyat Terengganu sangat miskin diakibatkan penyalahgunaan kuasa kerajaan yang lalu terhadap duit negeri yang diperolehi daripada hasil negeri khususnya hasil royalti sebanyak RM7 bilion, mereka tidak menanggung rakyat bahkan mereka menanggung untuk kepentingan peribadi dan juga untuk kepentingan orang-orang yang membantu menyelamatkan politik mereka sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya pergi isu yang ditimbulkan sedikit oleh Yang Berhormat Kemasik

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Minta laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, sila –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Disebut penyalahgunaan wang royalti untuk peribadi, ini satu tuduhan kecuali Yang Berhormat dapat menyebut peribadi-perbadi tentu.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tuan Yang Dipertua, insya Allah kita akan buktikan. Saya juga bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membantu beberapa fail supaya fail tu cukup selori. Jadi, insya Allah saya juga bersama-sama untuk membuktikan ada kepentingan peribadi dalam penggunaan hasil royalti.

Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Saya nak ambil kesempatan berkaitan dengan Yang Berhormat daripada Kemasik menyebutkan RTB Kertih dan juga berkaitan dengan tanah RTB Limau Madu yang dikatakan sedang dalam usaha nak dirampas dan dibagi kepada orang lain oleh kerana ini projek pertanian. Sebenarnya setakat maklumat yang ada pada kita, tidak ada RTM Limau Madu, Ibok, Kemaman yang nak dirampas ataupun diberikan kepada orang lain, tak dok. Jadi kalau ada saya ingat saya tahu dululah. Fasa pertama RTB Limau Madu ni 130 ekar melibatkan 121 orang peserta, dah diusahakan, dah ada dalam tu. Cuma fasa yang keduanya, 140 ekar dalam proses pemilihan peserta. Memang ada beberapa pihak termasuk orang kuat UMNOlah yang ada baik-baik dengan kita juga, secara peribadi mari lobi saya nakkan kawasan tu, yang 140 ekar lagi tu.

Tapi saya kata, cukuplah yang ada 130 ekar dan yang baru ni kita nak bagi kepada orang baru. Mereka datang berhujah dia kata, tak cukup 130 ekar bagi 121 orang, dia minta lagi 140 ekar. 140 ekar ini kita akan serahkan kepada Jabatan Pertanian untuk kita agihkan kepada orang baru pula. Kerana apa Tuan Yang Dipertua, kerana limau madu ini walau apapun masih dalam percubaan jadi biarlah percubaan ini diperluaskan kepada orang ramai berbanding diberikan kawasan yang luas kepada orang perseorangan.

Adapun erti beri lot tapak rumah di Kerteh, 142 lot memang ini diminta supaya diinterview balik pemohon-pemohon ni. Dan ini saya ingat bukan untuk Kerteh atau Kemasik saja, di kawasan-kawasan lain pun ada misalnya di Setiu begitu juga. Ada lot-lot yang diluluskan mutakhir sebenarnya tak dibagikan lagi kepada sesiapa, belum dibagikan cuma diluluskan selaku RTB. Dan ada orang yang berkenaan memohon dan pada kiraannya sudah diberi kepada orang yang berkenaan tetapi dia belum diberitahu, ini berlaku. Jadi kita interview balik, pasal apa, pasal orang yang pertama yang memperolehi ini mereka tidak menyeluruh daripada semua rakyat yang perlu, mereka dari kalangan satu pihak saja. Dan dasar ini adalah selaras dengan Kerajaan Negeri yang membuka lot-lot baru. Misalnya, saya sebut dalam kawasan Setiu ada beberapa ratus yang diinterview balik. Tapi lot yang kita buka, lot baru perumahan saja adalah 4,000 yang sudah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat. Dan lot pertanian saja 7,000 yang dilancarkan pada minggu yang lalu. Jadi tidak ada masalah untuk nak memohon dan tidak ada masalah untuk siapa nak dapat. Dan sebenarnya apa yang dibuat itu masih mengikut peraturan dan tidak adapun menyalahi mana-mana peraturan.

Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat daripada Teluk Pasu tentang penggunaan sumber asli di Tasik Kenyir. Cadangan ini akan dikaji dan tidak menjadi masalah kepada kerajaan. Walau bagaimanapun kerajaan hendaklah memastikan ianya tidak mengganggu operasi TNB dan dalam menggerakkan janakuasa Sultan Mahmud. Tasik Kenyir sebagaimana perjanjian dengan Kerajaan Negeri dan dimaklumkan bahawa setakat kegunaan sekarang di kawasan bagi kegunaan sektor pelancongan, perdagangan dan demostik dari Pengkalan Utama Sungai Gawi hanya sekadar 2,550 meter padu sehari. Jadi ini tak mengganggu di peringkat penjanaan elektrik. Tapi nak guna lebih daripada tu mestilah dikaji dan sebenarnya kalau mengikut maklumat awal memang air sangat banyak dan TNB hanya menggunakan untuk penjanaan kuasa elektrik iaitu sekadar apa yang disebut di sini sebagai 30 meter padu sahaja dalam masa sesaat. Kadar alir minima yang dikehendaki untuk menjana kuasa elektrik melalui terowong turbin ialah sebanyak 30 meter padu per saat ataupun sesaat.

Untuk makluman Dewanlah sedikit, saya ambil maklumat ni barangkali ramai terutamanya di kalangan pemerhati di dalam Dewan tak tahu berapa luas kawasan air di Kenyir ini. Luas kawasan air di Tasik Kenyir ini ialah 38,000 hektar dan luas kawasan tadahan dia 259,000 hektar. Purata kedalaman air ialah 7.8 meter dan isi padu air ialah 13.6 juta meter padu dan ada 340 pulau yang cantik-cantiklah termasuk Pulau Mahathir. Jadi saduara-saduara sekalian, itulah kurang lebih dan insya Allah kita akan kaji.

Seterusnya wakil dari Bukit Tunggul, wakil daripada Bukit Tunggul ada menyebutkan tentang kesulitan nelayan yang melalui muara Sungai Terengganu. Kerajaan peka dengan keadaan ini dan mengharapkan semua pihak mengambil perhatian untuk mengatasi masalah secara bersama dan bersepadu, iaitu Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri. Saya nak bayangkan betapa beratnya

19 APRIL 2001

kerja nak gali atau nak korek muara ni. Nak korek beting bukan nak korek benteng, nak korek beting. Sebenarnya kalau kita korek 55 meter lebar, keluasan pasir ataupun jumlah pasir yang kena dikeluarkan dari dasar laut itu sebanyak 350,000 meter padu pasir bersamaan dengan 40,000 lori pasir, menggunakan lori tayar 10, 40,000 buah. Dan kalau kita korek 90 meter lebar, yang disebut dengan izin guna istilah Inggerisnya *double navigation channel*, kita korek 90 meter lebar dia bersamaan dengan 50,285 lori pasir bertayar 10. Ini betapa banyaknya saudara-saudara dan kerja ini sangat berat. Sebab itu kerja ni tak mampu dibuat oleh Kerajaan Negeri saja dan kerja ini kena dibuat bersama bahkan tugas ini sebenarnya sebahagian besar terletak kepada Kerajaan Pusat. Jadi perundingan demi perundingan dan insya Allah, saya akan berusaha kunjung hormat dan sebagainya supaya dapat kita berundingkan perkara ini. Saya tak tahu macam mana boleh menanggung walaupun ada khazanah langit bumi tapi khazanah langit bumi tu kenalah ada sebab tuan-tuan sekalian dan insya Allah perkara ini akan dapat diselesaikan melalui perundingan. Sebabnya kalau tak selesai

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta laluan. Kelmarin kalau saya tak salah Yang Berhormat mengatakan mampu, hari ini mengatakan tidak mampu yang mana satu ni?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tak bercanggah tu Yang Berhormat, kelmarin sebenarnya pun lewat dah, satu. Yang keduanya memang kita orang Islam ni tak pernah tak mampu, insya Allah kerana Islam tu menang. Jadi kita akan mampu. Tapi kaedah dalam perjuangan ni memang kena melalui pelbagai cara dan sebab-musabab tak boleh nak elaklah. Jadi sebab untuk menyelesaikan masalah ni ialah dengan persetujuan dan perundingan dengan Pusat. Insya Allah, kita akan mampu menyelesaikan masalah ni. Minta maaf Yang Berhormat daripada Seberang Takir kalau bercakap tak berapa tepat kelmarin. Tak apa kita tak jadi masalah nak tarik balik, kalau suruh tarik balik kita tariklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Untuk minta maaf sayapun tak dok masalah tapi jangan acap kali sangat.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yalah, tak apalah saya pun tak komen. Tapi kalau acap kali minta maaf lebih baik daripada acap kali buat salah dan tak mahu minta maaf, lebih baiklah. Terima kasih Yang Berhormat, beri kesempatan sedikit lagi.

Jadi maknanya sekarang ni kita kena selesai masalah ni, korek sangat-sangat terdesak, sampai ada waktunya tak sampai tiga kaki air di muka kuala. Macam saya sebutkan kelmarin nelayan terpaksa tunggu sehingga air pasang baru boleh buat masuk. Dan apa yang ada sekarang ialah yang diperlukan sangat-sangat segera ialah bantuan daripada Jabatan Laut. Jabatan Laut memang ada beri jaminan untuk menggali, saya harap akan berjaya jaminan yang dibuat itu. Sebab kalau ini tak berlaku maka sesungguhnya saya ingat satu masa, tak tahulah apa yang akan jadi. Saya bimbang Seberang Takir tak jadi Seberang Takir lagi, jadi Seberang Takir, akan jadi begitu. Sebab saya dengar ramai dah nak tunjuk perasaan ni sebenarnya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Minta laluan Yang Berhormat.

19 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, minta maaf Yang Berhormat, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan Negeri. Yang Berhormat jawab detail sangat tak dok ruang langsung orang nak tanya, terlampau detail tu tak dok ruang orang nak tanya. Bukit Tunggal sila beri ruang kepada Yang Berhormat untuk meneruskan ucapan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Tunggal, sila beri ruang kepada Yang Berhormat untuk meneruskan ucapan.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Nampak nak suruh berhenti dah tu. Jadi itu keadaannya. Yang akhir sekali, saya nak sebutkan di sini yang Bukit Besi. Saudara saya Yang Berhormat Bukit Besi menyebutkan tentang kemiskinan penduduk di Dewan Undangan Negeri Bukit Besi. Dalam konteks kalau sekiranya kegiatan pertanian boleh dijadikan asas untuk menyelesaikan masalah maka insya Allah, kerajaan akan dapat membantu melalui tanah dan juga melalui perancangan. Tapi saya tengok di sini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang sebenarnya dikatakan kemiskinan ini bukan di Bukit Besi saja. Sebenarnya kita memerlukan satu perancangan yang menyelesaikan masalah penduduk yang rata-rata di Negeri Terengganu ni terdiri daripada nelayan, terdiri daripada penanam getah dan petani tradisi, yaitu penanam buah-buahan, padi dan lainnya. Mereka adalah sangat miskin bukan saja dari segi harta benda tetapi miskin dari segi jiwa dan budaya hidup. Kerajaan sekarang sedang mengambil langkah perlu bagi menyelesaikan masalah ini dengan mengutamakan perancangan dan juga kegiatan pertanian dibuat di peringkat bawah. Langkah-langkah yang diambil, saya maksudkan yaitu suatu perancangan secara *in-situ* atau perancangan bersepadu membabitkan peringkat agensi, jabatan dan juga pimpinan masyarakat, petani dan nelayan itu sendiri. Bukan *top-down* seperti yang pernah berlaku sebelum daripada ini. Iaitu apa yang perlu dilakukan dan yang ada di hadapan kita sekarang ialah mengenal pasti sasaran secara lebih khusus dan mendalam. Umpama sasarannya golongan penoreh getah, purata pendapatan penoreh getah biasa yang menoreh getah sendiri adalah RM120.00 sebulan sekarang. Bayangkan betapa miskin mereka. Kalau mereka bagi dengan orang dengan secara pawah ataupun getah orang dapat RM60.00 sebulan. Ini pekebun kecil getah. Apa yang mereka nak makan? Dan di dalam keadaan ini purata hari mereka menoreh 141 hari saja di dalam setahun, 12 hari sebulan. Maka perancangan diperlukan bagi menyelesaikan hal ini dengan pelbagaikan kegiatan mereka melalui kerjasama jabatan, pemimpin kanjung, masyarakat dan sebagainya.

Jumlah bilangan pekebun kecil getah ialah 21,933 orang, itu sebagai contoh. Dalam konteks ini para penoreh getah mestilah digerakkan bagi pelbagaikan kegiatan ekonomi, contohnya dengan penanaman kontan seperti tebu, betik, pisang, nenas dan lain-lain lagi. Ini boleh diusahakan tanah-tanah terbiar yang begitu luas dan tanah-tanah yang baru yang diluluskan oleh kerajaan. Untuk merumuskan dan menyelesaikan masalah ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya kata tadi kita kembali kepada program bersepadu dengan mengambil kira kaedah gotong royong dan sumpanjanya untuk menyelesaikan masalah mereka.

Akhir sekali sedikit sebagai nak mengulas sedikit berkaitan dengan apa yang dianggap sebagai pencerobohan kerajaan terhadap peneroka kelapa sawit di daerah Marang yang disiarkan oleh

sebuah akhbar parti politik paling popular dan paling provokatif dalam Malaysialah. Parti saja popular, surat khabar tu tak popular pun. Saya ada nak angkat tapi saya malas nak angkat ni. Saya nak sebut, sebenarnya tindakan penguatkuasaan yang dilakukan di kawasan Marang sebenarnya ke atas satu kebun milik tiga orang yang kira-kira anak pokoknya dalam tiga bulan. Jadi dia teroka selepas kerajaan baru ni dia ingat kerajaan baru ni tak apa, dia boleh buat apa saja dan mereka adalah orang-orang kuat belah sanalah, tiga orang. Jadi oleh kerana itu kerajaan merobohkan pagar mereka dan sebahagian daripada tanah itu sebab kawasan itu akan digunakan kawasan itu untuk tujuan yang lain. Tanaman kontan dibiarkan sehingga mereka dapat hasil sebab itulah tanah itu dibiarkan dulu. Jadi kalau keadaan seperti ini dibenarkan maka banyaklah akan berlaku perkara-perkara yang merosakkan dalam negeri ini. Jadi saya mengucapkan syabaslah perkara ini berlaku di Marang tempat orang kuat dan juga boleh diselesaikan dengan apa cara yang bijaksana yang tidak menyalahi mana-mana peraturan di peringkat Negeri Terengganu yang ada.

Jadi itulah sedikit apa yang saya nak ulaskan kita harap tak berlaku lagilah, jangan ada orang yang nak jadi juara nak buka tanah, kononnya juara beri tanah pada rakyat sedangkan dia dah perintah dekat 40 tahun tak beripun tanah, sekarang jadi juara nak beri tanah di mana-mana. Sampai ada di peringkat setengah kampung tu tak mahu terima borang, tak mahu ambil borang pemberian tanah daripada Pejabat Tanah kerana katanya kerajaan sekarang tak ada kuasa nak beri tanah, akibat daripada provokasi oleh parti pembangkang. Jadi berilah maklumat yang betul dan saya mengharagilah kepada kehadiran dan juga sumbangan pembangkang di peringkat Negeri Terengganu ni. Cumanya saya bersetuju kalau kawan-kawan sebut tadi, sepanjang-panjang saya ingat kita ni, belah sini tak dok *intension* nak cakap bohong ataupun nak cakap pelawok. Sebab kita tahu bohong atau pelawok sifat munafik. Sifat munafik ini berat tapi tuduhan bohong berkali-kali daripada Yang Berhormat Ajil, kita tak upayalah nak jawab tapi kalau diteruskan seperti itu saya harap Tuan Yang Dipertua tak boleh lembut sangatlah sebab kami ini bukan kaki bohong. Jadi kalau Tuan Yang Dipertua benarkan pembbohongan ke atas kami, kami ni bukan kaki bohong jadi nak selesai kena cara lainlah. Jadi saya harap tak beracaplal benda ni.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: *Ular menyusur akar tak hilang bisa, Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan –*

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati dan yang dikasihi sekalian. Pertama-tamanya saya mengambil kesempatan untuk menjujung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah disampaikan pada 16 haribulan yang lalu. Di samping itu, insya Allah saya akan membuat beberapa komentar terhadap ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang mulia.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Sultan memulakan ucapan dengan ucap syukurnya kepada Allahazawajalla bahawa keamanan di Negeri Terengganu dan perpaduan di Negeri Terengganu ini adalah berada di tahap yang memuaskan. Walaupun begitu, wakil-wakil kita daripada pembangkang di antaranya wakil daripada Kemasik menyatakan kegelisahan dan ketidak senang hatinya terhadap perpaduan rakyat Negeri Terengganu. Beliau mengatakan perpaduan itu berlaku daripada masjid, bermula daripada masjid. Insya Allah, bagi sayanya untuk mengatakan perpaduan itu bukan berlaku daripada masjid tapi dia berlaku lebih awal lagi berlaku

daripada dalam jiwa manusia sama ada manusia itu mengaku ketauhidan Allahazzawajalla atau tidak mengaku ketauhidan Allahazzawajalla. Jika ada manusia yang tidak mengaku ketauhidan kepada Allah Taala maka berlaku perpecahan bukan di masjid, dalam keluarga lagi. Sebagai contoh iaitu Qabil dengan Habil, anak Nabi Adam a.s., seorang beriman kepada Allah dan mengikut peraturan Allah dan seorang lagi menolak atura) dan peraturan Allah maka dia berlaku pergaduhan kerana seorang beriman, seorang tidak beriman. Kalau keadaan ini masih berpanjangan, ada lagi seorang beriman, seorang tak beriman maka adalah kita menghadapi kesulitan untuk mewujudkan suatu suasana perpaduan yang tulen dan unggul. Walau bagaimanapun, dalam Islam perpaduan boleh berlaku dalam sebuah masyarakat, dalam sebuah negara walaupun masih ada orang yang belum memeluk agama Islam tetapi bersedia menerima peraturan-peraturan hidup Islam yang dijalankan di dalam masyarakat dan negara.

Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan yang baru mengambil alih negeri ini sangat peka tentang perpaduan. Dan semasa kami dulu pernah menjadi pembangkang beberapa tahun, ucapan wakil orang yang menjadi kerajaan pada masa itu setiap kali ucapan yang diucap ialah perpecahan, kadang-kadang di masukkan dalam ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, "Beta dukacita kerana ada masyarakat yang masih tidak berpadu." Itu dulu, zaman kerajaan yang lalu. Dan biasanya dituding jari kepada kami pada masa itu yang menjadi pembangkang di Negeri Terengganu ini yang membuat punca ketidak adanya perpaduan di dalam negeri kita. Jadi oleh kerana itu kita yakin dan kita percaya bahawa satu perpaduan boleh diwujudkan dengan baik sekiranya manusia itu boleh menerima keesaan dan tauhidan Allahazzawajalla

Langkah awal yang kita ambil dengan pengalaman yang kita rasa tidak sedikit juga dalam menghadapi perkara ini, kita selain daripada memberi kefahaman Islam kepada rakyat Negeri Terengganu di semua peringkat maka langkah pentadbiran yang kita ambil bermula dengan pelantikan JSR, kita membuat peraturan bahawa bekas Pengerusi JKKK dulu boleh dilantik semula menjadi Pengerusi JSR. Jika sekiranya mereka menerima dan jika sekiranya masyarakat kampung setempat boleh menerima. Keadaan ini berjalan di dalam banyak tempat di seluruh Negeri Terengganu ini. Ramai daripada kalangan bekas-bekas Pengerusi JKKK dulu menerima menjadi Pengerusi JSR yang menyebabkan berlaku suatu perpaduan yang sangat menarik dan sangat mengajak kita bersyukur kepada Allah s.w.t. Dalam keadaan begini maka satu pihak yang lain cuba menghidupkan JKKK yang telah dimatikan, yang telah ditamatkan, kita isytihar satu pertubuhan haram. Maka di sini ada tawar menawar, ada bekas JKKK yang telah menerima Pengerusi JSR kita, menolak kembali kerana ingin menyertai semula pertubuhan yang dahulunya halal, yang kini haram. Itu di antara bibit pertama kalau dikatakan berlaku sedikit kekeruhan di kalangan masyarakat.

Kita mengambil pendekatan masjid, sebelum daripada penamatan Jawatankuasa Masjid di seluruh Negeri Terengganu dilakukan pada 1 haribulan Mei 2000, maka kita menganalisa dan membuat kajian bahawa kebanyakan masjid-masjid ini, pegawai-pegawai masjidnya, Imam, Bilal terdiri daripada satu kumpulan sahaja. Kumpulan yang dahulunya dianggap tidak berpihak kepada kerajaan yang lalu mereka dinafikan haknya untuk berada di masjid sebagai Imam, sebagai Bilal. Jadi oleh kerana itu tindakan ini kita tidak meniru kerajaan yang lalu tetapi kita mengambil pendekatan Imam-imam yang sedia ada dikekalkan, Bilal-bilal yang sedia ada dikekalkan. Maka pendekatan kita, kita melantik atau menambah Imam-imam atau Bilal-bilal yang baru untuk menjadikan masjid itu didatangi oleh dua kumpulan masyarakat, anak Negeri Terengganu tidak

kira apa dia parti politikny. Alhamdulillah, berjalan dengan baik dan berjalan dengan teratur. Langkah kedua yang kita ambil selepas itu ialah kita melantik semula Jawatankuasa Masjid, untu mentadbir masjid dengan baik, dengan teratur dan untuk membolehkan semua pihak menjadi ahli Jawatankuasa Masjid. Kita buat peraturan bahawa ahli Jawatankuasa Masjid hendaklah dianggotai oleh anggota masyarakat. Oleh kerana itu kita buat peraturan pemilihan Jawatankuasa Masjid hendaklah disyorkan, melalui pengesyoran anak mukim. Anak mukim itu ada ahli jemaah Jumaat dan ahli jemaah biasa. JSR kadang-kadang sebuah masjid itu, sebuah masjid mukim itu didatangi oleh beberapa buah kampung, mungkin kalau empat buah kampung empat JSR, anak mukim diberi peluang untuk mencalon, mencadang, JSR juga diberi pengesyoran. Jika banyak pengesyoran tidak bersatu maka kita gabungkan daripada penesyoran-pengesyoran ini untuk menentukan dan memastikan ahli Jawatankuasa Masjid terdiri daripada semua pihak yang ada di kawasan berkenaan. Ini pendekatan yang telah kita ambil.

Tetapi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kenyataan ini walaupun kita dapat jalankan dengan baik tetapi sesudah JKKK ditubuh semula maka orang-orang yang tertentu telah tidak mengikut peraturan, mengikut arahan yang telah dilakukan. Saya walaupun wakil daripada Kemasik kata ada 26 masjid tetapi itu tidak berlaku, walaupun kata pernah berlaku di Masjid Padang Nenas. Padang Nenas ni masjid ada orang gila kuasa Yang Berhormat, tuan-tuan sekalian. Masjid ini diisytihar jadi masjid pada waktu Asar pada sekain-sekian haribulan. Ada Wakil Rakyat kawasan tu dia pergi rasmi sembahyang Asar di situ. Jadi dia tahu mari mana ... banyak juga cara kerja dia tu dapat ... saya sendiri ... dirasmikan masa Asar, dia pergi sembahyang di situ. Bila masjid dah ada maka orang-orang kampung datang sembahyang di masjid tu. Orang-orang berkenaan di situ yang mungkin bekas Imam dan sebagainya bertindak bila ada

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, boleh sebut dok nama Wakil Rakyat tu.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebut Wakil Rakyat dok ... jadi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, selepas itu orang pakat pergi sembahyang ramai. Tok Imam masjid tu tak kenan orang pergi sembahyang ramai, dia kunci pintu, dia kunci pintu dok boleh terbit orang duduk dalam. Masjid baru dia kunci pintu. Kita terpaksa menyelesaikan secara ... Alhamdulillah yang tu tak dok apa dah.

Kemudian di Masjid yang sedapnya berlaku Masjid Tepohlah, masjid Gemuruh dalam DUN Tepoh. Ini masjid sedap sekali, surat khabar ada, TV ada, ada belaka. Senarionya begini, saya nak cerita ringkas. Di masjid ini tidak ada pemilihan baru bagi Imam cuma tambah seorang, Imam yang sedia ada sudah ada dua orang yang dilantik oleh kerajaan yang lalu oleh Pejabat Agama. Kita tak ganggu, kita masuk seorang tambahan *spare* untuk mengimbangkan keadaan dan untuk menjadikan masjid tu daripada dua kita jadi tiga memang satu masjid tu, Imam tiga, Bilal tiga. Kita tambah seorang lagi, kemudian bila tambah seorang pun Imam yang sedia tu, ada seorang Imam hak kerajaan dulu lantik kita pun dok pecat dia, dia nama Wan Ariffin namanya. Saya ingat nama Wan Ariffin, kalau saya salah Wakil Tepoh boleh betulkan. Wan Ariffin Tok Imam dulu tapi bila mari kerajaan baru ni dia boleh bekerjasama dengan kerajaan baru macam dia kerjasama dengan kerajaan dulu. Dia baik dengan Wakil Rakyat, dia baik orang kampung dan sebagainya. Tetapi bila bekas JKKK dulu tahu yang dia boleh bekerjasama dengan pihak kerajaan yang baru, giliran dia nak naik berkhutbah hari Jumaat dihalang. Sehingga ke satu tarikh tertentu Pejabat

Agama sendiri panggil nak selesai masalah itu, 23 haribulan satu 2000, satu dia panggil semua kita buat jaduallah bertugas. Hari ni Tok Imam hak nun, hak dok mari lagi tak mahu bekerjasama nama Haji Wahab, Tok Imam hak ni, Wan Ariffin. Buat jadual, hari Jumaat ni orang ni, hari Jumaat ni orang ni, waktu orang ni dan sebagainya. Di Pejabat Agama setuju belaka, balik sana bila Haji Ariffin ni nak jadi Imam dihalang. Tapi Wan Ariffin ni maknanya dia lembut, orang kata jangan bertugas dia tak bertugas dihalang oleh bekas JKKK. Sejaras dengan lembutnya Wakil Rakyat dia, maka lembut juga Tok Imam dia. Sampai pada satu peringkat satu hari raya Aidil Fitri yang lepas, jadi Pejabat Agama lantik Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tepoh untuk jadi Khatib Tetamu pun ada halangan tapi berkhubah juga dan bersembahyang. Sehari demi sehari berlaku, saya ada senario yang cukup dan saya mengikuti dengan baik, hari giliran orang belah alek ni tak boleh, hari giliran hak alek nun ... kemuncaknya ialah kalau tak salah ingat sayanya pada 16 haribulan tiga 2001, hari Jumaat. Hari ini bila khatib Wan Ariffin ini naik atas mimbar pasal giliran, mari seorang bekas JKKK tarik dia jatuh yang menyebabkan ... sudah tarik tu tumbuk pula katanya, yang menyebabkan selembut-lembut orang Tepoh, orang PAS tu pun, dia menyahut cabaran.

Sebenarnya orang PAS boleh beli *cash*, boleh beli tunai. Kalau orang UMNO Terengganu ni nak lawan buku tangan, orang PAS boleh beli *cash*, kita beli tunai dok payah cek. Tetapi kita tak mahu main begitu. Insha Allah, kita bayar *cash*. Tetapi kita tidak bertindak demikian, kita buat laporan kepada Polis, sebab itulah kita berjumpa dengan Polis ini sebab-sebabnya. Angkara siapa Yang Berhormat Yang Dipertua, yang menjadi penghalang ni bekas JKKK ni, JKKK lama dulu. Hak ni orang kata gila mengeram ni, dia tak dok kuasa dah, dok jadi Pengerusi Jawatankuasa Masjid dah, nak berkuasa lagi kononnya kampung aku, dia dok sedar kampung dia dalam negeri kita. Hak gili mengeram ni banyak Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Sebab itu saya kata, kalau kita kira-kira nak lepas ayam mengeram ni, dia tengok telur tu dia ingat telur dia, telur dia pecah lama doh, busuk doh nak ram juga. Hak begini Yang Berhormat Yang Dipertua, maknanya kena beritahu orang kampung, kena cari iaitu pelepah pisang kering, tambat diekor dia, dia berjalan baru tak gila mengeram. Ini cara untuk mengatasi, lagi dok tambat pelepah pisang kering di ekor dia lagi galak nak mengeram, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Ini bukan angkara kita, bukan angkara kita.

Baru ni berlaku dalam kawasan Telemong, Pejabat Agama lantik Khatib Tamu di satu kampung nama Kampung Baung. Khatib Tamu pergi, Tok Imam dia, Tok Bilal dia hak kita tak buang tu, dia kempen anak mukim lari biar tak cukup bilangan. Lepas itu dia mari panggil TV pula, dia kata, dulu dia dok mari masjid sekarang ni mari masjid pula, kata dia, kita larilah. Ini angkara siapa? Saya kata ini bukan usaha daripada wakil Telemong. Kalau dia ada, saya kata mungkin dialah yang tukang kepala pengat kata pakat lari, pakat lari. Tapi mungkin dia dok buat begitu. Saya ni ... saya kata terang jangan cakap besar, jangan cakap banyak, kita jangan orang cabar kita boleh beli tunai, itu dia. Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Langkap

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, laluan. Ucapan-ucapan yang tunjuk buku tangan ini boleh membawa kepada perpaduan ke? Seperti semangat yang ada dalam ucapan Yang Berhormat tu, ke tambah lagi cari musuh?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Dipertua, terima kasih. Saya jenis semangat buat gitu. Saya jenis lagu ni.

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat, kita pun faham. Tapi kepada sayalah ucapan Yang Berhormat ni tidak membawa kepada semangat untuk perpaduan lebih banyak menunjukkan bahawa kita boleh, ertinya menggalakkan orang kampung berkelahi dengan ucapan Yang Berhormat tadi.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, insya Allah orang kampung tak berkelahi kalau tak ada pemimpin dia yang menggalakkan untuk dia berkelahi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yalah, salah seorang daripadanya orang seperti Yang Berhormatlah.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh jadi saya. Kalau saudara tuduh saya, boleh jadi saya. Saya khabar betul dah, bukan kata kita mengajak orang berkelahi tapi kalau orang nak jual kita, jual tunai kita beli tunai, jual *cash* kita beli *cash*, itu saya cerita betul. Pasal apa, peristiwa di Masjid Gemuruh ini semua orang tahu, dalam maklumat Polis, dalam maklumat ... dia halang. Tak berlaku selepas pada tulah tak berlaku, kita hantar Khatib Tamu, kita hantar ... baru tak berlaku sedikit. Alhamdulillah, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Digembar-gembur juga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak tanya. Adakah apa yang dilaporkan oleh Yang Berhormat berdasarkan peristiwa yang berlaku di atas Masjid Gemuruh ini, berdasarkan kepada laporan Polis ataupun laporan-laporan pihak yang lain?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dalam kes ini Ketua Polis Negeri sudah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat dan saya ada sekali, mereka menerangkan senario ini berlaku. Dan memang betul macam saya laporkan itu bahawa Imam yang rasmi selalunya giliran dia dihalang atau setiap kali gilirannya dihalang oleh pihak yang satu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, saya nak kesahihan adakah apa yang dilaporkan, yang dicakapkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi berdasarkan kepada laporan Polis? Itu yang saya nak tahu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dua laporan, satu laporan Jabatan Hal Ehwal Agama, satu laporan Polis. Satu lagi, tiga jadi, laporan orang kampung. Tiga-tiga serupa, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, kot-kot ada hantu hasut kok belakang dok?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ni jenis tak nampak hantu. Kalau ada pun memang saya tak nampak, Yang Berhormat Yang Dipertua. Kemudian Masjid Langkap digembar-gemburkan, Imam masjid itu yang rasmi pergi ke Mekah, tak dok Tok Imam. Pejabat Agama lantik Wakil Rakyat dia, Ahli

Dewan Undangan Negeri Langkap. Alhamdulillah, Ahli-ahli Dewan daripada PAS yang mana satupun kalau suruh khutbah boleh, kalau Tun lagi boleh, Wakil Jertih. Semua dapat, macam mana keistimewaan dia tidak tahu, tapi dia boleh khutbah lagi-lagi kalau ada latar belakang pendidikan dalam agama. Saya percaya Wakil Rakyat daripada Kawasan Langkap bekas pelajar Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk tentulah dia ada *authority* adakah kalau nak banding dengan Tok Imam-Tok Imam biasa yang tak mengajipun pada peringkat menengah atas Sekolah Menengah Agama. Jadi mari dia pakat lari, lepas tu panggil surat khbar pula, dulu tak mari le ni mari. Apa dulu mari, le ni tak mari, le ni kita jadi kerajaan, masjid, masjid kita belaka, mari bakpa tanya, selepas menang tu pilihan raya mari selalu. Bakpa tanya, ni kerja kita, Wakil Rakyat boleh melawat kawasan, boleh berkhotbah pendek kata selari dengan kepimpinan yang dikehendaki oleh Islam. Itu angkara yang berlaku, tak dok lagi angkara orang PAS sekarang ini. Yang Berhormat Yang Dipertua.

Kemudian kalau saya nak sebut masjid-masjid, ada dalam catatan saya ni di antaranya ada sedikitlah Kawasan Marang umpamanya, ada satu masjid lagi yang ada masalah sedikit tapi satu daripada yang banyak-banyak tidaklah menjadi topik, iaitu Masjid Kelulut. Masalahnya penyokong pembangkang menguasai masjid, orang UMNO kuasai masjid itu saja. Tak dok masalah apa, dia nak kuasa biarlah. Imam Bilal penyokong kerajaan tidak dibenar bertugas. Imam hak kerajaan lantik dok benar bertugas, pun kita tidak ambil tindakan, baiknya kita. Kalau nak ambil tindakan boleh belaka, ikut suka nak buat guana boleh belaka tapi kita nak selesai secara anak-beranak, secara adik-beradik. Dalam Hulu Terengganu ada satu buah iaitu Masjid Getang. Imam, Bilal sedia ada tu tak memberi laluan kepada Imam Bilal yang diberi Surat Kuasa oleh Pejabat Agama. Sebab hak lama tu, hak lagu tu dia tak nak beri kuasa. Dia tak nak beri kita boleh bertolak ansur, dia tak nak beri lagi dan kita ambil sikap biar dulu dia tak nak beri lagi, kita sabar ... sabar sebab dia tu tak sedar lagi yang dia bukan kerajaan sekarang ni. Sabar dulu, tapi sabar *lahuludud* sabarpun ada sempadan juga tidak selama-lamanya ada masa kita bertindak dan ada cara untuk kita bertindak.

Jadi oleh kerana itu sekarang kita cuba mendidik para Imam nak menyelesaikan masalah akidah dia sebagaimana dibangkit oleh Wakil Ajil, akidah kena betul. Jadi kita panggil Imam-imam bagi kursus di API, bagi kursus di masjid-masjid, kena betulkan akidah dia. Di antara tajuk yang kita beri kursus, mu orang mesti hadir, mesti mahir *tasawwuf* Islami, Islam tu biar jelas. Apa dia Islam sebenar? Islam dari sudut akidahnya, syariatnya, pentadbirannya, ekonominya, pendidikan dan sebagainya supaya jangan jadi macam dulu. Islam ni setakat pergi masjid, pergi Mekah lepas tu tak dok. Tadbir negeri tidak ikut Islam, ekonomi tidak ikut Islam, itu akidah orang dulu tanam yang merosakkan fahaman orang-orang Islam di dalam masyarakat dan negeri kita Terengganu ini, dan di seluruh negara. Ini yang kita betulkan, Alhamdulillah berjalan dengan baik, Yang Berhormat Yang Dipertua. Jadi kalau dalam banyak-banyak masjid ada 445 buah, ada berlaku se dua kita nak kata ni sudah berlaku perpecahan besar di Terengganu maka barangkali patut kita menilai semula. Tapi walau bagaimanapun kita tak hairan pihak pembangkang tak dok modal nak bercakap, nak kata apa ke kita. Dokkan nak serang kita, Kerajaan PAS sungguh tidak bagus kerana menaikkan elan Imam dan Bilal, kalau dia bersyarah begitu tentu orang marah dekat dia pula, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Itu tadi saya buat bandingan RM350 hak kita beri zaman dia hak tinggi sekali RM180. Cuba banding RM180 dengan RM350 mana banyak. Yang Berhormat Yang Dipertua. Dalam keadaan

ekonomi terkepeungpun kita tidak kurangkan. Dulu hak orang miskin beri seorang RM50, RM60 le ni naik RM100. Mana banyak RM100 tu dengan RM60 tu? Jadi dok kan nak pergi syarah begitu, nak pergi syarah kampung, tak bagus sungguh Kerajaan PAS menaikkan bantuan kepada orang miskin. Kalau begitu ... ada saya dengar setengah tu, dia pergi ceramah dalam kawasan Kuala Terengganu tempat orang cerdik, dia kata, PAS ni bodoh sungguh, nya hapus tol Jambatan Sultan Mahmud, nya hapus cukai pintu. Orang pun pas seorang, seorang lari, kata ceramah apa begini. Cukai pintu orang dok ambil pun marah, tol orang dok ambil pun marah. Yang kita sedar kita tidak miskin dengan sebab itu, dengan sebab dok ambil cukai pintu kediaman, kita dok ambil cukai bakul, kita dok ambil tol kita dok miskin. Kita tidak miskin kerana tambah bantuan kepada Imam Bilal, elaun Imam Bilal, kita tidak miskin kerana menaikkan kadar bantuan orang miskin, tidak miskin kerana bagi tanah kepada rakyat. Tetapi kalau jadi miskin dan kita ingat dok jadi miskin walaupun harta kita dirompak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta lalu. Saya rasa bantuan kepada penerima bantuan dapat dinaikkan, ditambah erti kata Yang Berhormat tadi kerana yang dipotong lebih ramai, jauh lebih ramai daripada yang diluluskan. Sebab tu boleh tambah tu bukan kerana apa.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kerajaan kita berdasar kepada Islam, Allah Taala kata:

ان الله يامرکم ان تؤدوا الأمانات الى اهلهما

Kita pemegang amanah kerana amanah ini mesti dipulangkan kepada orang yang berhak. Sebab itu kita sebelum daripada apa-apa kita buat pemutihan. Orang yang sudah ada ... kita ada garis panduan RM400 ke atas tak layak, RM400 ke bawah yang layak. Itu ada panduan, orang satu keluarga dah dapat RM500, RM600, dia ada kereta, dok kan nak sampai lagi. Kita ada kaedah bukan bertindak mengikut sesuka hati. Itupun kalau ada yang telah dikecualikan kerana mengikut laporan pegawai kita bahawa dia sudah naik angka RM500 lebih dia merayu, dia merayu kita kaji semula. Dan sudah banyak kes-kes rayuan juga kita mengambil kira dan kita mengambil tindakan. Jadi Yang Berhormat Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat khusus dalam bantuan am untuk tahun 2000 yang diluluskan baru 900 lebih kurang tapi yang dipotong 2,700, satu per tiga.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang Dipertua, untuk saya jelas sedikit perkara ni. Daripada angka 17,000 tu kita potong 2,000 tu. Banyak lagi, hak yang lulus, yang ada tu lebih banyak lagi daripada yang ditamatkan bantuan kerana memang telah melepasi garis kemiskinan dia. Dok tahulah takut 2,000 lebih, lebih daripada 17,000, dok tahulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua untuk tahun 2000 saja, itulah yang saya nak contoh, artinya

19 APRIL 2001

sebab itu boleh bayar lebih kerana yang potong tiga kali ganda daripada yang diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, masalah sekarang sama ada yang dahulu diberhentikan sebab dia sudah tidak layak ataupun kerana bilangan baru itu tidak penting, yang penting kita telah menaikkan kadar. Dengan kebijaksanaan kita dan kebolehan yang ada pada kita, dengan keprihatinan yang ada pada kita kepada orang miskin di dalam Negeri Terengganu ini, rakyat kita yang kita sayang dan kita cintai.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh sebab ucapan saya berkaitan dengan akidah kita sekarang menjalankan aktiviti untuk membetulkan semula akidah rakyat Negeri Terengganu seluruhnya. Kita harap tidak ada gangguan daripada mana-mana pihak dalam usaha kita ini. Dan bagi mereka-mereka yang ingin memulihkan akidah dia dan membetulkan, insya Allah kita bersedia untuk memulihkan dengan mereka menawar sendiri diri mereka untuk memulihkan akidah mereka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, laluan. Maksud membetulkan akidah, akidah mana yang salah tadi? Siapa yang salah akidahnya perlu dibetulkan?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, inilah di antara jumlah orang yang perlu diperbetulkan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Minta ulang, saya tak dengar yang akhir tu apanya?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya ulang, itu di antara orang-orang yang boleh diperbetulkan akidah dia, boleh diperbaiki kerana dia tidak tahu di mana salah. Yang paling bahaya orang dia dok tahu di mana dia salah, ini yang paling bahaya. Dia tidak tahu dia salah dekat mana, dia ingat dia betul belaka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, memanglah mudah menyalahkan orang lain daripada mengetahui kesalahan diri sendiri. Inilah saya rasa salah satu daripada penyakit memandang rendah orang lain kerana memikirkan diri sendiri sajalah yang tinggi Yang Berhormat Yang Dipertua, salah seorang daripadanya ialah Yang Berhormat Wakil Manir, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ucap terima kasih. Saya di antara orang yang menyatakan ramai orang yang salah akidah dalam negeri ini. Di antara orang yang salah akidahnya orang yang tidak tahu apakah akidah dia tu salah atau betul, dia tanya orang, betul ke tidak. Maknanya dia tak tahulah. Yang Berhormat Yang Dipertua, dalam perkara ini insya Allah kita akan menjalankan aktiviti melalui pendidikan, sekarang dalam pendidikan kita telah mula pendidikan di peringkat prasekolah sampai sekolah rendah. Dulu tak dok sekolah menegah agama bersepadu Negeri Terengganu tapi dalam masa setahun kita memerintah kita dah ada percubaan, ada di Besut dua buah sekolah, Hulu Terengganu ada satu, Kemaman satu, Dungun satu, Kuala Terengganu satu. Itu percubaan awal. Walaupun dikatakan ini bukan satu pembangunan sebab pembangunan mungkin buat bangunan.

Di bidang pendidikan, untuk menaikkan taraf pendidikan di negeri ini sebagaimana kata Tuanku, melalui pendidikan kita telah menaikkan kursus-kursus peringkat ijazah sudah ada di negeri sekarang ini dengan kerjasama daripada universiti di luar daripada negara kita. Kerana dalam negeri sulit kita nak dapat kerjasama, kerana Kerajaan Terengganu berbeza dengan Kerajaan Persekutuan dari sudut akidah politiknya. Walaupun begitu kita tidak boleh mendidik anak-anak kita belajar di sekolah-sekolah menengah yang di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan, kita tidak boleh masuk. Nak masuk sekolah, kalaulah ada orang minta bantuan, Wakil Rakyat ... PIBG minta bantuan nak buat apa-apa majlis, minta sumbangan Wakil Rakyatpun nak beri, nak jemput sekali, nak duduk sekali tak boleh, katanya ada arahan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, laluan. Saya nak tanya Yang Berhormat Wakil Manir, adakah institusi-institusi pendidikan IPTA menafikan kerjasama dengan institusi Kerajaan Negeri khususnya KUSZA yang menyebabkan terpaksa mencari rakan kongsi daripada unviersiti luar negeri. Saya dukacita benar kalau kerajaan, Pengerusi Pendidikan menafikan rahmat dan nikmat yang diterima oleh KUSZA sekarang.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, kerjasama bermacam-macam, kerjasama ni berbagai-bagai. Kita ada kerjasama kita nak pelajar dia nak buat kursus dekat kita, ada kerjasama yang boleh kita terima dan ada kerjasama yang berat kita nak terima. Umpamanya, pelajar kita dah dapat diploma, kita nak hantar universiti tempatan, dia nak terima juga nak masuk tahun satu, kita dah kursus tiga tahun. Ini salah satu daripada perkara-perkara yang membebankan kita, membebankan pelajar. Tapi kita punya kurikulum bila kita buat hubungan dengan di universiti luar negara mereka boleh iktiraf, kalau kita diploma kita sudah ... pelajar kita sudah tiga semester, dia sambung lagi tiga, dia boleh mengeluarkan ijazah. Pelajar kita tak payah keluar negara tetapi dia dapat ijazah daripada luar negara, perbelanjaannya murah berada di dalam bidang kuasa pelajar-pelajar kita, rakyat negeri kita dan di bidang kuasa Yayasan Terengganu membiayainya, Yang Berhormat Yang Dipertua.

Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat Yang Dipertua, melalui pendidikan, melalui dakwah dan pelaksanaan syariat insya Allah kita akan dapat mengatasi masalah yang dikatakan ajaran sesat. Ajaran sesat yang ditimbulkan oleh Wakil Ajil di Hulu Besut. Saya tidak mahu berjanji bila perkara itu akan terhapus, takut tarikh itu tidak menepati apa yang saya janji. Tetapi usaha yang bersungguh, saya tidak tahu Exco yang lalu perti atau tidak pergi, saya sebagai salah seorang yang bertanggungjawab, saya pergi siasat sendiri. Saya pergi dalam kawasan itu, saya temubual orang yang ada dalam kawasan itu dan saya tahu apa yang berlaku sebenar di kawasan itu dan pihak Kerajaan Negeri, hasil daripada itu telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak Khas untuk mengatasi ini yang dipengerusikan sendiri oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini menunjukkan betapa beratnya pengambil caknaan dan keprihatinan oleh Kerajaan Negeri yang baru terhadap perkara yang serupa itu, Yang Berhormat Yang Dipertua yang tidak dapat diatasi oleh kerajaan yang lalu yang berpuluh tahun macam mana, entah apa kepentingan mereka maka mereka tidak atasi. Tapi kita bertindak bukan berdasar kepada kemahuan dan kehendak kita tetapi berdasar kepada ajaran Allah s.w.t. kepada kita.

Banyak perkara yang mungkin saya tak dapat sentuh tapi kerana masa sudah tidak banyak, tapi saya nak bercakap soal ... Tuanku ada juga menyebut soal kesyukurannya kepada Allah Taala kerana sepanjang tahun 2000 yang lalu, kerajaan yang baru telah dapat mempertingkatkan pungutan hasil zakat. Kalau 1999 RM11 juta tapi tahun 2000 boleh RM20 juta lebih, itu kira kasar, kira hak ingat mulut, Yang Berhormat Yang Dipertua. Walau bagaimanapun, Wakil daripada Telemong menyatakan ini bukan kebolehan dan kebijaksanaan Pegawai-pegawai Tadbir, memang kita telah membuat pembaharuan penyusunan semula Pegawai Tadbir Zakat, Bahagian Pungutan dan juga Bahagian Pengagihan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Dipertua, saya tidak mengatakan sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil Manir. Saya kata tidak boleh dibanggakan dengan itu dan saya sentuh menambah ini akibat daripada kenaikan kadar dan juga dahulunya, saya boleh kata di Dewan ini bahawa pengikut PAS tidak membayar kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam zakat ini setiap tahun kebanyakannya. Itu yang saya kata.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sama ada dia kata atau tidak kata, sama ada dia ingat atau tidak ingat, itulah berada di dalam ingatan saya. Walaupun fikir otak saya tidak komputer tetapi saya jarang lupa perkara-perkara yang mustahak dan penting untuk saya berucap. Dia tidak mengaku kebijaksanaan kita, dia ada menyebut bahawa pertama kerana kadar, yang kedua kerana orang-orang yang tak bayar zakat kepada kerajaan dulu bayar kepada kerajaan. Alhamdulillah, Yang Berhormat Yang Dipertua ini cerdik juga macam mana kita nak naik. Tetapi saya nak beritahu bahawa satu pembetulan kepada takrif yang sebenar tiga gantang Baghdad itu, dibuat pembetulan semula mengikut sukatan yang betul berdasarkan kepada kajian Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah dan dipersetujui oleh semua negeri dalam Malaysia, sudah diselaraskan. Tapi di negeri-negeri lain tak naik lagi, dia tunggu dulu kita jalan tahun ini. Itu satu faktor juga tapi takkan RM7 juta faktor itu, nak RM1 boleh RM7 juta. Faktor yang kedua kemungkinan pembayar zakat itu lebih ramai berbanding dengan tahun-tahun yang lalu. Sudah tentu bertambah ramai pembayar zakat ini mempunyai dua faktor. Faktor yang pertama jumlah yang lalu tidak berganjak, orang yang bayar, bayar juga. Faktor yang kedua orang baru bertambah, orang baru ni bertambah dengan kempen dan kegiatan yang dijalankan oleh kakitangan kita di MAJLIS. Ini satu kebijaksanaan, macam mana hak lama dok lari hak baru mari, ini satu kebolehan jugalah. Kalau Wakil Telemong kata tak bijakpun, kita kata biarlah tak bijak ini satu kebolehan, ini satu keupayaan yang dibuat oleh Majlis Hal Ehwal Agama di bawah zakat yang saya sendiri jadi Pengerusi. Yang Berhormat Yang Dipertua.

Dengan keadaan begini maka pelajar-pelajar kita yang belajar agama di luar negara tidak ada yang tidak dapat bantuan, di Yaman, di Sudan. Di mana ada Bahagian Zakat kita keluar cari, siapa dia anak Terengganu yang tak dapat lagi bantuan, tak dapat Yayasan, tak dapat ... semua kita bagi, tak kira dia parti apa. Saya dok tanya, awak boleh dok zakat lagi, tak boleh, tak tanyalah awak parti apa? Ada rekoman Cawangan PAS dok kita sebab dia rakyat Negeri Terengganu, UMNO ke, tak dok parti ke, parti mamba ke, tak kira kita bagi semua. Yang Berhormat Yang Dipertua. Ini keadilan kita, kita menerima amanah bukan harta kita itu harta kerajaan maka kita kembalikan amanah. Alhamdulillah, anak-anak Terengganu kita belajar, nak pergi belajar Yaman boleh.

Pakistan boleh, boleh belajar di Pakistan kita beri juga, nak belajar di Morocco boleh, nak belajar di Mesir memang dah, Jordan bagi lagi, Syria bagi, tak dok tempat yang tidak bagi dengan usaha kita, kegigihan kita berusaha untuk mendapatkan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mohon laluan, Yang Dipertua. Pohon penjelasan, adakah wang yang diberi oleh Kerajaan Negeri daripada wang kepada penuntut-penuntut negeri itu cuma bagi pelajar-pelajar dalam bidang agama saja?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tidak, Yang Berhormat Yang Dipertua maknanya, biasanya dalam bidang agama ni tidak cukup pembiayaan, penaja dia tak ramai. Dalam bidang lain ada penaja, yang tidak ada penaja walaupun dalam bidang yang bukan dalam bidang agama, agama belaka dalam bidang lain pun agama juga. Dan bukan setakat itu saja bantuan baiki rumah bagi lagi duit zakat, Yang Berhormat Yang Dipertua dok kira bulu. Kita buat rumah kebajikan bagi pelawat-pelawat di dalam hospital, di dalam kawasan Hospital Kuala Terengganu, orang melawat orang sakit tak dok tempat duduk kita buat rumah satu bangunan. Sudah bangunan tu dia kata kita dok boleh pergi dah, dia kata hak dia dah. Kita bina duit zakat tapi tak dok kuasalah dah kita, Yang Berhormat Yang Dipertua. Tak apa biarlah, tak apalah orang gila kuasa ni tak kira, kita dok kira sangat. Pokoknya kita membuat sesuatu mengikut kehendak dan mengikut matlamat kenapa perjuangan PAS diwujudkan di Malaysia ini kerana untuk mengembalikan syariat Allah supaya berdaulat. Walaupun Wakil Kijal dan juga Wakil Kemasik dan Wakil Telemong beberapa kali, bila kita nak jalan Hudud, memang kita kata nak jalan, kita sudah siap tapi ada prosedur dia, ada kaedah dia, ada saluran dia. Bila nak tukar perlembagaan ini, saya beritahu Dewan yang mulia ini kita dalam peringkat akhir untuk siap pindaan draf tapi nak bentang, tak bentang lagi. Ini salah satu ... saya minta maaf Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri kerana kesibukan masa, draf tu kena Penasihat Undang-Undang juga. Kalau saya pandai pun hak saya dok pakai, kena hak Penasihat Undang-Undang Negeri.

Dalam penstruktur pentadbiran negeri kita ini tiga orang, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Kewangan terlibat dalam ... boleh dikata semua Jawatankuasa-jawatankuasa penting dalam negeri kita yang mereka terpaksa menghadiri mesyuarat-mesyuarat penting yang mana menyebabkan ruang untuk dia bekerja ke arah ini sedikit. Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat Yang Dipertua dalam perkara ini, sama ada pembangkang, penyokong kerajaan dan pemerhati-pemerhati sekalian, saya rasa masih ada lagi. Kalau kerajaan tidak dirompak dalam masalah ini ada masa lagi setahun dua lagi kita harapkan perkara itu dapat kita selesaikan. Dan pernah mengatakan bahawa *tidak lari gunung dikejar, hilang kabus maka nampaklah ia*, insya Allah. Saya rasa, saya nak berucap setakat itu saja untuk

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, pohon laluan Yang Dipertua. Berkenaan dengan Hudud ini Yang Dipertua, mengapa tidak diambil terus draf pelaksanaan Hudud yang telah dibuat di Negeri Kelantan untuk digunakan pakai di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, dengar molek saya nak terang. Kita ambil hak Kelantan, kita ambil hak manapun kita tidak boleh bawa begitu selalu untuk dilaksanakan. Ikut prosedur dia kita kena lulus dalam Dewan,

19 APRIL 2001

kita kena bagi kepada Penasihat Undang-Undang, dia setuju dia draf balik baru boleh kita bawa. Sekarang ni kita sudah ada 8 yang sudah kita siap termasuk Hudud 9, Kharaj insya Allah juga bersama-sama dengan perlembagaan akan siap juga dan ini menyebabkan Enakmen itu bertunggak sekarang ini yang kita, saya sendiri ... rakyat Negeri Terengganu sedang menunggu-nunggu dan kita mendoakan supaya Penasihat Undang-Undang kita diberi Allah Taala masa, ruang yang banyak untuk meneliti dan menyelesaikan perkara ini secepat mungkin, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Jadi segala peringatan itu saya mengucapkan terima kasih. Peringatan yang diberi oleh wakil-wakil daripada pembangkang untuk kita melaksanakan Islam ini adalah satu daripada perkara-perkara yang telah dilakukan oleh pembangkang di dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Walaupun ... kalau ada dia niat nak mentempelak, nak mengejek, saya anggap mereka ikhlas untuk memberi peringatan kepada kita. Dan peringatan itu memberi manfaat kepada orang-orang yang beriman. Saya minta izin Yang Berhormat Yang Dipertua, setakat itu saja ucapan saya.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudahpun berlarutan. Walau bagaimanapun saya rasa adalah tidak munasabah untuk direhatkan Dewan ini selepas itu nak panggil semula sambung dalam keadaan begitu. Oleh itu saya teruskan Dewan ini sehingga ... insya Allah boleh dijimatkan masa tidak melebihi pada jam 2.30. Dipersilakan

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seluruh hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Saya suka mengambil bahagian dalam menggulung beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di samping menjelaskan perkara-perkara yang perlu dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat membangkitkan beberapa perkara tetapi tidak ramai yang menyentuh sebenarnya tentang portfolio yang menjadi tanggungjawab saya, masalah perindustrian dan juga yang lain kecuali ada seorang dua yang saya rasa perlu saya jelaskan sedikit sebanyak berhubung dengan perkara ini sebelum saya pergi kepada perkara-perkara yang lain.

Yang pertama Wakil Kemasik ada menyebut tentang pelaburan. Wakil Kuala Besut ada menyebut sedikit tentang perlunya kita meningkatkan keupayaan kita dari sudut perindustrian ini berdasarkan bahan-bahan yang kita ada di dalam negeri kita sendiri. Kepada Yang Berhormat Kemasik, saya rasa saya telah jelaskan berhubung dengan soal pelaburan ini dalam jawapan lisan saya, insya Allah beliau pun ada. Yang keduanya berhubung dengan Kuala Besut, memang fokus yang kita berikan sekarang yang dikendalikan oleh UPEN dan jabatan-jabatan yang berkaitan ialah untuk meningkatkan keupayaan menggalakkan perindustrian ini dalam apa yang kita sebut *resource base* ertinya barang-barang yang kita punyai sendiri dalam negeri ini yang boleh kita lakukan secara hiliran *down-stream* dengan kita mendapat nilai tambah *value added* ini sedang diusahakan, terutama sekali dalam bidang industri perkayuan, dalam bidang pertanian sudah disebut oleh Yang Berhormat yang berkaitan juga dalam perkara-perkara yang lain. Ini sedang kita fokuskan kerana industri kecil dan sederhana menjadi suatu tumpuan yang dibuat bukan sahaja oleh Negeri Terengganu tetapi juga negeri-negeri yang lain.

19 APRIL 2001

Yang kedua, saya ingin menyentuh perkara yang berkait dengan soal yang disebut juga oleh Yang Berhormat Kemasik bahawa di kalangan kakitangan kerajaan ada yang tak sanggup buat kerja, tak mahu buat kerja kerana tak elaun yang mencukupi. Ini disebut oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik. Saya telah memberi janji bahawa saya akan menyiasat perkara ini untuk memastikan kesahihan apa yang telah disebutkan itu. Pihak pentadbiran telah menyiasat perkara ini dan kita dapati tidak ada sebenarnya kakitangan yang mempunyai sifat ataupun sikap yang demikian. Dan kita menganggap ini sebagai *sweeping statement* yang tidak sepatutnya dibuat kerana ini akan *demoralize* pentadbiran dan kakitangan yang sebenarnya tidak bersikap demikian. Melainkan Yang Berhormat barangkali boleh menunjukkan bukti bahawa adanya terdapat kakitangan yang demikian tak perlu sebut dalam Dewan boleh diberitahu kepada kami secara senyap-senyap dan saya berjanji *there is no witch hunting*, tak ada kita nak cari orang yang demikian nak hukum dia kerana itu, kita tidak akan buat tapi barangkali kita akan didik dia supaya dia baik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta laluan. Insyallah, kalau itu kehendak Yang Berhormat untuk kebaikan Negeri Terengganu saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat secara individu.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Berhormat Kemasik, saya harap beliau memberikan nama. Cumanya saya ... tak apalah nama tu boleh diberi kepada saya ataupun kepada Dato' SUK pun boleh diberi. Dan apa yang saya bimbang takut Yang Berhormat Kemasik ni, Yang Berhormat Kemasik duduk selalu sangat pergi ganggu pejabat jadi ada kakitangan yang barangkali nak suruh Yang Berhormat lari tak tergamak, jadi dialah ni, pasal apa tak buat kerja ... kita takut begitu. Jadi tak usah ganggu banyak-banyak sangatlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta laluan. Itu merupakan satu tuduhan, saya akan beritahu kepada Yang Berhormat bukan nama pegawai tapi jabatan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apa ... terima kasih Yang Berhormat, saya tak tuduh saya kata takut, takut ini ... maklum sajalah sebagai Wakil Rakyat pergi ke pejabat kakitangan kena layan, duduk sejam pun kena layan mislanya, tak layankan nanti kata tak layan, nak hambat tak kena. Jadi itu ... tak apalah Yang Berhormat berjanji nak bagi nama, saya terimalah pengakuan yang dibuat itu dan insyallah, kita akan meneliti perkara ini.

Adapun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kemasik tentang adanya elaun, sughati yang tidak dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada beberapa bahagian, misalnya barangkali Mubaligh ada, saya rasa ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Pengerusi Pendidikan. Memang kita akui bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh *constrain* kewangan yang telah kita sebutkan. Dan sebenarnya apa yang didedahkan itu menggambarkan natijah daripada perbuatan khianat yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan Pusat terhadap Negeri Terengganu yang menyebabkan tahun 2000 tak berlaku perkara ini. Tetapi tahun 2001 kita mengalami *constrain* sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan terpaksa kita menghadapi. Tahun 2000 Alhamdulillah kita terima sebahagian daripada royalti minyak, empat tiga empat dicanang merata tempat mana duit ini dibelanjakan. Sebahagiannya itulah 2000 kita tidak menghadapi masalah, kita telah

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, bermakna soalan yang mempersoalkan perbelanjaan kerajaan Barisan Nasional dulu tidak perlu dipersoalkan lagi kerana perbelanjaan itulah yang kita belanja dan kita bangunkan negeri ini.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dok sama, hak dulu belanja lagu mana, kita belanja lagu mana tanpa menafikan yang dulu belanja juga benda tu tapi ada duit banyak lagi dibelanjakan untuk benda-benda yang lain. Hak sama tu sama, hak tak sama adalah tak sama. Jadi sebab itu tak bolehlah nak kita kata, nak menjustifikasikan bahawa yang dulu membelanjakan dengan secara yang baik. Sebab kita mempunyai barangkali kenyataan-kenyataan yang membuktikan sebaliknya. insya Allah.

Jadi apa ingin saya menjelaskan Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang kita hadapi ini adalah sebahagian daripada natijah yang telah saya sebutkan itu. Walaupun telah banyak daripada sahabat-sahabat saya daripada Yang Berhormat Exco telah menjelaskan bagaimana tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat, oleh pemimpin UMNO sendiri yang menjejaskan perjalanan pentadbiran Negeri Terengganu yang sepatutnya dilakukan sebaik-baiknya. Saya ingin menambah sedikit sebanyak lagi kerana soal ini kadang-kadang saya merasakan tidak adil juga segala beban kesalahan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang atas terpaksa ditanggung oleh empat orang wakil pembangkang yang ada dalam Dewan ini. Saya pun mempunyai simpati itu, tak sepatutnya saudara-saudara Yang Berhormat menerima beban yang tidak dilakukan oleh Yang Berhormat tetapi dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang besar. Jadi kadang-kadang simpati tu ada pada saya tetapi

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Berhormat Yang Dipertua, tak apa ... kami tidak menganggapkan beban selagi tanggungjawab yang bertul dan nampaknya kerajaan pun takut juga, wakil-wakil kerajaan bukan main kacau kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau saudara merasakan tak apalah tanggung beban, saya nak sebut ah antaranya satu dua barangkali yang menggambarkan perkara-perkara itu dan Yang Berhormat boleh bawa kepada pemimpin-pemimpin yang lebih atas walaupun sebahagian daripada perkaranya saya sebutpun di hadapan mereka dan mereka tidak menafikan perkara ini. Yang pertama sebagai tambahan kepada Yang Berhormat Exco Hisbah tentang KETENGAH tadi dalam surat yang dinyatakan macam mana kebenaran tak boleh diberi kepada ini. Saya telah membangkitkan perkara ini dalam Parlimen dan Menteri ... sebab dalam surat itu menyebut Jemaah Menteri tak benarkan satu taklimat dibuat oleh agensi

19 APRIL 2001

Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu, kerajaan yang bukan di bawah BN. Waktu surat itu saya melihat saya tak percaya bahawa Jemaah Menteri sampai serendah itu mempunyai suatu sikap. Sebab saya ingat Jemaah Menteri ini orang-orang yang mempunyai pemikiran yang terbuka yang tak sanggup, pegawai nak bagi taklimat pun kepada Pihak Berkuasa Negeri tak beri. Itu sikap yang sangat bercanggah dengan prinsip *federalisme* yang disebut oleh Yang Berhormat Tun tadi. Tetapi saya tanya dalam Parlimen, dia mengesahkan bahawa memang keputusan Jemaah Menteri dibuat pada 26 haribulan satu tahun 2000. Dan kita menyebut, saya kata ini suatu tindakan yang tidak baik. Waktu ada ... PM ada, Timbalan PM ada dan waktu saya berucap saya sebut ini suatu tindakan yang menggambarkan kerjasama di antara Pusat dengan negeri. Sedangkan Negeri Terengganu waktu pemimpin Pusat datang, baru lagi Dato' Seri Samy Vellu datang bulan dua kalau tidak silap saya, akhir bulan dua yang lalu, UPEN memberikan taklimat penuh kepada Menteri Pusat, tak ada apa yang kita nak sorot tentang pembangunan Negeri Terengganu. Tetapi Pusat, jangan bagi kepada Negeri Terengganu. Menteri Besar orang yang mentadbir, yang menguasai negeri ini dari sudut kuasa negerinya, buat melalui cara beradat, SUK nak pergi tak dibagi. Seorang Menteri Besar ada tempat yang dia tidak dibenarkan pergi dalam negeri dia sendiri perintah hasil daripada sikap yang dipunyai oleh pemimpin-pemimpin, bukan kecil ni, tertinggi dalam UMNO itu sendiri.

Sebab itulah saya buat analisa sebenarnya. Bila bercakap tentang perpecahan, perpaduan dan oleh kerana saya juga banyak bergaul dengan pemimpin-pemimpin UMNO daripada atas, tengah sampai bawah, satu kesimpulan yang saya ambil, yang saya buat mungkin tidak terlalu saintifik, saya mengkaji budaya yang berlaku dalam UMNO sebenarnya budaya politik UMNO ini satu budaya yang menggalakkan berlakunya perpecahan dan budaya inilah yang menular ke tempat-tempat lain. Tak ada PAS pun dia bergaduh sesama sendiri, sebab ini adalah budaya UMNO. Kerana kepentingan politik orang yang tak sebulu, tak sejalan dengan dia, mesti diketepikan. Berlaku bertumbuk dalam majlis UMNO, berlaku angkat kerusi dalam majlis UMNO, sesama UMNO. Ini suatu yang didedahkan dalam akhbar. Dan budaya ini terus berlaku sehingga UMNO sendiri terpaksa buat satu jawatankuasa untuk meneliti soal bergaduh ini tetapi ada hubungkaitnya dengan politik wang ... rasuahlah disebut politik wang kerana ini ada hubungkait dengan rasuah. Dalam UMNO sama UMNO sendiri tu rasuah sama sendiri kerana ada pemimpin nak naik ke atas, ada pemimpin yang perlu duduk di bawah. Walaupun diarahkan supaya berkompromilah, bincanglah supaya ini dapat diselesaikan tetapi budaya ini terus berlaku. Ada bahagian yang boleh berkompromi tapi banyak yang tidak. Dan dengan ini ungkapan yang dilakukan oleh pemimpin UMNO, dia kata sebenarnya saya tanya dia, macam mana bahagian *you* ni dah selesai dah kompromi, dia kata bukan kompromi dia kata *come to me*, tu dia sebut. *Come to me* maknanya mari ikut aku saja mu jangan lawan aku, mu kena ikut aku *come to me*, lawan aku boleh sakit jawab dia. Ini ungkapan yang digunakan oleh pemimpin UMNO, bukan kompromi dia kata, *come to me*. Ini ungkapan ... bukan saya reka ni yang diberitahu kepada saya oleh pemimpin UMNO kerana barangkali dia merasakan dah berjanji elok-elok tapi tak jadi juga sebagai janji. Sama sendiripun dia boleh caj keting sebenarnya UMNO ni, apa lagi dengan orang lain.

Jadi sebab itu ... misalnya katalah Yang Berhormat Kemasik sendiri, Yang Berhormat Kemasik sendiri sekarang ni sedang bertarung sebenarnya di Kemaman, sedang bertarung di Kemaman. Beliau sudah memangku jawatan Ketua Bahagian

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Saya tolong mengesahkan sebagai orang Kemaman.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Ya

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua penjelasan. Sebenarnya saya dapat tahu Wakil Pengkalan Berangan ni mengambil borang UMNO, tu dia berahi bercakap pasal UMNO tu. Barangkali ada makluman barangkali.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pakat nak lari belaka dah dari UMNO tu.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Apa benda ... saya dok dengar tadi, apa benda Yang Berhormat kata tadi?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia menyatakan mungkin Wakil Pengkalan Berangan dah ambil borang UMNO yang tahu segala rahsia dalaman.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, saya ambil borang UMNO macam Yang Berhormat Haji Wahid ambillah, borang UMNO yang bergambar tu, ada pada saya yang tu. Cuma saya sebut tadi Yang Berhormat Kemasik ni sedang bertarungnya begini, sepatutnya kalau kira-kira nak kompromilah beliau sudah memangku jawatan Ketua Bahagian yang ditinggalkan oleh Ketua lama yang merasakan tak selesa lagi nak tinggal dalam Negeri Terengganu ni; sepatutnya kalau kita kompromi tak dok orang lawan tapi lawan juga. Yang tu barangkali duduk pening sedikit sebanyak tu barangkali. Tapi terus terang Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak sebut walaupun saya tahu sebenarnya Wakil Kemasik dibandingkan wakil hak lawan dia tu saya rasa lebih berjurus daripada wakil nun, tapi belum tentu dia menang dalam Bahagian Kemaman ni. Sebab ada lagi faktor-faktor lain yang itu ... ni ramalan saya, mungkin saya tak tepat. Kita tengok Bahagian Kemaman mesyuarat besok, kekal atau tak kekal. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya menyebut ini dalam budaya UMNO yang menggalakkan perpecahan dan budaya inilah yang mesti dibetulkan. Dan selama mereka memcintah negeri ini dar negara ini budaya itu telah menyerap masuk ke tengah-tengah masyarakat, jangkit hampir setiap sektor masyarakat, setiap bahagian masyarakat. Sebahagian daripadanya telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Pengerusi Pendidikan tadi dalam kes masjid, dalam kes ini yang menggambarkan bagaimana tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO ni.

Yang Berhormat Yang Dipertua, pengalaman sebagai seorang Wakil Rakyat memang oleh kerana masjid-masjid di Negeri Terengganu ni masih ramai Imam-imam, Bilal-bilalnya terdiri daripada orang UMNO yang telah dijelas, kita tak pecat dia. Masjid dalam kawasan ada beberapa buah, saya pergi, hampir seluruhnya saya pergi walaupun ada satu dua barangkali tak sempat. Ada Imam UMNO juga. Bilal UMNO juga saya pergi, saya sebagai Wakil Rakyat ada yang menghormati saya; Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat nak bercakap ke, ada hak begitu. Saya akui tidak semua perangai UMNO macam tu sebab bila dia jadi orang dalam institusi agama ni dia mungkin jadi berjurus sedikit. Saya terima, saya bercakap kalau dia jemput. Tetapi ada masjid yang saya pergi, terus terang ... saya tidak minta bila saya pergi, saya mesti bercakap, saya mesti khutbah.

19 APRIL 2001

saya mesti ... saya tidak minta itu. Walaupun kalau perok ni, dogol-dogolpun bolehlah insya Allah, tapi saya tak minta. Ada satu masjid yang terlalu kuat UMNO saya pergi, daripada Tok Imam yang ada tiga orang, Tok Bilal yang ada tu, seorang Tok Bilal tegur saya. Sambut, Yang Berhormat mari, hak lain masuk tak bersalampun dengan saya. Salam tu adat je, kalau lepas sembahyang tu bersalam. Saya tak buat apa-apa ... kalaulah barangkali Wakil Rakyat UMNO kena macam ni oleh Tok Imam di bawah dia barangkali lama dah maknanya kena pecat barangkali tapi kita tak buat. Saya tak laporpun kepada Yang Berhormat Pengerusi Pendidikan

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kena ISA terus, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Berhormat, sayapun pernah jadi macam tu juga, tak pernah kita suruh pecat pun.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan Yang Berhormat, adakan Yang Berhormat bersetuju sekiranya Wakil Rakyat daripada Kemasik kita ni memerintah dia pecah?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya kata dah tadi Yang Berhormat Kemasik ni di antara orang UMNO yang baik sedikit pada yang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Menang Ketua Bahagian Kemaman, insya Allah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Berasa kurang berasa lapar nasi deh?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, izinkan saya meneruskan beberapa perkara. Saya menyebut ini sebagai lanjutan daripada gangguan UMNO dalam pentadbiran negeri dan negara. Saya tidak menafikan bahawa setiap rakyat mempunyai hak untuk bercakap, untuk mendedahkan apa saja penyelewengan yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan sama ada negeri ataupun negara. Tetapi apa yang saya nak sebut di sini bagaimana dalam wang ehsan yang mereka digunakan. Wang royalti yang dirompak itu dinamakan 'wang ehsan', tak apalah. Wang ehsan ni kalau pergi kepada Negeri Terengganu ada seorang Menteri di Pusat nun, kalau pakai boleh saman pula. Duit rompak pada kita, kalau kita pakai nak saman kita pula. Nun Menteri daripada Pusat, tapi saya tak berapa pakai sangatlah dia. Saya dah sebut dalam Parlimen dulu, kalau macam ni bukan *lawyer*lah saya kata ni, ini *liar* ni jenis macam ni yang bercakap ikut dan. Saya nak sebut begini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, contoh bagaimana satu surat bertarikh 15 haribulan November tahun 2000, nama tajuk tu Majlis Perjumpaan Khas Pembiayaan Wang Ehsan Negeri Terengganu yang menghantar surat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ataupun UMNO, Pejabat Penyelaras DUN Jertih panggil orang UMNO nak bincang wang ehsan. Dan wang ehsan ini, katakanlah yang disalur melalui JPP, Jawatankuasa Peringkat Pusat walaupun bagi kita itupun dok betul doh, ni UMNO pula nak bincang mesyuarat ni penting dan ini sebagai contoh gangguan-gangguan yang

dibuat bagaimana campur tangan politik yang terlalu besar dalam pentadbiran yang melibatkan kepentingan rakyat. Oleh kerana itulah Timbalan Ketua UMNO Perhubungan Negeri Terengganu ni berlagak macam dia ... entah wakil apapun tak tahu semua dia rangkum belaka, tak tahu ke apa benda sebenarnya. Sepatutnya sebagai seorang yang ada pengalaman

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Saya dengar daripada di dalam Dewan ini dan di luar Dewan sejak September 2000 lagi dah, duduk tuduh kita ni perompak, penyamun, penjahat dan apa jualah. Tapi kalau kita boleh istilahkan sebenarnya wang yang sama juga diberi kepada rakyat, kalau kita dengar cerita-cerita *Robin Hood* barangkali rompak daripada kita, rakyat izinkan rompak daripada kerajaan yang zalim beri kepada rakyat. Jadi itulah barangkali kita boleh istilahkan, kami menganggap kerja kita selama ni ialah memberitahu kepada rakyat bahawa insya Allah, kita akan pastikan sampai bila-bilapun kepentingan rakyat terbela.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi boleh saya menganggap Wakil Telemong ni menganggap macam ketua *Robin Hood*, boleh begitu?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, laluan. Tak apalah ... dah dok dianggappun, dianggap macam-macam doh, saya dah terima macam-macam sejak September ... lebih pada tu lagi doh, doh dituduh oleh pemimpin yang dikatakan Islam itu perjuangan dia di antara kita sama seraji.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Baik, ini bukan tuduhan, ini adalah satu fakta, satu hakikat, satu realiti bahawa perompakan ini berlaku dan saya sebut bukan di sini di Parlimen pun saya sebut, tak ada Menteri yang menafikan ini perompakan, cuma dia kata "pergi ke mahkamah kalau tak puas hati," kita dah pergi ke mahkamah dan kita telah ambil perjalanan itu. Jadi ini sebagai suatu gambaran bahawa campur tangan yang terlalu besar ke dalam pentadbiran yang bukan sebenarnya boleh dicampur-campur begitu. Menyedari bahawa orang UMNO ni sebagaimana

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, laluan. Tidak bolehkah UMNO berbincang berhubung dengan wang ehsan?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang sama tadi ditanya kepada Yang Berhormat daripada Wakaf Mempelam, tak bolehkah UMNO mencadangkan ini ke nun, tak boleh ke UMNO mencadangkan ini ... memang tak salah tetapi apa yang dibincangkan oleh UMNO itulah yang diputuskan oleh kerajaan. Tak betul, kerana ada lagi pandangan-pandangan yang berbeza yang lebih baik daripada pandangan yang diberikan oleh UMNO. Tetapi ini suatu campur tangan yang *direct*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau Yang Berhormat sedar ada pendapat-pendapat yang lebih baik, saya rasa apa salahnya Yang Berhormat bincang wang ehsan dan kemukakan bersama-sama dengan pandangan UMNO, bagus.

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Pendapat kita yang lebih baik ialah

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Macam P. Ramlee nak bagi duit rompak ni.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): royalti disalurkan kepada Negeri Terengganu, itu pendapat kita. Tapi apabila Pusat tak buah begitu, kita kata tak betul. Walaupun perkara ini akan difailkan di mahkamah, kita akan sama-sama lihat tetapi sekadar itu respon kepada itu, itulah pendirian kita yang kita kata apa yang dibuat oleh UMNO tak betul, yang dibuat oleh JPP pun dalam mengagihkan ini melalui UMNO, melalui JKKK tak betul. JPP mempunyai pegawai tak lebih daripada 10 orang macam mana dia mengendalikan duit ratus juta sedangkan Negeri Terengganu mempunyai pegawai dan kakitangan ada 8,000. Yang tidak sampai 10 orang pegawai dengan berapa orang kakitangan boleh selesai ini?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Laluan Yang Dipertua. Saya minta Exco kanan perelaskan apa yang dia sebut JPP dan 10 orang pegawai tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau hak dia sendiripun tak reti, payahlah saya nak

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya takut Wakil Rakyat Pengkalan Berangan dok reti, saya minta jelaskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kita kenal belaka, Telemong ni dengan Pengkalan Berangan dekat Pengkalan Berangan sedikit dengan Bandar Kuala Terengganu. JPP ni dah digunakan lebut dah, jadi tak usah tanyalah apa benda JPP ni semua orang tahu doh.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Tak apa Air Putih boleh jawab.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Boleh Air Putih jawab?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Giliran saya jawab.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Sila –

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Biar saya jawab. Kalau Air Putih nak penjelasan tak apa saya bagi. Saya rasa tak perlulah kok, jadi saya.....

19 APRIL 2001

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, kita cadang beri pelepas pisang keringlah, payah sangat.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ni saya nak sebut ni belum lagi saya bagi contoh yang

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua laluan. Saya minta Yang Berhormat Exco kanan kita perelaskan yang saya minta du'u, kalau tidak saya boleh jelaskan di sini kalau nak minta tolong jelaskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Apa benda, JPP? Apa benda hak nak tanya? Yang nak tanya tu apa benda?

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): JPP dan 10 ... yang dimaksudkan dengan 10 orang kakitangan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya menyebut bahawa JPP ada di Terengganu yang nak mengendalikan ni, dari segi pegawai yang mengendalikan waktu kita mengambil alih yang dinamakan Jawatankuasa Pembangunan, hak ni yang atas format yang sama digunakan masa tu tak sampai 10 orang pun pegawai.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua penjelasan. Jawatankuasa Pembangunan, baru dua JP, P lagi satu tu?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): P satu lagi tu hak UMNO tambahlah tu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, izinkan saya memberi penjelasan sebenarnya ini suatu fakta yang didedah ... kesempatan yang tidak betul. JPP tidak pernah wujud di Negeri Terengganu, yang wujud ialah Jabatan Persekutuan dipanggil SDO ataupun Jabatan Pembangunan Persekutuan, ataupun Pengarah Pembangunan Persekutuan ataupun SDO *State Development Officer* yang dimaksudkan. JPP yang dimaksudkan oleh kita inilah Jawatankuasa Pembiayaan

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau cikgu macam ni matilah murid.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Dok, tidak pernah ada jabatan JPP di Negeri Terengganu sebagaimana di Kelantan. Yang ada ialah SDO yang patut diberitahu yang sebenarnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Yang Dipertua, tidak sepatutnya dibeai keizinan untuk pembangkang memberi penjelasan.

19 APRIL 2001

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, Jabatan Pembangunan Persekutuan ni ada dalam setiap negeri. Cuma selepas royalti minyak ni JPP dinamakan Jawatankuasa Peringkat Pusat. Semua negeri ada Jabatan Pembangunan Persekutuan untuk memantau projek-projek yang dibiayai oleh Pusat dalam negeri ini. Jadi saya harap tak payah Wakil Telemong tu cuba nak jelaskan yang dia sendiri tak faham yang dia nak jelas. Yang BERTHORMAT Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, saya bukan nak jelas ... benda tu tak betul. Pengarah Pembangunan Negeri Terengganu PPNT bukan JPP.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Nama saja berbeza kerekah serupa tu le juga.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ni satu lagi yang tak reti kerekah ni.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Baiklah, Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, saya nak sebut ni. Satu contoh, yang disebut oleh Ketua Pembangkang depan Perdana Menteri, depan Timbalan Perdana Menteri, depan Menteri Kesihatan suatu arahan yang dibuat, satu pekeliling yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan, yang merupakan arahan juga daripada Jemaah Menteriilah, mengarahkan bahawa jangan ada bangunan-bangunan yang di bawah Kementerian Keshatan ini yang warnanya dicat dengan hijau. Surat pekeliling ... tunjuk, Menteri Kesihatan ada dalam tu merah muka tak berani nak bantah apa, memang itu pekeliling. Ini gambaran, gambaran fobia yang sekarang ni bersarang dalam kepala UMNO apa saja yang dia nampak ada hubungan dengan PAS ni tak boleh. Fobia sehingga warna cat pun tak boleh.

YANG BERTHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua minta penjelasan. Kerusi yang digunakan oleh wakil pembangkang warna hijau mungkin kita boleh tukarlah untuk warna lain.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, saya rasa biar dia faham sendirilah tu. Barangkali mungkin

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, sebenarnya kerusi ni dah ada semasa kerajaan Barisan Nasional lagi hijau juga. Bukan hijau tu hak PAS, dok usah duduk sohorlah.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Dok, saya tidak mendakwa bahawa apabila memerintah semua nak jadi hijau dok. Saya menyebutnya pekeliling Menteri Kesihatan tu arah jangan ada cat warna hijau, dia sendiri ada fobia, ada rasa takut. Kita tak takut kepada warna biru, tak takut tetapi ni takut kepada warna hijau. Cuma Alhamdulillah, Yang BERTHORMAT yang ada empat orang tak takut warna hijau kerana warna hijau Negeri Terengganu ni baik-baik jadi sebab tu tak perlu takutlah, insya Allah.

Jadi saya sebut mungkin yang terakhir Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua bahawa soal perpecahan dan perpaduan. Saya sebut bahawa perpecahan dan memangnya perpaduan, saya nak ulangi apa yang saya sebut dalam Parlimen untuk difahami oleh Yang Berhormat daripada pihak pembangkang mewakili ramai lagi rakan-rakan dia dalam negeri-negeri lain bahawa perpaduan tidak boleh ditegakkan dengan kebencian. Perpaduan mestilah ditegakkan atas kasih sayang, hormati menghormati, harga menghargai di antara satu sama lain. Tetapi gambaran yang dilakukan oleh UMNO Negeri Terengganu dan UMNO Pusat tidak menggambarkan ni berdasarkan hormat menghormati, harga menghargai, apa lagi rasa kasih sayang tak ada sama sekali. Dan inilah menyebabkan kita menghadapi satu kemelut masyarakat yang seperti ini

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua penjelasan. Pada Exco kanan, hormat menghormati ni tidak boleh sebelah pihak saja, dia kena dua-dua. Cuba dengar di Dewan yang mulia ni kalau dah anggap Perdana Menteri tu orang gila ataupun sebagainya, adakah ini dianggap hormat menghormati. Dan baru sebentar tadi kita baru mendengar ucapan daripada Wakil Manir, jauh daripada untuk menghormati kami empat orang di sini. Dan apa yang ditindak di Dewan ini pun tidak menghormati suara rakyat, yang sebenarnya diiktiraf oleh rakyat di Dewan yang mulia ini.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau nak diukur pagi tadilah memang dia berlawan tu sama-sama hulu sebenarnya. Dan saya sebut tadi dalam waktu minum tadi saya sebut, ini semuanya keturunan-keturunan hulubalang yang berperang bersama Haji Abdul Rahman Limbung dulu.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, ini satu lagi penghinaan kepada orang hulu. Apa maksud orang hulu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada semalam? Tapi kalaulah ini sikap Kerajaan Negeri PAS kepada penduduk Hulu Terengganu, tidak hormat orang Hulu Terengganu dan menuduh begitu rupa barangkali ini sikap yang patutnya ditukar hormat menghormati sebagaimana Yang Berhormat kata tadi.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Mari duduk bandarlah pula.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya sebut hulu ni Hulu Terengganu. Hulu Terengganu ni istilah yang dipakai secara rasmi, apa pula Telemong jadi susah hati nak guna perkataan Hulu Terengganu ni. Saya kata Hulu Terengganu, Manir pun dalam Hulu Terengganu, Telemong dalam Hulu Terengganu, saya memberi penghormatan kepada mereka ni sebenarnya mereka keturunan hulu:balang-hulubalang sebenarnya.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Keturunan hulu:balang dia tak berjumpa dia mudah nak menepuh memang begitulah. Sebab itulah saya bawa contoh tu, hulubalang Hari Abdul Rahman. Almarhum Haji Abdul Rahman Limbung dulu waktu

lawan, nilah. Ni keturunan-keturunan ni hak lawan ni, tidak niat sedikitpun ... nak memperbesarkan sebenarnya, menghargai apa benda tu. Jadi sebab itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menyebut soal perpaduan dan perpecahan ini, inilah suatu gambaran yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO selama ini, saya sebut UMNO tak ada nak selindung-selindung dah kerana ini suatu gambaran yang digambarkan oleh ucapan dan perbuatan pemimpin-pemimpin. Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, kalau tak silap saya 18 haribulan dalam Berita Harian, sebut bahawa mungkin wang yang disalurkan kepada institusi pendidikan Negeri Terengganu digunakan untuk tujuan parti. Ini satu kenyataan yang sangat tidak bertanggungjawab. Parti ni politik, mana boleh duit kerajaan nak digunakan untuk parti, *check* kelmarihan baru surat akhbar Berita Harian kelmarin. Apakah Timbalan Perhubungan UMNO buat macam tu tetapi surat khabar yang menyiarkan tak betul, tanya Berita Harianlah. Kalau dia berucap lain, Berita Harian buat macam tu, Berita Harian yang tak betul.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat laluan, mungkin amalan ini pernah diamal dulu agaknya? Amalan gunakan duit kerajaan untuk kepentingan parti mungkin diamal dulu, itu takut semula orang lain buat tu.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Beginilah, saya nak mengesahkan tu saya tak beranilah, jadi nak menolak kemungkinan itu pun tak berani juga. Jadi sebab itu kita terbukalah sehingga ada satu pengesahan yang Hisbah duduk tengah buat sekarang ni. Tapi saya nak sebut, itu satu ucapan yang tidak bertanggungjawab dan kalau dia tak berucap begitu, Berita Harian yang bertanggungjawab. Insya Allah, kita sedang berkira-kira untuk mengambil suatu tindakan yang munasabah terhadap suatu fitnah, suatu pembohongan ... ni baru boleh guna 'pembohongan' sebab benda tu tak betul. Sebab itu kita akan meneliti apakah tindakan yang sewajarnya kita buat.

Salah seorang daripada Naib Presiden UMNO dalam mengulas banyak benda-benda hak sekarang ni perpecahan, berhubung dengan Amanat Haji Hadi, saya bukan nak jelas hak tu, saya barangkali tidak ada keupayaan nak jelas hak tu kena tuan dia sendirilah. Tetapi dia sebut, dia kata biarlah orang PAS ni mengakui bahawa kita orang PAS, orang UMNO ni barangkali sama Islam yang berbezanya dari sudut politik. Itu dia sendiri menganjurkan begitu. Yang pertama, nak mengiktiraf seluruh ahli UMNO sebagai Islam, saya tak boleh nak iktiraf sebab ada ahli UMNO yang tidak Islam, di Sabah banyak dan di Kedahpun ada, di Kelantanpun ada. Ada yang beragama Kristian jadi ahli UMNO. Tapi kalau dia mengatakan kita ni orang Melayu yang beragama Islam dalam UMNO, dalam PAS orang Islam itu boleh saya kata, saya boleh. Dan saya tidak pernah, pemimpin PAS pun tak pernah kata orang ni bukan orang Islam, tak pernah pemimpin PAS kata. Ini gambar-gembur propaganda yang dibuat oleh UMNO sendiri nak suruh orang ni termasuk dalam kepala dia bahawa kita telah mengkafirkan orang ni, mengkafir orang ni ... kita tak pernah menggunakan istilah yang seperti itu. Cuma dia kata biarlah berbeza dari sudut dasar politik dan dasar politik dia pun kata beza, sayapun kata beza. Sebab kita ahli pun Islam dasar pun Islam, UMNO ahlinya ada yang Islam, ada tak Islam dasarnya *praktisme*. Ini dasar yang dipegang oleh UMNO. Jadi memang berbeza. Dan kalau kita katakan ini sebagai suatu perbezaan maka dia kena iktiraf bahawa perjuangan Naib Presiden dia sendiri terima bahawa perbezaan perjuangan berlaku antara PAS dnegan dengan UMN ni berbeza. Banyak contoh-contoh, saya nak bawa begitu saja; bila kita menjadikan Islam sebagai dasar kita, kita ada kena kaedah-kaedahnya, sahsiahnya mesti menggambarkan sekian-sekian dan sebagainya. Bukan kita mengatakan bahawa dalam PAS ni

semua orang dah sempurna dok sebagai manusia kita tidak sempurna. Tetapi ada peraturan-peraturan yang kita buat, yang kita anjurkan kepada pemimpin-pemimpin PAS terutamanya sampai ke bawah jangan meneruskan, tinggalkan maknanya kalau didapati seorang pemimpin melakukan dosa besar secara yang diketahui, nak jadi calonpun tak boleh. Syarat ni tak dok dalam UMNO, dan tidak mengekali dosa-dosa kecil. Ini sebagai suatu contoh. Tetapi UMNO dia boleh tanggung tak dok kira orang ni buar perangai huduh lagu manapun dia boleh terima. Hak kita pecat doh kerana perangai huduhpun UMNO sanggup terima, letak pula di tempat yang barangkali agak istimewa. Ada seorang yang kita pecat dalam PAS Negeri Terengganu, kita tak kira pemimpin sebab kita dasar, pemimpin tidak menjadi ukuran kalau dia perangai huduh pecat, dalam Negeri Terengganupun ada pecat. Kes pecatnya, walaupun dia seorang pemimpin yang agak tinggi tapi kita pecat dia kerana ada

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Pernah orang PAS di Kelantan mempertahankan pemimpin perangai huduh dia, untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Itu saya dok tahulah tu, barangkali Yang Berhormat Seberang Takirpun barangkali tak dok bukti cuma sebut rambang begitu ialah. Jadi saya boleh nak *verify* hak benda dia sebut tapi hak saya sebut ni contoh. Contoh bagaimana seorang pemimpin PAS perangai huduh, kita pecat UMNO kutip, jadi penasihat dia. Itulah, tak kira perangai huduh, tak perangai huduh pun ambil. Saya tak nak sebutlah, saya barangkali ... maknanya hak habis huduh bagi PAS tu molek sekali bagi UMNO.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, yang habis huduh kepada UMNO masih dijulang tinggi oleh orang PAS, sebagai contoh juga. Dalam hal ni kita boleh balah yang sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apalah, tapi contoh saya bagi dia tak bagi contoh. Dan kita boleh melihat banyak macam mana lagi pemimpin-pemimpin UMNO. Saya kenal sebenarnya pemimpin-pemimpin UMNO ataspun, saya tahu perangai-perangai dia tetapi tak payahlah banyak sangat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, laluan. Saya pun sebagai orang tua, ramai juga saya kenal pemimpin-pemimpin PAS ni, hak huduhpun ramai juga saya kenal Yang Berhormat. Bolehlah, misalnya nak jual beli, insya Allah boleh benda begini.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apalah kita sama-sama kenalah, insya Allah. Terima kasih Yang Dipertua.

Kemudian Tuan Yang Dipertua, apa yang ingin saya sampaikan sebagai yang akhir, saya dah sebut yang akhir tadi cuma gangguan sedikit; yang saya nak sebutnya bahawa kerana dasar yang berbeza inilah yang menimbulkan suatu sikap yang berbeza. Dasar *praktisme* tak kira apa yang sesuai bagi dia, untuk kepentingan politik dia, dia akan buat walaupun benda ini bercanggah dengan kaedah-kaedah yang dipakai dalam Islam itu sendiri. Dan inilah yang menimbulkan politik wang berlaku dalam UMNO menyerap ke dalam masyarakat sebagaimana yang saya sebutkan tadi, sukar untuk

19 APRIL 2001

kita ubati dan macam-macam lagi tindakan-tindakan lain yang boleh merenggangkan hubungan bukan saja antara individu dengan individu, keluarga dengan keluarga tetapi juga antara kerajaan dengan sebuah kerajaan yang lain. Contoh yang terakhir saya nak bawa, kita sebut lama dah bagaimana diskriminasi tindakan Pusat terhadap Negeri. NST 17 haribulan empat, saya nak sebut ni oleh kerana NST dia punya tajuk besarnya kita tengok ni *consent of a Thai pipe line* maknanya *Petronas considering alternative way to deliver gas on schedule*. Pasal dia ada satu yang dipanggil JDA (*Joint Development Area*) antara Kelantan dengan Thailand nak eksploitasi gas. Gas tu nak bawa ke Malaysia, Kelantan ni dalam Malaysia tetapi Kerajaan Pusat yang pemikirannya yang terlalu tinggi, *pipe line* ni yang paling dekatnya Kelantan tapi dia nak lalu ikut Siam sampai Kedah. Ini yang jadi ni. Orang Thailand protes dan macam-macam protes sekarang ni tak boleh nak pergi akhirnya Petronas kata jalan yang terdekat, jalan yang terbaiknya barangkali kena lalu dok Terengganu, Kelantan barangkali. Nak balik semula, ni contoh yang kita sebut. Maknya, tangan kita ni nak buat pergi ke muka tapi pergi masuk ikut celah kangkang. Tak kena, pemikiran-pemikiran seperti ini ialah akibat daripada tadilah, pemikiran yang melihat orang lain perlu diketepikan, *dimarginalizekan* tetapi kepentingan politik kita ambil tindakan-tindakan seperti ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menyedari bahawa waktu tidak terlalu panjang bagi saya dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menggulung seterusnya. Jadi saya rasa saya nak lanjutpun saya rasa macam saya kata tadilah, saya rasa tidak adil nak dihubungkan terlalu banyak kepada yang empat tinggal tiga dah sekarang ni. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerana keizinan untuk saya menyampaikan sedikit sebanyak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Amat Berhormat –

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Assalamualikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, yang dihormati pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati, hadirin dan hadirat sekalian. Insya Allah, saya akan mengambil masa yang pendek mungkin untuk menambah dan menyebut beberapa perkara yang telah digulungkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya perlu ditambah dan perlu hujah yang lebih menguatkannya.

Pertama-tama saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan sebanyak-banyak penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melibatkan diri dalam perbincangan sama ada daripada pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang. Begitu juga ucapan yang sama kepada pegawai-pegawai kerajaan yang tidak boleh menjawab secara lisan tetapi mereka telah menjawab melalui pelaksanaan-pelaksanaan yang dilakukan dengan penuh gigih dan pengorbanan. Walaupun dalam suasana yang gentir, suasana Kerajaan Negeri menghadapi keputusasaan politik, ekonomi dan pentadbiran yang tidak mempunyai peruntukan yang semewah-mewahnya. Saya rasa tiga isu penting yang ditimbulkan dalam perbincangan yang berlangsung selama tiga hari. Yang pertama isu perpaduan dan perpecahan, yang kedua isu pelaksanaan syariat dan yang ketiga isu pembangunan. Sebenarnya isu perpaduan dan perpecahan ini merupakan perkara yang berpanjangan dan terlalu lama, lamanya sehingga bermula daripada manusia yang pertama Nabi Adam a.s. sehinggalah hari ini tidak habis-habis berbincang tentang perpaduan dan perpecahan.

19 APRIL 2001

Manusia yang pertama menjadi masyarakat telahpun melakukan perpecahan apabila Allah s.w.t. mengingatkan kita dengan satu kisah:

واتل عليهم نبأ ابني آدم بالحق إذ قربا قربانا فتقبل من أحدهما ولم يتقبل من الآخر، قال لأقتلنك، قال إنما يتقبل الله من المتقين.

Surah Al-Maidah: *Bacalah kepada mereka yakni kepada golongan ahli kitab yang tidak mahu mengikut Nabi Muhammad s.a.w. Cerita dua orang anak Adam, cerita yang benar-benar berlaku apabila kedua-dua mereka telah melakukan upacara korban lalu diterima salah seorang daripadanya lalu seorang lagi yang tidak diterima korbannya dengan marah menyatakan "aku akan membunuh kamu." Lalu yang seorang lagi menjawab, "sesungguhnya Allah menerima daripada orang-orang yang bertakwa."*

Menunjukkan bahawa adalah tidak mungkin bagi kita untuk menyatukan seluruh manusia. Kita hanya mungkin menyatukan manusia yang boleh menerima kebenaran, kebenaran dan kebatilan tidak boleh dikumpul sepanjang masa. Inilah peraturan alam. Golongan yang menegakkan kebenaran Nabi-Nabi dan Rasul-rasul a.s. *tuwamussalam* sering kali dituduh sebagai pemecahbelah masyarakat. Orang yang setara Nabi, dipilih oleh Tuhan dituduh di zaman masing-masing sebagai pemecahbelah masyarakat termasuk Nabi Muhammad s.a.w. pernah dilemparkan dengan tuduhan:

إنك قد اتيت بأمر عظيم، فرقت به جما عنهم، وسئيت به أحلامهم، وكفرت به آباؤهم.

Sesungguhnya kamu wahai Muhammad telah membawa satu perkara yang besar, yang merosakkan masyarakat. Kamu telah memecahbelahkan perpaduan mereka, kamu telah memperbodohkan pandangan mereka dan kamu telah mengkafirkan nenek moyang mereka. Termasuklah Nabi Muhammad s.a.w. dituduh membawa isu kafir mengkafir. Perkara ini sudah lama, yang penting kepada kita ialah kembali kepada perpaduan yang ditunjukkan oleh Tuhan. Perpaduan menyatukan umat Islam sendiri dan perpaduan dengan semua manusia termasuk orang-orang yang bukan Islam. Inilah perpaduan yang berjaya yang pernah dianjurkan dalam sejarah umat Islam yang boleh diterima dalam masa beberapa abad.

Patutnya kita sedar dan insaf peristiwa yang berlaku di Kampung Medan dan kampung di sekitarnya, sebuah kawasan setinggan. Walaupun telah 50 tahun kita mencapai kemerdekaan masih ada lagi kawasan setinggan yang mempunyai masalah pada hal peruntukan untuk memberi

kemudahan kepada kawasan setinggian terlalu kecil kalau dibandingkan dengan Projek Bakun, dengan projek Putrajaya. Mengapa kita boleh mengatasi sehingga masih ada seperti Kampung Medan. Timbulnya pergaduhan kaum yang hanya berpunca daripada sebiji batu yang dilontarkan, berpunca daripada nak meleraikan pergaduhan India sama India, tiba-tiba bergaduh India dengan Melayu dan sebagainya. Ini menunjukkan kegagalan acuan perpaduan yang telah kita amalkan selama ini. Maka kita mahu menunjukkan suatu acuan perpaduan yang pernah berjaya, perpaduan sesama umat Islam dengan Islam yang lain dan perpaduan dengan manusia yang lain dengan keadilan, dengan memberi hak kepada mereka. Inilah yang kita mahu laksanakan. Berilah peluang kepada kita untuk melaksanakan perkara ini. Tidak sampai setahun kita mencuba untuk melaksanakan perkara ini tiba-tiba kita dihalang. Lihat dulu bagaimana kesannya, kita telah dihalang.

Kita mahu melaksanakan perpaduan melalui pelaksanaan syariat, bila timbul isu Kharaj heboh seluruh negara dimainkan oleh akhbar sebagai isu untuk menakut-nakutkan orang yang bukan Islam. Mereka hanyalah menonjolkan hukum Hudud, seolah-olah itu saja hukum Islam, yang ditonjolkan ialah kerasnya hukuman Hudud dengan mereka tidak menonjolkan bagaimana payah untuk melaksanakan hukum Hudud. Sehingga di zaman Rasulullah s.a.w. tak sampai lima kali barangkali hukuman rejam dilakukan. Dalam pemerintahan King Abdul Aziz, dalam masa 20 tahun tak sampai 10 tangan yang dipotong. Terlalu kecil untuk melaksanakan terlalu payah. Begitu juga dengan hal-hal yang lain, kita baru mencuba untuk melaksanakan syariat, mendahulukan perkara-perkara yang tidak ada halangan dari segi perlembagaan, perkara yang berkait dengan tanah dimulakan dengan hukum *ihyaumawad* memberi milik kepada mereka yang telah meneroka tanah, yang benar-benar berhak. Dengan berpandukan kepada mazhad Hanafi dengan kita tidak fanatik kepada mazhad Shafie, di mana pembahagian melalui keizinan kerajaan. Kerana inilah pandangan mazhad yang difikir munasabah, Islam adalah mempunyai *flexibility* yang boleh menghadapi setiap perkembangan dan kita boleh mengkaji semua mazhad.

Kita mengharamkan minuman keras kepada orang Islam dengan membenarkan hak orang bukan Islam, heboh di dalam akhbar dengan tujuan untuk menakut-nakut orang yang bukan Islam. Kita berusaha mengIslamkan pajak gadai tidak dengan mengejutkan, yang pertamanya mengekalkan pajak gadai yang telah dibuka oleh kerajaan yang lalu. Kita kekalkan, kita hidupkan, kita majukan dengan kita nak kembangkan. Yang kedua, kita tidak menutup pajak gadai konvensional yang dikendalikan oleh yang bukan Islam dengan kita mahu memberi peluang kepada mereka supaya melaksanakan sistem Islam, buat perubahan kita nak beri peluang kepada mereka lebih dahulu. Dan selepas tempoh ini ada pula tindakan yang lain. Dan beberapa perkara lagi, program untuk pembangunan manusia melalui biasiswa yang ditambah, melalui Yayasan Terengganu dan seumpamanya. Bantuan kemiskinan yang benar-benar untuk mengatasi masalah kemiskinan bukan sekadar *untuk melepas batuk di tangga*, benar-benar untuk mengatasi masalah kemiskinan dan berbagai-bagai program yang dirancang. Tiba-tiba kita telah dihalang, telah disekat melalui berbagai-bagai cara. Melalui pentadbiran sanggup melanggar perjanjian membatalkan royalti petroleum. Melambat-lambatkan bayaran *capitation grant*, *road grant* dan seumpamanya kepada Kerajaan Negeri dengan tujuan supaya tidak mempunyai kemampuan kewangan. Pada hal ini adalah hak negeri patut diberi peluang kepada kita, bagaimana kita mengendalikan. Belum lagi kita melangkah dua tahun mereka telah memerintah 40 tahun, 40 tahun lebih mereka telah memerintah, royalti petroleum 20 tahun lebih yang dianggarkan RM2 bilion. Mereka telah diberi

peluang 20 tahun, beri peluang kepada kita bagaimana mengendalikan. Tapi dilakukan dengan tindakan-tindakan tersebut.

Pelaksanaan syariat, kelmarin kita telah mendengar Wakil Paka telah membaca kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa pemimpin Pusat tidak mahu melaksanakan syariat sebenarnya. Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tak cukup masa saya nak baca semua, salah satu daripadanya Hudud tidak boleh dilaksanakan kerana sukar mendapat saksi yang tidak fasik. Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, Kelantan pada 3 Mac 1994. Kerana sukar nak mencari saksi yang tidak fasik tetapi nak tuduh bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dia boleh kumpul saksi apa saja. Nak tuduh orang dia boleh ambil saksi yang ditangkap khalwat, tilampun dipanggil menjadi saksi tetapi nak melaksanakan syariat tak ada saksi. Ini sebagai contoh di antara kenyataannya, kenyataan Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad kepada wartawan selepas satu mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1994, *saya ingin mempastikan bahawa negeri-negeri yang diperintah Barisan Nasional tidak akan melaksanakan hukum Hudud*. Terlalu banyak hukum mencemuhkan hukum Islam, *bukan mesti orang yang sembahyang baik orang tak sembahyang pun ada yang baik*. Ini kenyataan yang dibuat pada 19 November 1989. Dan di sana juga ada undang-undang iaitulah Akta Mahkamah Syariah, Bidang Kuasa Jenayah 1965 yang menyatakan bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah tidak melebihi 3 tahun penjara, tidak melebihi RM5.000 dan tidak melebihi 6 kali rotan. Inilah bidang kuasa yang diberi kepada Mahkamah Syariah, insya Allah kita berjuang dan kita bercita-cita untuk melaksanakan syariat. Kita laksanakan apa yang boleh buat, yang tak boleh buat kita akan usahakan lagi, insya Allah.

Dari segi pembangunan kita tidak merobohkan bangunan-bangunan yang baik, kita menghargai bangunan yang didirikan begini megah dalam masa yang sama kita sedar bahawa bangunan ini bukan duit poket pemimpin-pemimpin yang lalu. Ini adalah duit rakyat, duit hasil negeri yang kebetulan mereka memerintah mereka yang buat kalau kita memerintah kita juga kena buat. Bila mereka sudah buat maka teruskan yang penting ialah kita mengisi manusia yang dibangunkan manusianya, ini yang penting dilakukan oleh kita. Apa yang perlu kita sudahkan, kita sudahkan. Lebuh raya sudah dua kali perbincangan dengan Menteri Kerja Raya, tahun lepas kita telah berincang dengan Menteri Kerja Raya berkenaan dengan Lebuh Raya Pantai Timur, beliau menyatakan persetujuan, kita memberi persetujuan. Lepas itu, Menteri Kerja Raya yang sama membuat kenyataan yang Terengganu akan kemudiannya. Kemudian bila kita sebut nak buat sendiri, dia pun kata nak buat balik. Kita tunggu dia punya jajaran dalam masa setahun dia datang, lepas setahun bulan Februari yang lalu baru dia mari, kemudian bila bincang masalah pengambilan tanah, kita tidak mahu bayaran pengambilan tanah saja mestilah bayaran tempat tinggal, bayaran kemudahan asas yang perlu menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dan oleh kerana Kerajaan Negeri menghadapi masalah kewangan maka menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Pusat untuk memberi hak negeri. Beliau balik kata nak berunding dulu dengan Menteri Kewangan. Balik senyap, tidak ada lagi kenyataan dan insya Allah, kita mempunyai pihak yang merancang dan menyatakan kesediaan untuk membina lebuh raya di Negeri Terengganu. Perbincangan sedang dilakukan oleh pihak UPEN.

Begitu juga dengan Lapangan Terbang Kuala Terengganu, kita telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pengangkutan tahun lalu dan kita membetulkan apa yang patut dilakukan iaitulah berhubung dengan pengambilan balik tanah, rumah kediaman menelan belanja hampir RM200 juta.

19 APRIL 2001

Sepatutnya perbelanjaan ini hendaklah ditanggung oleh Kerajaan Pusat kerana ini adalah projek Kerajaan Pusat bukannya Kerajaan Negeri, kita minta supaya dia fikir dulu perkara ini. Dia fikir supaya Kerajaan Pusat menanggung kos pengambilan balik tanah ini, kemudian sehingga hari ini tidak ada jawapan pada hal upacara pecah tanah telah dilakukan, tak silap saya sehari atau dua hari sebelum pilihan raya umum tahun 1999. Dan selepas itu kita menerima berbagai-bagai arahan yang sampai kepada kita yang sangat mendukacita, yang menunjukkan moral yang terlalu rendah. Ada di antaranya bukannya rendah, kebudak-budakkan. Saya pernah dijemput untuk menghadiri taklimat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, terima surat rasmi. Bila sampai hari nak pergi sampai surat pula tak boleh pergi, kecuali Terengganu dan Kelantan tak boleh pergi. Mula hantar surat boleh pergi, kemudian hantar surat tak boleh. Ini keputusan Kabinet. Yang tadi saudara dengar barangkali bagaimana arahan kepada Kementerian Kesihatan jangan menggunakan warna hijau, sampai begitu sekali. Saya cadang supaya MARDI membuat kajian mencari bahan kimia untuk mnegeuarkan daun-daun biru kepada pohon-pohon kayu dan sayur-sayur di Malaysia termasuk padang golf. Dan kita tidaklah berhasat nak menghijaukan laut yang biru, biar biru itu Tuhan bagi jadi begitu, masing-masing dengan warna, hijau, hijaualah apa peduli. Tetapi yang menjadi masalah masuk dalam fikiran hal-hal yang seperti ini.

Dan insya Allah, kita menghadapinya dengan sabar dan saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bertungkus lumus memerahkan fikiran dan tenaga yang lebih daripada yang dicurahkan kepada mereka dengan penuh pengorbanan untuk menjayakan program dan rancangan kerajaan bagi kebaikan negeri dan rakyat.

Sekadar itulah ucapan saya, wabillahi taufik wahidayah wassalamualiakum warahmatullahi wabarokatuh.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

19 APRIL 2001

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2001) (NO. 1) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2001 DAN MEMPERUNTUKKAN WANG ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2001 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (2001) 2000.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

19 APRIL 2001

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA 'KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2001 DAN MEMPERUNTUKKAN WANG ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2001 DAN MEMPERUNTUKKAN WANG ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANG DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2001 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN

19 APRIL 2001

WANG ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 1 Tahun 2001**.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Marilah kita tangguh dengan sama-sama membaca *tashih khifarah* dan suruhtul 'Ashr.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 2.35 PETANG.

LAMPIRAN A

[SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS]

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH
PENGAL YANG KETIGA
PERSIDANGAN YANG PERTAMA
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2001**

LAMPIRAN A

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (a)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK**

- SOALAN 1 : Berapakah jumlah penempatan haram atau penerokaan tanah kerajaan di seluruh Negeri Terengganu dan berapa ramaikah rakyat yang diberikan tanah mengikut daerah selepas kerajaan baru di Terengganu dibentuk.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Berapakah hasil Negeri Terengganu yang diperolehi sepanjang tahun 2000 melalui sumber-sumber berikut :-
- a. Wang Ehsan.
 - b. Lain-lain punca hasil.
- JAWAPAN : a. Tiada
b. RM577,239,446.16
- SOALAN 3 : Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menangani masalah gejala sosial seperti penagihan dadah, pelacuran dan jenayah di Terengganu dan bagaimanakah perkembangannya sehingga sekarang.
- JAWAPAN : Langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah gejala sosial adalah dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai **Jawatankuasa Peningkatan Kualiti Sosial** dengan di Pengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Sosial dan Kesihatan Terengganu di mana Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) menjadi urusetianya.
- Melalui jawatankuasa ini satu kertas Dasar Sosial Negeri Terengganu telah disediakan untuk memberi garis panduan sektor sosial kepada semua agensi dan jabatan Kerajaan untuk

dilaksanakan berteraskan Islam sesuai dengan Negeri Terengganu di bawah naungan pemerintahan ulamak yang mana visi sosial Negeri Terengganu ialah **“MEMBENTUK MASYARAKAT MADANI”**.

Program yang dilaksanakan meliputi pelbagai aspek adalah seperti berikut :-

- a.. Pendidikan.
- b. Pengurusan.
- c. Pencegahan.
- d. Pemulihan.

Semua program ini dikawal selia dan dipantau secara berterusan.

Perkembangan masalah sosial di atas berdasarkan kepada statistik tangkapan penagih dadah bagi negeri Terengganu Darul Iman adalah sentiasa berubah-ubah dimana 655 tangkapan sahaja dilakukan pada tahun 2000 berbanding 1921 tangkapan pada tahun 1999 dan 1364 pada tahun 1998. Bagi perangkaan kes-kes jenayah sebanyak 3902 kes pada tahun 1998, 3295 kes bagi tahun 1999 dan 3281 kes pada tahun 2000, manakaia bagi kes-kes pelacuran tiada maklumat yang terperinci.

Kerajaan negeri telah mengambil langkah awal bagi menubuhkan pusat latihan dan seliaan penagih dadah untuk mengatasi masalah sosial dengan kerjasama Agensi-agensi Kerajaan dan Pertubuhan Sukarela.

SOALAN 4 : Sejauh manakah Kerajaan Negeri mengambil tindakan di atas masalah muara sungai yang cetek di Kuala Terengganu dan daerah-daerah yang lain sehingga menjejaskan aktiviti nelayan.

JAWAPAN : Masalah muara sungai yang cetek telah diberi penekanan sejak sekian lama. Pada tahun 1994 Kerajaan telah melantik pihak JICA (Japanese International Corporation Agency) untuk menjalankan kajian ke atas muara-muara sungai di Malaysia yang bertajuk “The National River Mouths Study in Malaysia”. Ianya telah membabitkan muara Sungai Kemaman, Kemasik, Kerteh, Paka, Dungun, Merchang, Marang, Sungai Terengganu, Merang dan Keluang. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan muara di negeri Terengganu berada dalam kategori I.

Status setakat ini adalah :-

Muara Sungai Besut	:	Pembinaan siap pada tahun 1997.
Muara Sungai Marang	:	Dalam Pembinaan. Dijangka siap 2002.
Muara Sungai Terengganu	:	Kajian dan rekabentuk telah disediakan oleh NAHRIM pada Januari 2000. Pelaksanaan tertakluk kepada kelulusan.
Muara Sungai Setiu	:	Dalam Kajian Juruperunding.

SOALAN 5 : Berapa ramaikah jumlah Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) telah dilantik oleh Kerajaan Negeri dan apakah fungsi jawatankuasa berkenaan.

JAWAPAN : Keanggotaan JSR adalah tidak melebihi 16 orang ahli. 10 orang daripadanya adalah anggota yang dilantik manakala 6 orang lagi adalah anggota yang dipilih. Jumlah JSR yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sehingga ke hari ini adalah sebanyak 674 buah.

Antara Peranan Jawatankuasa Syura Rakyat ialah :-

1. Membantu merancang pembangunan masyarakat termasuklah dari segi rohani dan jasmani.
2. Membantu pelaksanaan projek mengikut keutamaan.
3. Memantau pelaksanaan projek-projek yang telah dipersetujui.
4. Mengambil inisiatif serta memimpin untuk menjayakan projek-projek yang telah dipersetujui terutamanya dari segi berikut :-
 - a. Menggalakkan semangat gotong royong atau penyertaan bersama oleh penduduk kampung.
 - b. Memastikan kelicinan projek yang dijalankan.
 - c. Membantu menyediakan tapak untuk pelaksanaan sesuatu projek.

5. Menjadi badan penghubung diantara penduduk kampung dengan kerajaan dan badan-badan luar.
6. Bersama-sama bertanggungjawab dengan badan-badan/jabatan-jabatan kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk menilai projek-projek pembangunan dan selanjutnya mengambil tindakan-tindakan yang perlu.
7. Menjaga keselamatan kampung dari sebarang anasir jahat yang hendak merosakkan masyarakat dan negara.
8. Melaporkan segala aktiviti kemungkaran yang berlaku di dalam kampung mereka kepada pihak yang berwajib.
9. Membuat kawalan dan juga menyusun rondaan serta membuat bancian penduduk kampung sekiranya perlu.
10. Menyimpan segala rekod-rekod rancangan pembangunan masyarakat kampung termasuklah minit-minit mesyuarat.
11. Memberikan peluang kepada rakyat untuk turut serta dalam pembangunan, perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat kampung.
12. Sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan.

Mana-mana Ketua Kampung, Pengerusi JSR dan juga Timbalan Pengerusi JSR tidak boleh memegang jawatan Imam dan juga Bilal dalam masa yang sama.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK ROSOL BIN WAHID
WAKIL AJIL

- SOALAN 1 : Nyatakan prestasi untung rugi dan kedudukan kewangan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu kerajaan negeri dan agensinya dalam tempoh tiga tahun hingga sekarang.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26 (2)(n) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Senaraikan statistik aset tetap dan aset semasa Tabung Amanah Warisan Terengganu bagi tempoh tiga tahun sehingga tahun 2000.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 3 : Senaraikan nama-nama anak syarikat kerajaan negeri dan agensinya yang telah dijual ?.
- JAWAPAN : Sehingga kini aktiviti di bawah Permodalan YPK Sdn. Bhd. (Anak Syarikat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu) yang telah selesai dijual, manakala dua syarikat lain masih lagi didalam proses pertimbangan.
- SOALAN 4 : Apakah langkah dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan taraf ekonomi petani dan nelayan ?.
- JAWAPAN : Kerajaan telah mengambil berbagai langkah dan tindakan untuk meningkatkan taraf ekonomi petani, penternak dan nelayan melalui pelbagai program :-
- a. Menubuhkan beberapa buah Jawatankuasa termasuklah dalam aspek pemasaran.
 - b. Mengadakan kemudahan infrastruktur ladang dan pertanian.

- c. Menyediakan bantuan input-input pertanian dan perikanan.
- d. Meningkatkan bilangan penternak dan industri ternakan dengan pembukaan kawasan-kawasan baru.
- e. Bekerjasama dengan Jabatan Perikanan dan LKIM dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk nelayan seperti Echo Sounder, unjam rekreasi dan tukun tiruan konkrit.
- f. Merancang penyusunan semula penempatan nelayan.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH
WAKIL SEBERANG TAKIR

- SOALAN 1 : Saya yakin peristiwa buruk yang berlaku di Masjid Kampong Gemuroh, Tepoh pada hari Jumaat 23 Mac 2001 yang lalu bukanlah suatu peristiwa pertama ertinya peristiwa itu telah didahului oleh beberapa peristiwa buruk yang lain. Dapatkah kerajaan menjelaskan peristiwa-peristiwa buruk yang telah berlaku terdahulu daripada itu ?
- JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2 : Apakah benar kejadian buruk yang berlaku di Masjid Kampong Gemuruh itu berpunca dari campurtangan ADUN Tepuh yang tidak dikehendaki oleh sebahagian besar daripada para jemaah di situ ?
- JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3 : Ramai yang berpendapat bahawa punca kejadian itu berasal dari tentangan segelintir para jemaah masjid ini yang tidak berpuashati dengan pemilihan Jawatan- kuasa Masjid itu yang dijalankan secara terbuka dan tertib oleh Wakil Dari Pejabat Agama dalam Bulan Ramadhan yang baru lalu. Di mana tidak kenanya pemilihan ini ? adakah kerajaan akan membatalkan pemilihan itu ?

- JAWAPAN** : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 4** : Mengikut kenyataan Ketua Polis Negeri Terengganu bahawa kejadian di masjid itu pada Hari Jumaat 23 Mac 2001 telah disiasat. Apakah hasil siasatan itu ?
- JAWAPAN** : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(d) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 5** : Bolehkah kerajaan memberi penjelasan yang lebih baik dan benar berkenaan kejadian di Masjid Kampong Gemuroh itu dan di beberapa buah masjid yang lain di negeri Terengganu adalah berpunca dari sikap dan tindakan kerajaan yang lebih mementingkan politik daripada agama ?
- JAWAPAN** : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B.M. TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG
WAKIL TELEMONG**

- SOALAN 1** : Prestasi Syarikat Anak PMINT.
- a. Hubungan Raya Terengganu Sdn. Bhd.
 - b. Babena Sdn. Bhd.
 - c. Gabungan Quarry Sdn. Bhd.
- Disegi perbandingan keuntungan pada tahun 1998, 1999, 2000 (Deraf)
- JAWAPAN** : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2** : Senaraikan kes-kes dan penilaian kadar jenayah mengikut daerah pada tahun 2000.

- JAWAPAN** : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3** : Difahamkan Kerajaan Negeri telah memilih dan menolak pegawai-pegawai tadbir Negeri Terengganu (PTN) yang baru. Mohon disenaraikan penama mereka yang dipilih tersebut.
- JAWAPAN** : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(k) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 4** : Setakat mana prestasi/kedudukan Lebuhraya Kuala Terengganu - Kuantan yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu (YAB Menteri Besar) pada tahun 2000.
- JAWAPAN** : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**